

**SEMANGAT PATRIOTISME DALAM KALANGAN ATLET
SEKOLAH SUKAN MALAYSIA**

FAUZIAH BINTI MAIL

**FAKULTI PENDIDIKAN
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2015

**SEMANGAT PATRIOTISME DALAM KALANGAN ATLET
SEKOLAH SUKAN MALAYSIA**

FAUZIAH BINTI MAIL

**TESIS INI DIKEMUKAKAN SEBAGAI MEMENUHI KEPERLUAN
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH**

**FAKULTI PENDIDIKAN
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2015

BAB 1

PENGENALAN

Pendahuluan

Perkataan patriotisme atau '*patriotes*' dari Bahasa Greek bermakna „*ellow countrymen*“ iaitu rakan senegara dan „*patrice*“ daripada perkataan „*pater*“ atau „*father*“ yang bermakna „*fatherland*“ atau „*country*“ iaitu tanah air atau negara (Saifuddin, 2005). Patriotisme merupakan semangat mencintai, mencurahkan bakti dan mentaati tanah air (Norzanah, 2007). Patriotisme adalah semangat kesetiaanegaraan, kepatriotikan dan cinta akan negara (Abdullah & Ainon, 1994). Berdasarkan petikan tafsiran semangat patriotisme di atas, semangat ini berkait rapat dengan perasaan dan tingkah laku seseorang individu seperti cinta, sayang, taat, setia dan bangga terhadap bangsa dan negara. Tafsiran mengenai semangat patriotisme masyarakat di Malaysia juga mempunyai persamaan dengan masyarakat lain di seluruh dunia.

Kefahaman mengenai patriotisme dan nasionalisme sebagai saling berkaitan di mana patriotisme merupakan perasaan sayang, bahkan amat sayangkan negara dan juga merupakan pengukur penting bagi nasionalisme. Patriotisme dirujuk sebagai perasaan sayangkan negara (Morgan, 2000). Semangat cintakan negara para individu ini sering difahami sebagai patriotisme dan ianya berbeza dari nasionalisme. Nasionalisme dipandang sebagai ideologi iaitu berkaitan dengan dasar dan politik kerajaan dan rejim, daripada perasaan kolektif para atlet atau orang ramai yang meminati sukan (Chandler, Crorin & Vamplew, 2007). Patriotisme merupakan slogan dan simbol yang mencetuskan pengaruh yang kuat terhadap tingkah laku manusia terutama dalam hal ehwal negara.

Patriotisme atau „*wataniyah*“ dalam bahasa Arab bermaksud cintakan negara secara ikhlas dan sanggup berkorban untuk negara (Abu Bakar, 2005). Patriotisme mencerminkan semangat dan keinginan untuk melakukan perubahan, membina maruah

dan harga diri, perjuangan yang menjiwai kepentingan bangsa dan negara, semangat juang yang tinggi terhadap kedaulatan, imej serta pengaruh bangsa dan negara tercinta (Abd. Rahim, 2004). Semangat ini boleh dizahirkan oleh individu melalui tingkah laku dan perbuatan yang patriotik seperti sanggup berkorban apa sahaja termasuk nyawa, mendahulukan kepentingan negara, menjaga kedaulatan dan menyumbang masa, tenaga serta keringat bagi mengharumkan nama ibu pertiwi dalam pelbagai bidang seperti pendidikan dan sukan.

Kerajaan Malaysia juga menyokong pembangunan sukan kerana percaya sukan mampu menyatu padukan rakyat berbilang kaum dan berupaya merealisasikan objektif negara untuk mencapai perpaduan, kesejahteraan, semangat cintakan negara, identiti nasional dan kestabilan politik (Mohd Salleh, 2004). Pembangunan semangat patriotisme ini perlu dilakukan melalui dasar pembangunan manusia, ekonomi, politik, sukan dan hubungan diplomatik dalam konteks globalisme (Abd. Rahim, 2004). Tuntasnya, pembangunan semangat patriotisme amat penting dalam usaha membentuk warganegara yang patriotik bagi sesebuah negara bangsa di dunia terutama di Malaysia. Pembangunan semangat ini boleh dilakukan melalui gabungan usaha daripada pelbagai pihak sama ada kerajaan atau swasta, institusi pendidikan atau sukan, media massa, masyarakat, keluarga mahu pun pihak persendirian.

Perkembangan Sukan di Malaysia

Sukan atau „*sport*“ dalam Bahasa Inggeris berasal dari perkataan latin iaitu „*desporto*“ yang bermaksud „*memikul sesuatu*“ atau „*melari-indahkan fikiran*“. Sukan merupakan aktiviti sosial dan rekreasi aktif yang sihat dan menyeronokkan. Menurut barat, sukan turut diaplikasikan dalam aktiviti agama dan karnival sukan biasanya dianjurkan oleh pihak gereja. Menurut catatan Islam pula, aktiviti sukan sudah pun dilakukan semasa Nabi Muhammad s.a.w menjadi Rasul seperti berlari, berlumba kuda

dan memanah. Manakala, sukan dalam masyarakat Malaysia pula dikaitkan dengan cara hidup masyarakat pesisir pantai yang pandai berenang dan belayar, kini bertukar menjadi sukan popular bertaraf Olimpik (Mohd Salleh, 2004).

Sebelum kedatangan penjajah barat, masyarakat Melayu sudah pun terkenal dengan pelbagai jenis sukan tradisional seperti bermain gasing, layang-layang, dam, silat dan sepak raga atau sepak takraw. Raga merujuk kepada bola yang digunakan dalam permainan ini dan kemudian Thailand memanggilnya „*takraw*“: Permainan ini telah pun wujud lebih 600 tahun dahulu. Menurut catatan buku *Sejarah Melayu*, pada abad ke-15 di negeri Melaka, anak Paduka Raja Tun Besar bermain sepak takraw dalam satu bulatan. Mereka menanduk bola dengan kepala dan menyepaknya dengan kaki serta mengelakkannya daripada jatuh ke tanah (Kementerian Belia dan Sukan, 2008). Pada sebelah petang pula, pemain wau bersiap sedia di padang bagi menerbangkan wau setinggi yang boleh dan selama mungkin bagi menjadi pemenang (Selina, 2005).

Sejarah penjajahan barat selama 446 tahun telah mempengaruhi struktur politik, ekonomi dan sosial masyarakat di alam melayu terutama di Malaysia (Mahathir, 2005). Selain mencorakkan pendidikan dan pembentukan masyarakat berbilang kaum atau majmuk, budaya sukan dan aktiviti fizikal di Malaysia juga turut dipengaruhi oleh penjajah British (Hamdan, 2004). Penjajah Portugis telah mencorakkan bahasa dan budaya tarian masyarakat di negeri bersejarah iaitu negeri Melaka. Manakala penjajah British pula telah memperkenalkan sukan moden yang terdapat pada hari ini seperti tenis, bola sepak, kriket dan ragbi (Mohd Salleh, 2004). Aktiviti sukan yang pada peringkat awal hanya melibatkan golongan bangsawan, namun ia semakin berkembang seiring dengan perubahan dasar penjajahan dan mula dimainkan oleh masyarakat umum.

Pada peringkat awal, British memperkenalkan sukan kepada golongan atasan dan kemudiannya, menggunakan sukan sebagai saluran untuk mendekati, mengawal masyarakat dan menerapkan nilai-nilai barat. Penjajah British telah menjadikan sukan sebagai alat bagi melaksanakan agenda penjajahan sehingga beratus tahun lamanya di Tanah Melayu. Pada abad ke-19, British turut menekankan sukan menerusi pendidikan di sekolah-sekolah Inggeris dan sukan menjadi saluran untuk menerapkan nilai dan budaya Inggeris seperti „*fairplay*“ atau permainan bersih, „*loyalty*“ atau kesetiaan, „*co-operation*“ atau kerjasama dan „*dass*“ atau status serta menggalakkan minat dan penglibatan masyarakat dalam aktiviti sukan (Selina, 2005). Aktiviti sukan ini mula mendapat perhatian masyarakat untuk mengisi masa terluang setelah penat bekerja dan semakin meluas dalam kehidupan seharian.

Pada tahun 1786 hingga 1957, penjajah British membawa masuk dan memperkenalkan sukan moden ke Tanah Melayu seperti golf, polo, ragbi, kriket, tenis, hoki dan bola sepak. Sukan moden ini hanya melibatkan golongan bangsawan iaitu kerabat Diraja Melayu, pembesar dan keluarga pedagang Cina (Selina, 2005). Sukan moden ini hanya mampu dimainkan oleh golongan kaya atau bangsawan kerana melibatkan peralatan yang mahal kecuali sukan bola sepak. Pada awal kemasukannya, bola sepak ini dimainkan oleh golongan askar British yang bertugas di Tanah Melayu. Hal ini digambarkan melalui petikan berikut:

“Malacca in 1825, some distance from the drawbridge, barges and sailing boats, a group of pale-skinned, bare-bodied British soldiers are playing football on a vacant, features ground.” (Percy, 2000: 8).

Bagi kaum Melayu yang majoritinya menetap di kampung, bekerja sebagai petani, nelayan dan pesawah terpinggir daripada perkembangan sukan moden (Hamdan, 2004). Kemiskinan hidup menyebabkan kaum Melayu tidak berpeluang memasuki sekolah British dan jauh sekali berpeluang menggunakan kemudahan sukan yang hanya disediakan oleh penjajah British di kawasan bandar sahaja. Walau bagaimana pun,

orang Melayu ini gemar bermain sukan bola sepak kerana ia tidak memerlukan perbelanjaan yang besar dan sesuai dimainkan secara beramai-ramai atau berkumpulan. Minat kaum Melayu terhadap sukan bola sepak dapat digambarkan melalui pertikan berikut:

“... saya peminat bola sepak, pernah menggatih basikal sejauh 24 batu dari Melaka ke Seremban semata-mata untuk menyaksikan perlawanan bola sepak piala „*Malaya Cup*“... dan saya seorang sahaja bermain kaki ayam kerana tidak mampu membeli kasut bola sepak.” (Abdul Ghafar, 2006: 8).

Keadaan ekonomi kaum Melayu pada zaman penjajahan menyebabkan sukan bola sepak menjadi tumpuan kerana untuk bermain bola sepak hanya memerlukan sebiji bola dan ruang atau padang. Sejarah bola sepak di Malaysia mula berkembang zaman penjajahan British sekitar tahun 1800 (Selina, 2005). Sehingga ke hari ini, rata-rata pemain bola sepak terdiri daripada kaum Melayu, hanya sebilangan kecil melibatkan kaum Cina dan India. Sukan juga sering dikaitkan dengan identiti dan maruah bangsa. Apatah lagi, sukan bola sepak yang dimainkan secara berkumpulan memerlukan kesefahaman dan perpaduan dalam kalangan ahli pasukan (MacClancy, 1996). Manakala, kaum Cina lebih gemar bermain sukan yang lain seperti badminton dan olahraga dan kaum India pula lebih gemar bermain hoki.

Selepas Perang Dunia Pertama, sukan badminton pula menjadi semakin popular dalam kalangan masyarakat Malaysia. Pada abad ke-19, sukan badminton atau „*poora*“ merupakan permainan tersohor di Mumbai, India. Permainan ini telah dibawa balik ke Britain oleh seorang pesara askar dan corak permainan pertamanya dirangka di sebuah tempat bernama Badminton, lalu permainan ini digelar badminton (Kementerian Belia dan Sukan, 2008). Sukan badminton ini amat popular dalam kalangan masyarakat Cina di Malaysia dan berjaya melahirkan juara dunia seperti Datuk Lee Chong Wei, Koo Kian Keat, Tan Boon Heong dan ramai lagi atlet pelapis yang lain.

Pada awal abad ke-20, sukan menjadi semakin popular serta mendapat tempat di hati masyarakat terutama kaum Cina yang mula menunjukkan minat yang ketara terhadap amalan bersukan berbanding kaum Melayu dan India. Ini kerana kaum Cina yang menetap di bandar-bandar berpeluang untuk belajar di sekolah Inggeris dan boleh menikmati kemudahan sukan yang terdapat di sekitar bandar. Sebelum Malaysia mencapai kemerdekaan, atlet kaum Cina paling menonjol mewakili Tanah Melayu dalam berbagai jenis sukan seperti gimnastik, angkat berat, bina badan, olahraga, badminton sehingga ke peringkat antarabangsa (Khoo Kay Kim, 1989). Selaras dengan dasar penempatan penduduk oleh British, kaum Melayu menetap di kampung-kampung, manakala kaum India di estet-estet getah yang jauh dari kemudahan sukan dan pembangunan infrastruktur.

Selain itu, masyarakat Malaysia gemar mencuba pelbagai jenis sukan yang lain seperti sukan air, darat dan terjun. Sukan utama kegemaran rakyat Malaysia ialah bola sepak, badminton, sepak takraw dan bola keranjang (Douglas, 1989). Minat yang ketara dalam sukan sepak takraw menyebabkan sukan ini dianggap sebagai hak orang Melayu, kaum Cina pula sangat aktif dalam sukan bola keranjang dan ping pong, manakala sukan hoki amat digemari oleh kaum India (Douglas, 1989; Khoo Kay Kim, 1989). Kegemaran bersukan bukan sahaja menyihatkan tubuh badan tetapi juga memupuk perpaduan, kesejahteraan dan semangat patriotisme terutama dalam kalangan generasi muda berbilang bangsa umumnya dan atlet sekolah sukan khususnya.

Bersukan bukan sahaja berupaya mengangkat martabat, maruah serta mengharumkan nama Malaysia di persada antarabangsa apabila berjaya meraih gelaran juara. Malah, sukan juga merupakan alat penting untuk memupuk perpaduan bangsa ke arah mewujudkan masyarakat yang cergas, sihat, produktif, berdisiplin dan patriotik. Masyarakat yang sihat dan patriotik akan mempengaruhi pembangunan negara bukan sahaja dalam bidang sukan, pendidikan tetapi juga dalam bidang politik, ekonomi dan

aspek sosial yang lain. Sukan merupakan alat perpaduan sosial kerana ia mampu diadakan tanpa mengira ideologi, menyemarakkan semangat patriotisme, terbuka kepada semua kaum dan sesiapa sahaja yang berminat boleh melibatkan diri dalam aktiviti sukan (Matsor, Zakaria, Mohd Fauzi & Syarifah, 2010).

Semangat Patriotisme, Perpaduan dan Sukan

Patriotisme adalah manifestasi pengorbanan yang lahir dari nilai cinta, kasih, sayang, kesetiaan terhadap nusa dan bangsa. Pada era penjajahan, semangat patriotisme ditonjolkan menerusi kesukarelaan dan keberanian masyarakat berperang menentang pihak penjajah demi membela ibu pertiwi dan memperjuangkan kemerdekaan negara. Pada era moden, semangat patriotisme ini pula ditonjolkan oleh bangsa Malaysia melalui penciptaan rekod dunia dalam pelbagai aktiviti sukan lasak seperti pelayaran mengelilingi dunia secara solo, berenang menyeberangi Selat Inggeris, mengibarkan Jalur Gemilang di puncak Gunung Everest dan menawan Kutub Utara (Ruhanie, 2005). Selain itu, semangat ini juga boleh ditonjolkan menerusi penglibatan diri dalam pembangunan dan berusaha mengekalkan keharmonian negara.

Dahulu, aktiviti bersukan hanya dianggap sebagai satu bentuk hiburan dan memenuhi masa lapang pada waktu petang. Masyarakat bermain layang-layang, gasing dan silat setelah seharian bekerja di sawah dan aktiviti bersukan juga dimainkan pada musim menuai padi. Kini, bersukan bukan lagi sekadar memenuhi masa lapang tetapi juga merupakan kunci gaya hidup sihat, alat perpaduan dan patriotisme serta memberikan nilai komersial yang tinggi kepada individu, masyarakat dan negara. Malah, murid-murid yang berjaya mencipta kecemerlangan dalam bidang sukan ini mampu menjana pendapatan dan disanjung tinggi oleh masyarakat. Golongan ini juga dijadikan contoh dan idola bagi golongan remaja di Malaysia agar sentiasa

mengamalkan gaya hidup sihat dan memenuhi masa lapang dengan berfaedah seperti beriadah dan bersukan.

Menjelang abad ke-19, semangat patriotisme dalam sukan semakin ketara. Aktiviti sukan dikaitkan dengan ekspresi cinta akan negara dan merupakan tanggungjawab terhadap negara. Ahli falsafah terkemuka iaitu Aristotle juga mengakui peranan patriotisme dalam sukan di Sparta. Pada tahun 1896, Sukan Olimpik di Athens telah diperkenalkan dan menjadi medan pertempuran sukan bagi kuasa-kuasa besar dunia menunjukkan semangat patriotisme terhadap negara melalui pasukan sukan masing-masing (Gomberg, 2000). Semangat patriotisme yang tertanam kukuh di dalam diri atlet sekolah sukan pasti menjadi pendorong untuk terus berjuang sehingga ketitisan peluh yang terakhir bagi menghadapi pasukan lawan di persada sukan antarabangsa.

Menjelang pertengahan abad ke-20, pertandingan sukan antarabangsa telah dibangkitkan oleh perasaan nasionalisme. Dari misi Adolph Hitler untuk mewujudkan satu bangsa agung di Jerman hingga semangat kebangsaan Sukan Olimpik 1936 di Berlin. Negara-negara di seluruh dunia menggunakan sukan sebagai satu slogan patriotisme. Kebangkitan Komunisme dan Perang Dingin antara Soviet Union dan sekutu-sekutunya di barat termasuk Eropah dan Amerika Syarikat, pertandingan olahraga telah menjadi lebih daripada siapa yang mempunyai atlet terbaik (Woods, 2007). Sukan pertandingan ini semakin penting sehingga ia menjadi suatu industri yang pastinya membawa keuntungan terhadap pembangunan ekonomi individu, masyarakat dan negara. Malah sukan juga mampu menonjolkan identiti kebangsaan dan imej sesebuah negara.

Bagi memastikan Malaysia mencapai kecemerlangan di peringkat antarabangsa dan menaikkan imej negara, penekanan semangat patriotisme melalui sukan amat dititikberatkan. Penekanan terhadap sukan dan semangat patriotisme ini dizahirkan menerusi penubuhan Kementerian Belia dan Sukan (KBS) pada 15 Mei 1964. Hal ini

jelas digambarkan menerusi penggubalan visi dan misi Kementerian Belia dan Sukan iaitu mewujudkan masyarakat belia yang memiliki keperibadian bersepadu dari segi rohaniah, akhliah dan jasmaniah, bertanggungjawab, bersemangat sukarela dan patriotik untuk menjadi penggerak kepada kemajuan dan kemakmuran negara, melahirkan masyarakat yang aktif, sihat dan cergas (Kementerian Belia dan Sukan, 2009).

Masyarakat dunia pula sering mengaitkan sukan dengan semangat kenegaraan dan satu perasaan identiti kebangsaan. Contohnya, selepas peristiwa serangan pengganas 11 September 2001, rakyat Amerika Syarikat bersepakat menggunakan sukan sebagai suatu cara bagi melahirkan rasa perpaduan dalam kalangan masyarakatnya. Banyak peristiwa yang melibatkan perpaduan, patriotisme dan pembinaan tugu peringatan untuk memperingati semua individu yang telah terkorban dalam serangan tersebut. Selain acara sukan utama, adalah sukar untuk menghimpun lebih kurang 40,000 hingga 100,000 orang di satu-satu tempat pada masa yang sama, dan ramai penonton di Amerika Syarikat mendapati perhimpunan seperti ini adalah menyenangkan (Coakley, 2004).

Apabila pasukan bola sepak negara bermain dalam Kejohanan Piala Dunia, rakyat di seluruh dunia bersatu tanpa mengira perbezaan bangsa, agama, bahasa, pendidikan, pekerjaan dan pendapatan. Perpaduan ini boleh dikaitkan dengan perasaan individu terhadap negara pada keseluruhannya dan keyakinan terhadap sejarah bangsa dan tradisi-tradisi, malah tentuan nasib dalam peraturan dunia. Sukan merupakan satu alat penting untuk menggambarkan sifat kenegaraan dan merupakan satu forum yang sempurna bagi membina identiti negara bangsa moden (Jutel, 2002). Selain alat perpaduan, sukan jua mencerminkan identiti sesebuah negara apabila setiap pasukan sukan dilengkapi dengan jersi sukan, bendera dan nyanyian lagu kebangsaan berkumandang apabila atlet menjuarai sesuatu acara sukan.

Sukan di seluruh dunia digunakan untuk mewujudkan perpaduan sosial seperti di Utara Ireland yang sanggup melaburkan jutaan ringgit bagi menyediakan kemudahan sukan untuk mempromosikan interaksi konstruktif antara pengikut Protestan dan Katholik. Di Perancis pula, sukan dilihat sebagai jalan untuk membangunkan semula golongan belia dan meningkatkan disiplin sosial. Manakala, di England dan Amerika Syarikat, sukan digunakan untuk mengurangkan kadar jenayah dan masalah juvenil (Coakley & Dunning, 2004). Seterusnya, pembentukan disiplin menerusi amalan bersukan adalah aspek penting dalam melahirkan rakyat yang patriotik dan menghargai kedaulatan sesebuah negara. Manakala, rakyat yang patriotik pula mampu dan sanggup menyumbang khidmat bakti demi mengharumkan nama negara dalam pelbagai bidang terutama bidang sukan.

Selain itu, kerajaan tempatan, negeri dan negara juga sudah lama menggunakan sukan untuk mempromosikan maruah, identiti dan perpaduan dalam kalangan rakyatnya. Masyarakat kota metropolitan besar seperti di New York, Chicago dan Los Angeles mengelilingi pasukan sukan masing-masing tanpa mengira bangsa dan etnik. Bandar-bandar kecil juga turut menggunakan sukan untuk membentuk perpaduan kaum dengan memfokuskan acara sukan tertentu seperti acara sukan kolej dan sekolah tinggi tempatan (Woods, 2007). Kebanyakan acara sukan ini mendapat sambutan yang baik dari masyarakat setempat. Masyarakat sanggup berkumpul secara beramai-ramai semata-mata untuk memberikan sokongan padu kepada pasukan sukan masing-masing.

Sukan juga dilihat sebagai alat mengintegrasikan pelbagai kaum yang terdapat di Malaysia, terutama selepas peristiwa 13 Mei 1969. Semasa membaca perutusan tahun baru, Musa (2002), menegaskan agenda utama kerajaan bagi memupuk perpaduan kaum melalui sistem pendidikan negara dengan terus mempergiatkan aktiviti sukan dalam pendidikan. Murid yang berbilang kaum ini digalakkan menyertai pelbagai program kokurikulum seperti aktiviti sukan, kelab dan persatuan di sekolah. Manakala, di

negara-negara membangun, menjadikan sukan sebagai alat untuk memupuk integrasi dan menjadi pemangkin kepada pembangunan negara. Aktiviti sukan secara semulajadi adalah bersifat konservatif dan membantu mengukuhkan nasionalisme, patriotisme dan semangat perkauman. Selain itu, sukan juga mempunyai sifat-sifat yang menjadikannya sebagai instrumen atau alat mengukuhkan perpaduan dan integrasi nasional dalam negara (Maguire, Jarvie, Mansfield & Bradley, 2002).

Selain alat memupuk dan menonjolkan semangat patriotisme, pihak kerajaan menjalankan pelbagai aktiviti perpaduan bagi mendekatkan kumpulan etnik dan wilayah dari segi fizikal dan kerohanian untuk mencapai matlamat integrasi nasional. Bagi mencapai matlamat ini, kerajaan Malaysia berusaha membina „*One Mega Stop Center*” dengan pelbagai kemudahan dan kelengkapan bagi melaksanakan aktiviti sukan secara besar-besaran, perhimpunan Rakan Muda Malaysia serta lain-lain aktiviti bagi mengukuhkan perpaduan nasional. Pembinaan berasaskan perpaduan ini bakal menjadi aset penting kepada negara seperti mana hebatnya „*Great Wall of China*”, „*Great Pyramid of Mesir*” dan „*The Colossus of Rhodes*” (Ismail, 2007).

Kelompok belia yang bergiat dalam sukan amatur merupakan golongan amat penting bagi negara Malaysia yang menginginkan perpaduan nasional, semangat patriotisme dan iltizam yang tinggi dalam kalangan rakyat. Golongan belia ini mempunyai potensi untuk diasuh dengan lebih mendalam supaya menjadi rakyat dan warganegara yang patriotik, berdedikasi dan berwawasan tinggi (Shamsul Amri, 2007). Sukan bukan sahaja sebagai alat pemupukan semangat patriotisme, perpaduan, malah memperkukuhkan keharmonian negara. Sukan juga berupaya membangunkan masyarakat yang berdisiplin, berdaya maju dan berdaya saing secara global. Masyarakat yang sihat dan berdisiplin merupakan ciri-ciri warganegara berkualiti yang diharapkan oleh kebanyakan negara bangsa di dunia.

Setiap warganegara Malaysia perlu mengamalkan budaya bersukan di samping berusaha gigih untuk mencapai kecemerlangan sukan di peringkat tempatan dan antarabangsa. Semua lapisan masyarakat terutama masyarakat majmuk perlu lebih aktif menyertai aktiviti bersukan dalam usaha memupuk dan mengeratkan hubungan antara kaum. Manakala, Ismail (2008), menegaskan sukan merupakan medium terbaik untuk merapatkan hubungan kemasyarakatan tanpa mengira kaum, agama, budaya dan adat resam. Oleh itu, penyertaan dalam aktiviti sukan perlu dimajmukkan oleh semua kaum yang terdapat di Malaysia. Dengan ini, aktiviti sukan akan menjadi lebih menarik dan meriah untuk ditonton serta boleh mengeratkan lagi hubungan silaturrahim antara masyarakat Malaysia khususnya atlet di sekolah sukan.

Konteks Kajian Sekolah Sukan Malaysia

Kerajaan Malaysia telah memperuntukkan jutaan ringgit bagi pembangunan sukan melalui modul perancangan lima tahun. Peruntukan Pembangunan Sukan melalui Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9), tahun 2006 hingga 2010 berjumlah RM620.8 juta, RM299.9 juta bagi membina kompleks sukan pelbagai guna, RM280.9 juta bagi menaik taraf, menambah dan menyelenggara kemudahan sukan dan RM40 juta bagi program pembangunan sukan (Jabatan Perdana Menteri, 2006). Peruntukan pembangunan sukan melalui Rancangan Malaysia Kelapan (RMKe-8), tahun 2001 hingga 2005 berjumlah RM223.4 juta (Jabatan Perdana Menteri, 2003). Peruntukan pembangunan sukan melalui Rancangan Malaysia Ketujuh (RMKe-7), tahun 1996 hingga 2000 berjumlah 997.6 juta (Jabatan Perdana Menteri, 1999). Peruntukan ini sesuai dengan matlamat kerajaan Malaysia iaitu:

“...mengambil kira kepentingan dan sumbangan sukan ke arah meningkatkan perpaduan negara dan menyemai semangat patriotik dan perpaduan serta membina masyarakat yang berdisiplin dan berdaya saing, usaha menggalakkan sukan massa dan sukan prestasi tinggi akan terus dijalankan dalam tempoh RMKe-9.” (Jabatan Perdana Menteri, 2006: 501).

Perancangan penubuhan Sekolah Sukan Malaysia telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia ke-5 (1991-1995). Idea penubuhan sekolah sukan hasil lawatan Bahagian Sukan ke Sekolah Sukan Ecole De Mortagne, Kanada dan Sekolah Sukan Ragunan, Indonesia. Lawatan ini bertujuan mengenal pasti konsep dan pelaksanaan sekolah sukan acuan Malaysia, seterusnya membangunkan potensi atlet negara. Projek pembinaan Sekolah Sukan Bukit Jalil (SSBJ) telah dimulakan pada tahun 1994 dengan menelan kos sebanyak RM23 juta. SSBJ telah beroperasi sepenuhnya pada 1 Januari 1995 dengan pengambilan atlet murid tingkatan 1 dan tingkatan 4 melibatkan 12 jenis permainan pada waktu itu. Semua atlet murid menjalani latihan sukan dengan menggunakan kemudahan sukan yang disediakan di sekolah, Kompleks Sukan Negara dan sekitarnya. Antara kemudahan yang terdapat di SSBJ ialah bangunan sekolah, asrama, gimnasium, dewan serbaguna, perpustakaan, makmal komputer, dewan makan, surau, cafe dan sebagainya (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012).

Kejayaaan Sekolah Sukan Bukit Jalil (SSBJ) menyediakan atlet-atlet untuk Sukan Komanwel telah membawa kepada pembinaan Sekolah Sukan Malaysia yang kedua iaitu Sekolah Sukan Bandar Penawar (SSBP) di Kota Tinggi Johor dan beroperasi sepenuhnya pada tahun 1998. Seramai 143 murid mendaftar dan semakin bertambah dari tahun ke tahun. Pada April 2011, Duli Yang Maha Mulia Tunku Mahkota Ismail Ibnu Sultan Ibrahim, Tunku Mahkota Johor telah berkenan merasmikan sekolah ini dan menjenamakan semula sekolah ini dengan nama Sekolah Sukan Tunku Mahkota Ismail (Sekolah Sukan Tunku Mahkota Ismail, 2015). Manakala, jenis-jenis sukan yang ditawarkan di SSBJ dan SSBP meliputi 27 jenis sukan seperti badminton, bola jarring, bola sepak, bola tampar, gimnastik, gimrama, golf, hoki, judo, karate, kriket, lawan pedang, lumba basikal, memanah, menembak, olahraga, ragbi, renang, renang berirama, sepak takraw, squasy, tenis, tenpin bowling, terjun dan wushu (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012).

Visi SSBJ ialah „Penjana Atlet Bertaraf Dunia“ dan misi sekolah ialah menyediakan pendidikan dan latihan sukan berkualiti untuk melahirkan atlet bertaraf dunia. Objektifnya ialah menjana atlet berpotensi dan bertaraf dunia, memberi peluang kepada murid di Malaysia cemerlang dalam bidang sukan dan akademik, memupuk minat dan penglibatan sepanjang hayat dalam bidang sukan, menyampaikan maklumat kerjaya dalam industri sukan dan mewujudkan satu asas untuk kajian saintifik dalam bidang sukan (Sekolah Sukan Bukit Jalil, 2013).

Manakala, visi SSBP atau SSTMI pula ialah „Sekolah Unggul Penjana Generasi Terbilang“ dan misi ialah membangun potensi individu melalui pendidikan berkualiti dalam bidang sukan dan akademik yang berkesan, melahirkan atlet bertaraf dunia melalui pemilihan yang berkualiti dan bersistematik, melahirkan atlet cemerlang akademik melalui pengajaran dan pembelajaran yang berkesan dan bersistematik, melahirkan atlet yang berdisiplin tinggi, berakhlak mulia, bersemangat jati diri dan patriotisme yang mantap dan jitu melalui pembangunan modal insan yang berkesan, membentuk atlet yang berketrampilan melalui program kokurikulum yang berkesan, menjadikan SSTMI sebagai pusat penyelidikan dan pembangunan sukan yang berdaya saing bertaraf dunia melalui perkongsian bersama Institut Sukan Negara dan Institusi Pengajian Tinggi dan memastikan pelanggan dan „*stakeholder*“ menerima layanan yang mesra dan saksama melalui pengurusan yang cekap (Sekolah Sukan Tunku Mahkota Ismail, 2015).

Objektif SSBP ialah menaik taraf kemudahan dan peralatan sukan di sekolah sukan juga menjadi salah satu objektif penting sekolah sukan. Hal ini untuk memastikan segala aktiviti berjalan dengan lancar, kemudahan yang lengkap dan canggih membolehkan atlet-atlet disekolah tersebut berlatih dengan sempurna tanpa sebarang kekurangan seterusnya mudah untuk berlatih dan mengasahbakat masing-masing dan meluaskan penyertaan atlet kearah kecemerlangan sukan di peringkat antarabangsa.

Sekolah sukan di wujudkan adalah untuk menarik lebih ramai penyertaan atlet yang berbakat dalam pelbagai bidang sukan (Sekolah Sukan Tunku Mahkota Ismail, 2015).

Sekolah Sukan Malaysia ialah tempat untuk mengumpul atlet murid yang berpotensi supaya bakat cemerlang sukan dan akademik dapat dipupuk serta dipertingkatkan di bawah bimbingan jurulatih yang berdedikasi serta guru-guru akademik yang terpilih. Melalui pengawasan yang lebih tersusun dan cekap, peningkatan prestasi akademik dan sukan dapat diseimbang dan disepadukan. Dari aspek pengurusan dan pentadbiran, sekolah ini keseluruhannya mengikut konsep Sekolah Berasrama Penuh yang dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan sukan dan akademik. Kemasukan atlet murid ke Sekolah Sukan Malaysia (SSM) adalah melalui proses Kenal Pasti Bakat (*Talent Identification, Talent Search, Talent Scouting*), dan pencalonan oleh persatuan sukan kebangsaan dan Majlis Sukan Negara. Tawaran kemasukan ke SSM dibuat sepanjang tahun berdasarkan kekosongan dan keperluan sukan semasa. Kelayakan minimum akademik atlet murid yang diterima masuk ke SSM adalah 3C di peringkat Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) dan 4D di peringkat Penilaian Menengah Rendah (PMR) (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012).

Pernyataan Masalah

Kementerian Pelajaran Malaysia telah menetapkan bahawa dasar dan syarat pemilihan murid ke tingkatan satu di Sekolah Berasrama Penuh (SBP) bermula kemasukan tahun 2000, memberi penekanan utama kepada penglibatan dan pencapaian murid dalam aspek kepimpinan, sukan dan kokurikulum di samping mengekalkan syarat kecemerlangan akademik (Abdul Shukor, 1999). Manakala, Yıldırım & Tay (2009) menegaskan bahawa patriotisme adalah nilai yang paling utama dan ditekankan dalam kalangan murid oleh guru dan ibu bapa. Seterusnya, mutu sukan di sekolah semakin merosot kerana sukan pertandingan dianggap tidak sesuai dan hanya melibatkan

beberapa murid sahaja. Pihak sekolah juga tidak menekankan Pendidikan Jasmani sedangkan sekolah merupakan tempat terbaik membimbing dan melahirkan atlet remaja yang berpotensi mewakili negara. Prestasi olahragawan dan olahragawati di peringkat sekolah amat mengecewakan dan pencapaian sukan jauh lebih rendah berbanding tahun 1960an (Khoo Kay Kim, 1996). Manakala, Tan Yee Shuang (2004), mendapati masalah pelaksanaan kokurikulum dan sukan di sekolah ialah guru-guru yang kurang mahir, tidak terlatih dan tiada kepakaran untuk mengajar permainan dan sukan.

Selain itu, sukan merupakan alat pemupukan semangat patriotisme membawa impak yang besar ke atas masyarakat sekeliling (Ginis et. al, 2007). Ia bukan sahaja medium patriotisme dan perpaduan malah menjadi simbol kejayaan negara di persada dunia. Namun, sehingga kini atlet sekolah sukan belum berjaya mengutip pingat di Sukan Olimpik. Malah, Malaysia hanya berada di tangga keempat berbanding Indonesia, Thailand dan Vietnam dalam Sukan Sea 2011 di Palembang. Walhal, Pihak Kementerian Belia dan Sukan (2008), telah menegaskan bahawa kerajaan Malaysia berusaha membangunkan bidang sukan dengan menyediakan peruntukan kewangan, prasarana serta menubuhkan sekolah sukan negeri dan Sekolah Sukan Malaysia untuk melahirkan lebih ramai atlet yang cemerlang, gemilang dan patriotik.

Peruntukan kewangan dan kemudahan sukan yang dikecapi oleh golongan atlet pada hari ini jauh berbeza berbanding dengan atlet pada masa lalu seiring dasar kerajaan Malaysia yang menekankan pembangunan sukan. Bahkan, semangat patriotisme dan prestasi atau kualiti sukan di Malaysia perlu ditingkatkan, maka kajian ini dilaksanakan bagi menaikkan semangat patriotisme atlet sekolah sukan seterusnya meletakkan nama negara setanding dengan gergasi sukan dunia. Brandom (2001), menyatakan generasi muda merupakan pewaris negara pada masa depan, namun penghayatan patriotisme amat membimbangkan, golongan ini gagal menghayati nilai-nilai patriotisme kecuali berbangga dan setia terhadap negara. Kualiti disiplin dan kesediaan menyumbang,

berusaha dan berbakti kepada negara masih berada di tahap yang rendah. Seterusnya, Tun Mahatdir Mohamed menegaskan patriotisme semakin hilang di kalangan generasi muda. Justeru itu, usaha-usaha pemupukan perlu dilakukan oleh orang-orang dewasa untuk menghidupkan dalam sanubari generasi muda tentang patriotisme. Patriotisme adalah unsur penting dalam menghidupkan semangat perpaduan dan kesatuan arah-tuju negara. Manakala, De Vries menekankan atlet yang berkaliber mampu memberikan inspirasi dan mendorong semangat patriotisme orang lain (dalam Kandiah, 2008).

Isu tajaan sukan oleh pihak kerajaan mahu pun swasta dari segi kewangan, peralatan dan pakaian semakin ketara. Tajaan dari persatuan perdagangan terhadap sukan begitu berkesan sehingga masyarakat di seluruh dunia kini percaya bahawa, tanpa Coca Cola, McDonald's, Nike, General Motors dan kerjasama transnasional yang lain, sukan tidak boleh wujud (Coakley, 2003). Selain itu, senario sukan dan wang, status sosial, kontrak dan ganjaran lumayan diberikan kepada atlet berprestasi tinggi. De Vries (dalam Kandiah, 2008) menegaskan, kejayaan sukan membawa status yang tinggi, dikenali ramai, ganjaran wang, kerja dan melambangkan pendidikan berkualiti.

Semangat patriotisme ini menyebabkan seseorang atlet sanggup mengorbankan keselesaan, tenaga, masa atau wang demi kepentingan negara (Bar-Tal, 2000). Ia membentuk identiti bangsa dan asas kesejahteraan di Taiwan (Chien-Lung, 1998). Namun, kelunturan semangat patriotisme remaja di seluruh dunia semakin ketara, termasuklah di Malaysia yang terdiri daripada pelbagai bangsa dan budaya amat memerlukan perhatian serius. Dalam dunia sukan juga mengalami hal yang sama, bila mana sukan-sukan tertentu masih lagi dikaitkan dengan bangsa-bangsa tertentu di Malaysia. Selain itu, masyarakat kini lebih mementingkan materialistik dan bersifat individualistik. Atlet dahulu bermain dan menang walaupun tiada ganjaran wang, manakala atlet sekarang sanggup kalah demi wang dan di mana-mana sahaja orang

ramai bermain badminton serta perkara yang sama berlaku apabila Malaysia memenangi Piala Thomas pada tahun 1992 (Khoo Kay Kim, 1989).

Kerajaan Malaysia amat menitikberatkan isu kenegaraan dan patriotisme memandangkan generasi muda yang dilahirkan sebagai anak merdeka berisiko terhakis jati diri dan luntur semangat patriotisme kerana tidak pernah merasai perit getir perjuangan menuntut kemerdekaan (Kementerian Belia dan Sukan, 2008). Pada tahun 2009, seramai 125,309 calon Kenya tamat tingkatan empat tanpa memahami bagaimana masyarakat dan peristiwa-peristiwa masa lalu telah mempengaruhi cara hidup dan berkelakuan, menghargai keperluan tanggungjawab bersama dan membangunkan semangat patriotisme dan kebanggaan negara. Ini memerlukan perhatian segera oleh semua pihak yang mengambil berat tentang belia (Chang'ach, 2011).

Semangat patriotisme juga amat diperlukan untuk memelihara kemerdekaan negara, menjadi benteng pertahanan daripada gejala sosial seperti „*doping*” atau pengambilan ubat terlarang ketika bersukan dan mendorong bangsa Malaysia berusaha, berjuang dan berkorban secara sukarela demi negara (Ruhanie, 2005). Ia juga dapat mengawal dan memastikan remaja yang masih berada di bangku sekolah terhindar daripada gejala ponteng, bergaduh, gengsterisme, mencuri, membuli, merokok, melawan guru dan melanggar disiplin yang akan mendorong penglibatan dengan jenayah dalam konteks yang lebih luas (Abd. Rahim, 2004). Rentetan isu tersebut, fenomena sukan dan wang, ganjaran, judi, „*doping*”, dadah dan pergaduhan mengikis jati diri anak bangsa.

Sukan sebagai alat memupuk patriotisme (Ginis, Lindwall & Prapavessis, 2007), merealisasikan impian melalui daya saing dan disiplin (Maguire, Jarvie, Mansfield & Bradley, 2002) serta berjaya menarik minat murid-murid berbanding aktiviti akademik di Amerika (Coakley, 2003). Manakala, semangat patriotisme pula mendorong atlet berjuang demi kegemilangan bangsa (Khoo Kay Kim, 1989), menjamin kemerdekaan

dan benteng gejala sosial (Ruhanie, 2005). Menurut Lay & Torney Purta (2004), patriotisme menjurus kepada penghargaan terhadap simbol kebangsaan, nilai dan kepercayaan terhadap negara. Manakala, Birch (1989), mencadangkan pembentukan lambang dan simbol seperti bendera dan lagu kebangsaan penting bagi memupuk perpaduan dan kesetiaan masyarakat. Masyarakat di barat juga menggunakan bahasa sebagai alat bagi merapatkan jurang perbezaan antara kapitalisme (Anderson, 2003).

Rentetan kepentingan semangat patriotisme serta penonjolan budaya bersukan di barat berbanding Malaysia, justeru itu, kajian ini menjadi titik tolak untuk melihat sejauhmana semangat patriotisme mempengaruhi pencapaian sukan. Kajian ini didorong semangat inkuiri bagi melihat sejauhmana atlet bersukan dan berbakti demi mengharumkan nama negara atau mengejar ganjaran lumayan yang ditawarkan oleh kerajaan. Seterusnya, Kajian ini juga berusaha merungkai persoalan iaitu sejauhmana atlet menghormati dan memahami simbol dan makna lambang-lambang negara seperti bendera, lagu kebangsaan dan Jata Negara terutama ketika bersukan. Selain itu, meninjau faktor intrinsik dan ekstrinsik dalam usaha memantapkan semangat patriotisme serta meningkatkan pencapaian sukan negara.

Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji semangat patriotisme dalam kalangan atlet sekolah sukan, faktor intrinsik dan ekstrinsik pemantapan semangat patriotisme dan pencapaian sukan, seterusnya mengkaji hubungan, perbezaan dan sumbangan yang signifikan antara faktor intrinsik dan ekstrinsik terhadap pemantapan semangat patriotisme dan pencapaian sukan. Fokus responden kajian ini melibatkan golongan atlet yang masih belajar di dua buah Sekolah Sukan Malaysia yang terdapat di Kuala Lumpur dan Johor Bahru. Golongan murid ini bersukan secara aktif dan menjalani latihan sukan secara intensif di bawah pengawasan jurulatih professional serta terlibat

dengan pelbagai peringkat pertandingan sukan di dalam dan di luar negara. Objektif-objektif kajian ini secara khususnya adalah:

- i) Mengetahui semangat patriotisme dari aspek pengetahuan, nilai dan perlakuan patriotik.
- ii) Mengetahui faktor intrinsik-ekstrinsik pemantapan semangat patriotisme dan pencapaian sukan.
- iii) Mengenal pasti hubungan antara semangat patriotisme dengan umur, pencapaian dan pengalaman sukan.
- iv) Mengenal pasti hubungan antara faktor intrinsik-ekstrinsik dengan pencapaian sukan.
- v) Mengenal pasti hubungan faktor intrinsik-ekstrinsik dengan pemantapan semangat patriotisme.
- vi) Mengetahui perbezaan antara semangat patriotisme dan faktor intrinsik-ekstrinsik dengan demografi.
- vii) Mengetahui sumbangan faktor intrinsik-ekstrinsik terhadap pemantapan patriotisme dan pencapaian sukan.

Persoalan Kajian

Kajian semangat patriotisme dalam kalangan atlet di sekolah sukan meliputi beberapa persoalan yang digubal selaras dengan tujuan dan objektif kajian. Berdasarkan tujuan dan objektif kajian ini, soalan-soalan kajian berikut perlu dijawab:

- i) Apakah semangat patriotisme dari aspek pengetahuan, nilai dan perlakuan patriotik?
- ii) Apakah faktor intrinsik-ekstrinsik pemantapan semangat patriotisme dan pencapaian sukan?

- iii) Adakah hubungan antara semangat patriotisme dengan umur, pencapaian dan pengalaman sukan?
- iv) Adakah hubungan antara faktor intrinsik-ekstrinsik dengan pencapaian sukan?
- v) Adakah hubungan faktor intrinsik-ekstrinsik dengan pemantapan patriotisme?
- vi) Apakah perbezaan antara semangat patriotisme dan faktor intrinsik-ekstrinsik dengan demografi?
- vii) Apakah sumbangan faktor intrinsik-ekstrinsik terhadap pemantapan patriotisme dan pencapaian sukan?

Hipotesis Kajian

Hipotesis adalah andaian pengkaji tentang hasil kajian berdasarkan objektif yang dibina. Menurut Salkind (1997), an educated guess. Kriteria hipotesis yang baik ialah dibuat dalam bentuk pernyataan dan boleh diuji. Bagi kajian ini, hipotesis nol (H_0) digunakan iaitu andaian tentang tidak terdapatnya hubungan dan perbezaan antara angkubah yang dikaji iaitu:

Ho1: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara semangat patriotisme dengan umur, pencapaian dan pengalaman sukan.

Ho2: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara faktor intrinsik-ekstrinsik dengan pencapaian sukan.

Ho3: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara faktor intrinsik-ekstrinsik dengan pemantapan patriotisme.

Ho4: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara semangat patriotisme, faktor intrinsik-ekstrinsik dengan demografi.

Kerangka Teori dan Kerangka Konseptual Kajian

Teori ialah satu set pernyataan spesifik mengenai sesuatu fenomena yang saling berkaitan dan mengutarakan apa agaknya yang benar mengenai perkaitan itu (Sabitha, 2005). Manakala, kerangka ialah perspektif pengkaji bagaimana konsep dan angkubah dalam kajian itu berkaitan atau „*fit together*“. Ini bermakna kerangka teori sesebuah kajian dibina berdasarkan penjelasan teori yang sedia ada (Sabita, 2006). Kerangka teori ini adalah penting dalam menjalankan kajian terutamanya kajian berbentuk kuantitatif dan ianya dibina berpandukan teori formal yang sedia ada. Berpandukan teori formal ini, pengkaji menjadi lebih yakin untuk melestarikan perhubungan antara konsep-konsep yang digunakan dalam kajian, seterusnya mendorong pengkaji menyatakan dan menerangkan idea kajian dengan lebih jelas dan teliti (Chua Yan Piaw, 2006).

Teori membantu seseorang pengkaji untuk mengemukakan soalan, mencari jawapan, membuat keputusan, mengambil dan menilai sesuatu tindakan (Coakley, 2004). Teori adalah pendapat yang dikemukakan mengenai suatu perkara, kejadian dan sebagainya. Teori juga bererti asas dan hukum umum yang menjadi dasar pembentukan kesenian atau ilmu pengetahuan. Teori sebagai asas dan prinsip-prinsip yang menjadi dasar pembentukan, pembinaan dan perkembangan sesuatu bidang pengetahuan. Ia merujuk kepada pandangan atau pendapat yang tidak dapat dibuktikan dengan kukuh bagi menerangkan hal-hal yang dikemukakan (Md. Nasir & Iberahim, 2003).

Teori yang digunakan dalam kajian ini melibatkan teori patriotisme, teori motivasi intrinsik dan ekstrinsik, teori perkembangan karakter dan moral serta elemen kemahiran emsoi. Berikut adalah penjelasan mengenai teori-teori yang telah digabung jalinkan, seterusnya digunakan untuk membentuk kerangka konseptual kajian ini. Kerangka konseptual yang dibina penting dan membantu pengkaji melaksana, merumus dan membuat tindakan selanjutnya. Seterusnya, kerangka konseptual membantu


pengkaji dalam proses pengumpulan data dan membuat kesimpulan ke atas data serta menjadi panduan tindakan seterusnya (Sabitha, 2006).

Aspek semangat patriotisme kajian ini meliputi pengetahuan, nilai atau perasaan dan perlakuan patriotik. Semangat patriotisme juga merupakan salah satu faktor intrinsik yang mendorong penyertaan dan pencapaian sukan. Faktor intrinsik yang lain meliputi minat, keseronokan, keazaman, positif, fokus, usaha, keyakinan dan daya saing. Manakala, faktor ekstrinsik meliputi ganjaran, sukan, pendidikan, ibu bapa, jurulatih, rakan atlet, penyokong dan media massa. Faktor intrinsik dan ekstrinsik ini hasil gabung jalin faktor motivasi intrinsik dan ekstrinsik (Deci & Ryan, 1985; Herzberg, Mausner & Synderman, 1959) dan elemen kemahiran emosi (Brown, 2001).

Semangat patriotisme meliputi aspek pengetahuan, nilai atau perasaan dan perlakuan patriotik terhadap sukan dan negara. Aspek pengetahuan patriotisme meliputi isu dan fakta mengenai sejarah negara, dan lambang-lambang kebangsaan yang menjadi identiti negara Malaysia. Seterusnya, aspek nilai atau perasaan patriotisme meliputi nilai dan ciri-ciri warganegara patriotik seperti sentiasa bersyukur, berbangga, cinta akan negara, taat setia kepada raja dan negara, sanggup berkorban untuk negara dan meletakkan kepentingan negara melebihi kepentingan diri. Manakala, aspek perlakuan patriotik ditonjolkan dengan menghormati dan bertingkah laku yang sesuai terhadap lambang-lambang kebangsaan seperti bendera, lagu, bahasa, Jata Negara dan jersi sukan kebangsaan.

Rajah 1 menunjukkan kerangka konseptual kajian semangat patriotisme dalam kalangan atlet Sekolah Sukan Malaysia. Proses gabung jalin teori patriotisme (Bar-Tal & Staub, 1997) dilakukan bagi melahirkan atlet yang patriotik, seimbang dan menyeluruh meliputi pengetahuan, perasaan dan perlakuan diaplikasikan dari teori perkembangan karakter dan moral (Lickona, 1997). Tuntasnya, kesepaduan semangat patriotisme, faktor motivasi intrinsik dan ekstrinsik ini akan mendorong penyertaan

sukan secara berterusan sehingga ke peringkat tertinggi seperti Olimpik dan Asia. Atlet yang patriotik bukan sahaja berilmu pengetahuan dan berusaha merealisasikan matlamat negara dalam bidang sukan.



Sumber: Berdasarkan pengubahsuaian teori patriotisme (Bar-Tal & Staub, 1997), teori motivasi (Deci & Ryan, 1985; Herzberg et. al, 1959), teori perkembangan karakter dan moral (Lickona, 1997) dan kemahiran emosi (Brown, 2001).

Rajah 1 Kerangka Konseptual Kajian Semangat Patriotisme

Teori Patriotisme

Istilah patriotisme dikategorikan kepada beberapa unsur iaitu tindakan motivasi seperti perasaan cinta, hormat, taat setia, sanggup berkorban untuk negara. Unsur patriotisme kedua kewarganegaraan iaitu menerima dan melaksanakan tanggungjawab, setia kepada pemerintah dan berhak memiliki keperluan sosial. Unsur patriotisme ketiga tindakan iaitu identiti, imej negara, satu bahasa, sedia berkhidmat, menjaga maruah dan

keberanian. Unsur patriotisme keempat emosi iaitu keyakinan, sayang, kecintaan, sanggup berkorban dan harga diri. Unsur patriotisme kelima sikap iaitu komitmen, bertanggungjawab, ketabahan, tidak mementingkan diri dan berpendirian teguh. Unsur patriotisme keenam nasionalisme iaitu semangat, pengorbanan, perjuangan, kehormatan, bahasa kebangsaan, bendera dan lagu kebangsaan. Unsur patriotisme terakhir sosialisasi iaitu sikap, bahasa, lambang kemegahan, simbol dan sambutan majlis tertentu (Mohamad Sultan, 2010).

Patriotisme adalah semangat yang murni, universal dan bebas daripada elemen perkauman. Semangat perjuangan dan pengorbanan ini lahir daripada nilai-nilai cinta, kasih, sayang dan kesetiaan kepada nusa dan bangsa. Oleh itu, patriotisme adalah sesuatu yang abstrak. Ia lahir daripada tindakan atau perjuangan seseorang yang berasaskan kepentingan negara, agama dan bangsa. Patriotisme membabitkan minda, sanubari dan naluri. Ia juga membabitkan roh dan jiwa, semangat dan keinsafan, serta cinta, kasih dan sayang (Ruhanie, 2005). Patriotisme terdiri daripada elemen afektif dan kognitif seperti toleransi, komitmen, rasa kekitaan, bangga dan berkeinginan memberikan khidmat yang terbaik untuk negara (Bar-Tal & Staub, 1997).

Patriotisme difahami sebagai emosi yang kukuh dengan menganggap negara sebagai suatu objek. Ia adalah satu bentuk cinta, dan berbeza dari persetujuan atau komitmen, atau berpegang pada prinsip. Ia berkait rapat dengan perasaan bahawa negara adalah kepunyaannya, dan ia biasanya merujuk kepada sesuatu idea seperti sayang kepada pasukan sukan. Pemikiran dan tanggapan antara individu juga berbeza mengenai hubungan terhadap negara. Bagi sesetengah masyarakat, negara ibarat ibu bapa yang dikasihi, dan idea itu sememangnya terkenal dalam rayuan simbolik terhadap semangat patriotisme (Nussbaum, 2011). Selain itu, patriotisme ditakrifkan sebagai afiniti khas seseorang terhadap negara, perasaan identiti positif dan ikatan afektif terhadap negara (Schatz, Staub, & Levine, 1999). Manakala, Yıldırım & Tay (2009),

menegaskan ibu bapa sepatutnya memberi keutamaan kepada nilai-nilai seperti patriotik, kejujuran, mementingkan semangat kekeluargaan, tanggungjawab dan kerajinan.

Teori patriotisme bagi negara bangsa moden dikaitkan dengan ikatan ketatanegaraan dan tanggungjawab individu sebagai lambang ketaatan terhadap negara. Patriotisme menjadi nilai dan pendorong utama penglibatan dalam kegiatan politik, kepimpinan, ketaatan, resolusi dan perdagangan antarabangsa (Bar-Tal & Staub, 1997). Selain itu, patriotisme menyediakan asas kehidupan individu dan bangsa. Ia mewujudkan perpaduan, kesepaduan dan sosialisasi masyarakat. Setiap bangsa mempunyai matlamat tersendiri dalam memupuk semangat patriotisme kelompok masyarakatnya meliputi pelbagai aspek budaya, pendidikan, sosial dan sebagainya. Seterusnya, patriotisme juga berupaya mencetuskan pengaruh yang kuat terhadap perlakuan seseorang manusia (Staub, 1997).

Teori patriotisme melibatkan gabungan sikap iaitu kesan perasaan istimewa, rasa jati diri, keprihatinan utama dan kesediaan berkorban terhadap bangsa dan negara. Bagaimana pun penekanannya adalah berbeza berdasarkan suasana hubungan seperti cinta, sayang dan komitmen terhadap negara. Manakala, penekanan berdasarkan perlakuan patriotik seperti tidak mementingkan diri, sebaliknya sentiasa mendahulukan kepentingan negara. Selain itu, ada yang memberi penekanan terhadap objektif sesuatu tindakan seperti mempertahankan jati diri bangsa dan berusaha menonjolkan nama negara dalam pelbagai bidang (Nathanson, 1993).

Patriotisme dikaitkan dengan teori motivasi iaitu sesuatu tindakan bagi memenuhi keperluan asas individu mahu pun kumpulan masyarakat melalui rasa cinta, hormat, bangga serta sayang kepada bangsa dan negara (Maslows, 1954). Patriotisme merupakan fenomena psikologi iaitu rasa cinta, sayang dan bangga terhadap negara oleh masyarakatnya yang ditonjolkan oleh cetusan emosi dan tingkah laku (Bar-Tal, 1993).

Patriotisme boleh digambarkan melalui nilai dan identiti sosial dalam mempertahankan kepentingan bangsa dan negara seperti simbol, tradisi dan peristiwa bersejarah (Reykowski, 1997). Gagasan patriotisme diperkukuhkan dengan pembinaan lambang negara seperti bendera dan lagu kebangsaan (Bar-Tal & Staub, 1997).

Walau bagaimana pun, sentimen patriotik dilihat berbeza oleh masyarakat yang berlainan. Patriotik menandakan kesetiaan kepada negara, kebanggaan budaya dan pencapaian negara, pemahaman untuk menghormati dan menghargai sejarah negara atau cinta kepada negara berdasarkan kesetiaan politik, nilai bersama, serta sejarah dan budaya yang dikongsi masyarakat (Finn, 2007 & Ravitch, 2006). Tuntasnya, teori patriotisme dikaitkan dengan perasaan dan perlakuan seperti cinta akan negara secara mendalam, seterusnya mendorong individu berkorban untuk negara tercinta.

Teori Motivasi Intrinsik dan Ekstrinsik

Perkataan motivasi berasal dari bahasa Latin iaitu „*movere*“ yang bermaksud untuk bergerak atau „*to move*“ (Beck, 2004). Bermotivasi ertinya menjadi tergerak untuk melakukan sesuatu. Orang ramai tidak hanya mempunyai jumlah motivasi yang berbeza, tetapi juga jenis motivasi yang berbeza. Ini bermakna, setiap individu bukan sahaja berbeza pada tahap motivasi iaitu berapa banyak motivasi, tetapi juga pada orientasi motivasi tersebut iaitu jenis motivasi yang dialami. Orientasi motivasi ini mendasari sikap dan matlamat serta sebab yang mengerakkan tindakan seseorang (Ryan & Stiller, 1991). Setiap individu memiliki motivasi tersendiri dalam melaksanakan sesuatu. Motivasi ini berpunca dari pelbagai aspek sama ada secara dalaman atau luaran yang boleh mempengaruhi sesuatu tindakan atau keputusan seseorang individu.

Motivasi adalah kuasa dalaman yang mendorong dan mempengaruhi tindakan seseorang untuk melakukan sesuatu. Motivasi adalah nilai dan kepercayaan yang ada pada seseorang dalam menentukan perlakuan dan melaksanakan tugas serta

tanggungjawab masing-masing. Dua jenis motivasi asas ialah motivasi intrinsik dan ekstrinsik. Motivasi intrinsik merupakan perasaan dalaman, kecenderungan dan kekuatan dorongan seseorang untuk bertindak. Manakala, motivasi ekstrinsik adalah sumber luaran yang mendorong individu tersebut membuat tindakan setelah menerima ganjaran seperti wang dan harta benda (Zainuddin & Goh, 2006).

Motivasi merupakan kekuatan atau „*energy*“ individu yang dapat menimbulkan sifat berterusan dan perasaan ghairah dalam melaksanakan sesuatu, baik yang bersumber dari dalaman mahupun dari luaran individu itu sendiri. Motivasi intrinsik merujuk pada sumber motivasi yang berasal dari faktor dalaman seperti kepuasan sendiri, keseronokan dan merasa baik tentang diri sendiri. Penghargaan dan pengiktirafan harus ditekankan kerana ini adalah penting untuk komitmen jangka panjang terhadap sukan. Manakala, motivasi ekstrinsik pula merujuk pada faktor luaran yang mempengaruhi keperluan untuk berlatih, ianya merupakan suatu ganjaran seperti wang, pingat, sokongan ibu bapa dan jurulatih (Gervis, 2005).

Kekuatan motivasi individu akan menentukan kualiti perlakuan yang ditunjukkan baik dalam konteks belajar, bersukan atau dalam aspek kehidupan yang lain. Kajian tentang motivasi memiliki daya tarikan tersendiri dalam kalangan pendidik, jurulatih dan penyelia terutama apabila dikaitkan dengan keupayaan pencapaian prestasi individu. Pengertian motivasi bagi jurulatih iaitu menggerakkan keinginan, kemahuan atau rangsangan agar individu bersukan dengan lebih baik dan sempurna. Manakala, motivasi bagi atlet sukan pula ialah berusaha sebaik mungkin untuk mempersembahkan corak permainan yang terbaik apabila terlibat dalam sesuatu pertandingan sukan (Ishak & Mohd Sofian, 2002).

Mengikut Teori Penentuan Kendiri atau „*Self Determination Theory*“ (Deci & Ryan, 1985), perbezaan paling ketara antara motivasi intrinsik, yang merujuk untuk melakukan sesuatu, kerana ianya menarik atau menyenangkan. Manakala, motivasi

ekstrinsik pula merujuk kepada melakukan sesuatu, kerana ini bergantung kepada hasil yang boleh diasingkan. Walau bagaimana pun, motivasi intrinsik telah muncul sebagai fenomena yang penting untuk para pendidik, ia menjadi asas kepada pembelajaran dan pencapaian yang boleh secara sistematik dimangkin atau sebaliknya oleh amalan ibu bapa dan guru (Ryan & Stiller, 1991). Motivasi intrinsik dan ekstrinsik ini perlu diseimbangkan agar ianya memberikan kesan yang optimum khususnya terhadap atlet di sekolah sukan.

Seterusnya, motivasi intrinsik ditakrifkan sebagai melakukan suatu aktiviti untuk kepuasan dan bukan untuk kesan luaran. Apabila seseorang termotivasi secara intrinsik, ia akan bertindak untuk keseronokan atau sebagai cabaran dan bukan kerana tujuan luaran, tekanan atau ganjaran yang diterima. Walaupun motivasi intrinsik wujud dalam setiap individu, motivasi ini juga terdapat dalam hubungan antara individu dan aktiviti. Pendekatan seseorang individu berfokus pada keperluan psikologi iaitu, keperluan dalaman untuk kompetensi, autonomi dan hubungan. Namun, ramai menyedari bahawa kepuasan keperluan asas berkait rapat dengan penglibatan dalam aktiviti yang menarik (Deci & Ryan, 1985).

Menurut Deci (1975), motivasi intrinsik adalah suatu keadaan psikologi yang diakibatkan apabila individu menganggap diri berkebolehan dan dapat menentukan sesuatu dengan sendiri. Individu mengalami motivasi intrinsik yang tinggi sekiranya dapat melakukan sesuatu yang digemari seperti memandu kereta impian, melawat tempat yang disukai, memilih tempat penginapan, memilih makanan yang diidamkan dan bersukan atas kemahuan sendiri, bukannya dipaksa oleh mana-mana pihak. Sekiranya individu diberikan hadiah seperti lawatan, tempat penginapan dan jenis makanan ditentukan oleh pihak penganjur, dan tidak berpeluang menentukannya sendiri. Maka, motivasi intrinsik individu terbabit menjadi terlalu rendah dan semakin

berkurangan. Keadaan ini boleh menyebabkan seseorang individu kehilangan semangat dan keinginan dalam mengejar matlamatnya.

Manakala, Teori Penilaian Kognitif atau „*Cognitive Evaluation Theory*“ (CET) pula menentukan faktor-faktor dalam konteks sosial yang menghasilkan perbezaan dalam motivasi intrinsik. Teori Penilaian Kognitif, yang dianggap sebagai sub-teori kepada Teori Penentuan Kendiri, berpendapat bahawa peristiwa interpersonal dan struktur seperti anugerah, komunikasi dan maklum balas menimbulkan rasa kompeten semasa bertindak, ianya dapat meningkatkan motivasi intrinsik kerana memberi kepuasan asas iaitu memenuhi keperluan kompetensi psikologi (Deci & Ryan, 1985).

Seterusnya, aspek Teori Penilaian Kognitif juga menyarankan bahawa persekitaran kelas dan rumah boleh memudahkan atau menghalang motivasi intrinsik dengan menyokong atau menggagalkan keperluan autonomi dan kompetensi. Namun penting untuk diingatkan bahawa motivasi intrinsik hanya akan berlaku untuk kegiatan di mana individu mempunyai minat intrinsik iaitu aktiviti yang mempunyai daya tarikan baru, cabaran atau nilai estetika bagi individu tersebut. Bagi kegiatan yang ada tarikan tersebut, prinsip-prinsip Teori Penilaian Kognitif tidak berlaku, dan untuk memahami motivasi bagi kegiatan yang tidak menarik, perlu melihat secara lebih mendalam sifat dan dinamik motivasi ekstrinsik (Deci & Ryan, 1985).

Selain itu, menurut Deci & Ryan (1985), individu bermotivasi secara intrinsik apabila mempunyai persepsi ataupun konsep sendiri iaitu berkebolehan dan mampu membuat keputusan sendiri. Sebaliknya, individu bermotivasi secara ekstrinsik tidak yakin mereka berkebolehan ataupun mampu membuat keputusan. Individu sebegini bergantung pada orang lain dalam membuat keputusan dan melaksanakan tugas dan bekerjasama dengan orang yang lebih berkebolehan bagi mendapatkan kebaikan. Individu yang bermotivasi dan tidak bermotivasi intrinsik perlu diberi motivasi ekstrinsik untuk membentuk dan memastikan motivasi intrinsik terus berkekalan dalam

diri masing-masing. Setiap individu adakalanya bermotivasi secara intrinsik dan ekstrinsik, ianya bergantung pada situasi dan keperluan individu tersebut.

Motivasi ekstrinsik adalah suatu konstruk yang berkaitan di mana suatu aktiviti dilakukan untuk memperolehi sesuatu. Oleh yang demikian, motivasi ekstrinsik berbeza dengan motivasi intrinsik, yang merujuk kepada keseronokan melakukan aktiviti itu sendiri daripada nilai instrumentalnya. Menerusi Teori Penentuan Kendiri terdapat sub-teori kedua, disebut sebagai Teori Integrasi Organismik atau „*Organismic Integration Theory*” (OIT), ianya diperkenalkan untuk menjelaskan berbagai bentuk motivasi ekstrinsik dan faktor-faktor kontekstual yang sama ada meningkatkan atau menghalang penghayatan dan integrasi tingkah laku (Deci & Ryan, 1985).

Manakala, Herzberg (1966), mengemukakan Teori Dua Faktor atau „*Model Dua Faktor*” terdiri daripada faktor motivasional dan faktor „*hygiene*” atau pemeliharaan. Faktor motivasional adalah hal-hal yang mendorong individu berprestasi secara intrinsik atau sumber dalaman diri seseorang, sedangkan faktor „*hygiene*” atau pemeliharaan bersifat ekstrinsik atau sumber luaran mendorong individu berprestasi dalam kehidupan. Herzberg juga memisahkan Teori Keperluan Maslow kepada dua bahagian iaitu keperluan tingkat rendah seperti fizik, rasa aman dan sosial dan keperluan tingkat tinggi seperti prestij dan kepuasan diri. Cara terbaik untuk memotivasi individu adalah dengan memenuhi keperluan tingkat tingginya.

Manakala, Herzberg et. al (1959), menegaskan faktor ekstrinsik perlu tetapi tidak cukup untuk memotivasikan seseorang, sebaliknya perlu diperkukuhkan dengan faktor intrinsik. Kedua-dua faktor intrinsik dan ekstrinsik ini saling bergantung dalam memotivasikan seseorang individu. Seseorang yang telah memperoleh faktor intrinsik akan berasa puas dan mempunyai motivasi ke arah pencapaian tertinggi terutama dalam pertandingan sukan. Kehadiran kedua-dua faktor ini membawa kepada kepuasan dan peningkatan prestasi sukan. Selain itu, faktor-faktor intrinsik perlu diperbanyakkan,

iaitu atlet diberi peluang menilai sendiri prestasi sukan masing-masing, tugas meliputi dalam dan luar negara, peluang latihan, menetapkan sendiri jadual latihan sukan, menggunakan kebolehan sendiri menyiapkan tugas, mewujudkan hubungan komunikasi dan menikmati hasil sukan masing-masing.

Cabaran utama teori motivasi dua faktor ini ialah mengenal pasti dengan tepat faktor yang lebih berpengaruh dalam kehidupan seseorang individu sama ada ianya bersifat intrinsik atau ekstrinsik (Herzberg et. al, 1959). Motivasi secara intrinsik mahu pun ekstrinsik ini mempunyai nilai yang tersendiri dan saling melengkapi antara satu sama lain. Individu yang bermotivasi secara intrinsik dan ekstrinsik biasanya lebih cemerlang pencapaiannya dalam bidang yang diceburi berbanding dengan individu yang hanya bermotivasi secara intrinsik atau ekstrinsik sahaja. Ini menunjukkan bagi mencapai peningkatan ketara, adalah perlu kedua-dua aspek motivasi ini diberikan penekanan dengan mengimbangnya sebaik mungkin.

Menurut (Herzberg et. al, 1959), beliau menekankan pentingnya kualiti hidup bersukan dengan menjadikan rutin sukan lebih menarik dan berupaya memenuhi keperluan estim atau keperluan ego atau maruah. Setiap individu ingin merasa dirinya dihargai, diperlukan, dimuliakan dan dihormati oleh orang lain. Dua jenis keperluan estim ialah keperluan estim dalaman dan luaran. Keperluan estim dalaman menyebabkan individu berasa dirinya merdeka, bebas, yakin, kuat, berjaya dan bijak. Manakala keperluan estim luaran menyebabkan seseorang ingin menjadi orang yang disukai, ternama, terkenal dan penting. Keperluan estim ini yang mendorong seseorang menggadai nyawa memanjat Gunung Everest dan berlumba-lumba menjadi jaguh sukan negara dalam pelbagai acara (Ainon, 2003).

Prestasi sukan yang tinggi menghasilkan kepuasan bersukan, berbeza dengan teori Maslow yang mengaitkan kepuasan bersukan dengan peningkatan prestasi (Ainon, 2003). Maka, pihak pengurusan mahu pun pihak yang terlibat secara langsung dalam

bidang ini perlu memperbaiki bentuk sukan itu sendiri agar golongan murid tidak berasa bosan dengan rutin sukannya, malah menyedari dengan bersukan dapat memajukan diri dan belajar menguruskan diri sendiri. Pun begitu, teori Herzberg ini dikritik kerana tidak memasukkan wang atau gaji sebagai faktor motivasi (Phyrman, 2008).

Selain itu, kepuasan dan ketidakpuasan tidak berada dalam kontinum yang sama dan ianya adalah bertentangan. Faktor-faktor motivasi boleh menyebabkan kepuasan atau ketidakpuasan ini, sementara faktor kebersihan menyebabkan ketidakpuasan ketika ia tidak ada dan kepuasan apabila ia wujud, kedua-duanya memiliki kekuatan yang besar (Pardee, 1990). Motivasi dan kepuasan bersukan saling berkaitan, seseorang yang mempunyai motivasi yang tinggi secara tidak langsung tahap kepuasan sukannya juga adalah tinggi. Faktor intrinsik ini melibatkan faktor dari dalam diri seperti tahap tanggungjawab, cabaran, pencapaian dan minat. Manakala, faktor ekstrinsik seperti ganjaran, rakan, jadual latihan dan penyeliaan jurulatih (Ainon, 2003).

Teori Perkembangan Karakter dan Moral

Mengikut Aristotle, tingkah laku manusia boleh dilihat dari tiga aspek iaitu kognitif, afektif dan tingkah laku. Aspek kognitif merujuk kepada proses pengamatan, pentafsiran dan mengetahui serta memikir. Manakala, afektif merujuk kepada jenis-jenis perasaan yang dialami semasa membuat sesuatu sama ada betul atau salah. Aspek perlakuan merujuk kepada tingkah laku seseorang individu yang nyata (Ee Ah Meng, 1988). Sikap setiap individu meliputi tiga komponen utama iaitu kognitif, afektif dan tingkah laku. Komponen kognitif merupakan kepercayaan atau idea yang mencerminkan sesuatu kategori orang atau objek. Seterusnya, komponen afektif merupakan penilaian seseorang tentang sesuatu objek, orang atau emosi yang menghasilkan sesuatu tindakan. Manakala, komponen tingkah laku ini mewakili

tindakan secara terbuka yang diarahkan kepada orang atau objek (Robert & Marian, 1993).

Oleh itu, Lickona (1991), telah memperkenalkan Model Insan Menyeluruh atau „*Whole Child Model*” melalui pendidikan karakter. Model ini merujuk kepada „*to know the good*”, „*to love the good*” dan „*to desire the good*”. Model ini meliputi pemikiran moral, perasaan moral dan tingkah laku moral yang ditekankan menerusi Pendidikan Moral. Kepintaran kognitif perlu disepadukan dengan emosi dan tingkah laku moral dalam membina model insan menyeluruh. Namun, penekanan pembelajaran di sekolah lebih menumpukan aspek pemikiran atau kognitif kerana sistem persekolahan yang berorientasi peperiksaan dan kecemerlangan intelektual. Pun begitu, usaha-usaha bagi menyeimbangkan hal ini sedang giat dilakukan melalui penekanan pelbagai kegiatan sukan, seni dan kokurikulum.

Selain itu, Lickona (1997), menjelaskan perlunya pendidikan karakter dan moral di sekolah untuk menghasilkan model insan menyeluruh yang mempunyai kekuatan hati dan minda. Matlamat pendidikan karakter dan moral ialah melahirkan perwatakan yang positif dari segi moraliti. Ia meliputi cara individu berfikir, beremosi dan bertindak selaras dengan norma-norma masyarakat. Manakala, Lickona (1996), mengemukakan teori yang bersifat komprehensif iaitu meluas, lebih lengkap dan meliputi tiga aspek moral iaitu pemikiran, perasaan dan perlakuan moral. Tiga dimensi inilah yang menjadikan Pendidikan Moral lebih efektif dan berkesan dalam melahirkan model insan yang menyeluruh. Kesepaduan ketiga-tiga dimensi ini dalam proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral akan melonjakkan kualiti manusia dalam masyarakat.

Seterusnya, Lickona (1991), berusaha mengenal pasti kaedah terbaik bagi mengaplikasikan dimensi perasaan dan tingkah laku moral. Strategi pengajaran pemikiran moral dapat dikembangkan melalui penaakulan dan bersikap positif, perkembangan dimensi perasaan moral melalui penerapan empati, rasa

bertanggungjawab, nilai-nilai sejagat dan warga pendidik patut menjadi „*role model*” yang positif. Manakala, bagi perkembangan dimensi tingkah laku moral pula dengan menggalakkan semangat sepasukan, bekerjasama dan berbakti kepada masyarakat dan negara.

Kesimpulannya, Lickona (1980), menegaskan perkembangan moral meliputi tiga aspek perkembangan iaitu kognitif, afektif dan psikomotor bagi melahirkan model insan yang menyeluruh. Menurut Lickona (1993), perkembangan pemikiran moral iaitu pentaakulan tentang apa yang benar dan apa yang salah, perasaan moral iaitu hendak melakukan perkara yang baik dan rasa bersalah jika tidak melakukannya dan perkembangan tingkah laku iaitu menterjemahkan pemikiran dan perasaan kepada tindakan atau keputusan yang sepatutnya dilakukan.

Elemen Kemahiran Emosi

Elemen adalah sesuatu yang menjadi bahagian dalam sesuatu keseluruhan unsur, manakala kemahiran adalah kecekapan atau kepandaian dan emosi adalah perasaan jiwa yang kuat seperti berasa seronok, sedih, gembira dan takut (A. Aziz 1996). Terdapat 10 elemen kemahiran emosi yang boleh dikaitkan dengan kejayaan dan pencapaian dalam sukan iaitu pemanduan, suka keterlaluan, kestabilan, kekuatan mental, sikap positif, realistik, fokus, usaha, tidak berputus asa dan berdaya saing (Brown, 2001). Kemahiran emosi ini perlu diseimbangkan dengan kemahiran fizikal dan mental sebagai benteng dalam perjuangan sukan. Elemen pertama, pemanduan seawal usia oleh ahli keluarga, jurulatih dan persekitaran akan menentukan kejayaan sukan yang diceburi (Ziemilska, 2005).

Elemen kedua, suka keterlaluan, sangat mencintai atau sayang dan kesungguhan menjalani latihan sukannya boleh juga dikaitkan dengan bakat atlet tersebut. Elemen ketiga, kestabilan dan toleransi yang tinggi dalam sukan, mempunyai peluang

memperoleh kecemerlangan kerana dapat mengimbangi dan mengembalikan semangat tinggi untuk terus berjuang. Elemen keempat, kekuatan mental kerana ia merupakan kompas kepada pemanduan, kestabilan, kepuasan sendiri dan mengawal keyakinan diri. Walaupun kebanyakan atlet bermotivasi untuk berjaya dalam sukan disebabkan oleh rasa takutkan kegagalan, namun atlet yang cemerlang, mempunyai perasaan dalaman dan yakin mereka adalah yang terbaik berbanding atlet yang lain, pasti akan berusaha melakukan yang terbaik semasa pertandingan sukan (Brown, 2001).

Elemen kelima, sikap positif penting kerana atlet yang bersikap negatif jarang mencapai kecemerlangan (Brown, 2001). Contohnya, pemain badminton China iaitu Lin Dan dalam Kejohanan Terbuka Jepun 2006, walaupun ketinggalan 18-7 kepada pihak lawan, beliau sentiasa bersikap tenang dan akhirnya berjaya memenangi perlawanan tersebut (Roslan & Mohd Sofian, 2008). Elemen keenam, realistik terhadap kemampuan, mengakui kelemahan diri dan berusaha memperbaikinya akan menjadikan mereka lebih cemerlang berbanding atlet yang mempunyai ego tinggi, cepat marah dan hilang pertimbangan apabila mengalami kegagalan. Elemen ketujuh, fokus atau konsentrasi semasa latihan dan pertandingan penting untuk mengelakkan gangguan pihak lawan dan kebisingan penonton. Kualiti fokus ini boleh diperolehi melalui proses latihan secara berterusan.

Elemen kelapan, usaha iaitu atlet yang berkualiti akan menjalani latihan dan pertandingan secara bersungguh-sungguh tanpa mengenal penat lelah. Elemen kesembilan, tidak berputus asa dan mempunyai keazaman yang tinggi. Contohnya, sewaktu Kejohanan Akhir Liga Hoki Remaja 2006, pasukan Majlis Perbandaran Petaling Jaya (MPPJ), ketinggalan 0-3 kepada atlet hoki Sekolah Sukan Bukit Jalil, bangkit dan memenangi pertandingan tersebut (Roslan & Mohd Sofian, 2008). Elemen terakhir ialah berdaya saing atau semangat juang yang tinggi sehinggakan atlet sebegini

meletakkan pertandingan sebagai medan perang dan menunjukkan kualiti yang sama ketika berlatih (Brown, 2001).

Kepentingan Kajian

Kajian ini dapat memberi gambaran mengenai semangat patriotisme aspek pengetahuan, nilai dan perlakuan, faktor intrinsik dan ekstrinsik pementapan semangat patriotisme dan pencapaian sukan. Selain itu, mengetahui hubungan, perbezaan dan sumbangan yang signifikan antara angkubah bersandar dengan tidak bersandar. Kajian ini dijalankan berdasarkan kepentingan semangat patriotisme dalam membina semangat cinta akan negara, mencurahkan kesetiaan dan perjuangan demi bangsa dan negara (Bar-Tal & Staub, 1997). Kajian semangat patriotisme ini juga memberi kepentingan dan sumber rujukan kepada pihak-pihak berkaitan:

i) Pihak Kerajaan, Sekolah dan Persatuan Sukan.

Semua pihak yang terlibat secara langsung dalam pembangunan sukan perlu bergerak seiring dalam memartabatkan maruah sukan negara. Program sukan yang dijalankan perlu menekankan pemupukan semangat patriotisme agar murid-murid sekolah sukan ini mampu menjadi idola dan ikutan remaja yang lain. Penonjolan semangat patriotisme perlu dititikberatkan semasa bersukan agar imej negara terpelihara di mata dunia. Selain itu, amalan negatif seperti „*doping*“, pergaduhan di padang, judi dan gejala sosial yang lain dapat dielakkan, malah imej sukan sebagai amalan gaya hidup sihat serta alat perpaduan bangsa terpelihara.

Adalah menjadi tanggungjawab semua pihak memupuk dan memantapkan patriotisme dalam kalangan warganegara bagi mewujudkan rakyat yang bertanggungjawab, bersatu padu, mempunyai jati diri dan sanggup

berkorban untuk agama, bangsa dan negara (Johnson, 1997). Pihak kerajaan Malaysia juga telah melancarkan program 1Murid 1Sukan bagi melahirkan warga muda yang sihat dan patriotik. Semua pihak juga perlu berganding bahu, tenaga, masa dan wang dalam menghasilkan atlet yang berjiwa 1Malaysia. Para jurulatih, sekolah dan pihak pengurusan perlu melaksanakan tanggungjawab sebaik mungkin untuk mengetahui emosi sedia ada atlet dan mengaplikasikannya untuk meningkatkan perkembangan intelektual, emosi dan spiritual golongan ini (Mueller, 2009).

Selain itu, kajian ini merupakan suatu proses penilaian yang dilaksanakan melalui kerjasama secara berterusan daripada semua pihak agar nilai-nilai murni dan pembentukan karakter yang patriotik serta semangat kesukanan berkekalan dalam diri atlet (Zamri & Mohd Sofian, 2001). Ini bermakna, jurulatih dan pendidik perlu menilai semangat patriotisme atlet secara berterusan agar golongan ini lebih menghayati perjuangan dalam bidang sukan. Justeru itu, penilaian sesuatu program adalah penting bagi mendapatkan gambaran menyeluruh mengenai kekuatan dan kelemahan serta tindakan untuk mengatasinya (Jamil, 2002). Apatah lagi penilaian berkaitan semangat patriotik ini perlu dilakukan memandangkan golongan atlet yang semakin dipandang gah di persada sukan negara. Malah golongan ini sering membawa nama dan imej negara sehingga ke seluruh pelusuk dunia.

ii) Atlet.

Kajian ini dapat membantu atlet sekolah sukan mengetahui, memahami, menghayati dan menilai semangat patriotisme dalam jiwa masing-masing. Seterusnya berusaha meningkatkan semangat ini, menjadi warganegara yang baik dan bertanggungjawab, cinta akan negara, taat setia kepada raja dan negara,

sanggup berbakti dan berkorban demi negara serta berpegang teguh kepada ajaran agama dan budaya timur. Proses kajian ini secara tidak langsung dapat menanam nilai-nilai terhadap negara agar terus tersemat dan mekar di jiwa anak-anak bangsa serta dipraktikkan sebaik mungkin dalam kehidupan seharian terutamanya dalam bidang sukan.

Selain itu, melalui kajian ini diharap dapat menyedarkan golongan atlet tanggungjawab mereka terhadap sukan dan negara. Mereka perlu bangkit dan menunjukkan kesungguhan menjalani rutin harian sebagai atlet harapan negara. Bahkan bersukan dan bertanding atas nama negara bukannya kerana faktor lain atau ganjaran yang ditawarkan oleh pelbagai pihak. Seterusnya bersedia menghadapi cabaran globalisasi yang melanda generasi muda juga memerlukan semangat patriotisme yang tinggi bagi menghadapinya (Bottery, 2003). Golongan ini perlu menyedari patriotisme bukannya sekadar mengibarkan Jalur Gemilang atau menyanyikan Lagu Negaraku semasa hari kemerdekaan tetapi juga bertanggungjawab dan bersyukur terhadap kemakmuran negara dan kemudahan asas yang disediakan oleh pihak kerajaan.

iii) Pengkaji.

Kajian berkaitan semangat patriotisme dalam kalangan atlet sekolah sukan dapat membantu para pengkaji seterusnya meneroka pelbagai aspek kajian yang lain. Cadangan kajian lanjut yang dikemukakan dapat memberi idea dan tambah nilai dalam memperkayakan bahan-bahan kajian dalam negara berkaitan semangat ini. Kajian ini menjadi sumber rujukan pengkaji seterusnya dan perkongsian ilmiah yang berterusan dalam usaha memantapkan semangat patriotisme masyarakat terutama generasi muda yang masih berada di alam persekolahan.

Batasan Kajian

Batasan kajian ini melibatkan atlet tingkatan 1, 2 dan 4 sahaja. Atlet tingkatan 3 dan tingkatan 5 tidak dilibatkan dalam kajian kerana bakal menduduki peperiksaan awam iaitu Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Walau pun atlet ini mewakili pelbagai jenis sukan tetapi tidak dapat dinafikan hanya segelintir sahaja yang telah berjaya mewakili Malaysia di peringkat antarabangsa. Namun, jasa dan sumbangan golongan ini sebagai duta sukan dan agen memupuk semangat patriotisme dan perpaduan masyarakat berbilang kaum tidak boleh diperkecilkan atau disangkal lagi.

Kajian ini dilaksanakan dalam tempoh masa yang terhad bagi meminimumkan gangguan terhadap rutin harian dan komitmen atlet terhadap latihan sukan dan persekolahan. Atlet juga sering terlibat dengan kejohanan sukan di dalam dan luar negara. Pada sebelah pagi dan malam, atlet mengikuti kelas akademik secara berjadual dan wajib agar tidak ketinggalan dalam pelajaran. Golongan atlet ini juga terdiri daripada pelbagai jenis sukan yang berbeza jadual dan program latihan, maka sukar mengumpulkan semua atlet dalam satu jangka masa yang sama. Dalam hal ini, pengkaji harus menyesuaikan masa dan tempat bagi melaksanakan pentadbiran soal selidik agar berjalan dengan lancar serta sesuai dengan rutin kehidupan seharian. Kelancaran pentadbiran soal selidik akan memberikan hasil kajian yang lebih baik dan data atau maklumat yang lebih berkesan.

Definisi Konsep

Konsep atau istilah yang diguna pakai dalam kajian ini diberikan pengertian yang jelas bagi memantapkan kefahaman dan mengelakkan kekeliruan ketika menjalankan sesuatu kajian ilmiah. Pentaksiran atau definisi konsep ini melibatkan beberapa istilah atau konsep yang mendasari tajuk kajian ini iaitu semangat patriotisme,

atlet dan Sekolah Sukan Malaysia. Tujuan pentaksiran konsep ini untuk memberikan kefahaman yang jelas kepada pengkaji dan para pembaca mengenai kajian yang dilaksanakan. Pengistilahan yang tepat juga dapat membantu pengkaji sepanjang proses kajian terutama dalam proses pengumpulan data kajian, penganalisan data kajian, membuat perbincangan dan rumusan serta proses generalisasi data kajian.

Semangat Patriotisme

Semangat adalah perasaan hati, jiwa atau kemahuan melakukan sesuatu (Noresah, 2005). Selain itu, semangat adalah bahagian non-fizikal manusia seperti emosi dan karakter, tipikal kualiti atau mood, keberanian, tenaga dan kekuatan dalaman (Pearsall, 2002). Manakala, patriotisme bererti perasaan cinta yang kuat terhadap tanah air (Noresah, 2005). Seterusnya, LeDoux & Mashall (2010), patriotisme ditakrifkan sebagai „*tahap cinta dan kebanggaan*” di negara seseorang. Namun, manifestasi dari cinta dan kebanggaan, ritual, simbol, ideologi dan sejarah eksklusif, boleh menyebabkan pemahaman tentang patriotisme sebagai ekspresi keagamaan atau sebagai nasionalisme.

Semangat patriotisme dalam kajian ini merujuk kepada aspek pengetahuan, nilai atau perasaan patriotisme dan perlakuan patriotisme seperti mengetahui isu dan fakta sejarah, menghayati dan memupuk nilai cinta akan negara, sanggup berkorban untuk negara dan menghormati lambang-lambang negara iaitu bendera Jalur Gemilang, Lagu Negaraku dan jersi sukan kebangsaan. Selain itu, aspek kajian ini juga meliputi faktor intrinsik dan ekstrinsik pemantapan semangat patriotisme dan pencapaian sukan. Faktor intrinsik meliputi faktor dalaman diri seperti semangat patriotisme, minat, keseronokan, keazaman, positif, fokus, usaha, keyakinan dan berdaya saing. Manakala, faktor ekstrinsik meliputi faktor luaran seperti ganjaran, sukan, pendidikan, ibu bapa, jurulatih, rakan, penonton dan media massa.

Atlet

Atlet ialah orang yang giat dalam lapangan sukan atau ahli sukan (Noresah, 2005). Atlet ialah seseorang yang mahir bersukan terutamanya ketika dalam kejohanan atau pertandingan. Dalam kajian ini atlet terdiri daripada murid-murid yang masih berada di bangku sekolah dan terlibat secara aktif dalam aktiviti sukan serta perlu menduduki peperiksaan awam apabila berada di tingkatan tiga atau tingkatan lima. Atlet murid yang terlibat di dalam kajian ini merujuk kepada individu atau remaja yang masih belajar di tingkatan 1, 2 dan 4, jantina lelaki dan perempuan, berbangsa Melayu, Cina, India dan lain-lain kaum, beragama Islam dan bukan Islam, berasal dari seluruh Semenanjung Malaysia, termasuk dari Sabah dan Sarawak.

Atlet ini aktif bersukan dalam acara individu atau berpasukan seperti hoki, bola sepak, bola jaring, terjun, gimrama dan lain-lain sukan. Golongan atlet ini menjalani program latihan secara teratur, menyertai kejohanan sukan di pelbagai peringkat seperti MSSM, Sukma, Sekolah-Sekolah Asean, Sukan Sea, Sukan Asia, Sukan Komanwel dan Sukan Olimpik. Atlet menjalani latihan secara intensif di bawah pengawasan jurulatih profesional dan mendapat tajaan daripada kerajaan Malaysia, Persatuan Sukan Kebangsaan dan pihak swasta.

Sekolah Sukan Malaysia

Sekolah ialah tempat untuk belajar dan mengajar, tempat menerima dan memberi pelajaran (Noresah, 2005). Sekolah ialah mana-mana institusi yang memberikan penerangan dalam pelbagai bidang. Manakala, sukan ialah aktiviti yang melibatkan fizikal dan kemahiran secara individu atau berkumpulan dalam pertandingan atau hiburan (Pearsall, 2002). Sukan merujuk permainan atau aktiviti yang melibatkan pengalaman secara langsung berdasarkan organisasi dan peraturan permainan yang signifikan (Lumpkin, Stoll & Beller, 2003). Sukan merupakan aktiviti pertandingan

berinstitusi yang melibatkan kemahiran fizikal dan kemudahan tertentu serta dikendalikan berdasarkan satu set peraturan untuk mencari pemenang (Woods, 2007).

Sekolah dalam kajian ini terdiri daripada dua buah Sekolah Sukan Malaysia iaitu Sekolah Sukan Bukit Jalil (SSBJ), Kuala Lumpur dan Sekolah Sukan Bandar Penawar, Kota Tinggi, Johor. Sekolah sukan ini merupakan tempat para atlet menjalani kehidupan seharian termasuk menghadiri kelas akademik, menjalani latihan sukan serta tempat melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti kurikulum dan kokurikulum. Ia merupakan tempat terbaik bagi melahirkan golongan atlet yang mahir bersukan, patriotik dan berilmu pengetahuan yang tinggi. Sekolah sukan pastinya mampu melahirkan jaguh sukan yang bertaraf dunia seiring dengan proses pembangunan sukan sebagai sebuah industri.

Rumusan

Bab pengenalan ini mengupas perkembangan sukan di Malaysia dan semangat patriotisme dan sukan. Penghuraian permasalahan kajian, objektif, persoalan dan kerangka konseptual kajian dibina berasaskan teori patriotisme, teori motivasi intrinsik dan ekstrinsik, teori perkembangan karakter dan moral serta elemen kemahiran emosi. Kepentingan, batasan serta pentaksiran istilah atau definisi konsep kajian turut dikupas bagi memberi gambaran yang jelas tentang pelaksanaan kajian ini. Seterusnya, pengkaji membuat tinjauan literatur berkaitan tajuk kajian iaitu semangat patriotisme dan sukan berdasarkan bacaan dan rujukan perpustakaan. Tinjauan lampau ini dipaparkan melalui bab dua iaitu tinjauan literatur.

BAB 2

TINJAUAN LITERATUR

Pendahuluan

Tinjauan lampau atau tinjauan literatur merupakan aktiviti terawal dalam proses menjalankan sesebuah kajian atau penyelidikan ilmiah. Tinjauan literatur ini sangat penting untuk menjalankan kajian penyelidikan dan ianya dapat memberikan sumbangan maklumat yang berharga. Selain itu, tinjauan lampau juga perlu meliputi setiap bahagian yang terdapat di dalam kajian penyelidikan dan ianya juga merupakan badan maklumat kajian yang berkait rapat dengan sesuatu permasalahan kajian. Hal ini digambarkan oleh petikan berikut:

“The review of related literature serves multiple purposes and is essential to a well-designated research study. It generally comes early in the research process, and it can contribute valuable information to any part of the research study.” (Wiersma, 1991: 50).

Tinjauan literatur atau tinjauan lampau kajian ini meliputi refleksi patriotisme menerusi dasar pendidikan dan sukan negara, semangat patriotisme dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) menerusi Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan, Sejarah dan Pendidikan Moral. Seterusnya, simbol patriotisme dan sukan, cabaran dan tanggungjawab warga muda, isu-isu patriotisme dan sukan, paradoks antara semangat patriotisme dan ganjaran, aspek-aspek semangat patriotisme iaitu pengetahuan, nilai atau perasaan dan perlakuan patriotik. Seterusnya, aplikasi intrinsik dan kemahiran emosi iaitu minat, keseronokan, keazaman, positif, fokus, usaha, keyakinan dan berdaya saing. Seterusnya, aplikasi motivasi ekstrinsik dan kemahiran emosi iaitu ganjaran, sukan, pendidikan, ibu bapa, jurulatih, rakan atlet, penyokong dan media massa.

Tinjauan literatur kajian ini dikupas hasil bacaan dan pengkajian melalui media elektronik seperti UMI ProQUEST dan „ERIC Database“; internet dan media bukan elektronik seperti buku, jurnal dan buletin dengan membuat rujukan di perpustakaan.

Tinjauan literatur ini juga meliputi kajian dan hasil penulisan yang terdapat di dalam dan luar negara.

Refleksi Semangat Patriotisme

Kerajaan Malaysia umumnya dan Kementerian Pelajaran Malaysia khususnya amat menitikberatkan pemupukan semangat patriotisme terutama dalam kalangan generasi muda. Hal ini dapat dilihat dengan jelas melalui penggubalan dasar pendidikan negara dan dasar sukan negara. Kerajaan Malaysia berusaha menjadikan pendidikan dan sukan sebagai media atau alat dalam melahirkan warganegara patriotik dan mampu melibatkan diri dalam pembangunan negara terutama pembangunan sukan. Ini kerana, sukan merupakan medium terbaik memupuk semangat patriotisme dan perpaduan kaum selain melahirkan masyarakat yang cergas dan sihat. Sejak tahun 1957, kerajaan Malaysia memberi penekanan dan menerima sukan sebagai disiplin akademik (Mohd Salleh, 2004).

Semasa penjajahan British, Pendidikan Jasmani telah diperkenalkan sebagai kurikulum sekolah, manakala sukan bola sepak, badminton dan olahraga dibangunkan sebagai aktiviti sukan pertandingan dan kegiatan di luar bilik darjah. Selepas negara mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957, Kementerian Pelajaran Malaysia sentiasa menggalakkan penyertaan murid dalam apa jua aktiviti sukan dan memperakukan bahawa sukan sememangnya penting untuk membina ketahanan diri dan kesihatan di samping memupuk perkembangan jasmani, rohani dan emosi yang seimbang dan menyeluruh (Kementerian Pelajaran Malaysia, 1988). Hal ini terus meningkatkan kepercayaan masyarakat terhadap kepentingan sukan terhadap perkembangan jasmani yang sihat dan menjamin kualiti kehidupan yang lebih baik termasuklah pulangan materialistik bagi golongan atlet profesional.

Sukan dianggap sebagai sebahagian daripada kegiatan kokurikulum yang diwajibkan di sekolah-sekolah dan merupakan satu-satunya saluran yang berkesan bagi memupuk persefahaman, perpaduan dan semangat patriotisme dalam kalangan murid pelbagai kaum (Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 7/1988). Kepentingan sukan sebagai alat pemupukan patriotisme dan perpaduan turut ditekankan melalui Laporan Jawatankuasa Kabinet (1974), iaitu sukan dimestikan di semua sekolah di Malaysia. Kementerian Pelajaran Malaysia (1984) amat mementingkan aktiviti sukan dan hal ini ditegaskan menerusi petikan berikut:

”Sukan merupakan satu saluran yang berkesan untuk menanamkan semangat kesukanan, memupuk persefahaman serta perpaduan dalam kalangan murid di negara ini (Kementerian Pelajaran Malaysia, 1984: 185). Sukan juga penting untuk kesihatan dan perkembangan jasmani, rohani dan kesihatan murid (Kementerian Pelajaran Malaysia, 1984: 186). Kegiatan sukan dan olahraga di peringkat sekolah, daerah, negeri dan kebangsaan hendaklah terus dipergiatkan supaya matlamat perpaduan antara murid berbilang kaum dan lapisan masyarakat dapat dicapai.” (Kementerian Pelajaran Malaysia, 1984: 187.1c).

Seterusnya, memorandum langkah-langkah untuk memantapkan program kurikulum pada tahun 2005 juga memutuskan penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum menyumbang sebanyak 10% kepada syarat kelayakan untuk mendapat tempat di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Sekolah Berasrama Penuh (SBP). Memorandum ini juga turut mencadangkan penerusan wajaran 10% merit bagi pemilihan guru pelatih yang akan mengikuti Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI), memasuki Kolej Matrikulasi dan sebagainya. Keadaan ini menggambarkan kepentingan aktiviti kokurikulum dan sukan pada semua peringkat pendidikan di Malaysia.

Selain itu, Falsafah Pendidikan Kebangsaan (1987) juga, menekankan perkembangan insan yang seimbang dari aspek intelek, rohani, emosi dan jasmani. Aspek jasmani melibatkan aktiviti fizikal seperti bersukan bertujuan melahirkan murid yang sihat, aktif selain berilmu pengetahuan, berpegang teguh kepada ajaran agama dan memangkin perkembangan emosi yang stabil. Selain itu, ia turut menekankan

kemampuan menyumbang kepada pembangunan negara dan berusaha mencapai kesejahteraan diri, masyarakat dan negara. Intipati kandungan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) seperti berikut:

“Pendidikan di Malaysia sebagai satu usaha berterusan ke arah memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini bertujuan melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.” (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2003: vii).

Bagi merealisasikan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK), kerajaan Malaysia telah mengiktiraf sukan sebagai komponen kurikulum yang berfungsi secara langsung dan tidak langsung menerusi pendidikan. Budaya bersukan sepatutnya menjadi pilihan setiap individu dengan tidak terlalu bergantung kepada usaha pihak kerajaan untuk melibatkan diri dalam aktiviti sukan. Ini merupakan satu peluang yang boleh digunakan oleh setiap warganegara Malaysia untuk menunjukkan kebaktian dan tanggungjawab terhadap negara. Slogan „*Malaysia Boleh*” perlu direalisasikan dan dijadikan sebagai pemangkin semangat juang untuk berusaha memartabatkan nama Malaysia di arena sukan antarabangsa.

Pendidikan merupakan agen perubahan yang tentunya memainkan peranan penting dalam memupuk semangat patriotisme dalam kalangan generasi muda atau generasi masa depan negara. Malah melalui Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006-2010, pihak kerajaan telah menggariskan enam teras utama, antaranya „*Membina Negara Bangsa*”, „*Membangunkan Modal Insan*” dan „*Melonjakkan Kecemerlangan Institusi Pendidikan*”. Salah satu matlamat utama Pelan Induk Pembangunan Pendidikan dalam „*Membina Negara Bangsa*” adalah untuk melahirkan murid yang memiliki semangat patriotik, selain memiliki jati diri, bermoral, berpegang

teguh kepada ajaran agama, penyayang, demokratik, liberal, berbudaya saintifik dan hidup bersatu padu (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2006).

Keupayaan membina negara bangsa Malaysia yang berdaulat bergantung kepada perkongsian nilai serta semangat patriotisme, *lingua franca*, integrasi, kewarganegaraan dan demokrasi. Pihak kerajaan juga berusaha memantapkan perpaduan negara dan integrasi nasional dengan meningkatkan semangat patriotik melalui aktiviti kokurikulum dan menanam semangat saling menghormati terhadap sensitiviti masyarakat majmuk. Sejalan dengan hasrat pihak kerajaan untuk membina negara bangsa yang unggul, Kementerian Pelajaran Malaysia dalam usahanya memupuk semangat patriotisme dalam kalangan murid telah mewajibkan agar sekolah menubuhkan Kelab Rukun Negara sebagai satu daripada aktiviti kokurikulum (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2006).

Selepas tercetusnya peristiwa hitam iaitu rusuhan kaum pada 13 Mei 1969, kerajaan Malaysia telah memperkenalkan Rukun Negara pada 1981. Rukun Negara ini terhasil daripada penyatuan pemikiran para cendekiawan dan pemimpin negara iaitu perlunya pembangunan bangsa yang mempunyai identiti dan pegangan yang sama walaupun berbeza cara hidup dan kebudayaan. Rukun Negara merupakan kunci bagi masyarakat majmuk atau berbilang bangsa untuk memelihara, menggalakkan keharmonian dan perpaduan demi kejayaan dan kestabilan sesebuah negara (Jabatan Penerangan Malaysia, 2005: 30). Rukun Negara menjadi asas perpaduan dan keharmonian masyarakat berbilang kaum yang terdapat di Malaysia.

Rukun Negara (1981) bertindak sebagai ideologi yang menyatu padukan rakyat Malaysia dengan berdasarkan nilai-nilai sejagat atau universal yang terkandung di dalamnya. Selain itu, aspek penting yang perlu ditekankan dalam sanubari rakyat ialah kepekaan sivik, dalam erti kata lain semangat cintakan negara hendaklah ditekankan dan harus melampaui sebarang ciri-ciri etnosentrik yang ada pada setiap kaum di Malaysia agar keikhlasan membina negara bangsa Malaysia terbentuk dengan jayanya (Chin Yee

Mun, 2006). Rukun Negara mempunyai lima prinsip yang menjadi pegangan dan amalan masyarakat Malaysia iaitu:

- i) Kepercayaan kepada Tuhan
- ii) Kesetiaan kepada raja dan negara
- iii) Keluhuran Perlembagaan
- iv) Kedaulatan undang-undang
- v) Kesopanan dan kesusilaan

Manakala, Zulhilmi & Rohani (2003), prinsip pertama menegaskan agama sebagai pegangan utama rakyat Malaysia, rakyat yang beragama mudah diurus dan Perlembagaan Malaysia menetapkan Islam adalah agama rasmi tetapi agama lain bebas dianuti. Prinsip kedua menuntut semua rakyat supaya taat setia kepada raja dan negara, Yang Di-Pertuan Agong merupakan ketua negara dan raja Melayu merupakan ketua negeri, raja adalah simbol penyatuan rakyat dan pelindung hak istimewa pribumi orang Melayu dan penderhakaan kepada raja juga bermaksud penderhakaan kepada negara. Prinsip ketiga menegaskan Perlembagaan merupakan undang-undang utama yang luhur, suci dan unggul. Semua rakyat Malaysia dituntut supaya menerima, mematuhi, menyanjungi dan mempertahankan prinsip-prinsip Rukun Negara ini.

Seterusnya, prinsip keempat menuntut rakyat menghormati undang-undang dengan tidak melakukan kesalahan di sisi undang-undang, rakyat akan hidup dalam keamanan apabila kedaulatan undang-undang terpelihara dan rakyat juga bertanggungjawab memastikan undang-undang negara sentiasa didaulatkan dan tidak dicabar oleh mana-mana pihak. Prinsip terakhir menuntut rakyat supaya bersopan dan bertatasusila, ia merupakan nilai-nilai murni yang melambangkan keperibadian seseorang individu dan menjamin kehidupan masyarakat yang aman dan harmonis, penyayang dan saling menghormati antara satu sama lain (Zulhilmi & Rohani, 2003).

Manakala, Kementerian Belia dan Sukan (2008), menegaskan penggubalan Dasar Sukan Negara (1988) berasaskan rasional sukan menyumbang kepada penggalakkan pertandingan yang sihat, semangat muhibah, toleransi, kesefahaman dan pembinaan kualiti moral dan fizikal memberi satu landasan yang selesa untuk mengintegrasikan pelbagai kumpulan etnik kepada satu bangsa yang bersatu padu serta pemupukan maruah bangsa dan negara. Di peringkat individu pula, sukan berupaya membentuk sahsiah, kesedaran diri, memupuk semangat patriotisme, menjamin kesihatan mental dan fizikal, menggalakkan interaksi sosial dan gaya hidup yang sihat. Peranan sukan di peringkat individu, masyarakat dan negara mampu mengekalkan keharmonian, seterusnya menggalakkan pertumbuhan ekonomi negara yang lebih baik.

Selain itu, dasar sukan negara merangkumi dua bahagian iaitu „*Sukan Untuk Semua*” dan „*Sukan Prestasi Tinggi*”. Sukan untuk semua diharap dapat meningkatkan tahap kesihatan dan menjadikan rakyat lebih produktif. Manakala, sukan prestasi tinggi diharap dapat mencetuskan perasaan cinta akan negara, sanggup berkorban untuk negara dan bangga terhadap negara Malaysia. Sejarah telah membuktikan semakin meningkat pencapaian sukan, semakin meningkat pula taraf hidup ahli sukan tersebut (Mohd Salleh, 2004). Tuntasnya, menerusi dasar pendidikan dan dasar sukan negara ini, jelas kerajaan Malaysia sedang berusaha membina masyarakat Malaysia terutama generasi muda yang bukan sahaja sihat tetapi mempunyai semangat patriotik, bersatu padu dan mampu menyumbang terhadap pembangunan negara. Dasar sukan negara yang melibatkan semua lapisan masyarakat ini merupakan agenda utama negara dalam membentuk masyarakat sihat dan penyayang menjelang Wawasan 2020.

Semangat Patriotisme dan Kurikulum Bersepadu

Pendidikan adalah suatu proses pengkajian terhadap manusia dan dunianya. Ia bukan sahaja boleh dipelajari setiap hari tetapi setiap individu mesti mengalaminya terutama dalam sistem demokrasi. Ia diperkukuhkan melalui pendedahan teknik-teknik dan pengetahuan mengenai tingkah laku yang bijak dan kehidupan sosial yang efektif serta boleh direalisasikan melalui aktiviti sukan. Dewey (1859-1952), menekankan pendidikan relatif, berpusatkan pengalaman, praktikal dan berpusatkan individu agar ia berupaya membentuk personaliti seseorang secara bersepadu dalam usaha melahirkan individu yang bermoral, sosial, berestetika dan berpegang teguh pada ajaran agama (Robert, 1991).

Ketika demokrasi diterima secara meluas dalam masyarakat, pengajaran patriotisme dengan mudah dapat dicapai sesuai dengan prinsip-prinsip demokrasi. Namun peperangan telah mengakibatkan kemunculan bentuk-bentuk patriotisme yang mengancam prinsip asas demokrasi. Prinsip-prinsip asas demokrasi menjadi asas atau panduan bagi menggubal Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan. Dalam beberapa kes guru, ahli lembaga sekolah dan warganegara lain menyokong bentuk-bentuk ajaran dan ungkapan patriotik yang memesong, tanpa mempedulikan kesan terhadap imej sendiri murid. Bagaimana jika perpaduan dan patriotik agresif adalah apa yang kebanyakan ibu bapa inginkan untuk anak-anak mereka, dan majoriti masyarakat mengharapkan sistem pendidikan untuk membentuk patriotisme sebegini (Ben-Porath, 2006).

Manakala, Perry & Perry (2000), menegaskan pengalaman dan pendidikan akan mempengaruhi pemahaman sivik para murid. Ramai pakar mengatakan bahawa murid mengasingkan diri dari kehidupan sivik. Orang dewasa dalam kajian Harvard atau Gallup mempamerkan persetujuan tentang pengajaran kewarganegaraan dan patriotisme. Mereka inginkan demokrasi, tradisi kesetiaan dan patriotisme diajar di samping tradisi perbezaan pendapat, nilai individu dan martabat manusia. Seterusnya,

kajian Gallup pada bulan Januari 2002, mendapati bahawa 59% menyatakan bahawa penglibatan peribadi tidak perlu bagi seseorang untuk benar-benar patriotik, tetapi majoriti besar bersetuju bahawa patriotisme bukan sekadar menaikkan bendera negara (Perry, 2002).

Masyarakat sivil merupakan masyarakat yang mempunyai kesedaran sivik iaitu perlakuan warganegara yang dapat membantu ke arah mengekalkan norma-norma masyarakat dan mematuhi undang-undang negara. Kesedaran sivik ini penting untuk kesejahteraan hidup rakyat (Roshayati, 2004). Selaras dengan hasrat dan wawasan negara, mata pelajaran Sivik dan Kewarganegaraan telah dijadikan asas dalam usaha merealisasikan hasrat negara bagi melahirkan masyarakat sivil dan berilmu pengetahuan. Tafsiran sivik ini merujuk kepada satu kegiatan yang menyediakan pengalaman kepada seseorang untuk memainkan peranan yang lebih matang dalam kerajaan, undang-undang dan politik negara (Lasswell, 1969).

Selain Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan, Pendidikan Moral pula merupakan mata pelajaran yang menekankan pembelajaran terhadap peraturan moral dan kebolehan membuat keputusan moral. Fokus Pendidikan Moral menekankan perhubungan dan tanggungjawab, berbakti untuk masyarakat dan menyesuaikan kehendak diri dengan mengambil kira keperluan orang lain. Harapan penting Pendidikan Moral ialah memupuk perasaan simpati, empati dan saling menghormati antara satu sama lain (Bigger, 2001). Pendidikan Moral ini bukan hanya berlaku di sekolah, malah para ibu bapa harus memainkan peranan penting menerapkan nilai-nilai murni terhadap anak-anak sejak di awal usia lagi.

Manakala, Ashmore (1997), menegaskan Pendidikan Moral di negara China juga berasaskan lima cinta atau „*five love*” iaitu ...cinta tanahair, cinta masyarakat, cinta buruh fizikal, cinta sains dan cinta sosialisme...berfokuskan patriotisme, kerjasama, kesopanan dan disiplin. Selain itu, Murray (1993), telah membuat perbandingan

patriotisme antara Indonesia dan Amerika Syarikat. Beliau mengemukakan sepuluh peraturan moral yang menjadi identiti patriotisme berdasarkan logik Gerts seperti jangan menipu, menepati janji, patuhi undang-undang dan melaksanakan tugas masing-masing iaitu:

“... don“t kill, don“t cause the pain, don“t disable, don“t deprive of freedom or oppurtunity, don“t deprive of pressure, don“t deceive, keep your promise, don“t cheat, obey the law and do your duty.” (Murray, 1993: 3).

Selain itu, Murray (1993), juga mengaitkan patriotisme dengan kesetiaan atau „loyalty“ sebagai prinsip moral yang utama. Kesetiaan seseorang individu dalam menghayati dan seterusnya berusaha untuk mempromosikan nilai-nilai yang dipegang oleh sesuatu bangsanya:

“...loyalty consist of person“sembracing and seeking to promote values held the object... the object is the nation... typical individuals, groups, institutions... typical individuals are gods, charismatic leaders and heroes... groups include an athletic team... institutions are schools... and the nation.” (Murray, 1993: 3).

Manakala, Chien-Lung (1998), mengatakan proses pembinaan kurikulum Pendidikan Moral dan patriotisme di negara Taiwan pula dipengaruhi oleh kuasa politik. Implikasi kajian beliau menunjukkan bahawa kekeliruan identiti bangsa mempengaruhi pembinaan kurikulum patriotisme dan murid menjadi mangsa. Beliau mencadangkan agar kurikulum baru dibina berasaskan identiti China dan Taiwan atau „Chinese Identity“ dan „Taiwan Identity“. Dapatan kajian juga menunjukkan kepentingan semangat patriotisme dalam membentuk identiti bangsa dan asas kesejahteraan negara.

Tuntasnya, Pendidikan Sivik dan Kewarganegaran, Pendidikan Moral dan Sejarah dalam sistem pendidikan di Malaysia, amat menekankan pemupukan semangat patriotisme dalam kalangan murid. Ini kerana, semangat patriotisme penting untuk membentuk perpaduan dalam kalangan masyarakat majmuk yang unik dengan pelbagai agama, adat resam dan kebudayaan yang berbeza. Perbincangan berikutnya melibatkan peranan, matlamat dan kandungan Pendidikan Sivik dan Kewarganegaran, Sejarah dan

Pendidikan Moral. Pengupasan ini dibuat bagi melihat kepentingan pendidikan di Malaysia dalam usaha melahirkan murid yang patriotik, berilmu pengetahuan dan mengalami perkembangan yang seimbang serta menyeluruh dalam pelbagai aspek kehidupan.

Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan

Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan (PSK) atau „*Civics and Nationhood*“ diadakan di sekolah pada 1954 berikutan Laporan Pelajaran (1952). Laporan Razak (1956) pula meletakkan asas Dasar Pelajaran Kebangsaan menyebut tentang kepentingan sivik sebagai kaedah memberi latihan kewarganegaraan dengan menekankan perpaduan kaum. Manakala, Kementerian Pelajaran Malaysia (1979) menerusi Laporan Kabinet (1979) mengakui kepentingan mata pelajaran Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan dalam usaha melahirkan generasi akan datang yang bertanggungjawab dan berguna pada negara.

Penggubalan semula kurikulum Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) diadakan pada bulan Julai 2003. Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan KBSM dimulakan secara berperingkat-peringkat di sekolah menengah mulai 2005. Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan dimulakan dengan tingkatan satu bagi sekolah menengah dan dijangkakan murid tingkatan lima akan mempelajari mata pelajaran Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan menjelang 2009 (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2005b).

Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan KBSM dibina oleh Kementerian Pelajaran Malaysia berdasarkan Sukatan Pelajaran dan Huraian Sukatan Pelajaran yang disediakan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia. Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan memberi tumpuan utama kepada beberapa isu perpaduan, patriotisme dan pemahaman terhadap pelbagai budaya masyarakat Malaysia.

Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan digubal bertujuan melahirkan murid yang patriotik dan bertanggungjawab sebagai warganegara Malaysia (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2005b).

Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan menekankan empat prinsip utama iaitu belajar untuk mengetahui atau „*learning to know*“, belajar untuk melaksanakan atau „*learning to do*“, belajar untuk hidup bersama atau „*learning to live together*“ dan belajar untuk menjadi atau „*learning to be*“. Matlamat Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan KBSM ialah menyedarkan murid tentang peranan, hak dan tanggungjawab terhadap masyarakat dan negara. Melahirkan masyarakat Malaysia yang bersatu padu, mempunyai semangat kebangsaan atau patriotik dan boleh menyumbang kepada agama, masyarakat dan negara. Tiga objektif utama Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan KBSM melibatkan aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai berasaskan gabungan unsur-unsur pemikiran, perlakuan dan jiwa (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2005b).

Objektif pengetahuan menekankan perkembangan kognitif murid seperti mengenal pasti ciri-ciri peribadi yang boleh menyumbang ke arah pembangunan masyarakat dan negara, menerangkan peranan dan tanggungjawab keluarga terhadap pembentukan masyarakat sejahtera dan memahami pelbagai agama, tradisi dan budaya masyarakat Malaysia untuk mewujudkan masyarakat yang bersatu padu, melahirkan masyarakat yang progresif, dinamik dan patriotik, peranan dan tanggungjawab warganegara terhadap pembangunan dan mengetahui cara-cara menangani cabaran dan ancaman yang boleh menjejaskan kesejahteraan masyarakat dan negara (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2005b).

Seterusnya, objektif kemahiran pula bertujuan membentuk murid yang boleh mendisiplinkan diri dalam mencapai wawasan diri dan negara, menjalankan tanggungjawab sebagai anggota keluarga untuk melahirkan keluarga bahagia dan berinteraksi dengan anggota masyarakat pelbagai kaum untuk mewujudkan perpaduan

negara (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2005b). Perpaduan negara amat perlu bagi negara Malaysia yang terdiri dari pelbagai kaum, budaya dan adat resam. Kebolehan murid perlu dicungkil dan diasuh untuk menjamin kemakmuran dan keamanan negara pada masa akan datang. Manakala, perlakuan murid yang akan mencerminkan bangsa dan rakyat Malaysia yang akan mewarisi budaya, masyarakat dan negara Malaysia wajar dibentuk sejak di awal usia.

Seterusnya, objektif nilai pula menekankan aspek peribadi dan tingkah laku murid iaitu mestilah mempunyai wawasan untuk mencapai kejayaan diri, masyarakat dan negara, menghargai sumbangan keluarga dalam membentuk masyarakat yang mapan dan berbangga terhadap keunikan pelbagai budaya dan menerimanya sebagai keistimewaan masyarakat Malaysia, menunjukkan kesedaran sivik sebagai warganegara yang bertanggungjawab, cinta akan negara dan sanggup berkorban untuk negara serta mengamalkan semangat kekitaan dalam usaha mengekalkan keamanan dan keharmonian negara dan dunia seingat (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2005b). Objektif nilai merujuk kepada nilai murni yang perlu dimiliki oleh seorang warganegara supaya boleh menjadi manusia yang berakhlak mulia dan bertanggungjawab. Nilai-nilai murni ini seperti toleransi, menghormati hak orang lain, adil, saksama, integriti dan patriotisme.

Bagi mencapai objektif tersebut, pihak kerajaan telah merangka dan membina Organisasi Kandungan Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan. Organisasi Kandungan ini terdiri dari dua komponen utama iaitu „*Kandungan Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan*“ dan „*Khidmat Masyarakat*“. Kandungan Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan merangkumi enam tema iaitu pencapaian sendiri, hubungan kekeluargaan, hidup bermasyarakat, warisan kepelbagaian budaya Malaysia, Malaysia negara berdaulat dan cabaran masa depan. Enam tema utama ini dilaksanakan mengikut tingkatan iaitu dua tema bagi tingkatan satu dan seterusnya satu tema bagi tingkatan dua

hingga tingkatan lima melalui pelaksanaan program Khidmat Masyarakat (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2005b).

Tajuk perbincangan bagi pencapaian sendiri murid seperti identiti diri, penyelesaian konflik dan kecemerlangan diri. Hubungan kekeluargaan seperti keluarga bahagia, perpaduan dalam keluarga dan tanggungjawab terhadap keluarga. Hidup bermasyarakat pula seperti bangga terhadap sekolah, penjagaan dan peningkatan imej sekolah dan menghormati hak orang lain. Warisan kepelbagaian budaya Malaysia pula merangkumi cerita-cerita rakyat, warisan kesenian dan adat resam serta pantang larang pelbagai kaum seperti Melayu, Cina dan India (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2005b).

Tajuk perbincangan bagi Malaysia negara berdaulat seperti kerajaan demokrasi, sistem demokrasi berparlimen di Malaysia dan raja berperlembagaan. Perbincangan sistem pemerintahan dilakukan supaya murid mengetahui hak sebagai rakyat Malaysia dan mengambil bahagian dalam pilihanraya bagi memilih pemimpin negara dalam sistem demokrasi. Cabaran masa depan pula menekankan kesinambungan kesejahteraan rakyat, kestabilan dan keberkesanan jentera pentadbiran negara dan bekerjasama dan bersatu padu dalam menghadapi pelbagai cabaran (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2005b).

Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan ini dilihat sebagai satu mata pelajaran yang penting dalam melahirkan warganegara yang patriotik dan sanggup berkorban untuk negara selaras dengan pelaksanaan Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) terhadap murid lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Program Latihan Khidmat Negara bersesuaian bagi membentuk dan melahirkan warganegara yang mempunyai perasaan bangga dan cinta akan negara, patriotik dan bertanggungjawab terhadap keluarga, masyarakat dan negara Malaysia. Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan ini diharap dapat melahirkan modal insan yang bakal menjadi tunjang dalam pembangunan

ekonomi dan menjamin keharmonian negara sebagai sebuah tempat yang selesa dan selamat didiami.

Tuntasnya, isu-isu perpaduan dan semangat patriotisme warganegara di Malaysia, khususnya dalam kalangan generasi muda menjadi isu yang sering diperkatakan dan dibincangkan oleh para pemimpin negara, pendidik, masyarakat dan media massa. Tidak dapat dinafikan lagi sekolah mempunyai peranan dan tanggungjawab untuk membimbing dan melahirkan generasi yang bertanggungjawab. Dengan itu, kesejahteraan masyarakat dan pembangunan negara akan dapat diteruskan dan dikekalkan. Dalam hal ini, pendekatan penyertaan murid secara aktif dan interaktif memberi peluang kepada murid untuk bertanya, berkomunikasi dan berinteraksi antara satu sama lain, memberi dan berkongsi pendapat serta idea untuk memahami dan mengkaji peranan mereka sebagai warganegara Malaysia yang patriotik dan bertanggungjawab (Chang Lee Hoon, 2005).

Sejarah

Menurut Abdul Rahim (2004), pihak Kementerian Pelajaran Malaysia semakin serius berusaha memupuk dan mengembangkan semangat patriotisme di semua peringkat pendidikan bagi melahirkan warganegara yang patriotik. Bagi mencapai hasrat ini, mulai 1989, Kementerian Pelajaran Malaysia telah menjadikan mata pelajaran Sejarah sebagai subjek teras yang wajib diambil oleh semua murid di peringkat menengah rendah dan menengah atas. Pendidikan Sejarah Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah bertujuan memupuk dan mengukuhkan setia negara dan jati diri sebagai warganegara Malaysia dan warga dunia. Manakala, kurikulum Sejarah pula digubal berdasarkan objektif iaitu melahirkan murid yang memiliki semangat patriotik dan melibatkan diri dalam usaha mempertahankan kedaulatan, pembangunan dan kemajuan negara (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2000).

Matlamat pendidikan Sejarah ialah memupuk taat setia rakyat kepada bangsa dan negara, berbangga menjadi warganegara Malaysia dan memperkukuhkan perasaan cintakan tanah air. Langkah kerajaan menjadikan Sejarah sebagai mata pelajaran wajib lulus di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan mata pelajaran teras bagi sekolah rendah mulai 2014 (Ahmad, Abdul Razaq & Zunaida, 2011). Hal ini dilaksanakan memandangkan pendidikan Sejarah berupaya membina sahsiah, semangat patriotisme, daya juang, harga diri dan kemampuan menghadapi cabaran. Pemupukan semangat patriotisme boleh menimbulkan keinsafan, kebanggaan, kecintaan terhadap negara, bahasa dan budaya warisan. Manakala kemerosotan semangat ini dalam kalangan generasi muda menjejaskan tanggungjawab mereka terhadap bangsa dan negara (Anuar, 2001 & Khazin, 2001).

Selain itu, Abdul Rahim (2000), mengatakan penerapan nilai-nilai politik melalui mata pelajaran Sejarah seperti semangat setia negara, patriotisme, demokrasi dan kepimpinan mampu melahirkan murid yang dapat memahami dan berinteraksi dengan harmoni selain memupuk perpaduan dalam kalangan masyarakat majmuk. Pendidikan Sejarah menjadi asas penting untuk membina, memupuk dan menghidupkan semangat patriotisme dalam usaha membina negara bangsa Malaysia (Anuar, 2001). Pendidikan Sejarah juga boleh membina warganegara yang patriotik, nasionalistik dan memupuk perpaduan masyarakat berbilang kaum (Khoo Kay Kim, 2002 & Khazin 2001). Pendidikan Sejarah memainkan peranan penting bagi membentuk golongan murid yang menghargai sejarah tanah air, melibatkan diri dalam pembangunan dan bersama-sama mengekalkan keharmonian negara.

Seterusnya, pendidikan Sejarah memainkan peranan penting dalam memupuk dan memantapkan semangat patriotisme rakyat berbilang kaum, lebih-lebih lagi kepada generasi baru yang dilahirkan sebagai anak merdeka (Khoo Kay Kim, 2002). Hal ini diberi penekanan agar golongan atlet muda ini tidak begitu mudah dipengaruhi oleh

anasir barat apabila menjalani latihan dan pertandingan sukan di luar negara. Malah, semangat patriotik ini menjadikan atlet lebih matang dan bijak dalam membuat keputusan dan tindakan apabila melibatkan maruah negara. Penekanan terhadap semangat patriotik bertujuan membentuk warganegara yang berhemah tinggi, bangga, patriotik, berjati diri, bersemangat juang dan bersedia menyumbang kepada bangsa dan negara (Barker, 2002). Manakala, Siti Hafsa Hanim & Anuar (2011), terdapat lima nilai patriotisme yang terkandung dalam mata pelajaran Sejarah iaitu:

- i. Berbangga sebagai rakyat Malaysia dengan menghormati raja dan pemimpin negara, menghargai jasa dan perjuangan tokoh-tokoh, menjaga dan mempertahankan maruah bangsa dan negara, menghargai dan mengamalkan tradisi dan budaya bangsa dan berbangga dengan sejarah negara.
- ii. Bersemangat setia negara dengan cinta akan bangsa dan negara, taat setia kepada raja dan pemimpin, bertanggungjawab kepada bangsa dan negara, berani dan sanggup mempertahankan kedaulatan, peka terhadap masalah dan isu negara dan bersyukur sebagai warganegara Malaysia.
- iii. Bersemangat kekitaan dengan bersatu padu dan berharmoni, bertolak ansur, bekerjasama dan tolong menolong, hormat menghormati, bersefahaman dan bermuafakat dan semangat bermasyarakat.
- iv. Berdisiplin dengan berakhlak dan berbudi pekerti mulia, mempertahankan dan menjunjung Perlembagaan, sopan, bertatasusila dan berhemah tinggi, bertindak wajar, amanah dan jujur, adil dan bertimbang rasa.
- v. Berusaha dan produktif dengan rajin dan gigih, berdikari, tabah, menyokong dan melibatkan diri dalam pembangunan, berganding bahu memajukan negara, berilmu dan berketerampilan.

Bagi mencapai tujuan penerapan nilai-nilai patriotik tersebut, penekanan unsur-unsur patriotisme dalam buku teks Sejarah tingkatan satu menekankan unsur emosi, sosialisasi dan motivasi. Buku teks Sejarah tingkatan dua menekankan unsur patriotisme nasionalisme, tindakan pembinaan negara dan emosi. Manakala buku teks Sejarah tingkatan tiga menekankan unsur patriotisme, nasionalisme, emosi dan kewarganegaraan. Penekanan unsur-unsur patriotisme tingkatan satu iaitu 46.6%, tingkatan dua iaitu 30.6% dan tingkatan tiga iaitu 22.83% (Mohamad Sultan, 2010). Peratusan ini menunjukkan pentingnya pemupukan unsur-unsur patriotisme sejak di awal usia bak kata pepatah „*melenur buluh biarlah dari rebungnya*“.

Tuntasnya, unsur-unsur patriotisme dalam kurikulum Sejarah juga menitikberatkan nilai-nilai yang dapat memupuk semangat bangga terhadap bangsa Malaysia. Semangat patriotisme adalah perasaan cinta yang kuat terhadap tanah air. Perasaan ini perlu wujud di hati masyarakat berbilang bangsa kerana ia dapat membentuk perpaduan dan keharmonian masyarakat di Malaysia. Patriotisme merangkumi unsur-unsur seperti berbangga sebagai rakyat Malaysia, semangat setia negara, semangat kekitaan, berdisiplin serta berusaha dan produktif (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2000). Semangat ini juga mampu membentuk masyarakat yang matang berfikir dan bertindak berdasarkan kepentingan bangsa dan negara.

Pendidikan Moral

Pendidikan Moral atau pendidikan nilai murni sememangnya telah diberikan penekanan dalam sistem pendidikan negara. Penekanan ini termaktub dalam Penyata Razak (1956) dan Laporan Rahman Talib (1960) yang menjadi asas pembentukan Akta Pendidikan (1961) serta Laporan Jawatankuasa Kabinet (1988), menegaskan matlamat negara ialah melahirkan masyarakat yang bersatu padu, berdisiplin dan terlatih (Abd Rahim, 2002). Pendidikan dan pemupukan nilai-nilai murni ini direalisasikan melalui

mata pelajaran Pendidikan Moral bagi murid bukan beragama Islam dan Pendidikan Islam bagi murid yang beragama Islam.

Pendidikan Moral merupakan satu program kurikulum yang bermatlamat untuk mendidik murid supaya menjadi insan yang bermoral atau berakhlak mulia dengan menekankan tiga aspek utama iaitu perkembangan kognitif atau pemikiran moral, efektif atau perasaan moral dan psikomotor atau tingkah laku moral (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2003: 1) Berdasarkan Akta Pendidikan (1996), Pendidikan Moral dijadikan mata pelajaran teras bagi murid bukan Islam dari pra-sekolah hingga murid tingkatan lima. Beberapa prinsip dikenalpasti sebagai panduan dalam melahirkan modal insan yang menyeluruh iaitu:

- i) Bertanggungjawab terhadap diri, keluarga dan orang lain.
- ii) Berpegang teguh pada ajaran agama.
- iii) Prihatin kepada alam sekitar.
- iv) Mengekalkan keamanan dan keharmonian hidup.
- v) Bersemangat patriotik.
- vi) Menghormati hak asasi manusia.
- vii) Mengamalkan prinsip demokrasi dalam kehidupan.

Oleh yang demikian, kurikulum Pendidikan Moral mempunyai matlamat yang jelas iaitu membentuk individu yang berakhlak mulia, bertanggungjawab dan boleh menyumbang ke arah keharmonian dan kestabilan negara serta masyarakat global (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2003: 3). Matlamat ini berusaha dicapai melalui objektif-objektif berikut:

- i) Memahami dan menghayati nilai-nilai yang diperlukan untuk berakhlak mulia.
- ii) Menyedari dan menerima kepentingan keharmonian antara manusia dengan alam sekitar serta berusaha mengekalkannya.

- iii) Meningkatkan persefahaman dan kerjasama bagi mengekalkan keamanan dan keharmonian hidup dalam negara Malaysia yang demokratik.
- iv) Mengembangkan pemikiran dan perasaan moral dalam membuat keputusan dan menyelesaikan masalah.
- v) Mempunyai iltizam untuk mengamalkan tingkah laku yang bermoral secara adil dan altruistik.

Bagi mencapai objektif tersebut, maka sukatan pelajaran Pendidikan Moral dirangka sebaik mungkin dan terdiri daripada tujuh bab atau bidang pembelajaran. Bidang pembelajaran berkaitan patriotisme merupakan bidang yang keempat dan mengandungi tiga nilai utama iaitu cinta akan negara, taat setia kepada raja dan negara, dan sanggup berkorban untuk negara. Nilai cinta akan negara bermaksud perasaan sayang dan bangga kepada negara serta meletakkan kepentingan negara melebihi kepentingan diri. Manakala, nilai taat setia kepada raja dan negara bermaksud kepatuhan dan kesetiaan yang berkekalan kepada raja dan negara. Selain itu, nilai sanggup berkorban untuk negara bermaksud kerelaan melakukan atau menyerahkan sesuatu termasuk nyawa sebagai tanda kebaktian untuk negara (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2003).

Seterusnya, skop pengajaran dan pembelajaran bidang patriotisme tingkatan satu bagi nilai cinta akan negara ialah kenali negara cintai negara seperti menghargai dan menyayangi keindahan alam semulajadi iaitu sungai dan pantai serta gunung-ganang. Skop bagi nilai taat setia kepada raja dan negara ialah identiti negara lambang kedaulatan negara seperti menyedari kepentingan menghormati dan menghayati identiti negeri dan negara iaitu bendera, jata, lagu kebangsaan dan lagu negeri. Skop bagi nilai sanggup berkorban untuk negara ialah sanggup berkorban demi mempertahankan ibu pertiwi seperti membincangkan tanggungjawab dan peranan pasukan keselamatan

tentera, polis dan bomba serta perjuangan tokoh-tokoh yang terlibat dalam mempertahankan negara.

Manakala, hasil pengajaran dan pembelajaran yang berusaha dicapai ialah berbangga dan menyayangi keindahan alam sekitar di negara sendiri, mengenali lambang-lambang kebesaran negara, menghormati lambang dan identiti negara dan sanggup berkorban jiwa dan raga (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2003). Hal ini menunjukkan kerajaan Malaysia berusaha memupuk nilai-nilai patriotisme dalam jiwa anak-anak seawal usia 13 tahun bagi memastikan anak-anak bangsa menjadi warganegara yang baik dan bertanggungjawab terhadap bangsa dan negara.

Seterusnya, skop pengajaran dan pembelajaran bidang patriotisme tingkatan dua bagi nilai cinta akan negara ialah nikmat dan kesejahteraan hidup tanda kemakmuran negara seperti berbangga dan bertanggungjawab menjaga kemudahan awam dan perkhidmatan sosial negara. Skop bagi nilai taat setia kepada raja dan negara menekankan raja dan pemimpin adalah payung negara dengan menjaga tatalaku dalam majlis yang dihadiri oleh pembesar negara serta taat setia kepada raja dan negara dengan menyambut hari keputeraan, hari kebangsaan dan pertabalan raja. Skop bagi nilai sanggup berkorban untuk negara ialah sanggup berkorban demi kebajikan masyarakat dan kemakmuran negara seperti sedia mengorbankan masa dan tenaga melakukan kerja-kerja amal dan melibatkan diri dalam pembangunan ekonomi, kesihatan, pendidikan dan sukan (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2003).

Manakala, hasil pengajaran dan pembelajaran yang berusaha dicapai ialah berbangga serta menggunakan sebaik-baiknya segala perkhidmatan dan kemudahan yang telah disediakan oleh pihak kerajaan, saling menghormati serta mentaati upacara dan majlis rasmi yang dihadiri oleh para pembesar negara, menyokong dan menyertai program sambutan hari kebesaran negara seperti sambutan hari kemerdekaan dan

sanggup mengambil bahagian dalam aktiviti kemasyarakatan demi negara tercinta (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2003).

Seterusnya, skop pengajaran dan pembelajaran bidang patriotisme tingkatan tiga bagi nilai cinta akan negara ialah sayangi khazanah negara warisan bangsa seperti menghargai dan memelihara seni bina negara, tempat bersejarah dan warisan kesenian negara. Skop bagi nilai taat setia kepada raja dan negara ialah Rukun Negara asas pegangan hidup rakyat seperti menghayati kepentingan dan mengamalkan prinsip Rukun Negara. Skop bagi nilai sanggup berkorban untuk negara ialah kesediaan rakyat berkorban untuk program negara menjamin kecemerlangan negara seperti kesanggupan rakyat menjayakan pelbagai kempen melancong dalam negeri, membeli barangan buatan Malaysia dan membentuk masyarakat penyayang (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2003).

Manakala, hasil pengajaran dan pembelajaran yang berusaha dicapai ialah menghasilkan murid yang berbangga dengan khazanah negara, menyokong segala usaha pemeliharaan khazanah negara, menghayati dan mengamalkan prinsip Rukun Negara serta menyokong dan melibatkan diri dalam pelbagai kempen yang diadakan oleh negara (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2003).

Seterusnya, pengajaran dan pembelajaran bidang patriotisme tingkatan empat bagi nilai cinta akan negara ialah cinta akan negara membawa kemajuan seperti berbangga dengan kemajuan negara dalam pelbagai bidang ekonomi dan sains dan teknologi. Skop bagi nilai taat setia kepada raja dan negara ialah sejarah negara pemangkin semangat patriotik seperti perjuangan anak watan menentang penjajahan. Skop bagi nilai sanggup berkorban untuk negara ialah rakyat setia negara gemilang seperti kesanggupan rakyat berbakti kepada negara dengan berkorban nyawa dan harta benda (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2003).

Manakala, hasil pengajaran dan pembelajaran yang berusaha dicapai ialah berasa bangga dan menyokong usaha pelbagai pihak bagi memajukan negara dalam pelbagai bidang, patuh dan setia kepada negara sebagaimana yang ditunjukkan oleh tokoh-tokoh yang mempertahankan maruah negara dan menjadi rakyat yang sanggup berkorban dan berbakti untuk negara (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2003).

Selain itu, skop pengajaran dan pembelajaran bidang patriotisme tingkatan lima bagi nilai cinta akan negara ialah cinta akan negara asas kesejahteraan bersama seperti berbangga dengan kepelbagaian agama, tradisi, adat resam dan bahasa. Skop bagi nilai taat setia kepada raja dan negara ialah kesetiaan pada negara tanda kedaulatan negara seperti mempertahankan dan menyanjung tinggi kedaulatan, pertahanan dan keselamatan rakyat dan negara. Skop bagi nilai sanggup berkorban untuk negara ialah semangat patriotik mengharumkan nama negara seperti bertanggungjawab sebagai wakil negara dan melibatkan diri untuk menaikkan imej negara dengan menyertai pelbagai aktiviti yang mencabar (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2003).

Manakala, hasil pengajaran dan pembelajaran yang berusaha dicapai ialah berbangga dengan kepelbagaian agama dan budaya dalam masyarakat di Malaysia, mengelakkan diri daripada terlibat dengan anasir-anasir subversif yang akan mengancam keselamatan negara dan mencurahkan bakti dengan taat setia demi kedaulatan negara dan kesanggupan berkhidmat dan bertindak sebagai duta kecil mewakili negara dan meneroka aktiviti baru dan mencabar untuk mengharumkan nama negara (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2003).

Tuntasnya, skop dan hasil pengajaran dan pembelajaran patriotisme yang terdapat di dalam Huraian Sukatan Pelajaran Pendidikan Moral berkembang secara evolusi iaitu dari mudah kepada kompleks dan semakin mencabar selaras dengan perkembangan kognitif murid yang semakin menginjak ke alam dewasa. Penekanan Pendidikan Moral terutama bagi atlet yang bukan beragama Islam penting untuk

melahirkan wira sukan yang hebat tetapi juga bermoral, menghormati guru, masyarakat, cinta akan negara dan sanggup berkorban untuk negara (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2003). Bagi atlet beragama Islam pula, perlu dititikberatkan melalui Pendidikan Islam bagi menerapkan iman dan nilai-nilai murni dalam kehidupan.

Simbol Patriotisme dan Sukan

Patriotisme merujuk kepada semangat jati diri dan prihatin dalam mempertahankan martabat dan kedaulatan negara. Makna patriotisme tidak berubah iaitu perasaan cinta yang bukan sahaja kental tetapi kekal terhadap bangsa dan negara, namun fokus atau bentuk patriotisme berubah-ubah mengikut peredaran masa. Sehubungan dengan itu, setiap warganegara perlu menyumbang khidmat bakti secara berterusan demi pembangunan diri, keluarga, agama, masyarakat dan negara (Amini, 2007). Patriotisme dikaitkan dengan kepatuhan atau kesetiaan kepada negara, dan sentimen patriotik seperti „*chauvinisme*“; „*jingoism*“ dan mengibarkan bendera seperti mana gambaran petikan berikut:

“Patriotism, allegiance or loyalty to one’s country, and patriotic sentiment such as chauvinism, jingoism, flag waving.” (Soanes, Waite & Hawker, 2000).

Simbol patriotisme dikaitkan dengan lambang kebangsaan sesebuah negara seperti bendera, bahasa, lagu kebangsaan dan Jata Negara. Simbol ini sering digunakan dalam acara rasmi dan aktiviti sukan seperti pengibaran bendera Jalur Gemilang, nyanyian Lagu Negaraku dan pemakaian jersi sukan kebangsaan. Penggunaan simbol kebangsaan ini amat sinonim dengan acara sukan yang diadakan di dalam mahupun di luar negara. Pada kebiasaannya, masyarakat meletakkan nilai demokrasi dengan kepatuhan dan ketaatan atau „*pledge and allegiance*“ terhadap bendera negara masing-masing (Demerath III & Marwell, 1976). Manakala, Birch (1989), mencadangkan pembentukan lambang dan simbol seperti bendera dan lagu kebangsaan penting bagi

memupuk perpaduan dan kesetiaan masyarakat. Masyarakat di barat juga menggunakan bahasa sebagai alat bagi merapatkan jurang perbezaan antara kapitalisme (Anderson, 2003).

Oleh yang demikian, acara sukan begitu sinonim dengan penggunaan simbol patriotik bagi membentuk perpaduan dengan menggalakkan masyarakat berkongsi „*heritage*” dan „*common bonds*”. Kebiasaannya, acara sukan dimulakan dengan alunan lagu kebangsaan, persembahan berwarna oleh pasukan tentera, jet pejuang berterbangan di udara, kumpulan muzik dan tarian diadakan sempena meraikan sejarah dan budaya bangsa. Askar-askar Amerika Syarikat merupakan belia terbaik dan satu tema patriotik tidak dapat dinafikan tanpa mengira kualiti permainan (Woods, 2007). Hal ini menggambarkan unsur-unsur patriotik begitu ketara dalam masyarakat di seluruh dunia. Dunia moden yang serba canggih pada era ini membentuk warga muda semakin kurang mengekspresikan sentimen patriotik yang kuat dibandingkan dengan warga tua. Patriotisme, dengan kata lain, mungkin berkait rapat dengan usia seseorang.

Manakala, sikap orang berkulit hitam di Amerika Syarikat telah menjadi lebih positif tentang pelbagai aspek masyarakat apabila Barack Obama menjadi Presiden, tetapi tiada banyak perubahan pada kemahuan orang kulit hitam untuk mengekspresikan patriotisme yang kuat. Republikan pula lebih cenderung mengatakan mereka sangat patriotik berbanding Demokrat. Selepas peristiwa 11 September 2001, sekitar 80% orang Amerika Syarikat mengatakan bahawa mereka mengibarkan bendera. Beberapa tahun kemudian, sekitar 60% memberikan respon tersebut. Kejutan 11 September 2001 dapat menghasilkan patriotisme yang lebih tinggi, tetapi patriotisme harian Amerika Syarikat sememangnya amat ketara (Bowman, 2010).

Bendera kebangsaan adalah simbol perpaduan kaum serta melambangkan kebanggaan dan kedaulatan sesebuah negara bangsa. Pada kebiasaannya, kibaran bendera Jalur Gemilang bersertakan dendangan Lagu Negaraku yang bersemangat dan

membanggakan berkumandang di setiap kejohanan sukan sama ada di dalam mahu pun di luar negara. Begitu hebat paparan imej Malaysia yang sering kelihatan dalam temasya sukan skuasy antarabangsa terutamanya dengan kemunculan atlet Malaysia bertaraf dunia seperti Nicol David yang digelar sebagai „*Ratu Skuasy*“. Kejayaan jaguh ini berjaya menggemparkan dunia sukan skuasy dan sekaligus mengharumkan nama negara Malaysia di persada sukan antarabangsa (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2006).

Selain Ratu Skuasy, Ratu Bowling iaitu Shalin Zulkifli, menganggap slogan „*Malaysia Boleh*“ dan „*The Sense of Belonging*“ telah membantu pasukan Malaysia memenangi pingat emas dalam Kejohanan Dunia Bowling Wanita di Monterrey, Mexico. Begitu juga dalam Kejohanan Basikal Asian ke-27 di Hua Mak Velodrome, Bangkok, Lagu Negaraku dimainkan setiap kali pasukan basikal Malaysia memenangi pingat emas. Semangat patriotisme juga menjadi faktor pemenang pasukan bola sepak Malaysia menentang Burma dalam Pertandingan Bola Sepak Merdeka 2007 (Nurul Halawati, 2007). Manakala, Abd. Rahim (2004), menegaskan slogan „*Malaysia Boleh*“ menimbulkan rasa kebanggaan dan keyakinan diri yang mendorong kepada perubahan sikap dan nilai.

Bagi jurulatih pasukan atlet Korea Utara iaitu Kim Pong Hi, percaya dengan memaparkan slogan „*Maruah Negara Bergantung kepada Anda*“ di bilik atlet di Kampung Olimpik dapat menyedarkan tanggungjawab atlet terhadap Korea Utara. Kim Pong Hi menegaskan, jika atlet berjaya mendapat pingat, mereka akan disambut secara besar-besaran di lapangan terbang dan orang ramai berbaris di sepanjang jalan sebagai tanda penghargaan. Harapan pertama pasukan adalah untuk menyatukan Korea dan kedua memenangi pingat emas, ketiga perak dan keempat gangsa. Bagi atlet Kim Jong Hui, berusia 18 tahun, pemain luncur pula sentiasa berpegang kepada pesanan ibunya iaitu melakukan yang terbaik agar bendera Korea berkibar di ruang udara Jepun (Kristof, 1998).

Sokongan terhadap atlet negara di temasya sukan antarabangsa diterjemahkan menerusi bendera yang dijulang dan dikibarkan serta menjadi senjata utama membangkitkan semangat juang. Penghormatan terhadap negara yang memenangi sesuatu kejohanan ditunjukkan dengan menaikkan bendera dan nyanyian lagu kebangsaan negara tersebut. Warganegara Malaysia patut mengibarkan Jalur Gemilang dengan megah sebagai suatu amalan kerana dengan mengibarkan bendera Jalur Gemilang, ia dapat meningkatkan semangat patriotisme dalam kalangan masyarakat khususnya golongan atlet. Menurut Lay & Torney Purta (2004), patriotisme menjurus kepada penghargaan terhadap simbol kebangsaan, nilai dan kepercayaan terhadap negara.

Simbol-simbol yang terlibat dalam sukan seperti bendera kebangsaan, lambang etnik dan daerah, dan lagu kebangsaan adalah bukti kukuh tentang identiti nasional yang dipamerkan melalui arena sukan (Maguire et. al, 2002). Walaupun terdapat isu dan aduan tentang campur aduk sukan dan politik, kebanyakan masyarakat di dunia tidak ragu-ragu untuk mengibarkan bendera negara dan memainkan lagu kebangsaan negara masing-masing pada acara-acara sukan dan tidak teragak-agak pula untuk menyingkirkan atlet dan penonton yang tidak mempunyai pemikiran yang sama tentang bendera dan lagu kebangsaan ini (Coakley, 2004). Keadaan ini memberi gambaran bahawa semangat patriotisme dan sukan bergerak seiring dalam memartabatkan maruah negara di persada antarabangsa. Bendera dan lagu kebangsaan ini juga menjadi identiti sesebuah negara yang menjadi kebanggaan seluruh masyarakat dunia.

Gambaran semangat patriotisme rakyat Malaysia diaspirasikan menerusi lirik Lagu Negaraku, ia menggambarkan kesetiaan warganegara Malaysia yang tidak berbelah bahagi terhadap tanah air yang tercinta. Lirik Lagu Negaraku ini juga menuntut kita supaya bersyukur, taat kepada raja dan sanggup berkorban demi mempertahankan maruah negara. Lagu Negaraku membangkitkan semangat patriotik dan cinta akan tanah

air. Semua warganegara Malaysia patut berasa bangga dan menghayati lagu ini sebagai lagu kebangsaan negara. Walaupun liriknya, ringkas tetapi ia membawa makna dan semangat patriotik terhadap negara (Jabatan Penerangan Malaysia, 2005: 31):

Negaraku, tanah tumpahnya darah ku
Rakyat hidup bersatu dan maju
Rahmat bahagia Tuhan kurniakan
Raja kita selamat bertakhta

Selain itu, slogan „*Bahasa Jiwa Bangsa*“ jelas menunjukkan kepentingan bahasa dalam memupuk perpaduan dan semangat patriotisme kaum. Bagi negara Malaysia, Bahasa Melayu atau Bahasa Malaysia bukan sahaja sebagai lambang penyatuan tetapi juga timbul daripada desakan semangat kebangsaan dan mulai tahun 1970 Bahasa Melayu secara berperingkat-peringkat telah menggantikan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar di sekolah-sekolah. Fungsi utama Bahasa Melayu ialah menerbitkan lambang inspirasi dan semangat kebangsaan serta kemerdekaan. Ia juga menjadi asas menyatupadukan rakyat berbilang bangsa dan keturunan (Kamarudin & Siti Hajar, 1999).

Rakyat Malaysia, terutamanya golongan atlet sepatutnya berbangga dengan Bahasa Melayu yang bukan sahaja berfungsi sebagai bahasa perpaduan, bahasa ilmu atau bahasa media tetapi juga merupakan bahasa yang mampu membina peradaban dan tamadun bangsa Malaysia. Bahasa melambangkan bangsa dan bangsa yang berdaulat lebih mengutamakan bahasa ibunda daripada bahasa penjajah. Awang Sariyan (2001), memetik kata-kata Abdullah Munsyi (1882) mengenai mentaliti bangsa Melayu:

“Adalah hairan lagi tercengang aku sebab melihat dan memikirkan hal orang Melayu ini belum sedar akan dirinya, tinggal dalam bodohnya itu oleh sebab ia tiada mahu belajar bahasanya sendiri dan tiada mahu menaruh tempat belajar bahasanya, maka mustahil pada akal adakah orang yang tiada belajar itu boleh menjadi pandai dengan sendirinya? Bukankah segala bangsa di dunia ini masing-masing ada belajar bahasanya?” (Awang Sariyan, 2001: 5).

Kecintaan rakyat Malaysia terhadap Bahasa Melayu tidak dapat menandingi rakyat negara maju seperti Jepun, Perancis, Jerman, Korea dan Sweden. Mereka tidak pula berasa rendah diri apabila menggunakan bahasa ibunda masing-masing berbanding rakyat Malaysia yang malu berbahasa Melayu terutamanya generasi muda. Rakyat Malaysia sepatutnya mencontohi kecintaan bangsa-bangsa maju ini terhadap bahasa kebangsaan masing-masing. Terbukti Jerman, Korea, Perancis, Jepun dan Rusia mencapai taraf negara maju walaupun mengutamakan bahasa ibunda sendiri berbanding dengan Bahasa Inggeris (Awang Sariyan, 2001).

Selain itu, Perdana Menteri Malaysia menegaskan pengenalan warna baru jersi kebangsaan setelah 48 tahun Malaysia merdeka berdasarkan warna belang harimau menjadi identiti baru, „*trademark*“ jersi kebangsaan Malaysia seperti mana „*All Black*“ bagi negara New Zealand. Ia juga diharapkan menjadi pencetus semangat dan lambang juang yang lebih tinggi kepada atlet untuk bertanding berhabis-habisan dan tidak mudah mengaku kalah mencari kemenangan serta melambangkan kesediaan ahli sukan secara moral dan fizikal untuk menghadapi persaingan dunia (Kementerian Belia dan Sukan, 1988).

Seterusnya, kajian hubungan sukan dengan keagresifan mendapati pasukan hoki dan bola sepak yang memakai jersi yang mempunyai nama sendiri di atasnya lebih agresif berbanding pasukan yang tidak mempunyai tanda nama di atas jersi sukan kebangsaan (Wan & Porcher, 1998). Satu kajian lain mendapati sebab manusia terlibat dalam sukan atau pilihan sukan mereka mempunyai hubungan terus dengan aspek identiti yang menonjol (Ginis, Lindwall & Prapavessis, 2007). Jersi sukan juga menjadi lambang atau identiti bagi kedua-dua pihak iaitu pemain dan penyokong sukan. Jersi sukan kebangsaan ini patut dipakai dengan bangga dan mampu menaikkan semangat juang terhadap pasukan masing-masing.

Fenomena ini turut disokong oleh seorang Sejarawan dan pengkritik sosial iaitu Eric Hobsbawm. Menurut beliau, pengiktirafan sukan sebagai tapak untuk membina ekspresi dan membayangkan identiti kebangsaan. Pada peringkat asas ini boleh dijelaskan melalui emblem, bendera, lagu penyokong, baju-t dan muzik. Idea tentang komuniti yang terbayang membolehkan kita mula memahami pembangunan keamatan manusia. Jim Sillars, ahli Parti Kebangsaan Scotland mengkritik pengikut pasukan bola sepak kebangsaannya sebagai '*patriot sembilan puluh minit*'. Keghairahan melibatkan unsur-unsur seperti minat, benci, cinta, kemarahan, keamatan, kasih sayang, fanatisme, keberpihakan, semangat, kebuluran dan keinginan, dan semua ini boleh disaksikan menerusi aktiviti sukan (Maguire et. al, 2002).

Cabaran dan Tanggungjawab Alaf Baru

Cabaran adalah suatu unsur atau faktor yang mencabar atau menguji kemampuan dan ketabahan seseorang atau organisasi. Manakala, tanggungjawab adalah kewajipan yang dipikul oleh seseorang atau segala yang wajib ditanggung (A. Aziz, 1996). Tanggungjawab atlet dalam memajukan sukan negara merupakan amanah yang perlu dilaksanakan sebaik mungkin. Namun, dalam melaksanakan kewajipan, golongan atlet sering terdedah kepada cabaran-cabaran utama patriotisme iaitu individualisme, teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) serta cabaran globalisasi dan liberalisasi.

Cabaran berbentuk individualisme meliputi individu autonomi dan individu berdaulat yang menyebabkan seseorang itu hanya mementingkan diri sendiri, tidak menghiraukan kepentingan orang lain serta melupakan kepentingan bangsa dan negara (Saifuddin, 2005). Bagi golongan atlet yang tiada penghayatan semangat patriotisme, mereka mudah terpesona dengan kemewahan dan ganjaran sehingga sanggup menggadaikan maruah sukan negara di tangan pihak lawan. Kepudaran semangat patriotik ini juga boleh menggugat keamanan dan keharmonian masyarakat,

melumpuhkan pembangunan ekonomi dan sosial serta menjejaskan kemerdekaan negara.

Golongan murid juga terdedah dengan cabaran berbentuk kepantasan dan kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi menyebabkan berlaku pertembungan negara maya atau „*virtual nation-state*“ atau negara tanpa sempadan yang tidak memerlukan kerakyatan, kad pengenalan atau ketua yang sah, dengan negara nyata atau „*real nation-state*“. Negara nyata pula mempunyai kerakyatan, kad pengenalan dan ketua atau pemimpin yang berwibawa. Maka, rakyat perlu diberikan kefahaman mendalam tentang makna mempunyai dan mencintai negara nyata (Saifuddin, 2005). Apatah lagi, golongan atlet yang sering terdedah dengan kemajuan teknologi dan keindahan negara luar pasti amat memerlukan kefahaman sebenar mengenai tanah air agar mereka terus taat setia dan berbakti tanpa berbelah bahagi kepada Malaysia.

Manakala, cabaran berbentuk globalisasi dan liberalisasi pula akan menggugat kemerdekaan negara melalui penjajahan bentuk baru iaitu penjajahan minda, budaya dan ekonomi. Tun Mahatdir menegaskan konsep globalisasi menyebabkan negara hanya menjadi sebuah daerah dunia dan pada ketika itu adalah sukar untuk memupuk semangat patriotisme pada sebuah negara yang tidak lagi wujud. Beliau juga mengingatkan golongan belia peri pentingnya semangat patriotisme iaitu merangkumi kecintaan dan kesetiaan terhadap negara, mengamalkan semangat kekitaan dan berbangga menjadi rakyat Malaysia (Saifuddin, 2005). Perubahan dinamik dalam sistem pendidikan dan sukan perlu bagi melahirkan warganegara atau murid „*glokal*“ yang bertindak bijak menghadapi cabaran mengikut acuan „*local*“ atau tempatan (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2003).

Selain itu, Tun Mahathir turut menegaskan agar generasi muda yang bakal mengambil alih tampuk kepimpinan generasi lama supaya terus memupuk semangat patriotisme bagi menghadapi ancaman budaya luar dan dihormati oleh bangsa lain di

dunia. Semangat ini merupakan cara paling berkesan untuk menangani ancaman yang mendatang, termasuklah melalui teknologi maklumat (IT). Beliau menegaskan, melalui semangat patriotisme dan pembangunan budaya, rakyat dapat memperkuat dan memperkukuhkan benteng moral yang mulia (Saifuddin, 2005). Golongan murid atau remaja di negara sedang membangun terutama di Malaysia ini perlu dibimbing agar menggunakan kemudahan teknologi maklumat secara berhemah supaya mereka mampu berdaya saing dengan bangsa maju dunia.

Selain bijak menghadapi cabaran patriotisme, atlet remaja juga boleh mencontohi wira sukan yang patriotik seperti Mokhtar Dahari dan Adnan Saidin. Mokhtar Dahari jaguh bola sepak menganggap setiap perlawanan merupakan perjuangan menaikkan maruah negara atau pasukan yang diwakili. Beliau lebih gemar bermain untuk pasukan Malaysia meskipun tidak mendapat ganjaran lumayan. Mokhtar Dahari atau „*Super Mokh*” lebih mementingkan negara daripada wang ringgit, contohnya Kelab Assent Brussels dari Belgium dan Hong Kong pernah menawarkan ganjaran lumayan tetapi tidak berjaya menarik minat Mokhtar Dahari. Semangat, daya juang yang tinggi dan berdisiplin adalah ciri-ciri pemain bola sepak berwibawa dan dianggap model seorang ahli sukan yang lengkap (Zabidin, 1999). Keadaan ini berbeza dengan budaya sukan hari ini yang meletakkan materialistik dan wang ringgit sebagai daya tarikan utama untuk bermain dalam sesuatu pasukan sukan. Keadaan ini menjejaskan kepentingan sukan negara apabila atlet berprestasi tinggi sanggup meninggalkan pasukan negara demi mengejar kepentingan materialistik dan wang ringgit.

Selain itu, Adnan Saidin merupakan jaguh sepak takraw dan wira yang paling luar biasa, beliau digelar „*Raja Sepak Takraw*” serta menyamai kedudukan Mokhtar Dahari dalam arena sukan bola sepak. Adnan Saidin pernah memenangi pingat emas buat Malaysia dalam Sukan Sea pada 1979, 1981 dan 1983, dua kali memenangi

kejuaraan Pertandingan Sepak Takraw Asia dan merangkul tempat teratas dalam Kejohanan Sepak Takraw Sedunia yang dianjurkan oleh Malaysia (Kementerian Belia dan Sukan, 2008). Kemenangan Malaysia pada setiap kejohanan pada waktu dahulu sukar ditandingi oleh atlet kini, malah mutu sukan negara semakin merosot kerana individu gagal menyeimbangkan kecemerlangan akademik dan sukan.

Kerajaan Malaysia pula patut menjadikan Singapura dan Jepun sebagai „*role model*“ terbaik dalam usaha memupuk semangat patriotisme golongan atlet. Faiola (2006) melaporkan Shinzo Abe, Perdana Menteri Jepun telah meluluskan undang-undang yang mewajibkan sekolah-sekolah mengajar patriotisme di kelas memandangkan remaja Jepun tidak mempedulikan rentetan sejarah negara. Ini juga merupakan batu loncatan Shinzo Abe untuk menaikkan status tentera Jepun, semangat patriotisme dan membina kembali maruah nasional. Manakala, Singapura pula berjaya membentuk pemikiran dan jati diri rakyatnya secara teliti dan sistematik bukan hanya pada hari sambutan kemerdekaan tetapi melalui pelbagai program sepanjang tahun bermula dari sekolah rendah sehingga Program Latihan Khidmat Negara bagi berhadapan dengan kelunturan semangat patriotik dan jati diri (Azmi, 2007).

Justeru, generasi muda Malaysia terutamanya golongan atlet perlu mendokong semangat dan iltizam patriotisme. Slogan „*Pemuda Harapan Bangsa, Pemudi Tiang Negara*“ menggambarkan di tangan dan bahu merekalah terletak maruah agama, bangsa dan negara. Golongan ini patut menyedari peranan masing-masing dalam mengisi kemerdekaan dan keamanan yang dinikmati ini adalah hasil pengorbanan air mata dan darah pejuang negara. Selain itu, perlu bersatu padu, bantu membantu dan kasih mengasihi agar gejala negatif seperti melepak, merempit yang hanya akan memusnahkan masa depan diri, agama, bangsa dan negara (Mohd Zulkifli, 2007). Pembinaan negara bangsa moden yang berdaulat terletak di tangan bangsa itu sendiri,

warganegara yang bertanggungjawab menentukan hala tuju negara, apatah lagi di Malaysia yang mengamalkan sistem demokrasi berparlimen.

Tuntasnya, masyarakat Malaysia terutama golongan murid perlu mengamalkan semangat patriotik, amanah, jujur, berdisiplin dan sifar rasuah dalam bidang sukan. Mereka juga perlu menghindari gejala sosial dan vandalisme seperti merosakkan harta benda awam, menconteng dinding dan membuang sampah merata-rata. Perkara negatif ini boleh menjejaskan budaya sukan yang dikaitkan dengan amalan hidup sihat dan cergas. Semangat patriotisme perlu sehati dengan jiwa generasi muda untuk memacu negara menuju ke puncak Malaysiaku Gemilang (Norzannah, 2007). Hanya sesudah itu, bangsa Malaysia dituntut memahami, menghayati dan mengamalkan kebijaksanaan bak kata pujangga, „*Bar Putih Tulang, Jangan Putih Mata*“, „*Kalau Roboh Kota Melaka, Papan di Jawa Jadi Gantinya*“; dan bila musuh datang melanda, patriotisme Malaysia jadi penangkisnya (Ruhanie, 2005).

Isu-Isu Patriotisme dan Sukan

Patriotisme dan taat setia masyarakat Melayu tradisional ditunjukkan kepada pemerintah dan negara dengan berpegang kepada peribahasa iaitu „*di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung*“. Semua pihak, terutamanya generasi muda perlu menghayati pepatah Melayu ini agar tidak mudah dipengaruhi oleh musuh negara. Suhaimi (2005) menegaskan, petunjuk kelunturan semangat patriotisme seperti sanggup mencemar dan mengaib nama negara, kadar jenayah semakin tinggi, vandalisme, sebotaj ekonomi negara dan menjual rahsia kerajaan, umpama perbuatan belot Si Kitol dan Raja Mandaliar, penyebaran, pengedaran dan pembuatan video lucu dan gejala politik wang yang semakin berleluasa. Hal ini boleh mencemarkan maruah dan menjejaskan pembangunan ekonomi negara.

Manakala, Bennie (2009) menegaskan perbuatan membakar bendera bukan sahaja diibaratkan membakar hangus negara tetapi memijak lumat martabat dan maruah diri, bangsa dan negara. Peristiwa ini diharap menjadi pengajaran terutama bagi golongan atlet agar menghormati lambang negara seperti bendera dan lagu kebangsaan ketika bersukan. Ini kerana, Lagu Negaraku melambangkan ketaatan kepada negara dan tidak boleh dipersendakan, malah ia telah mencalar semangat perpaduan masyarakat majmuk di Malaysia (Aniza, 2008). Setiap murid di Malaysia perlu menunjukkan sifat positif terhadap negara agar menjadi contoh kepada remaja yang lain dan dihormati oleh atlet negara luar.

Isu kepudaran semangat patriotisme di Malaysia semakin ketara dan berbeza dengan Amerika Syarikat yang berusaha menonjolkan semangat ini semenjak tercetusnya peristiwa 11 September 2001. Amerika Syarikat telah mengubah penampilan luar biasa semangat patriotisme di negara tersebut. Kibaran bendera dari pintu dan antena kereta telah menjadi suatu kebiasaan bagi masyarakatnya. Pelekat dengan slogan, „*Saya bangga menjadi orang Amerika*“, ditampal pada lori pengangkut dan kereta. Ini juga merupakan sejenis semangat patriotisme, yang mana ia menuntut kesetiaan kepada nilai-nilai dan prinsip-prinsip di mana negara ini wujud (Branson, 2002).

Selain isu patriotisme, isu sukan di Malaysia semakin menjadi tumpuan dan perbincangan menerusi media massa sehingga ke persidangan Parlimen. Isu pembayaran wang ganjaran sejuta ringgit bagi atlet negara yang berjaya membawa pulang pingat emas Sukan Olimpik di Beijing mendapat reaksi daripada pelbagai pihak. Tawaran sejuta ringgit ini dijadikan sebagai landasan untuk meraih pingat emas pertama di peringkat Olimpik. Ahmad Shabery (2009), menggariskan tiga perkara utama dalam membangunkan aktiviti kesukanan di negara ini iaitu masyarakat bersukan, meraih pingat-menjana patriotisme dan sukan sebagai suatu industri. Golongan atlet ini perlu

diberi kesedaran mendalam agar tidak melupakan prinsip rakyat patriotik dalam mengejar pangkat dan wang ringgit.

Ahmad Shabery mengharapkan Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menangani gejala rasuah secara serius memadamkan rasuah boleh mencemarkan maruah sukan dan memusnahkan keyakinan orang ramai terhadap bola sepak negara (Johari, 2011). Manakala, Shahrizat (1998) menegaskan insentif yang paling bermakna bagi semua atlet negara sepatutnya kecemerlangan untuk menaikkan nama negara apabila berjaya menjaringkan gol-gol untuk negara. Beliau juga mengingatkan atlet dan ahli sukan negara agar meletakkan semangat patriotisme dan kebaktian kepada negara sebagai insentif yang paling utama. Pun begitu, atas keprihatinan pihak kerajaan, banyak insentif diberi seperti wang tunai, pangkat dan harta seperti mana atlet yang berjaya memecah rekod Sukan Komanwel 1998 diberi kereta. Kerajaan juga telah menaikkan pangkat Koperal Sapok, atlet tinju kerana menggemilangkan nama negara, manakala, pemain badminton dan „*Ratu Skuasy*” negara iaitu Lee Chong Wei dan Nicol David juga dianugerahkan pangkat „*Datuk*” sebagai penghargaan.

Selain itu, amalan penggunaan ubat terlarang atau pengambilan dadah oleh atlet negara setakat ini masih lagi di peringkat terkawal dan belum berleluasa. Selain daripada kes pengambilan dadah „*frusemide*” oleh Azmi Ibrahim, penyalahgunaan yang lain hanya melibatkan sebilangan atlet bina badan sahaja. Manakala, kes-kes yang terdahulu berlaku disebabkan oleh pengambilan ubat yang mengandungi bahan-bahan terlarang (Shahrizat, 1998). Atlet bola sepak terkenal iaitu Diego Maradona sering dikaitkan dengan tingkah laku negatif dan pengambilan dadah, manakala Mike Tyson peninju dan Tiger Wood pemain golf ternama sering dikaitkan dengan skandal seks (Jeffrey & Mohd Sofian, 2002). Gejala tidak sihat yang dikaitkan dengan atlet ternama

ini memalukan bangsa dan negara. Ia perlu diatasi dan dibendung agar maruah sukan negara tidak terjejas.

Selain itu, atlet luar negara juga tidak terlepas daripada mengalami krisis diri seperti Elaine Tanner yang merupakan atlet renang Kanada yang telah menunjukkan prestasi yang menakjubkan di Sukan Komanwel 1966. Namun, beliau gagal memenangi pingat emas di Sukan Olimpik 1968. Akhirnya, beliau mengambil keputusan untuk bersara, tidak dapat memotivasikan diri sendiri, berkeadaan tidak tentu arah, tiada matlamat dan mengalami estim diri yang sangat rendah serta mengambil masa beberapa tahun untuk pulih dari keadaan tersebut (Orlick, 1980). Keadaan ini boleh berlaku dan menimpa sesiapa sahaja sekiranya tidak dibenteng kekuatan mental dan fizikal. Apatah lagi golongan atlet yang sering terdedah kepada kekalahan dan kemenangan dalam pertandingan sukan.

Sejak tahun 1972, sistem pemilihan dan latihan yang telah menghasilkan piala kemenangan dibatalkan kerana penderaan atlet muda dan penyalahgunaan dadah oleh kerajaan Jerman Timur. Kejayaan atlet Sukan Olimpik yang menjadi kebanggaan bertukar menjadi keaiban negara. Ben Johnson dari Kanada pula dilucutkan pingat emasnya untuk acara 100 meter dan dilarang bertanding seumur hidup setelah disahkan positif ujian steroid pada Sukan Olimpik Seoul 1988. Kesamaran dalam bidang sukan mula menonjol sejak 10 tahun kebelakangan ini akibat pengumuman isu kematian, kecederaan dan hal-hal lain yang memalukan dalam kalangan atlet. Para penyelidik menganggarkan lebih 80% atlet kolej terdedah kepada kesamaran dan di sekolah menengah, hampir 25% mangsa kesamaran ini adalah golongan atlet (Woods, 2007).

Paradoks Antara Semangat Patriotisme dan Gnjaran

Penyertaan dan penglibatan dalam sukan yang membangkitkan semangat patriotisme, manakala sub-budaya sukan mempunyai nada kebangsaan di samping bersifat authoritarian, perkauman dan ketenteraan. Sukan menjadi satu alat dan dasar negara Komunis serta negara-negara dunia ketiga, tetapi untuk semua negara dunia ketiga mitos yang menyatakan sukan adalah bersifat amatur, bersih dan baik telah lama terhapus. Murid-murid yang menyertai pertandingan antarabangsa dan berjaya dengan usaha sendiri juga telah lama berlalu. Pada hari ini, atlet merupakan amatur yang dibayar oleh kerajaan atau agensi swasta bersaing untuk negaranya (Calhoun, 1987).

Fenomena atlet yang berjaya di persada sukan dunia mampu memperoleh jumlah wang yang lumayan daripada gabungan pelbagai sumber seperti gaji, yuran penampilan dan sokongan. Pihak koperasi pula sanggup membayar sehingga \$4.4 juta untuk satu minit bagi pengiklanan semasa siaran televisyen „*Super Bowl*” di Amerika Syarikat (Coakley,2004). Manakala, atlet yang memenangi „*Super Bowl*”; Siri Dunia akan menerima ucapan tahniah melalui panggilan telefon daripada Presiden Amerika Syarikat sendiri. Atlet tersebut juga menerima anugerah lawatan ke Rumah Putih atau „*White House*” (Woods, 2007). Isu ini bukan lagi satu perkara luar biasa, malah sudah menjadi perkara biasa, atlet yang berjaya juga akan mewakili pasukan yang menawarkan bayaran yang paling tinggi.

Selain itu, olahragawan professional yang berada di puncak prestasi dalam permainan memperolehi lebih banyak wang daripada pengiklanan berbanding dengan penglibatan dalam sukan tersebut. Tokoh sukan dunia seperti Tiger Woods, Micheal Jordan dan Andre Agassi yang mewakili syarikat pakaian seperti Nike, Jim Palmer yang menyokong pakaian dalam lelaki dan Rafael Palmeiro yang menyokong Viagra, memperoleh jutaan dollar setahun sebagai bayaran sokongan (Woods, 2007). Kejayaan dalam bidang sukan menjamin masa depan dan memberi pulangan yang lumayan,

mendapat banyak peluang dan penghargaan daripada pelbagai pihak. Maka tidak hairanlah, golongan atlet yang cemerlang ini muncul sebagai juwatan dan menjadi selebriti terkenal di seluruh dunia.

Umumnya kelompok korporat termasuk atlet menyara hidup dengan bersukan dan perniagaan sukan dianggarkan bernilai RM700 bilion setahun. Namun aspek negatifnya terdapat kegiatan perjudian dan sifat fanatik melampau berasaskan sukan-rasuah dalam kalangan atlet dan penganjur sukan serta kes permusuhan sengit antara atlet sehingga mengorbankan jiwa. Pembersihan sukan professional daripada unsur rasuah dan perjudian amat penting supaya belia yang bersukan secara amatur tidak menjadikan sukan dan perjudian sebagai matlamat akhir penglibatan dalam bidang sukan (Shamsul Amri, 2007).

Bukan sahaja dalam kalangan atlet tetapi pemimpin politik juga tidak terlepas daripada jaminan kualiti sukan dalam kehidupan. Pemimpin politik yang berada di pelbagai peringkat kerajaan mempromosikan diri mereka dengan penglibatan dalam sukan sama ada sebagai peserta dan penonton. Bekas atlet, malah ahli gusti professional pernah dilantik untuk jawatan politik di Amerika Syarikat dengan menggunakan pengiktirafan nama dan reputasi sukan, telah memperolehi undi dan kebanyakan negara juga pernah menggunakan sukan untuk meningkatkan reputasi dalam hubungan politik global (Coakley, 2003).

Manakala, industri sukan berpasukan profesional secara konsisten berusaha membina hubungan simbiotik dalam fikiran masyarakat secara kolektif, mengaitkan sukan pasukan profesional dengan patriotisme di Amerika Syarikat. Organisasi sukan berpasukan profesional menggunakan pelbagai gambar iklan dan upacara untuk menguatkan hubungan ini. Salah satu cara ialah melalui logo liga, semuanya menggunakan warna I-ed, putih dan biru-kombinasi warna yang terdapat pada bendera Amerika Syarikat. Logo liga ini dipaparkan pada semua barangan berlesen yang

menghasilkan sekitar \$10 bilion setahun untuk sukan berpasukan profesional. Kajian ini berfokus pada percanggahan yang wujud di antara gambaran patriotisme sukan berpasukan profesional orang Amerika Syarikat dengan fakta bahawa banyak barangan berlesen dihasilkan di luar negara oleh tenaga kerja yang dieksploitasi (Sage, 1996).

Mutu dan pencapaian sukan di Malaysia sebelum 1970-an amat menggalakkan, namun pada 1980-an berlaku penurunan terutamanya bagi sukan badminton di peringkat antarabangsa. Malaysia telah memenangi Piala Thomas pada tahun 1967 tetapi tewas pada tahun 1970 (Mohd Salleh, 2004). Hampir lima dekad pertama abad ke-20, perkembangan sukan di Malaysia terbantut kerana negara menghadapi masalah ekonomi dan sosial. Sejak itu, Malaysia sentiasa berada di belakang China, Indonesia dan Thailand dalam bidang sukan. Penurunan status Malaysia dalam Sukan Olimpik dan Sukan Komanwel juga mendapat kritikan meluas media tempatan. Sehingga kini, Malaysia masih lagi ketinggalan dalam kejohanan di peringkat antarabangsa.

Pada tahun 1972 dan 1980, pasukan bola sepak Malaysia memiliki zaman keemasan apabila berjaya menumbangkan pasukan Korea Selatan untuk layak ke Sukan Olimpik. Warisan wira bola sepak pada waktu itu ialah Mokhtar Dahari, Soh Chin Aun dan R. Arumugan. Manakala, antara tahun 1960 hingga 1990 merupakan zaman kegemilangan sepak takraw Malaysia. Tidak kira di kejohanan Sukan Sea, Sukan Asia atau kejohanan dunia menjadi milik Malaysia. Warisan pemain tersohor pada waktu itu seperti Adnan Saidin, Shukri Ismail, Azman Ismail dan Raziman Hassan merupakan pasukan terhebat pada tahun 1980 (Kementerian Belia dan Sukan, 2008).

Isu pencapaian lemah skuad Olimpik Malaysia di Sydney pada tahun 2000 diperdebatkan dalam sidang menteri kabinet sehingga mengusulkan dasar sukan bersama diwujudkan antara Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). Begitu juga, pelbagai isu kelemahan pasukan olahraga, penurunan mutu bola sepak negara, penyalahgunaan dadah sehinggalah isu perebutan

jawatan presiden persatuan, salah laku atlet dan jurulatih turut menjadi paparan media massa (Mohd Salleh, 2004). Gejala negatif ini perlu dihapuskan dengan mengadakan pelbagai program kesedaran dan pemulihan agar sukan tidak menjadi medan judi, sebaliknya menjadi medium memupuk gaya hidup sihat bagi segenap lapisan masyarakat.

Jika dibandingkan dengan Australia, pencapaian Malaysia dalam bidang sukan amat jauh ketinggalan biarpun bilangan rakyatnya hampir sama dengan Malaysia. Walaupun Malaysia juga terlibat dalam sukan Olimpik 1956 di Melbourne melalui pasukan hoki berjaya ke peringkat suku akhir, namun sehingga sekarang Malaysia masih belum memenangi sebarang pingat emas di Sukan Olimpik. Manakala, Australia dalam tempoh itu telah memenangi hampir 150 pingat emas di Sukan Olimpik (Shamsul Amri, 2007).

Aspek-Aspek Semangat Patriotisme

Patriotisme bererti memiliki kasih sayang khusus terhadap negara, mempunyai ikatan peribadi dengannya, perhatian khusus terhadap kesejahteraan dan kesediaan membuat pengorbanan untuk kebaikan negara (Nathanson, 1993). Semangat patriotisme menjadi taulan dan pendorong rakyat Malaysia hari ini, bak kata Hang Tuah „*Takkan Hilang Melayu di Dunia*” mendorong bangsa Melayu membebaskan tanah air daripada penjajahan sehingga Malaysia berjaya mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957 (Raja Ruslan, 2005). Semangat patriotisme menuntut pengorbanan setiap warganegara terutama ketika negara diancam anasir jahat, menghadapi kemerosotan ekonomi, memajukan pelbagai bidang, memastikan keamanan negara berkekalan dan menjunjung kedaulatan negara.

Sambutan bulan kemerdekaan yang diadakan saban tahun dapat dikaitkan dengan semangat patriotisme. Semangat ini begitu sinonim dengan warganegara Malaysia kerana menjelang 31 Ogos, rakyat meraikan hari ini dengan penuh semangat, berkumpul beramai-ramai di Dataran Merdeka dan tarikh ini dijadikan sebagai cuti umum bagi negara Malaysia. Kemerdekaan Malaysia yang dikecapi pada hari ini mempunyai hubungan yang erat dengan sejarah patriotisme dan perjuangan menentang bangsa penjajah (Jabatan Penerangan Malaysia, 2005). Semangat inilah yang telah membawa Malaysia memperjuangkan kemerdekaan 55 tahun yang lalu dan memberikan nikmat dan kebebasan seperti mana yang dapat dikecapi oleh generasi baru pada hari ini.

Setiap negara di dunia memiliki citra sukan yang membangkitkan semangat patriotisme, bagi negara Australia ianya mungkin „*Melbourne Cricket Ground*“ dipenuhi para penonton hingga dalam usaha membina peraturan pertandingan akhir Australia. Patriotisme kesukanan merupakan sebuah gambaran tentang apa dan siapa kita di negara tertentu, dan membolehkan kita untuk mencintai tanah air (Chandler, Crorin & Vamplew, 2007). Semua negara di dunia berusaha meningkatkan semangat patriotisme terutama dalam kalangan generasi muda memandangkan semangat ini amat penting dan menjadi identiti bagi sesebuah negara bangsa. Malaysia juga amat menitik beratkan soal patriotisme terutama dalam kalangan remaja yang semakin melupai sejarah negara kerana sibuk mengejar arus pemodenan dan terleka dengan pelbagai budaya luar.

Kompleksiti antara sukan, bangsa dan identiti dijelaskan melalui persidangan „*Bangsa dan Sukan*“ anjuran Universiti Brunel di London pada 2001. Pendapat yang menyatakan bahawa sukan menyajikan intervensi dalam konsep bangsa dan membentuk semula identiti diselidiki bersama-sama dengan ketidakseimbangan dalam pertimbangan yang mendalam dari disiplin ilmu yang berbeza. Kemasukan lagu kebangsaan dan Jata Negara melalui acara sukan dibahas, termasuk bahasa yang berkaitan, yakni negara

bangsa dan semangat patriotisme dikaji. Potensi untuk meningkatkan perhatian pada bahan pelajaran dari antropologi diilustrasikan dan keperluan untuk pendekatan multi-disiplin untuk sukan, bangsa dan identiti diutarakan (Hunter, 2003). Di Malaysia, isu sukan semasa dipaparkan melalui media massa dan media elektronik, terutama apabila tiba musim kejohanan sukan berprestij.

Selain itu, kepercayaan patriotik juga memperkukuhkan rasa perpaduan, ahli sosial harus percaya bahawa mereka bersatu dan dimiliki oleh entiti sosial yang sama. Semangat patriotisme ini membayangkan kepentingan dan nasib bersama. Semangat patriotisme juga meningkatkan integrasi dan perasaan perpaduan serta meminimumkan perbezaan dalam kumpulan dengan berfokus pada persamaan dan kesetiaan. Patriotisme memungkinkan integrasi, berfungsi sebagai asas perpaduan dan yang paling penting serta menuju ke arah pengorbanan demi kepentingan masyarakat, sesuatu yang penting untuk kelangsungan hidup bermasyarakat (Bar-Tal, 2000). Tuntasnya, semangat ini wajar dipertingkatkan merangkumi aspek pengetahuan, nilai dan perlakuan kerana ia melambangkan identiti masyarakat Malaysia

Pengetahuan Patriotisme

Mengikut Aristotle, perlakuan manusia boleh dilihat dari tiga aspek iaitu pengetahuan, perasaan dan perlakuan. Aspek kognitif merujuk kepada proses pengamatan, pentafsiran dan mengetahui dan memikir (Ee Ah Meng, 1988). Penaakulan atau kognitif dikaitkan dengan proses mental mengubah input sensori kepada bentuk yang lebih bermakna dengan merekod, menyimpan dan menggunakan maklumat sedia ada dalam membuat keputusan dari sudut „*apa yang harus dilakukan*“. Maklumat pengetahuan ini disusun ke dalam struktur kognitif iaitu motivasi, afektif, tingkah laku dan sikap (Azizi, Yusof, Jamaludin, Jaafar, Fawziah & Amir, 2004). Semangat

patriotisme juga boleh ditonjolkan melalui aspek pengetahuan, perasaan dan perlakuan setiap warganegara serta dikategorikan kepada beberapa jenis.

Patriotisme pasif hanya berkaitan dengan aspek ikatan kognitif-afektif dan terdiri daripada kepercayaan dan emosi yang dimiliki oleh seseorang terhadap masyarakat dan negaranya. Patriotisme aktif melibatkan tingkah laku hasil daripada kepercayaan patriotik. Patriotisme, dengan demikian, adalah mengerakkan daya kognitif-afektif yang bukan sahaja mengeratkan individu, tetapi juga memberikan ideologi yang diperlukan, penjelasan dan justifikasi untuk bertindak. Kepercayaan tentang patriotisme menyebabkan seseorang mengorbankan keselesaan dan menyumbangkan tenaga, masa atau wang untuk kepentingan masyarakat (Bar-Tal, 2000).

Selain itu, terdapat tiga jenis patriotisme dalam pelbagai kumpulan di Amerika Syarikat. Ia dikenali sebagai „*Patriotisme Simbolik*” yang berasaskan kepada ikatan emosi dengan simbol-simbol Amerika dan Amerika sendiri. Kedua adalah ditakrifkan sebagai „*Patriotisme Konstruktif*” yang merupakan dimensi rasional dari fenomena tersebut yang disalurkan melalui kritikan konstruktif tentang kerajaan dan tindakannya. Ketiga dikenalpasti sebagai „*Patriotisme Buta*” yang didorong oleh dimensi tidak logik dan pada dasarnya merupakan ketaatan ekstrem yang tidak boleh dipersoalkan (Parker, 2003).

Bangsa Amerika Syarikat amat mencintai negara dan tidak takut untuk mengatakannya, malah lebih suka tinggal di Amerika Syarikat daripada di tempat lain di dunia. Masyarakat Amerika Syarikat masih percaya struktur asas sistem demokrasi adalah teguh, tetapi patriotisme di Amerika Syarikat bukanlah berasaskan reaksi spontan atau membabi buta. Masyarakat ini sangat vokal dalam kritikan dan kini, sangat tidak puas hati dan kecewa dengan apa yang sedang berlaku di negara tersebut. Pun begitu, sikap patriotik orang Amerika Syarikat umumnya sangat stabil (Bowman, 2010).

Manakala, kerajaan Korea sangat korup dan masih sangat korup di luar imaginasi, tetapi Korea mampu membangun secara dramatik kerana orang Korea melakukan yang terbaik bagi kepentingan umum dengan semangat patriotisme yang membara. Presiden Jerman pula begitu terpengaruh dengan sikap rakyat Korea sehingga sanggup meminjamkan wang kepada kerajaan Korea. Dengan bantuan wang daripada Jerman, Presiden Park mampu membina kilang dan berusaha menyeru orang Korea agar mencintai negara dengan sepenuh hati (Villegas, 2009). Semangat patriotisme yang tinggi dalam kalangan rakyat berjaya meningkatkan ekonomi sesebuah negara serta menjadi benteng melawan gejala rasuah yang boleh meruntuhkan perpaduan dan kesejahteraan masyarakat.

Nilai atau Perasaan Patriotisme

Patriotisme merupakan perasaan kesetiaan kepada negara dan merupakan unsur penting bagi nasionalisme. Perasaan patriotik ini lebih tertumpu kepada taat setia kepada raja dan negara. Pengkaji Sejarah melihat semangat patriotisme bermula sejak zaman kesultanan Melayu Melaka dan menyemarak pada abad ke-17 hingga abad ke-20 (Abdul Latiff, 1996). Pada zaman ini, semangat patriotik tertumpu kepada taat setia kepada raja dan pemimpin, namun setelah kemasukan penjajah dan pembentukan masyarakat majmuk memerlukan penilaian dan satu bentuk semangat patriotisme yang baru (Siti Rohana, 2005). Patriotisme ditakrifkan sebagai perasaan keterikatan dan kesetiaan yang kuat kepada negara sendiri, tapi tanpa permusuhan terhadap negara lain:

“Patriotism is defined as „strong feelings of attachment and loyalty to one’s own country, but without corresponding hostility towards other nations.” (Balabanis, Diamantopoulos, Mueller & Melewar, 2001: 160).

Oleh itu, nilai-nilai patriotisme mempunyai keutamaan dalam setiap masyarakat. Di Amerika Syarikat nilai kebebasan, kesetaraan, individualisme, kesesuaian, patriotisme, rasional, kejayaan, demokrasi dan kesejahteraan adalah penting. Adalah lebih tepat untuk menyatakan tentang internalisasi nilai-nilai khusus terhadap negara. Internalisasi adalah keputusan akhir daripada sosialisasi yang efektif, di mana individu mempelajari aspek budaya sehingga menjadi sebahagian daripada diri, batin dan berfungsi sebagai panduan dalam tindakan dan keputusan (Demerath III & Marwell, 1976). Manakala, Zhao (2010) turut menekankan pembelajaran nilai-nilai perlu diseimbangkan dalam dunia materialistik dan guru perlu membimbing murid agar peka dengan masalah global.

Dalam hal ini, Amerika Syarikat adalah contoh sebuah masyarakat yang mempunyai nilai integrasi atau perpaduan rapuh. Misalnya, terdapat pelbagai kepercayaan untuk setiap isu seperti pengguguran bayi dan pengujian ubat. Di hujung kontinum, terdapat pula masyarakat yang integrasinya sangat erat seperti di Jepun. Namun, Jepun tidak mungkin akan terus erat integrasinya untuk waktu yang lama kerana orang Jepun bersetuju pada sebahagian besar nilai-nilai adalah penting dan memaparkan ciri-ciri masyarakat bersepadu (Perry & Perry, 2000). Manakala, Malaysia terkenal sebagai sebuah negara yang berjaya mengekalkan perpaduan walaupun terdiri daripada pelbagai kaum. Kejayaan Malaysia ini amat membanggakan kerana bukannya mudah mengekalkan keharmonian negara bermasyarakat majmuk yang unik pelbagai budaya dan adat resam.

Selain itu, semangat kebanggaan negara, juga telah berkembang sejak Kejohanan Piala Dunia FIFA 2006. Semangat kebanggaan nasional ini adalah lebih kuat dalam populasi orang kulit hitam, walau pun berkurangan dalam kalangan populasi orang putih di Afrika Selatan. Acara sukan utama ini boleh digunakan untuk mempromosikan nilai-nilai seperti semangat pasukan dan disiplin, tetapi juga pada

tahap yang lebih luas, toleransi, budaya majmuk dan perpaduan (Kersting, 2007). Bagi patriot sukan, kebanggaan pada usaha dan kemenangan pasukan dan pemain yang mewakili negara adalah penting, dan juga ikatan emosi tempat-tempat sukan dan tradisi (Chandler et. al, 2007).

Menurut Sheilds dan Bredemeier (1995), semangat kesukanan melibatkan sikap dalaman individu untuk mencapai kejayaan tetapi turut disertai oleh sifat-sifat yang baik seperti bertolak ansur semasa menghadapi konflik dan rintangan. Semangat kesukanan ini merupakan komponen nilai moral yang ditonjolkan menerusi sukan selain „*fairplay*” atau permainan yang bersih dan tingkah laku. Permainan yang bersih tidak melibatkan unsur-unsur keganasan, adil dan seimbang, manakala tingkah laku pula berkaitan dengan pembentukan nilai-nilai murni dalam diri ketika bersukan. Walau bagaimana pun, perkembangan komponen kognitif dan afektif perlu seimbang agar seseorang dapat merasai dan menghargai pandangan atau perasaan orang lain (Goleman, 1995).

Unsur-unsur semangat kesukanan seperti prihatin, mengambil tahu dan hormat kepada peraturan, pegawai, pihak lawan, hubungan sosial dan pihak awam serta mengelakkan niat jahat dalam sukan. Semangat kesukanan juga merangkumi komitmen penuh terhadap bidang sukan seperti berlatih bersungguh-sungguh, mematuhi peraturan dan menghormati pegawai terlibat, menghormati dan mengambil tahu persetujuan sosial seperti bersalam, menghormati dan mengambil tahu pihak lawan seperti meminjamkan peralatan sukan dan mengelakkan perbuatan negatif seperti perasaan benci dan marah (Vallerand, Briere, Blanchard & Provencher, 1997). Tuntasnya, perlakuan individu yang patriotik lebih matang dan mampu berfikir dengan baik apabila diseimbangkan dengan aspek pengetahuan dan penerapan nilai-nilai murni terutama nilai-nilai patriotik.

Perlakuan Patriotik

Perlakuan patriotik boleh dilihat melalui kehidupan seharian yang dialami oleh seseorang warganegara. Menurut, Villegas (2009), semasa mengikuti lawatan ke Seoul dan bandar-bandar sekitarnya untuk memberi ceramah di beberapa buah universiti, beliau amat tertarik dengan cara masyarakat Korea Selatan bertindak setiap kali lagu kebangsaan dimainkan. Setiap orang akan menyanyi dengan bersemangat dan penuh perasaan. Malangnya, hal ini berbeza dengan kebanyakan orang Filipina dalam situasi yang sama. Sering kali, masyarakat Filipina hanya mendengar rakaman muzik tanpa bergabung dengan nyanyian dan mungkin tidak menghafal semua senikata lagu tersebut. Penghayatan semangat patriotik yang tinggi dalam kalangan rakyat Korea Selatan menyebabkan negara mereka dikagumi dan dihormati oleh bangsa lain di dunia.

Semangat patriotisme ini boleh ditonjolkan oleh masyarakat Malaysia terutama golongan atlet dengan tidak melakukan tindakan-tindakan yang boleh mencemarkan nama baik negara. Slogan seperti „*Malaysia Boleh*“; dan „*Sukan Untuk Negara*“ sepatutnya berupaya menaikkan dan meningkatkan semangat patriotisme atlet murid. Laungan „*Malaysia Boleh*“ memupuk semangat untuk gigih berjuang dan terbukti dengan kejayaan Malaysia menganjurkan Sukan Komanwel ke-16. Keupayaan negara meraih 10 pingat emas merupakan rekod terbaik negara dan membanggakan seluruh rakyat Malaysia (Dzulkifli & Jamaliyah, 2004). Selain itu, murid-murid boleh meningkatkan usaha memperjuangkan maruah sukan negara agar setanding dengan negara lain.

Ini kerana, acara-acara sukan besar mungkin dapat mengukuhkan nasionalisme negatif atau sebaliknya menjana patriotisme positif. Kejohanan Piala Dunia FIFA 2006 yang diadakan di Jerman telah membenarkan orang Jerman menonjolkan beberapa jenis identiti tertentu. Data empirik menunjukkan bahawa kejohanan ini tidak menyumbang kepada patriotisme yang berterusan tetapi mempunyai kesan kecil dalam mengurangkan

xenophobia. Di Jerman Timur pula, xenophobia telah berkurangan sejak 1980-an (Kersting, 2007). Semangat patriotisme yang ditonjolkan menerusi acara sukan mampu memupuk perpaduan dan mengeratkan hubungan persahabatan antara pemain.

Semangat patriotisme iaitu cinta agama, bangsa dan negara boleh diperkayakan menerusi penglibatan atlet di peringkat antarabangsa. Atlet patriotik biasanya mempamerkan tahap kesungguhan yang tinggi ketika bertanding bagi menaikkan nama negara, juga mempengaruhi kualiti kehidupan, menjadi contoh dan idola kepada masyarakat Malaysia (Tengku Fadilah, Mohd Khairi & Borhannudin, 2005). Semangat patriotisme ini penting kerana atlet yang mewakili Malaysia dalam pertandingan sukan perlu membawa kemahiran sukan dan semangat patriotisme sebagai pendorong untuk berjaya selain ganjaran lumayan dan kepuasan diri. Semangat patriotisme inilah yang mendorong atlet berjuang untuk nama dan kegemilangan bangsa (Khoo, 1989).

Aplikasi Intrinsik dan Kemahiran Emosi

Semangat patriotisme dikaitkan dengan teori motivasi iaitu sesuatu tindakan bagi memenuhi keperluan asas seseorang individu, kumpulan atau masyarakat seperti rasa cinta dan hormat terhadap negara (Maslows, 1954). Menurut La Machia (2000), beliau menganggap patriotisme adalah perasaan cinta dan bangga yang mendalam, menyokong dan mempertahankan keagungan negara. Ini bermakna, setiap individu yang patriotik bukan sahaja menghayati nilai-nilai berkaitan negara tetapi mampu berfikir, bertutur dan bertindak sewajarnya tanpa menjejaskan nama negara. Malah warganegara yang patriotik sanggup mengorbankan nyawa untuk ibunda tercinta apabila negara diancam musuh.

Seterusnya, warganegara yang patriotik perlulah mengalami perkembangan yang seimbang dari aspek pengetahuan, nilai atau perasaan dan perlakuan. Penekanan unsur emosi yang berteraskan elemen patriotisme seperti sayang, cinta akan negara, taat setia,

bangga, sanggup berkorban, mementingkan negara dan semangat perjuangan pasti melahirkan warganegara yang patriotik dan bertanggungjawab (Bar-Tal & Staub, 1997). Perwatakan yang seimbang akan membentuk warganegara yang baik dan bertanggungjawab terhadap diri, keluarga, masyarakat dan negara. Warga penduduk yang berkualiti tinggi dapat membantu negara melonjakkan ekonomi dan mengekalkan keharmonian dalam negara. Ini kerana, Ken (2005), warganegara yang baik menghormati undang-undang, patriotik, sentiasa bersedia, aktif dan bermoral.

Menurut Kymlicka (1999) dan Bar-Tal & Staub (1997), patriotisme baru menjadi kuasa yang mengutamakan kepentingan negara melebihi kepentingan individu dalam bidang politik, ekonomi dan sosial. Semangat ini akan mendorong bangsa Malaysia berganding bahu membawa Malaysia menuju sebuah negara maju menjelang Wawasan 2020. Selain itu, sentiasa mendahulukan kepentingan negara untuk kepentingan bersama dan rela berkorban apabila negara menghadapi krisis ekonomi dan sosial. Manakala, Siti Hafshah Hanim & Anuar (2011), patriotisme bukan sekadar semangat atau luahan perasaan bahkan melibatkan soal keyakinan diri, kesetiaan, kewarganegaraan, keberanian, jati diri dan kedaulatan. Dalam konteks kepelbagaian etnik di Malaysia, tanpa semangat ini, negara akan berpecah belah dengan masing-masing mengutamakan kepentingan diri serta mengabaikan tanggungjawab terhadap negara.

Selain itu, Wolf (2007), menganggap patriotisme adalah hubungan positif kepada negara dan penghormatan simbol-simbol yang menjadi kebanggaan negara. Simbol atau lambang negara seperti bendera, lagu dan bahasa kebangsaan perlu dihormati dan dijunjung tinggi. Ini kerana, simbol atau lambang kebangsaan ini menjadi tunjang perpaduan dan imej atau identiti bagi sesebuah negara. Menurut Cogan & Derricott (2000), identiti nasional dan patriotisme merupakan ramuan terpenting bagi

kewarganegaraan yang dihasratkan oleh negara. Ia juga dapat mewujudkan sifat-sifat positif terhadap bangsa dan negara.

Teori patriotisme, faktor motivasi intrinsik dan elemen kemahiran emosi telah disepadukan dalam usaha memantapkan semangat patriotisme dan pencapaian sukan di Malaysia. Faktor intrinsik seperti minat, keseronokan dan keyakinan, manakala elemen kemahiran emosi seperti keazaman, fokus, positif, usaha dan berdaya saing. Weinberg & Gould (1999), motivasi adalah faktor dalaman yang mengarahkan, menghairahkan dan menyalingkaitkan perlakuan seseorang. Menurut Robert (1992), motivasi dikategorikan kepada dua bentuk iaitu motivasi intrinsik (dalaman) dan ekstrinsik (luaran). Motivasi merupakan suatu kuasa bagi mengarah dan merangsang atlet dan individu untuk berusaha secara berterusan tanpa mengenal penat lelah bagi mencapai matlamat dan kejayaan sukan.

Motivasi intrinsik meliputi konsep seperti kehairanan atau „*curiosity*” dan kekesanan atau „*effectance*”. Kehairanan terbentuk daripada gesaan minat untuk meneroka sesuatu yang baru dan membawa kepada pencapaian masyarakat dalam pelbagai bidang. Gesaan kesanan adalah matlamat bagi mewujudkan sistem saraf yang mengasaskan tingkah laku yang berkesan, apabila dewasa gesaan kesanan menjadi motif untuk memperolehi kefahaman, penguasaan dan pencapaian (Mohd Daud, 1990). Selain itu, motivasi intrinsik melibatkan keinginan dalaman untuk menjadi cekap atau kompeten dan untuk melakukan sesuatu demi kepentingan sendiri (Halonen & Santrock, 1996).

Motivasi intrinsik atau motivasi dalaman juga dikaitkan dengan keseronokan, pengalaman kecekapan dan minat terhadap sukan. Ia melibatkan kepuasan yang diperolehi daripada penglibatan dalam sukan dan tidak memerlukan hadiah atau ganjaran luaran. Motivasi intrinsik ini timbul daripada keinginan diri untuk mencapai matlamat, potensi, kejayaan dan keseronokan (Ishak & Mohd Sofian, 2002). Motivasi

intrinsik penting kerana ia mendorong seseorang berusaha sebaik mungkin bagi mencapai matlamat yang diinginkan. Seseorang individu yang tidak bermotivasi secara intrinsik lebih mudah menyerah kalah sebelum berjuang dan kurang efektif, mereka lebih bergantung kepada orang lain untuk berjaya.

Oleh yang demikian, tiga aspek manifestasi dari motivasi intrinsik adalah terhadap pengetahuan, pencapaian dan ke arah mengalami stimulasi. Motivasi intrinsik terhadap pengetahuan mencerminkan keinginan seorang atlet untuk mempelajari kemahiran baru dan cara untuk menyelesaikan tugas. Motivasi intrinsik terhadap pencapaian mencerminkan keinginan seorang atlet untuk menguasai kemahiran tertentu dan keseronokan yang wujud hasil dari penguasaan kemahiran tersebut. Motivasi intrinsik dalam mengalami rangsangan mencerminkan perasaan fizikal yang dialami oleh seseorang atlet semasa melaksanakan suatu tugas (Cox, 2002). Pengupasan selanjutnya berkaitan faktor motivasi intrinsik dan elemen kemahiran emosi yang digunakan dalam kajian ini.

Minat

Minat merupakan aspek penting yang mendorong kejayaan seseorang dalam bidang akademik atau sukan. Minat atau hobi mendorong tindakan seseorang atlet melakukan aktiviti sukan dengan lebih bermakna. Aktiviti bersukan seperti bermain bola sepak amat berfaedah untuk meningkatkan kesihatan dan asas pembentukan otak yang cergas. Kerelaan hati dan kemahuan yang mendalam akan memaksa atlet bekerja keras untuk berjaya dalam bidang yang diceburi (Jeffrey & Mohd Sofian, 2002). Emosi dan minat perlu difahami kerana ia mempengaruhi tingkah laku seseorang atlet. Masalah emosi dan sikap timbul apabila atlet dipaksa menjalani latihan dan pertandingan tanpa minat dan kerelaannya (Vasudevan, 1991).

Minat terhadap sukan perlu dipupuk memadangkan sukan juga menjadi sebahagian daripada kehidupan pelajar di seluruh dunia. Di kebanyakan negara, sukan diajar dan dimainkan melalui kelas Pendidikan Jasmani. Sekolah-sekolah di negara barat terutama di Amerika Syarikat, mempunyai pelbagai kumpulan sukan dan program sukan ini lebih menarik minat pelajar dan masyarakat setempat berbanding program akademik (Coakley, 2003). Atlet yang bermotivasi secara intrinsik menaruh minat yang mendalam dan berusaha mengatasi kelemahan diri demi meningkatkan prestasi diri dan mencapai matlamatnya (Nur Farah & Mohd Sofian, 2002).

Kajian implikasi demografi, nilai-nilai peribadi, gaya hidup, minat, pemasaran sukan dan media dalam konteks Sukan Olimpik Musim Panas 1996, menunjukkan tahap minat responden lelaki dalam Sukan Olimpik mempunyai kaitan secara signifikan dengan nilai-nilai patriotik dan gaya hidup. Individu yang paling tertarik pada acara ini melaporkan tahap yang jauh lebih tinggi patriotisme dan keagamaannya daripada individu yang kurang berminat, juga, kumpulan yang berminat ini melaporkan bahawa mereka menikmati pengiklanan secara lebih signifikan daripada rakan-rakan yang kurang berminat (McDaniel, 2002). Kesimpulannya, minat atau hobi ini perlu dipupuk dan disemai agar terus berkembang dalam sanubari remaja terutamanya golongan atlet.

Keseronokan

Motivasi intrinsik merujuk kepada aktiviti tertentu seperti hobi dan permainan yang menyeronokkan serta menguntungkan (Beck, 2004). Para jurulatih hendaklah menggunakan pelbagai kaedah yang sesuai untuk memotivasikan golongan atlet agar berminat dan seronok menjalani latihan. Perasaan seronok merupakan motivasi dalaman yang mendorong kejayaan. Motivasi keseronokan merupakan sumber aspirasi kejayaan di mana atlet yang mempunyai motivasi tinggi akan lebih berjaya berbanding atlet yang tidak memiliki motivasi keseronokan ini (Jefrey & Mohd Sofian, 2002).

Selain faktor keseronokan, golongan atlet ini perlu diberikan latihan yang lebih sukar, mencabar dan perlu dilatih menjadi pakar dalam sukan yang diceburi. Teori intrinsik ini bersandarkan teoritikal, kaedah penyelidikan dan amali yang kuat. Pun begitu, ia tidak menyediakan panduan yang kukuh tentang berapa banyak faktor intrinsik perlu disediakan oleh organisasi untuk sesuatu tugas. Hal ini kerana terdapat atlet yang seronok terhadap sesuatu tugas dalam jangka masa yang pendek, apabila berjaya memperoleh perkara yang dikehendaki, keseronokan dan kegembiraan terhadap tugasnya mula menurun (Ishak, 2004). Dengan ini, seseorang atlet perlu berusaha mengekalkan perasaan seronok dan gembira terhadap aktiviti sukan agar lebih cemerlang dalam bidang tersebut.

Teori emosi telah membincangkan konsep kenikmatan dan kegembiraan, dan menganggapnya sebagai asas kepada emosi manusia. Seperti semua emosi positif dan negatif, kenikmatan mempunyai komponen tingkah laku dan psikologi. Kenikmatan adalah emosi positif yang meliputi kecenderungan selera. Kenikmatan terdiri daripada ekspresi wajah yang dikaitkan dengan kontraksi otot-otot mata (Berger, Pargman & Weinberg, 2002). Kenikmatan atau keseronokan yang dialami oleh seseorang atlet ketika menjalani latihan sukan akan menyebabkan mereka berulang kali melakukan teknik dan kemahiran tanpa jemu dan bersungguh-sungguh bagi menguasainya.

Pengalaman negatif seperti kekalahan dan pergaduhan dalam permainan boleh menjejaskan mental dan emosi. Bagi mengatasi masalah ini atlet perlu memperolehi kepuasan dan keseronokan dalam sukan (Vasudevan, 1991). Selain itu, seseorang atlet juga akan menikmati kepuasan apabila diberi peluang membuat keputusan sendiri atau keputusan bersama dengan jurulatih. Kepuasan ini akan mendorong atlet untuk berasa lebih yakin dalam setiap permainan. Motivasi dalaman amat berkaitan rapat dengan kepuasan diri yang diperoleh daripada penglibatan dalam sukan itu sendiri tanpa kelebihan luaran sukan (Ishak & Mohd Sofian, 2002).

Penglibatan seseorang atlet dalam sukan adalah untuk mencari keseronokan dan kepuasan bermain bersama rakan-rakan. Atlet yang bermotivasi secara dalaman akan melakukan sesuatu aktiviti untuk keseronokan, kegembiraan dan keselesaan menjadi faktor utama ketika bersukan. Selain itu, kepuasan yang dirasakan oleh atlet akan mewujudkan tindak balas positif yang menjadi asas pencapaian dalam pertandingan. Teori motivasi sering digunakan untuk meramal dan merangsang tingkah laku individu. Individu yang bermotivasi secara dalaman akan bersukan demi keseronokan, kegembiraan dan keselesaan. Gabungan perasaan dan motif dalaman ini dapat mengurangkan keletihan mental (Deci & Ryan, 1985).

Keazaman

Sukan merupakan institusi konservatif untuk mempromosikan nilai tradisional, menyatu padukan rakyat dan kebanyakannya dinilai melalui pencapaian sukan di Amerika Syarikat. Resipi kejayaan masyarakat Amerika Syarikat ialah keazaman, kerja keras, disiplin dan dedikasi terhadap pencapaian peribadi. Tiada istilah malu dikalahkan atau mengalahkannya pihak lawan dalam usaha memenangi pertandingan, kedua-dua atlet berusaha bersungguh-sungguh dan sekuat tenaga untuk menunjukkan persembahan terbaik masing-masing (Woods, 2007). Sukan juga membentuk watak individu menjadi tegas, berhati-hati, bersemangat juang terutama jika berpeluang mewakili negara, sudah tentu tertanam semangat patriotisme dan rasa bangga kepada masing-masing (Mohd Salleh, 2004).

Kajian terdahulu mendapati peluang atlet kelas sosial rendah mendapat prestasi yang tinggi adalah kurang jika dibandingkan dengan atlet kelas atasan. Ini kerana atlet yang mempunyai latar belakang sosio ekonomi yang tidak menggalakkan, mempunyai banyak kekangan yang perlu diatasi untuk bersaing dengan atlet kelas atasan. Keadaan hidup yang serba kekurangan menjadi penghalang bagi mendapatkan sumber makanan

berkualiti, tempat tinggal yang selesa dan peralatan sukan yang diperlukan akan memudarkan minat terhadap aktiviti sukan yang agak mencabar dan memerlukan keazaman, kekuatan mental dan fizikal (Bilton, Bonnet, Jones, Sheard, Stanworth & Webster, 1987).

Positif

Positif merupakan komponen sikap dan pemikiran yang perlu diamalkan oleh setiap individu. Sikap dan pemikiran yang positif akan mempengaruhi tindakan dan keputusan yang lebih rasional ketika berhadapan dengan sesuatu permasalahan atau krisis peribadi. Individu yang mempunyai keyakinan diri sentiasa berasa tenang dan positif walaupun dalam situasi yang tegang, juga dapat membantu atlet bersikap tegas dan mengekalkan prestasi sukan. Sering kali atlet menjadi negatif apabila keputusan pengadil tidak berpihak kepadanya dan prestasinya terus merosot. Bagi mengatasi masalah ini ialah dengan kata sendiri atau „*self talk*“ positif seperti „*saya pemain terbaik*“ atau „*jangan putus asa*“ bagi memotivasikan diri, menaikkan semangat dan mengawal kebimbangan atau kemarahan (Jeffrey & Mohd Sofian, 2002).

Selain itu, kejayaan sukan juga bergantung kepada individu dengan mengamalkan sikap ingin belajar, sentiasa bercakap positif dengan diri, mempunyai ketahanan mental, bermatlamat, berdisiplin, menghindari perasaan takut semasa kejohanan, mempertimbangkan maklumat dan pandangan orang lain, memperuntukan masa bersama keluarga dan bersyukur dengan kurniaan Tuhan (Malek & Mohd Sofian, 2004). Selain itu, elemen yang terdapat di dalam sukan seperti bekerjasama, toleransi, berdisiplin, hormat-menghormati dan mematuhi peraturan membentuk tingkah laku, nilai dan perwatakan positif (Tengku Fadilah et al., 2005).

Golongan atlet perlu sentiasa positif dan menetapkan matlamat walaupun tidak semua atlet mempunyai kemahiran yang tinggi atau akan menang dalam pertandingan. Atlet juga diberi peluang dalam membuat keputusan dan peraturan bagi meningkatkan kawalan persepsi dan pencapaian peribadi. Maka, atlet dapat menetapkan matlamat berdasarkan kebolehan secara realistik dalam pelbagai cara selain pencapaian prestasi dan pengawalan emosi diri. Matlamat kejayaan ini perlu realistik dan bersesuaian dengan taraf seseorang atlet dan bukannya berdasarkan taraf jurulatih atau ibu bapa (Lim Chiew Sim & Mohd Sofian, 2002). Menurut ahli teori tingkah laku, pengulangan tingkah laku positif dapat dikekalkan sekiranya wujud perasaan puas dalam diri seseorang (Mok Soon Sang, 2002).

Fokus

Atlet yang tiada persediaan mental dan fizikal mudah hilang fokus atau tumpuan terutama semasa pertandingan. Atlet harus bijak menyetepikan segala masalah yang pastinya akan menjejaskan tumpuan dan kesegaran mental jika dibawa ke gelanggang. Tumpuan harus diberikan kepada matlamat dan tugas (Jeffrey & Mohd Sofian, 2002). Kestabilan mental dan fizikal amat diperlukan ketika bersukan. Atlet yang cergas fizikal tetapi tidak dari segi mental, tidak akan mencapai matlamat dengan baik. Kestabilan mental dan fizikal akan meningkatkan keupayaan pencapaian seseorang atlet. Kecergasan mental membolehkan atlet menjadi kreatif, memberi ketenangan, mengawal tindakan, menilai buruk dan baik serta sabar dan tenang (Vincent & Mohd Sofian, 2002).

Seseorang atlet yang ingin mempamerkan prestasi baik perlu mempelajari cara-cara meningkatkan tumpuan atau konsentrasi seperti melakukan latihan stimulasi, pengawalan penglihatan dan perancangan pertandingan. Atlet juga menggunakan strategi tertentu untuk mengganggu tumpuan pihak lawan seperti mana yang dilakukan

oleh Mohammed Ali terhadap Ernie Terrell dengan mengucapkan „*apa nama saya?*” setiap kali melepaskan tumbukan ke muka lawan (Choo Yong Chek & Mohd Sofian, 2002). Strategi yang digunakan oleh seseorang atlet mampu menaikkan semangat juang dalam diri mereka dan menjadi identitinya yang tersendiri. Seseorang atlet yang mempunyai kemahiran fizikal dan mental tidak mudah dikalahkan oleh pihak lawan dalam sesuatu pertandingan sukan.

Selain itu, fokus ketika bersukan amat penting terutama dalam pertandingan di peringkat antarabangsa. Pada peringkat ini tekanan dalaman dan persekitaran boleh mempengaruhi tumpuan dan menjejaskan prestasi permainan. Manakala, kemenangan dalam pertandingan sukan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa tidak harus bergantung kepada nasib tetapi usaha yang berterusan. Atlet acara individu dan pasukan hendaklah dilengkapi dengan kemahiran yang tinggi dan dibimbing oleh jurulatih yang bertauliah (Mohd Salleh, 2004). Pembentukan watak dan atlet yang berprestasi tinggi memerlukan pengorbanan terutama daripada atlet itu sendiri dan jurulatih dengan menyediakan sesi latihan secara efektif dan mengamalkan pemakanan yang seimbang. Ia memakan masa hingga bertahun lamanya dan memerlukan pemantauan secara berterusan daripada pelbagai pihak.

Usaha

Kepercayaan masyarakat dipelajari, dan atas dasar itu, reaksi motivasi emosi terbentuk. Ini bermaksud, ahli masyarakat yang membentuk kepercayaan seperti '*saya mencintai negara dan rakyat*', „*saya setia pada rakyat*” dan „*saya bangga dengan rakyat*', juga mengembangkan ikatan perasaan emosi (Bar-Tal, 2000). Motivasi intrinsik dan ekstrinsik bertindak bersama-sama dalam menaikkan semangat atlet untuk bekerja keras mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Motivasi ini akan membuang rasa jemu dan bosan dengan rutin harian dan dapat meningkatkan usaha yang lebih gigih (Locke,

Shaw, Saari & Latham, 1981). Semangat dan motivasi diri mendorong atlet gigih dan tekun berusaha bagi mencapai cita-cita. Usaha berterusan tanpa mengenal erti jemu pasti akan membuahkan hasil yang akan membanggakan masyarakat dan negara.

Selain itu, seseorang individu yang berkeyakinan tinggi sentiasa berusaha gigih dalam latihan dan pertandingan sukan. Mereka tidak mudah berputus asa, mengalah dan hasilnya dapat dilihat dalam acara sukan lasak serta memerlukan masa yang lama seperti lumba lari dan pertandingan tenis sehingga melibatkan lima set pertandingan. Kesanggupan jaguh sukan menjalani latihan tanpa memikirkan penat dan letih serta berusaha gigih merupakan kunci kecemerlangan. Keazaman yang kukuh, cita-cita tinggi, matlamat yang jelas, perancangan yang baik dan usaha bersungguh-sungguh patut diikuti oleh atlet (Jeffrey & Mohd Sofian, 2002). Bak kata pepatah, *„usaha tangga kejayaan“* dan *„kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya“*; menggambarkan kepentingan usaha untuk meraih kejayaan hidup.

Keyakinan

Semua atlet professional dianugerahkan kelebihan fizikal secara semulajadi, cara atlet elit menangani masalah psikologi iaitu keyakinan diri, keresahan, konsentrasi dan motivasi yang menjadikan diri sebagai jaguh sukan (Halonen & Santrock, 1996). Pun begitu, bukan semua atlet dapat mencapai kejayaan dalam sukan walaupun telah berusaha sedaya upaya, seharusnya atlet sebegini juga perlu diberi ganjaran bagi meningkatkan keyakinan dan prestasi atlet (Lim & Mohd Sofian, 2002). Keyakinan diri seseorang mampu melonjakkan kualiti diri dan sentiasa bersiap sedia menghadapi cabaran dan rintangan dalam perjuangan sukan. Atlet yang memiliki keyakinan diri yang rendah tidak mampu bersaing di peringkat yang lebih tinggi dan mudah menyerah kalah.

Pengiktirafan jurulatih ke atas peningkatan prestasi dan kejayaan atlet akan meningkatkan keyakinan dan tanggungjawab serta mewujudkan iklim pasukan yang positif. Hal ini membolehkan para atlet dan jurulatih berkomunikasi secara terbuka dan persamaan sikap, komitmen, aspirasi dan matlamat penting dalam melaksanakan tanggungjawab terhadap negara (Nur Farah & Mohd Sofian, 2002). Keyakinan diri yang ada pada atlet akan mendorong mereka bermain dengan lebih baik dan tidak gentar apabila berhadapan dengan pemain dari pelbagai bangsa dan negara. Atlet juga lebih cepat membuat keputusan dan tindakan berbanding dengan individu yang mempunyai keyakinan diri yang rendah. Tuntasnya, adalah penting memupuk keyakinan diri atlet sebelum menyertai sesuatu kejohanan sukan.

Berdaya Saing

Sukan dipandang sebagai salah satu cara untuk merealisasikan impian Amerika Syarikat melalui idea-idea daya saing, disiplin, pembentukan watak dan juga patriotisme. Sukan menyediakan suatu persekitaran bagi orang ramai untuk bersama-sama dan menyumbangkan idea tentang masyarakat serantau, nasional, etnik dan kerakyatan. Melalui sukan, seseorang boleh mewakili atau mengenalpasti kewujudan, keberadaan, punca, kuasa, pemilikan, kesetiaan, kemuliaan, kepercayaan, matlamat dan status komuniti yang dibayangkan (Maguire et. al, 2002). Arena sukan menjadi medan para atlet menunjukkan semangat daya saing yang tinggi bagi meraih kejayaan dalam pertandingan di peringkat tempatan dan luar negara.

Manakala, teori fungsionalis pula mendorong orang ramai untuk mempromosikan perubahan dalam sukan yang menekankan apa yang dilihat sebagai nilai-nilai tradisional dalam masyarakat. Jika individualisme, persaingan, dan kejayaan itu adalah nilai-nilai yang penting dalam masyarakat, pengamal teori fungsionalis mendesak perubahan yang mengarah pada peningkatan prestasi individu, mencatat

kemenangan, dan penyertaan keseluruhan dalam sukan kompetitif (Coakley, 2004). Bagi memperolehi kejayaan memerlukan usaha berterusan, cekat, tidak mudah berputus asa, berdaya saing dan berdaya maju dalam kehidupan.

Faktor dalaman seperti motivasi dan persaingan juga tercatat sebagai penting bagi remaja perempuan ini menunjukkan komitmen masa dan tenaga untuk sukan mereka. Satu-satunya aspek negatif utama penyertaan atlet sukan direkodkan adalah kurangnya waktu untuk kegiatan sosial „*normal*“ yang berkaitan dengan remaja. Tapi golongan atlet perempuan menyatakan lebih berbangga dengan peningkatan prestasi berbanding dengan perasaan menyesal atas apa yang mereka ketinggalan (Hellrung, 2009).

Manakala, Dzulfitri & Jamaliyah (2004), menyatakan segala tindakan atlet melambangkan imej negara dan sebagai duta negara, mereka perlu berdisiplin dan mempunyai perasaan cinta akan negara dan tanah air. Atlet wajar menunjukkan semangat cinta akan negara, bertanding bersungguh-sungguh mencapai kemenangan sebagai tanda sayang dan cinta terhadap tanah air. Setiap atlet perlu mempunyai semangat juang dan daya saing yang tinggi, dan seharusnya tidak meletakkan insentif atau ganjaran sebagai balasan kepada kemenangan yang diperolehi. Seterusnya pengupasan literatur meliputi aplikasi ekstrinsik.

Aplikasi Ekstrinsik

Faktor motivasi ekstrinsik dan elemen kemahiran emosi telah disepadukan dalam usaha memantapkan semangat patriotisme dan pencapaian sukan di Malaysia. Faktor ekstrinsik seperti ganjaran, sukan dan rakan atlet, manakala elemen kemahiran emosi seperti pendidikan, ibu bapa, jurulatih, peminat dan media massa. Motivasi ekstrinsik merupakan motivasi sekunder yang berkait rapat dengan faktor luaran dalam pengekalan tingkah laku positif. Motivasi primer atau utama iaitu intrinsik berasal dari

kegiatan atau sukan itu sendiri. Cabaran-cabaran yang wujud dari aktiviti-aktiviti ini menjelaskan kenapa ramai orang melibatkan diri dalam sukan tersebut. Motivasi sekunder atau kedua pula berbeza daripada motivasi utama. Sumber motivasi sekunder terdiri daripada jurulatih, ibu bapa, rakan sebaya, penonton, hadiah, lencana, sijil, piala, pingat dan wang (Cox, 2005).

Selain itu, motivasi luaran juga dirangsang oleh ganjaran untuk mencapai kejayaan dalam sesuatu pertandingan. Ganjaran luaran ini terdiri daripada pelbagai bentuk seperti hadiah, hukuman, ugutan, penghargaan dan pengiktirafan. Motivasi seperti pujian, pengiktirafan dan pemberian sijil ini bersifat sementara berbanding dengan ganjaran kepuasan yang dihasilkan oleh motivasi intrinsik atau dalaman (Ishak & Mohd Sofian, 2002). Motivasi ekstrinsik melibatkan pengaruh ganjaran luaran dan hukuman (Halonen & Santrock, 1996). Ganjaran dalaman dan luaran ini saling bergantung dan boleh menghasilkan perlakuan yang lebih baik. Pengupasan terhadap faktor ekstrinsik dan elemen kemahiran emosi disusun seperti berikut:

Ganjaran

Ganjaran terdiri daripada ganjaran primer atau ganjaran asas yang membolehkan manusia terus hidup seperti makanan, pakaian dan tempat tinggal. Manakala ganjaran sekunder atau ganjaran tambahan yang menjadikan hidup lebih bermakna seperti kasih sayang, persahabatan, pengiktirafan, status dan kuasa. Contoh ganjaran dalam sukan seperti medal, piala, selempang, bintang kehormat dan gelaran johan menjadi pendorong yang luar biasa kuatnya (Ainon, 2003).

Ganjaran ekstrinsik merujuk kepada perangsang yang bukan berada dalam kawalan seseorang tetapi diberi oleh orang lain. Ramai beranggapan bahawa memberi ganjaran kepada tingkah laku yang bermotivasi secara intrinsik akan meningkatkan lagi tingkah laku ke tahap prestasi yang lebih tinggi (Beck, 2004). Dorongan intrinsik tidak

beroperasi secara sendiri tetapi perlu dilengkapkan dengan dorongan ekstrinsik dan begitulah sebaliknya. Dorongan ekstrinsik atau pengukuhan yang diwujudkan oleh konsep gerak balas, rangsangan dan penamatan rangsangan aversi (Mohd Daud, 1990).

Manakala, insentif adalah rangsangan berbentuk positif dan negatif atau peristiwa yang memotivasikan tingkahlaku individu. Ringkasnya, ahli tingkah laku atau „behaviorist“ percaya bahawa faktor luaran dan konteks persekitaran sangat mempengaruhi motivasi seseorang (Halonen & Santrock, 1996). Terdapat pelbagai insentif dalam sukan, bermula dari piala dengan sedikit nilai ekstrinsik sehingga ganjaran tunai yang lumayan. Asasnya ialah sangkaan bahawa ganjaran adalah objek atau keadaan yang dianggap sebagai memenuhi keperluan (Cashmore, 2005). Selain itu, kata-kata Vic Oliver menunjukkan bahawa sesuatu yang lebih dari keinginan dalaman boleh memotivasi tingkah laku seseorang, sesuatu yang lebih luaran. Wang adalah contoh stimulus luaran yang merupakan motivator kuat sesuatu tingkah laku seperti gambaran berikut:

“Jika seseorang mengejar wang, dia gila wang, jika dia menyimpannya, dia seorang kapitalis, jika dia menghabiskannya, dia adalah kaki perempuan, jika dia tidak berusaha mendapatkannya, dia tidak bercita-cita dan, jika dia mengumpulkannya selepas kerja keras sepanjang hidup, orang menyebutnya si bodoh yang tidak mendapat apa-apa dari hidup.” (Halonen & Santrock, 1996: 452)

Dalam dunia sukan hari ini, atlet lebih berminat terhadap motivasi ekstrinsik berbanding intrinsik. Misalnya pemberian ganjaran kebendaan seperti wang, kereta, biasiswa dan elaun apabila berjaya dalam pertandingan sukan (Lim & Mohd Sofian, 2002). Ada pelbagai motivasi penyertaan yang menjadi insentif untuk penglibatan dalam sukan, seperti sosial, kemenangan, kemasyhuran, kesihatan, persaingan, wang, pingat atau piala, memperolehi kemahiran dan keseronokan (Gervis, 2005).

Selain wang, penghargaan dan pengisytiharan terhadap potensi dan pencapaian sukan mendorong atlet terus meningkatkan tahap pencapaian. Pemberian wang, piala, biasiswa, sijil, medal merupakan sejenis insentif sebagai pengukuhan ekstrinsik

(Vasudevan, 1991). Manakala, pengukuhan intrinsik atau dalaman seperti bangga dengan kejayaan, diri berasa penting dan dimiliki oleh pasukan. Pengukuhan yang diberikan juga perlu menggunakan pendekatan positif dan negatif seperti memuji, menentukan matlamat dan menyediakan latihan yang menyeronokkan (Hussin & Mohd Sofian, 2001).

Sukan

Mengikut ahli fungsionalis, institusi sukan boleh mengambil alih tanggungjawab untuk melahirkan atlet yang mempunyai kemahiran bersukan. Kewujudan golongan atlet berprestasi tinggi merupakan tanggungjawab bersama semua pihak. Institusi keluarga masyarakat luar bandar tidak dapat memainkan peranannya sepertimana institusi keluarga masyarakat bandar. Oleh itu, institusi sukan harus memikul tanggungjawab dengan serius untuk meningkatkan prestasi atlet (Demerath III & Marwell, 1976). Peningkatan prestasi sukan membawa kesan positif terhadap individu, masyarakat dan negara. Bidang ini juga membantu meningkatkan imej dan ekonomi negara.

Seterusnya, sukan dipandang sebagai mempertahankan status quo dengan memberi manfaat positif kepada komuniti atau negara yang berusaha untuk bekerja dan bermain bersama. Sukan menyumbang untuk kelancaran fungsi sesuatu masyarakat dengan membantu mempromosikan nilai-nilai bersama yang membawa kepada kestabilan di dalam masyarakat dan negara. Pada masa yang sama, semasa berlaku perubahan-perubahan sosial, sukan boleh mengambil peranan utama dalam mempromosikan perubahan-perubahan dan seterusnya memperkuat sistem nilai-nilai sosial yang dominan (Woods, 2007).

Selain itu, sukan merupakan media bagi seseorang individu menguji kebolehan diri, membantu kecergasan badan dan mengenali identiti diri. Namun ramai remaja

menganggap sukan tidaklah begitu menyeronokkan berbanding kemajuan teknologi. Bagi mengatasi masalah ini, individu yang telah kehilangan minat bersukan mestilah digalakkan aktif semula, terus berusaha dan mencapai kepuasan diri melalui sumber yang penting iaitu motivasi. Tidak dapat dinafikan kejayaan ahli sukan antarabangsa gabungan faktor genetik, peluang, latihan intensif, insentif dan pengalaman (Vasudevan, 1991). Ia diperkukuhkan melalui pendedahan teknik dan pengetahuan mengenai tingkah laku bijak dan kehidupan sosial efektif yang boleh direalisasikan melalui sukan (Robert, 1991). Pada hari ini, sukan memberi pulangan lumayan dan menjamin kehidupan yang lebih baik. Ia menjadi gaya hidup masyarakat bagi meningkatkan kualiti kesihatan dan mengurangkan tekanan yang dialami.

Manakala, musuh Persekutuan Katolik sama-sama komited untuk menggunakan sukan sebagai cara untuk membangunkan remaja laki-laki menjadi berdisiplin dan patriotik. Gimnastik Jerman dan sukan Inggeris sebagai sumber persaingan dalam pembangunan semula mempunyai pandangan berbeza tentang bagaimana kelelakian perlu dibina. Bagi gimnas kelelakian pada dasarnya adalah ketenteraan. Mereka mengikuti gaya gimnastik Jerman yang menekankan kekuatan, disiplin dan patriotisme. Ciri-ciri utama seorang lelaki Perancis ialah sentiasa bersiap sedia dan mampu berjuang untuk negara Perancis (Holt, 1991).

Selain itu, Rowe, McKay dan Miller pula menggambarkan ahli sukan sebagai pembawa karakter nasional dan dikukuhkan lagi oleh sokongan Boyle dan Haynes iaitu sukan sebagai indikator identiti nasional. Manakala, identiti nasional negara barat seperti di England dikaitkan melalui pencapaian sukan berpasukan bagi atlet lelaki dan pencapaian sukan individu bagi atlet perempuan (Harris & Humberstone, 2004). Tuntasnya, aktiviti sukan semakin menjadi tumpuan masyarakat dan boleh menjana perpaduan, persefahaman, minat dan menyumbang bakti kepada bangsa dan negara.

Pendidikan

Menurut John Dewey, pakar pendidikan Amerika Syarikat menyatakan pendidikan merupakan satu proses perkembangan individu, manakala Plato pula berpendapat, pendidikan suatu proses untuk membentuk individu yang berakhlak mulia (Mok Soon Sang, 1996). Jadi, guru dan jurulatih merupakan insan berpengaruh dan penting dalam industri pendidikan perlu membuat keputusan yang baik dan bermoral kerana pepatah melayu menggambarkan bahawa „*Jika Guru Kencing Berdiri, Anak Murid Kencing Berlari*” dan „*Jangan Jadi Macam Ketam Yang Menyuruh Anaknya Berjalan Betul.*” Manakala, Lickona (1993), sekolah berperanan menanam nilai-nilai dalam diri murid bagi memenuhi tuntutan tanggungjawab yang gagal dilaksanakan dalam sesebuah keluarga.

Manakala, ahli fungsionalisme pula menggambarkan sosialisasi sebagai proses membina karakteristik sosial yang membolehkan kita menyesuaikan diri dan berkhidmat untuk masyarakat. Ahli ini mengkaji fungsi perlakuan atau institusi sosial dalam aktiviti yang menyumbang kepada penerusan masyarakat dan membincangkan variasi kelas sosial dalam sukan menyebabkan perbezaan peluang bersukan. Golongan ini amat menekankan kepentingan pendidikan di sekolah dan di rumah (Bilton, Bonnet, Jones, Sheard, Stanworth & Webster, 1987). Pendidikan awal yang diterima oleh anak-anak daripada ibu bapa di rumah akan membentuk pemikiran dan perlakuan ketika berada di sekolah dan di padang.

Pendidikan karakter di sekolah melalui pelbagai jenama seperti pendidikan moral, nilai, sivik dan kewarganegaraan serta pendidikan agama. „*Liturny of Alarm*” iaitu rungutan berkaitan perasaan bimbang dan cemas masyarakat berpunca daripada keruntuhan moral remaja terutama kes pembuangan bayi yang semakin berleluasa. Fenomena ini berlaku di seluruh dunia dan wujud dari dahulu hingga sekarang memperhebatkan lagi usaha membina karakter oleh pihak sekolah. Pendidikan karakter

berpusat kepada semua pihak terutama remaja dan golongan dewasa kerana tingkah laku golongan dewasa menjadi contoh tauladan kepada generasi remaja (Abdul Rahman, 2005).

Pertubuhan pemain berkonsepkan tanggungjawab sebagai fungsi dan kontrak. Penemuan ini dijelaskan dengan ciri-ciri kukuh dalam konteks amalan yang berasaskan pembahagian tugas dan tekanan prestasi. Sebaliknya perancangan sendiri pemain menggambarkan tanggungjawab peribadi dan moral, penemuan juga boleh dijelaskan dengan amalan konteks terbuka berdasarkan interaksi mengejar kepuasan diri. Keputusan keseluruhan kajian juga mempersoalkan keupayaan pendidikan dalam konteks sukan dari segi sosial dan pembangunan untuk belia (Long, Pantaleon & Bruant, 2008). Kesimpulannya, pendidikan merupakan proses pembelajaran secara berterusan dan amat penting dalam mencorakkan masa depan seseorang. Penekanan aspek akademik dan sukan berupaya melahirkan masyarakat yang lebih baik dan seimbang.

Ibu Bapa

Nilai-nilai yang dianggap benar oleh kanak-kanak tentang sukan dijana dan diperkukuhkan oleh ibu bapa. Ibu bapa memainkan peranan penting sebagai *„role model“* yang akan dicerminkan dalam kepentingan penglibatan dalam sukan. Ibu bapa memainkan peranan serta mendorong penglibatan dan penyertaan remaja perempuan dalam sukan secara berterusan (Hellrung, 2009). Mohd Daud (1990) memetik kajian oleh Chang (1986) membuktikan dalam kalangan kanak-kanak di Singapura unsur-unsur seperti harapan dan galakan ibu bapa membina motif untuk mencapai kejayaan.

Ibu bapa yang sibuk bekerja, gagal memantau aktiviti sukan atlet yang akhirnya menjadikan prestasi sukan terbantut. Ini kerana, atlet yang hidup dalam suasana persekitaran yang tidak menggalakkan sukan, pendidikan patriotisme dan tidak

mempunyai „*role model*“ yang bertindak sebagai pendorong. Ketiadaan motivasi ekstrinsik ini pasti menimbulkan motivasi intrinsik menyebabkan atlet kurang berminat terhadap sukan dan secara tidak langsung semangat juang yang hilang melambangkan kepudaran semangat patriotisme dalam jiwa (Woods, 2007).

Seterusnya, ibu bapa memainkan peranan penting dalam pemupukan nilai terutama nilai patriotik kanak-kanak memandangkan ibu bapa mempunyai kuasa dan pengaruh yang kuat sejak kanak-kanak masih kecil lagi. Hal ini ditegaskan, „...*that parental styles influence the child's moral development.*“ (Mosher, 1980). Kanak-kanak yang tinggi pencapaiannya mempunyai ibu bapa yang mendorong anak-anak berdikari dan sering memberi ganjaran kepada kejayaan. Selain itu, ciri-ciri individu yang mencapai kejayaan cemerlang ialah mempunyai cita-cita yang tinggi, suka bersaing dan tabah menyelesaikan masalah (Ainon, 2003).

Kesimpulannya, langkah bagi memupuk perasaan sayang dan hormat terhadap simbol kebanggaan negara seharusnya bermula dari rumah serta membabitkan ibu bapa. Ibu bapa bertanggungjawab menyemai rasa kasih terhadap bendera, memperkenalkannya, selanjutnya menerangkan fungsinya kepada anak-anak. Keprihatinan ditunjukkan dengan cara mengibarkan bendera di rumah terutama menjelang sambutan bulan kemerdekaan negara. Sekurang-kurangnya anak-anak sedia mengenali fungsi dan kepentingan bendera sebelum memasuki alam persekolahan. Rasa hormat menerbitkan sayang dan cinta kepada negara. Beliau turut mencadangkan sukatan pelajaran Pendidikan Moral dan Kewarganegaraan diselitkan dengan pengetahuan mengenai bendera Jalur Gemilang (Bennie, 2009).

Jurulatih

Jurulatih perlu mewujudkan hubungan dengan atlet secara baik dan mesra bagi menimbulkan keakraban, positif, saling menghormati, kenal mengenali dan menghindari syak wasangka. Ini kerana kejayaan dalam sukan memerlukan gabungan peranan jurulatih, atlet dan keseluruhannya. Jurulatih perlu merancang program latihan dengan teliti bagi meningkatkan persembahan dalam pertandingan sukan. Gaya kepimpinan jurulatih dapat dilihat melalui cara pengurusan dan penyampaian maklumat. Jurulatih perlu menunjukkan sikap yang baik agar dapat mengubah sikap negatif atlet (Nur Farah & Mohd Sofian, 2002).

Oleh sebab itu, jurulatih tempatan perlu berdedikasi dalam melatih atlet, menyediakan latihan dan memaksimumkan penggunaan kemudahan sukan serta mencontohi jurulatih luar terutama jurulatih dari China yang amat mengambil berat tentang prestasi atlet (Demerath III & Marwell, 1976). Tanggungjawab jurulatih juga bukan sekadar memastikan atlet jagaannya menunjukkan prestasi cemerlang tetapi perlu menitikberatkan pemupukan semangat patriotisme menerusi aktiviti sukan. Jurulatih perlu memainkan peranan yang lebih meluas dalam usaha membentuk atlet yang seimbang dan menyeluruh.

Jurulatih juga perlu meningkatkan hubungan yang baik dengan atlet dapat membantu mengurangkan tingkah laku anti sosial, dan pendedahan kepada tahap penaaakulan sosio moral yang tinggi secara relatif dalam konteks sukan meningkatkan tingkah laku pro sosial. Hasil dapatan kajian menjurus kepada aspek spesifik penyertaan atlet dewasa dalam sukan dan boleh digunakan untuk merealisasikan potensi pendidikan dalam sukan remaja terancang (Rutten, Esther, Stams, Geert, Biesta, Gert, Schuengel, Carlo, Dirks, Evelien, Hoeksma & Jan, 2007). Responden juga berpendapat bahawa patriotisme atau nasionalisme adalah penting untuk jurulatih olahraga, walaupun usaha

jurulatih untuk menimbulkan semangat patriotisme sebagai tidak signifikan (Koehler, 1984).

Manakala, Marseille (2009), projek penyelidikan ini tidak hanya melihat kesan sukan penyertaan lelaki Afrika Amerika yang berkaitan dengan Indeks Prestasi Kumulatif (IPK), kekerapan tidak hadir dan kelewatan, pendaftaran kursus lanjutan, tetapi juga tentang bagaimana atlet lelaki Afrika Amerika percaya bahawa penyertaan, termasuk hubungan *interpersonal* dengan jurulatih dan guru mempengaruhi prestasi atlet, pencapaian akademik, harga diri atau identiti. Kejurulatihan dan pengajaran mempunyai beberapa persamaan serta hubungan latihan yang positif telah dikaitkan dengan peningkatan kepercayaan, komitmen dan keakraban, sehingga dapat dimanfaatkan di dalam kelas untuk meningkatkan prestasi murid.

Guru dan jurulatih adalah pengamal disiplin yang diumpamakan sebagai cermin untuk membantu atlet mengatasi halangan dan mengawal perkembangan emosi tetapi dengan syarat individu itu sendiri juga berusaha mengubah dirinya (Shahabudin & Rohizani, 2003). Kajian di barat mendapati 271 pelajar kolej dikenal pasti bersemangat patriotisme, responden menganggap semangat patriotisme diperolehi akibat penglibatan mereka dalam sukan olahraga dan peranan jurulatih dalam pembentukan semangat patriotisme (Koehler, 1984).

Kesimpulannya, jurulatih merupakan orang yang bertanggungjawab melatih atlet secara fizikal dan mental. Kerjasama antara jurulatih dan atlet akan melahirkan keyakinan yang tinggi kepada atlet. Keyakinan diri amat penting semasa menjalani latihan dan pertandingan sukan. Jika jurulatih memahami atletnya dengan lebih baik, mudah bagi atlet mencapai prestasi terbaik (Mohd Salleh, 2004). Kejayaan seseorang atlet biasanya disebabkan oleh jurulatih yang berwibawa dan melambangkan keberkesanan program latihan. Jurulatih yang berpengalaman mampu melahirkan atlet yang berkualiti tinggi.

Rakan Atlet

Sokongan positif dan moral rakan sepasukan perlu diberikan walaupun tewas dalam pertandingan bagi mengurangkan tekanan akibat kegagalan. Kepercayaan, hubungan persahabatan, suka duka dan hormat menghormati amat penting dalam memperoleh kejayaan. Sokongan antara satu sama lain menjadi motivasi utama dalam mencapai matlamat ahli sepasukan (Ishak & Mohd Sofian, 2002). Atlet yang bermotivasi tinggi dapat menjalani latihan dan pertandingan dengan baik. Namun, kejayaan semata-mata tidak mencukupi untuk memotivasikan atlet, sebaliknya sokongan jurulatih, rakan sebaya dan keluarga adalah penting dalam mencapai matlamat yang diinginkan (Zainuddin & Mohd Sofian, 2002).

Manakala, Wold & Andessen (1992) dalam (Berger, Pargmen & Weinberg, 2002), sebuah kajian meluas dari 10 negara Eropah yang melibatkan lebih kurang 40,000 kanak-kanak sekolah mendedahkan bahawa rakan baik dan adik beradik yang melakukan senaman mendorong kanak-kanak ini bersenam hingga dewasa. Seterusnya, Wentzel (1998), menegaskan remaja membina kemahiran sosial, kompetensi moral dan kemahiran intelektual apabila mendapat sokongan guru dan rakan sebaya. Penegasan ini menunjukkan besarnya pengaruh rakan sebaya terhadap remaja yang lain melebihi pengaruh ibu bapa dan guru.

Selain itu, Hellrung (2009), mendapati para atlet yang menyertai kajian ini menunjukkan bahawa sokongan positif daripada rakan-rakan terutamanya rakan sepasukan dan rakan latihan sangat penting untuk keseronokan, dan penglibatan berterusan dalam aktiviti sukan. Manakala, Beedy & Gough (2000) menyatakan bahawa perhubungan yang sihat dan bermakna antara rakan sebaya juga akan menyumbang kepada pengalaman sukan yang positif kepada atlet. Rakan sebaya mempunyai pengaruh yang besar dalam kehidupan remaja. Golongan ini berupaya membentuk seseorang remaja yang lain menjadi berkualiti atau sebaliknya. Pada kebiasaannya, ibu

bapa memastikan anak-anak bergaul dengan rakan sebaya yang baik agar anak-anak tidak terpengaruh dengan anasir negatif.

Penyokong Sukan

Penonton, penyokong atau peminat sukan memainkan peranan penting dalam sesuatu pertandingan sukan. Kehadiran, sokongan dan sorakan penyokong sukan mampu meningkatkan motivasi atlet untuk bermain bersungguh-sungguh. Atlet akan beraksi dan mempamerkan prestasi tertinggi sebagai balasan kepada sokongan penonton. Peminat atau penyokong pasukan biasanya berusaha mengganggu fokus atlet pihak lawan dengan pelbagai strategi seperti mengejek. Di Kanada peratusan kemenangan pasukan tuan rumah meningkat apabila jumlah penontonnya bertambah (Choo Yong Chek & Mohd Sofian, 2002).

Selain itu, perlawanan sukan yang berlaku melibatkan kehadiran para penyokong yang ramai dan sensitif terhadap pasukan masing-masing. Jika para penyokong hadir dengan semangat patriotisme, ia dapat mengelakkan gejala yang tidak diingini seperti pergaduhan dan pemusnahan kemudahan yang disediakan pihak penganjur. Sorakan padu daripada penyokong patriotik terhadap pasukan negara akan merangsang pemain untuk mempamerkan aksi yang lebih mantap bagi mencapai kejayaan. Semangat patriotik dan pengamalan budaya sukan yang bersih dalam kehidupan seharian berupaya menonjolkan gaya hidup sihat dan memupuk nilai persahabatan sedunia.

Media Massa

Media massa sama ada media cetak mahu pun media elektronik memainkan peranan penting dalam pembangunan sukan terutama dari aspek promosi dan penerapan nilai-nilai positif. Seiring dengan perkembangan teknologi, media massa merupakan

saluran paling pantas dalam menyebarkan maklumat dan pengetahuan patriotisme. Paparan media massa ini berjaya menarik minat jutaan masyarakat di seluruh dunia mengikuti perkembangan semasa dalam dan luar negara. Media massa juga sentiasa mencari bahan-bahan atau berita terkini bagi tatapan pembaca dan penonton. Maklumat atau berita berkaitan sukan semakin penting memandangkan acara sukan amat diminati oleh penduduk dunia.

Justeru itu, media massa perlu menjalankan tanggungjawab sosial dalam mengembalikan generasi muda ini ke landasan yang betul. Media harus memainkan peranan dalam menyemai dan memupuk semangat patriotisme setiap warganegara Malaysia, terutama generasi atlet. Media tidak seharusnya mendedahkan generasi muda dengan budaya negatif dari barat tetapi harus menyediakan program-program sama ada dalam bentuk realiti atau rancangan-rancangan yang berunsur pengetahuan dan pendidikan agar dapat memupuk semangat patriotisme dalam jiwa generasi muda terutama atlet pewaris negara dalam bidang sukan (Aniza, 2008).

Media elektronik dan media cetak berperanan penting dalam menyemarakkan patriotisme seperti ASTRO menyiarkan rancangan Tokoh Anak Gemilang Malaysia (Norzanah, 2007). Selain media massa, semua pihak terutama ibu bapa, jurulatih, pendidik, dan pihak kerajaan perlu menilai semangat patriotisme atlet dalam melahirkan warganegara yang berjiwa patriotik dan menghayati perjuangan dalam bidang sukan. Dorongan dan kerjasama secara berterusan daripada semua pihak perlu agar nilai-nilai murni dan pembentukan karakter yang patriotik serta semangat kesukanan berkekalan dalam diri atlet (Zamri & Mohd Sofian, 2001). Tuntasnya, media massa dan media elektronik membawa pengaruh dan perubahan yang besar terhadap industri sukan negara.

Rumusan

Bab tinjauan literatur ini mengupas refleksi semangat patriotisme menerusi dasar pendidikan dan sukan, semangat patriotisme dan pendidikan iaitu Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan, Sejarah dan Pendidikan Moral, simbol patriotisme dan sukan negara seperti bendera, lagu dan jersi sukan kebangsaan, cabaran dan tanggungjawab warga muda, isu patriotisme dan sukan, paradoks antara semangat patriotisme dan ganjaran, semangat patriotisme meliputi aspek pengetahuan, nilai atau perasaan dan perlakuan patriotik. Pengupasan literatur ini turut meliputi aplikasi intrinsik dan kemahiran emosi iaitu minat, keseronokan, keazaman, positif, fokus, usaha, keyakinan dan berdaya saing. Seterusnya, aplikasi motivasi ekstrinsik dan kemahiran emosi iaitu ganjaran, sukan, pendidikan, ibu bapa, jurulatih, rakan atlet, penonton dan media massa. Manakala, pengupasan metodologi kajian yang digunakan bagi mendapatkan data atau maklumat kajian dilakukan menerusi bab tiga iaitu metodologi kajian.

BAB 3

METODOLOGI

Pendahuluan

Metodologi adalah suatu sistem merangkumi kaedah dan prinsip yang digunakan dalam sesuatu kegiatan, disiplin dan sebagainya (A. Aziz, 1996). Perbincangan metodologi kajian ini meliputi reka bentuk kajian, persampelan kajian, instrumen kajian, kesahan dan kebolehpercayaan instrumen, kajian rintis, prosedur pengumpulan dan penganalisan data kajian distrukturkan serta bersesuaian dengan objektif dan persoalan kajian ini.

Reka Bentuk Kajian

Kajian semangat patriotisme ini merupakan kajian kaedah kuantitatif. Kajian berbentuk kuantitatif iaitu penyelidikan yang menekankan fenomena objektif dan dikawal melalui pengumpulan dan analisis data (Chua Yan Piaw, 2006; Fraenkel & Wallen, 2006). Kekuatan kaedah kuantitatif iaitu lebih mudah dan ringkas terutama apabila data perlu dikumpul daripada responden yang ramai. Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan atau „*survey*“ melalui pentadbiran satu set soal selidik yang dibina berdasarkan tujuan dan objektif kajian. Seterusnya, dapatan kajian kuantitatif ini diperkukuhkan melalui salah satu kaedah kualitatif iaitu temubual agar dapatan lebih bermakna dan mendalam. Menurut Creswell (2008) & Creswell & Plano Clark (2007) data kualitatif digunakan untuk lebih memahami dan menerangkan masalah kajian secara terperinci.

Kajian ini bertujuan untuk melihat semangat patriotisme, faktor intrinsik dan ekstrinsik pemantapan semangat patriotisme dan pencapaian sukan, mengenal pasti hubungan dan perbezaan berdasarkan umur, jantina, sukan, acara, rekod atau penyertaan tertinggi, medal atau pencapaian terbaik dan pengalaman bersukan dengan semangat

patriotisme, faktor intrinsik dan ekstrinsik pemantapan semangat patriotisme dan pencapaian sukan. Seterusnya, mengenal pasti sumbangan yang signifikan antara faktor intrinsik dan ekstrinsik terhadap pencapaian sukan. Golongan atlet dalam kajian ini merujuk kepada atlet remaja yang masih berada di bangku sekolah.

Kajian tinjauan merupakan salah satu bentuk kajian yang sering digunakan oleh para pengkaji terutama apabila ia melibatkan bilangan responden yang ramai. Kajian tinjauan ini adalah popular untuk menghuraikan sikap, kepercayaan, perasaan, tingkah laku dan sebagainya. Ia boleh dilakukan melalui pentadbiran set soal selidik atau temu bual atau kedua-duanya sekali. Manakala, proses memungut data atau maklumat boleh dilakukan secara terus daripada responden dan keputusan analisis dapat dikumpulkan secara terus dalam masa yang singkat. Ia juga boleh melibatkan saiz sampel yang besar, yang tidak dapat dilaksanakan oleh kajian eksperimental dan keputusan kajian pula dapat digeneralisasikan dengan lebih tepat dan berkesan (Chua Yan Piaw, 2006).

Selain itu, kaedah tinjauan dapat memenuhi tujuan tentang keadaan semasa atau sesuatu peristiwa (Leedy & Omrod, 2001). Soal selidik bukan sahaja dapat mengurangkan belanja, masa dan tenaga malah maklumat yang diperolehi dari responden atau subjek yang ramai dapat meningkatkan ketepatan anggaran statistik (Mohd Majid, 2000). Soal selidik juga dapat menyenarai dan mengumpul maklumat yang tepat berkaitan data demografi, laporan tingkah laku, sikap dan pendapat, pengetahuan, keinginan, harapan dan motivasi (Behling & Law, 2000). Kajian tinjauan ini juga sesuai dilaksanakan bagi tujuan kajian ini.

Kajian berbentuk kuantitatif ini menggunakan set soal selidik bagi mendapatkan data atau maklumat yang dikehendaki daripada n=440 responden. Kaedah pengumpulan data secara soal selidik ini sememangnya digemari dan digunakan dengan meluas dalam bidang pendidikan kerana ianya amat sesuai untuk mendapatkan maklumat, boleh melibatkan responden yang ramai dan dapat dilaksanakan dalam jangka masa yang

terhad (Mohd Majid, 2005). Implikasi kajian ini pastinya akan melahirkan atlet yang patriotik, memiliki semangat juang yang tinggi, berdaya maju, berdaya saing dan membentuk golongan atlet yang bersatu padu dan mampu menyumbang terhadap pembangunan sukan negara.

Manakala, data atau maklumat kajian yang diperolehi daripada responden melalui pentadbiran soal selidik dikumpul dan difailkan agar sistematik. Data kajian yang diperolehi diproses dan dimasukkan ke dalam program „*Statistical Package For Social Sciences*” (SPSS Versi 17.0). Kemudian data tersebut dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif dan inferensi sesuai dengan jenis maklumat yang diperlukan. Dengan adanya program sebegini, maka proses menganalisis data kajian menjadi lebih cepat dan mudah walaupun melibatkan bilangan responden yang ramai.

Jadual 1

Angkubah Tidak Bersandar dan Bersandar

Bil	Angkubah Tidak Bersandar	Angkubah Bersandar
1	Faktor Intrinsik	Semangat patriotisme
2	Fktor Ekstrinsik	

n=440

Jadual 1 menunjukkan kategori angkubah tidak bersandar dan bersandar yang terdapat di dalam soal selidik yang digunakan dalam kajian. Angkubah tidak bersandar terletak di bahagian C (faktor intrinsik) dan bahagian D (faktor ekstrinsik). Manakala, angkubah bersandar pula terletak di bahagian B (semangat patriotisme). Seterusnya, maklumat demografi atau maklumat latar belakang terdapat di bahagian A iaitu (1) umur, (2) jantina, (3) bangsa, (4) sukan, (5) acara sukan (6) rekod atau penyertaan sukan (7) medal atau pencapaian sukan dan (8) pengalaman bersukan.

Setiap bahagian iaitu A, B, C dan D terdiri daripada bilangan item tertentu bergantung kepada data atau maklumat kajian yang diperlukan. Bagi kajian ini, bahagian A terdiri daripada lapan item, bahagian B terdiri daripada 31 item, bahagian C terdiri daripada 40 item dan bahagian D terdiri daripada 38 item. Jumlah keseluruhan item bahagian A, B, C dan D yang digubal ialah 117 item. Bilangan item ini perlu dijawab oleh semua responden kajian dalam jangka masa antara 15-20 minit. Selain itu, bagi memperkukuhkan dapatan kajian, teknik kualitatif iaitu temubual semi berstruktur dijalankan.

Populasi Kajian

Populasi adalah sekumpulan individu, keluarga, kumpulan, organisasi, peristiwa atau apa sahaja yang ingin dikaji dengan mengenalpasti satu set pembolehubah atau ciri-ciri. Populasi juga merupakan satu agregat elemen yang telah diperincikan secara teori, merangkumi kesemua individu yang hendak dikaji dan dirujuk sebagai elemen (Sabitha, 2006). Populasi kajian ini merujuk kepada $n=950$ atlet lelaki dan perempuan di dua buah Sekolah Sukan Malaysia. Manakala, bilangan responden kajian ini ialah $n=440$ atau 46.32% didapati sudah mencukupi dan memenuhi objektif kajian ini.

Menurut Krejcie & Morgan (1970), seramai 367 orang atau 4.93% sudah mencukupi bagi populasi kajian 7440 orang. Ini bermakna, lebih besar saiz sampel maka lebih tinggilah anggaran ketepatan atau kepercayaan sampel itu atau dengan kata lain semakin besar sampel yang digunakan, semakin rendah potensi ralat yang terdapat dalam populasi (Sabitha, 2006; Creswall, 2005 & Syed Arabi, 2002). Seterusnya, pengupasan terhadap sampel dan responden kajian, tempat kajian dan jangka masa kajian ini turut dilakukan untuk mendapatkan gambaran kajian yang lebih jelas.

Persampelan dan Responden Kajian

Prosedur persampelan kebarangkalian adalah sinonim dengan penyelidikan jenis kuantitatif. Prosedur persampelan jenis ini dilaksanakan dengan memilih subjek sampel secara rawak iaitu subjek dalam sampel tersebut mempunyai semua ciri-ciri yang terdapat dalam populasi kajian. Sebelum prosedur persampelan kebarangkalian dilakukan, pengkaji mengenal pasti saiz populasi dan memperoleh senarai subjek dalam populasi. Berdasarkan senarai subjek tersebut, pemilihan responden dilakukan mengikut kaedah persampelan rawak. Persampelan rawak mudah dikenali juga sebagai persampelan secara kebetulan atau persampelan kesediaan. Di bawah persampelan mudah atau „*convenience sampling*“; pengkaji telah memilih mana-mana subjek yang ditemuinya, yang paling dekat dengannya. Kebanyakan penyelidik ketika memilih sekumpulan responden akan melihat kepada dua kriteria iaitu masa dan kos serta ketepatan (Neuman, 2000; Fraenkal & Wallen, 2000).

Responden ialah individu yang menjawab item atau memberikan jawapan pada item bertulis dalam kajian tinjauan (Sabitha, 2006). Responden atau sampel kajian ini terdiri daripada atlet yang berumur 13, 14 dan 16 tahun yang dipilih secara rawak mudah serta bergiat aktif dalam bidang sukan masing-masing. Golongan ini menjadi harapan negara bukan sahaja dalam bidang sukan, akademik dan bidang sosial yang lain. Bilangan responden yang terlibat dalam kajian ini ialah $n=440$ atlet yang sedang belajar di dua buah sekolah sukan Malaysia. Ini bermakna, lebih besar saiz sampel maka lebih tinggilah anggaran ketepatan atau kepercayaan sampel itu atau dengan kata lain semakin besar sampel yang digunakan, semakin rendah potensi ralat yang terdapat dalam populasi (Sabitha, 2006; Creswall, 2005 & Syed Arabi, 2002). Menurut Krejcie & Morgan (1970), seramai 367 orang sudah mencukupi bagi populasi kajian 7440 orang.

Selain itu, responden ini terdiri daripada atlet yang terdiri daripada pelbagai kaum di Malaysia iaitu Melayu, Cina, India dan lain-lain kaum dan merupakan warganegara Malaysia. Responden ini menganut pelbagai agama seperti Islam, Buddha, Hindu dan Kristian. Responden juga memiliki latar belakang, kepercayaan, adat resam dan agama yang berbeza serta melambangkan keunikan masyarakat Malaysia. Perbezaan latar belakang responden ini menggambarkan masyarakat majmuk di Malaysia. Keadaan ini juga menunjukkan perbezaan latar belakang bukan penghalang untuk melibatkan diri secara aktif di dalam aktiviti sukan.

Responden kajian ini terdiri daripada golongan atlet, meliputi pelbagai jenis sukan, acara sukan individu atau berkumpulan dan berpengalaman dalam sukan. Atlet ini terlibat secara aktif dalam latihan dan pertandingan sukan di pelbagai peringkat kejohanan sehingga ke peringkat antarabangsa. Responden terdiri daripada pelbagai kaum dari seluruh pelusuk Malaysia termasuk dari Sabah dan Sarawak. Selain itu, responden juga menghadiri kelas akademik dan mempelajari mata pelajaran yang sama seperti mana rakan sebaya di sekolah menengah yang lain. Atlet ini amat sesuai dijadikan sebagai responden kajian bagi mendapatkan data atau maklumat yang dikehendaki sesuai dengan objektif kajian ini.

Seterusnya, bagi mendapatkan data kualitatif, pengkaji telah menggunakan kaedah temubual semi berstruktur terhadap empat responden. Kriteria pemilihan responden ini seperti dua jurulatih lelaki dan dua guru perempuan dari dua buah Sekolah Sukan Malaysia yang terletak di Bukit Jalil, Kuala Lumpur dan Kota Tinggi, Johor. Respondan jurulatih dan guru yang bertugas di lokasi kajian ini mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang sukan dan akademik serta terlibat secara langsung dengan atlet murid. Data temubual, kaedah kualitatif yang diperolehi ini akan mengukuhkan lagi dapatan kajian yang diperolehi secara kuantitatif.

Lokasi Kajian

Lokasi kajian ini melibatkan dua buah Sekolah Sukan Malaysia yang terletak di Bukit Jalil Kuala Lumpur dan di Bandar Penawar Johor Bahru. Kedua-dua buah sekolah sukan ini lebih berorientasikan sukan dan terlibat secara aktif dalam aktiviti sukan (Bahagian Sukan, 2010). Memandangkan pengkaji ingin mengkaji semangat patriotisme golongan atlet, maka pemilihan kedua-dua buah sekolah sukan ini sebagai lokasi kajian bertepatan dengan objektif kajian. Pengkaji juga yakin responden dari sekolah sukan mampu memberikan maklum balas data atau maklumat yang lebih tepat, berkualiti dan berkesan. Set soal selidik ini ditadbirkan di perpustakaan sekolah, dewan kuliah Komanwel dan ruang belajar atau „*study centre*“.

Jangka Masa Kajian

Jangka masa kajian tinjauan boleh dilaksanakan dalam masa yang singkat, namun ia tertakluk sehingga data yang dikumpulkan adalah mencukupi. Kajian tinjauan ini memerlukan masa yang agak panjang memandangkan kesibukan responden kajian dengan aktiviti latihan dan pertandingan sukan. Pengkaji juga perlu mencari masa yang sesuai untuk bertemu dan mentadbirkan soal selidik kepada responden. Pentadbiran soal selidik ini juga dilakukan secara berperingkat-peringkat memandangkan jadual sukan responden yang berbeza-beza berdasarkan jenis sukan, jadual latihan dan pertandingan sukan. Tahun 2010 juga merupakan tahun yang sesuai untuk mendapatkan data yang diperlukan kerana beberapa acara sukan utama diadakan seperti Sukan Sukma, Sukan Sea, Sukan Asia, Karnival Sukan Sekolah-Sekolah Asean (ASG), Sukan Komanwel dan Sukan Olimpik.

Kajian ini bermula setelah melalui proses berkaitan seperti memohon kebenaran menjalankan kajian daripada EPRD, Bahagian Sukan (BS) dan pihak sekolah terbabit. Proses memohon kebenaran ini dijalankan pada bulan awal September 2010. Setelah

memperolehi kebenaran menjalankan kajian, pengkaji memulakan pentadbiran soal selidik mulai 15 hingga 30 September 2010. Dalam tempoh ini juga, pengkaji meminta responden meneliti semula jawapan yang diberikan untuk mendapatkan pengesahan dan ketepatan data kajian yang diperlukan. Jangka masa ini juga memberi peluang pengkaji mendekati dan membina hubungan yang baik dengan responden dan memudahkan proses pergumpulan maklumat kajian.

Instrumen Soal Selidik dan Temubual

Mengikut Oppenheim (2000) soal selidik merupakan instrumen ilmiah untuk pengukuran dan pengumpulan data yang umum digunakan oleh para penyelidik. Soal selidik ialah satu set soalan atau item dalam bentuk tulisan, alat yang dibentuk khusus untuk mengumpul maklumat bagi tujuan analisis agar dapat menjawab persoalan kajian. Kelebihan soal selidik ialah boleh melibatkan responden yang jauh, kos rendah dan masa yang sedikit dan boleh ditadbirkan dengan pelbagai cara (Sabitha, 2006). Kaedah soal selidik ini dipilih kerana ianya mudah ditadbir, tidak memerlukan kemahiran subjek menulis dan memudahkan analisis jawapan (Mohd Majid, 2005).

Soal selidik juga adalah kaedah yang kerap digunakan, paling ekonomi, manakala item soal selidik yang berbentuk terbuka dan tertutup boleh membekalkan data kuantitatif dan kualitatif. Walaupun soal selidik nampak mudah, ia mesti direka bentuk, diedit dan dianalisis dengan berhati-hati. Selalunya soal selidik perlu direka dengan bantuan pakar bidang perkara yang hendak diuji (Rossilah, 2008). Keputusan soal selidik pula dianggap tepat berdasarkan prinsip asas penyelidikan iaitu kadar pemulangan diperlukan sekurang-kurangnya 30% daripada jumlah soal selidik yang diedarkan (Sekaran, 1992).

Pembinaan soal selidik ini bertujuan memperolehi data dan maklumat berkaitan semangat patriotisme, faktor pemantapan semangat patriotisme dan pencapaian sukan dalam kalangan atlet di Malaysia. Soal selidik ini melibatkan empat bahagian utama iaitu demografi, semangat patriotisme, faktor intrinsik dan ekstrinsik pemantapan semangat patriotisme dan pencapaian sukan. Soal selidik ini dihasilkan melalui pengubahsuaian soal selidik pengkaji terdahulu dalam mengkaji hal ehwal patriotisme dan pencapaian sukan. Pengubahsuaian terhadap soal selidik dilakukan bagi memenuhi tujuan kajian ini sesuai dengan latar belakang masyarakat, masa dan tempat kajian.

Instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini merupakan satu set soal selidik yang mengandungi empat bahagian iaitu demografi (Bahagian A), semangat patriotisme (Bahagian B), Faktor intrinsik (Bahagian C) dan ekstrinsik (Bahagian D). Item aspek-aspek semangat patriotisme ini digubal berdasarkan soal selidik yang telah digunakan oleh Winit, Gregory & Mascio (2010), Holly (2006), Arad & Alon (2006), Morse & Shive (2004), Baker & Jedwab (2003), Gilbert (2003) dan Ku Hasnita (2007). Bilangan keseluruhan item berkaitan semangat patriotisme ini ialah 31 item iaitu lapan item pengetahuan, 12 item nilai atau perasaan dan 11 item perlakuan patriotik (Bahagian B). Manakala, item intrinsik (Bahagian C) dan ekstrinsik (Bahagian D) dan pencapaian sukan digubal berdasarkan soal selidik yang telah digunakan oleh Walling & Duda (1995), Robinson (2000), Brown (2001) dan Roslan & Mohd Sofian (2008). Jumlah keseluruhan item bahagian A, B, C dan D ialah 117 item seperti mana yang terdapat di dalam set soal selidik (Lampiran 1).

Faktor intrinsik terdiri daripada 40 item iaitu lima item berkaitan minat, keseronokan, keazaman, positif, tumpuan, usaha, keyakinan dan berdaya saing. Manakala, faktor ekstrinsik terdiri daripada 38 item iaitu lima item berkaitan sukan, pendidikan, jurulatih, rakan sebaya, penonton dan media massa. Item ganjaran dan ibu bapa terdiri daripada empat item sahaja. Jumlah keseluruhan bagi faktor intrinsik dan

ekstrinsik ialah 78 item. Selain itu, faktor intrinsik dan ekstrinsik ini disepadukan dengan elemen kemahiran emosi bagi memantapkan lagi pembinaan item instrumen soal selidik ini. Item-item ini diukur dengan menggunakan lima Skala Likert iaitu „*Sangat Tidak Setuju*“, „*Tidak Setuju*“, „*Kurang Pasti*“, „*Setuju*“ dan „*Sangat Setuju*“.

Lima Skala Likert ini sesuai digunakan untuk mengukur semangat patriotisme, faktor intrinsik dan ekstrinsik pemantapan semangat patriotisme atlet dan pencapaian sukan serta mengenal pasti hubungan, perbezaan dan sumbangan yang signifikan antara angkubah tidak bersandar dengan bersandar. Skala pengukuran ini boleh berbentuk paling negatif sehingga ke paling positif iaitu „*Sangat Tidak Setuju*“, „*Tidak Setuju*“, „*Kurang Pasti*“, „*Setuju*“ dan „*Sangat Setuju*“. Ia dibentuk sedemikian rupa untuk memberi peluang kepada responden menunjukkan sejauh mana bersetuju atau tidak bersetuju terhadap sesuatu pernyataan berkaitan (Sabitha, 2006). Kandungan item bahagian A, B, C dan D pula digambarkan dalam Jadual 2.

Jadual 2

Aspek Kajian dan Bilangan Item

Bahagian	Aspek	Bil. Item
A	Demografi	08
B	Semangat patriotisme	31
C	Faktor intrinsik	40
D	Faktor ekstrinsik	38

n=440

Jadual 2 menunjukkan Bahagian A terdiri daripada 8 soalan berkaitan demografi responden, Bahagian B terdiri daripada 31 soalan berkaitan semangat patriotisme, Bahagian C terdiri daripada 40 soalan berkaitan faktor intrinsik pemantapan semangat

patriotisme dan pencapaian sukan dan Bahagian D terdiri daripada 38 soalan berkaitan faktor ekstrinsik pemantapan semangat patriotisme dan pencapaian sukan.

Jadual 3

Aspek Kajian dan Item Positif-Negatif

Aspek	No. Item Positif	No. Item Negatif
Semangat Patriotisme:		
Pengetahuan	1, 2, 3, 4, 5, 6, 7, 8	Tiada
Nilai	1, 2, 4, 5, 7, 8, 10, 11, 12	3, 6, 9
Perlakuan	1, 2, 4, 5, 7, 9, 10	3, 6, 8, 11
Faktor Intrinsik:		
Minat	1, 2, 4, 5	3
Keseronokan	1, 2, 4, 5	3
Keazaman	1, 2, 4, 5	3
Positif	1, 2, 4, 5	3
Tumpuan	1, 2, 4, 5	3
Usaha	1, 2, 4, 5	3
Keyakinan	1, 2, 4, 5	3
Berdaya Saing	1, 2, 4, 5	3
Faktor Ekstrinsik:		
Ganjaran	1, 2, 3, 4, 5	Tiada
Sukan	1, 2, 4, 5	3
Pendidikan	1, 2, 4, 5	3
Ibu bapa	1, 2, 3, 4, 5	Tiada
Jurulatih	1, 2, 4, 5	3
Rakan	1, 2, 4, 5	3
Peminat	1, 2, 4, 5	3
Media Massa	1, 2, 4, 5	3

n=440

Jadual 3 menunjukkan Item di Bahagian B, C dan D terdiri daripada item berbentuk positif dan berbentuk negatif. Bentuk item positif dan negatif ini penting untuk memberikan ruang kepada responden untuk membuat pilihan jawapan secara adil dan tidak berat sebelah. Item Bahagian B berkaitan semangat patriotisme iaitu aspek pengetahuan patriotisme, semua item adalah berbentuk positif, aspek nilai atau perasaan

patriotisme berbentuk positif kecuali item 3, 6 dan 9 berbentuk negatif. Manakala bagi aspek perlakuan patriotisme item 3, 6, 8 dan 11 berbentuk negatif. Item Bahagian C berkaitan faktor intrinsik seperti minat, keseronokan, keazaman, positif, tumpuan, usaha, keyakinan dan berdaya saing berbentuk positif kecuali item 3 bagi setiap aspek. Manakala, item Bahagian D berkaitan faktor ekstrinsik seperti ganjaran dan ibu bapa (semua item berbentuk positif). Manakala sukan, pendidikan, jurulatih, rakan atlet, peminat dan media massa berbentuk positif kecuali item 3 bagi setiap aspek.

Jadual 4

Aspek Kajian dan Item Patriotisme dan Sukan

Aspek	No. Item Patriotisme	No. Item Sukan
Faktor Intrinsik:		
Minat	1, 2, 3	4, 5
Keseronokan	1, 2, 3	4, 5
Keazaman	1, 2, 3	4, 5
Positif	1, 2, 3	4, 5
Tumpuan	1, 2, 3	4, 5
Usaha	1, 2, 3	4, 5
Keyakinan	1, 2, 3	4, 5
Berdaya Saing	1, 2, 3	4, 5
Faktor Ekstrinsik:		
Ganjaran	1, 2	3, 4
Sukan	1, 2, 3	4, 5
Pendidikan	1, 2, 3	4, 5
Ibu bapa	1, 2,	3, 4
Jurulatih	1, 2, 3	4, 5
Rakan	1, 2, 3	4, 5
Peminat	1, 2, 3	4, 5
Media Massa	1, 2, 3	4, 5

n=440

Jadual 4 menunjukkan pembahagian item berdasarkan pemantapan semangat patriotisme dan pencapaian sukan. Item Bahagian C iaitu item 1 hingga item 3 berkaitan dengan pencapaian sukan. Manakala item 4 dan item 5 berkaitan dengan pemantapan semangat patriotisme. Item bahagian D iaitu item 1 dan item 2 bagi aspek ganjaran dan ibu bapa berkaitan dengan pencapaian sukan, item 3 dan item 4 berkaitan dengan pemantapan semangat patriotisme. Manakala, item Bahagian D bagi aspek ekstrinsik yang lain, item 1 hingga item 3 berkaitan dengan pencapaian sukan, manakala item 4 dan item 5 berkaitan dengan pemantapan semangat patriotisme. Pengupasan berikutnya melibatkan item yang terkandung di dalam Bahagian A.

Item Bahagian A

Bahagian A meliputi lapan item numerik dan bukan numerik berkaitan demografi responden. Item numerik terdiri daripada umur dan pengalaman bersukan. Manakala, item bukan numerik seperti jantina, bangsa, sukan, acara sukan, rekod atau penyertaan tertinggi dan pencapaian terbaik. Bahagian demografi ini penting bagi mendapatkan taburan responden yang terlibat dan melihat hubungan dan perbezaan yang signifikan antara angkubah tidak bersandar iaitu faktor-faktor intrinsik dan ekstrinsik dengan angkubah bersandar iaitu semangat patriotisme dengan lebih jelas. Faktor demografi dianggap sebagai faktor yang mempengaruhi seperti yang ditemui oleh Dorsch (2000). Pengupasan berikutnya melibatkan item yang terkandung di dalam Bahagian B.

Item Bahagian B

Bahagian B meliputi 31 item berkaitan semangat patriotisme yang dibahagikan lapan item bagi aspek pengetahuan patriotisme, 12 item bagi aspek nilai atau perasaan patriotisme dan 11 item bagi aspek perlakuan patriotik. Item pengetahuan patriotisme seperti Malaysia telah menyambut kemerdekaan ke-50 pada 2007, Bahasa Malaysia adalah bahasa kebangsaan, Rukun Negara dibentuk selepas peristiwa 13 Mei 1969, bendera direka oleh Encik Mohamad Hamzah pada tahun 1949, bulan sabit pada bendera melambangkan Islam agama rasmi negara, dua ekor harimau pada Jata Negara melambangkan keberanian dan kegagahan, Lagu Negaraku digubah oleh Encik Saiful Bahari pada tahun 1957 dan lirik Lagu Negaraku berjaya membangkitkan semangat cinta akan negara.

Item nilai atau perasaan patriotisme seperti bersyukur dilahirkan sebagai rakyat Malaysia, cintakan negara sepenuh jiwa dan raga, selesa bergaul dengan rakan atlet sebangsa sahaja (negatif), sentiasa mementingkan imej Malaysia ketika bersukan, sentiasa taat setia kepada raja dan negara, tidak sanggup berkorban nyawa untuk negara (negatif), lebih rela menjadi warganegara Malaysia berbanding negara lain, rela mengorbankan masa dan tenaga demi sukan, meletakkan kepentingan diri melebihi kepentingan negara (negatif), bangga mewakili Malaysia dalam pertandingan sukan, sentiasa menghargai jasa dan sumbangan pejuang negara dan menghormati bendera dan lagu kebangsaan.

Item perlakuan patriotik seperti selalu mengibarkan bendera Malaysia dengan megah, berasa marah melihat bendera dibuang atau dibakar, bendera Jalur Gemilang tidak bermakna (negatif), sentiasa berdiri tegak ketika menyanyi Lagu Negaraku, menyanyi Lagu Negaraku dengan kuat dan bersemangat, tidak mengingati lirik Lagu Negaraku (negatif), menghargai jersi sukan sebagai identiti sukan negara, malu apabila memakai jersi sukan pasukan Malaysia (negatif), mahir membaca dan menulis dalam

Bahasa Malaysia, sering bertutur dalam Bahasa Malaysia tanpa mengira kaum dan bangga berbahasa Inggeris berbanding Bahasa Malaysia (negatif). Pengupasan berikutnya melibatkan item yang terkandung di dalam Bahagian C.

Item Bahagian C

Bahagian C meliputi 40 item berkaitan faktor intrinsik pementapan patriotisme dan pencapaian sukan yang terdiri daripada lima item bagi setiap faktor minat, keseronokan, keazaman, positif, fokus, usaha, keyakinan dan berdaya saing. Item minat seperti amat berminat terhadap aktiviti sukan, gemar menjalani latihan bagi meningkatkan stamina, berasa bosan menjalani latihan sukan setiap hari (negatif), selalu mengutamakan maruah dan imej negara dan menyedari kepentingan semangat patriotisme. Manakala, item keseronokan seperti seronok menjalani aktiviti sukan pada setiap hari, gembira bermain bersama-sama rakan atlet yang lain, terpaksa menjalani latihan kerana takutkan jurulatih (negatif), bangga melibatkan diri dengan aktiviti patriotisme dan menyambut bulan patriotisme dengan bermakna.

Item keazaman seperti yakin dilahirkan sebagai juara sukan, berazam untuk menang walaupun ketinggalan mata, bersukan sekadar suka-suka sahaja (negatif), berazam meningkatkan semangat patriotik dalam diri dan berazam mengutip pingat emas untuk negara. Manakala, item positif seperti tidak mudah menyerah kalah, bermain cemerlang walaupun mendapat saingan hebat, berasa gentar dengan saiz badan pihak lawan yang lebih besar (negatif), sentiasa memberikan persembahan terbaik demi negara dan berusaha memburu pingat kemenangan untuk negara.

Item fokus seperti memusatkan tumpuan semasa bertanding untuk menang, sentiasa fokus walaupun telah melakukan kesilapan, hilang tumpuan apabila menghadapi masalah peribadi (negatif), menumpukan sepenuh perhatian ketika bertanding demi negara dan menetapkan fokus untuk mengharumkan nama negara.

Manakala, item usaha seperti terus berusaha untuk memantapkan corak permainan, menghadapi cabaran bersukan dengan tabah, berasa jemu menjalani latihan sukan pada setiap hari (negatif), memberikan komitmen tinggi demi sukan negara dan akan gigih berusaha menjaringkan gol buat negara tercinta.

Item keyakinan seperti terus berusaha meningkatkan keyakinan diri untuk berjaya, yakin lebih baik berbanding atlet lain dalam pasukan, hilang keyakinan jika lawan menguasai permainan (negatif), bakal mengharumkan nama negara dalam sukan dan akan terus berbakti kepada negara dalam sukan. Manakala, item berdaya saing seperti mempunyai daya saing yang tinggi ketika bertanding, akan berjuang sekuat tenaga menentang pihak lawan, mudah berputus asa apabila menghadapi rintangan (negatif), berusaha membuktikan diri sebagai atlet harapan negara dan pasti memberikan saingan sengit demi Malaysia. Pengupasan berikutnya melibatkan item yang terkandung di dalam Bahagian D.

Item Bahagian D

Bahagian D meliputi 38 item berkaitan faktor ekstrinsik pemantapan semangat patriotisme dan pencapaian sukan yang terdiri daripada empat item bagi faktor ganjaran dan ibu bapa. Manakala lima item bagi faktor sukan, pendidikan, jurulatih, rakan sebaya, penonton dan media massa. Item ganjaran seperti kepuasan diri adalah ganjaran utama bersukan, penghargaan akan mengekalkan tingkah laku positif, pengiktirafan wajar diberikan kepada atlet patriotik dan ganjaran penting untuk meningkatkan semangat patriotik. Manakala, item sukan seperti menjamin masa depan yang cerah, mampu meningkatkan disiplin diri atlet, wewujudkan perasaan benci terhadap pihak lawan (negatif), menyedarkan atlet tanggungjawab terhadap negara dan membentuk semangat patriotik terhadap bangsa dan negara.

Item pendidikan seperti melengkapkan diri atlet dengan ilmu dan kemahiran, memudahkan atlet memahami teknik dan kemahiran sukan, tidak penting bagi atlet yang dianugerahkan dengan kehebatan bersukan (negatif), melahirkan warganegara yang patriotik dan menyedarkan atlet tanggungjawab pada sukan negara. Manakala, item ibu bapa seperti menasihati atlet agar tabah menghadapi kekalahan sukan, mengambil berat perkembangan prestasi sukan, membentuk semangat patriotik dalam diri dan menyambut hari kemerdekaan bersama keluarga setiap tahun.

Item jurulatih seperti membantu meningkatkan teknik dan kemahiran sukan, menyediakan program latihan yang efektif dan berkesan, memberikan arahan yang sukar difahami dan diikuti (negatif), selalu menunjukkan tingkah laku yang patriotik di padang dan menekankan pemupukan patriotisme semasa latihan sukan. Manakala, item rakan atlet seperti memberi semangat ketika atlet hampir berputus asa, mendorong atlet menjalani latihan dengan bersungguh-sungguh, gagal memberikan sokongan mental mahupun fizikal (negatif), mendorong atlet menjadi patriotik terhadap negara dan mengingatkan atlet agar sentiasa menjaga imej negara.

Item penonton seperti kehadiran penonton berjaya menaikkan semangat, memberikan sokongan padu ketika bertanding, sorakan penonton mengganggu tumpuan semasa bertanding (negatif), mempamerkan semangat patriotik pada sukan dan negara dan menghormati lagu dan bendera semasa menonton perlawanan. Manakala, item media massa seperti menjadikan atlet ikon sukan remaja yang terkenal, menyediakan maklumat yang berguna berkaitan sukan, mempromosikan pertandingan sukan berprestij sahaja (negatif), berjaya meningkatkan semangat patriotisme dalam diri dan selalu memainkan lagu patriotik melalui radio dan televisyen.

Temubual

Soal selidik adalah alat ukur yang paling popular dalam kajian tinjauan manakala temubual dijalankan bagi menyokong hasil kajian diperoleh. Temubual kajian ini merupakan temubual semi berstruktur. Temubual ini terdiri daripada dua bahagian iaitu bahagian pertama melibatkan bahagian pembukaan bagi mengenali responden dan membina hubungan yang mesra. Selain mengenali responden, juga diberikan maklumat atau hal kerahsiaan maklumat temubual. Nama sebenar tidak akan didedahkan tetapi menggunakan nama samara. Nama-nama samaran yang digunakan ialah Sivani, Yara, Zizan dan Iyad. Seterusnya bahagian kedua terdiri daripada 20 soalan temubual utama. Soalan 1, 2, 4, 6, 7, 9, 14, 16, 17, 18 dan 19 berkaitan semangat patriotisme meliputi pengetahuan, nilai dan perlakuan patriotik atlet. Manakala, soalan 3, 5, 8, 10, 11, 12, 13, 15 dan 20 berkaitan sukan dan faktor intrinsik dan ekstrinsik.

Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen

Kebolehpercayaan dan kesahan instrumen merupakan isu penting dalam sesebuah pengukuran. Kebolehpercayaan dan kesahan yang tepat tidak mungkin boleh dicapai, tetapi penyelidik harus berusaha untuk mencapainya (Neuman, 2000). Kesahihan dan kebolehpercayaan soal selidik dilakukan dengan mengambil langkah-langkah seperti mengadakan perbincangan dengan penyelia dalam proses pembinaan soal selidik, menggunakan kumpulan pakar untuk menentukan kesahihan butiran soal selidik, meyakinkan responden maklumat kajian hanya untuk tujuan kajian semata-mata dan mengadakan kajian rintis (Mohd Majid, 2005).

Item soal selidik yang terkandung dalam bahagian A, B, C dan D serta soalan temubual digubal berpandukan kepada pembacaan, pengalaman, perbincangan dengan penyelia tesis yang mempunyai pengalaman dan kepakaran dalam bidang berkaitan. Perbincangan dan pertukaran pendapat juga dilakukan dengan Ketua Unit Pendidikan

Moral dan Penolong Pengarah Unit Pendidikan Moral yang bertugas di Bahagian Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia. Aktiviti sumbang saran ini juga melibatkan Timbalan Ketua Penolong Pengarah Bahagian Sukan, Kementerian Pelajaran Malaysia yang berkelulusan Sarjana Pendidikan Jasmani dan Sukan terutama bagi menggubal item-item berkaitan faktor pemantapan semangat patriotisme atlet dan pencapaian sukan.

Item yang terkandung di dalam set soal selidik sama ada di Bahagian A (08 item) dan Bahagian B (31 item), C (40 item) dan D (38 item) yang digubal bersesuaian dengan objektif dan maksud kajian. Proses membina item soal selidik dan temubual ini juga melibatkan semakan Ketua Panitia Bahasa Malaysia, Guru Cemerlang Bahasa Malaysia dan seorang guru yang mempunyai kelayakan ikhtisas dalam Bahasa Malaysia bagi memastikan maksud dan struktur item yang dibina adalah tepat, ringkas dan mudah difahami oleh atlet. Penyemakan, ulasan dan pemurnian item turut dilakukan bagi memantapkan lagi kandungan instrumen kajian ini.

Jadual 5

Indeks Kebolehpercayaan Item Berdasarkan Alpha Cronbach

Bah.	Komponen	Item	Alpha
B	Semangat patriotisme	9-39	.85
C	Faktor intrinsik	40-79	.92
D	Faktor ekstrinsik	80-117	.88
Jumlah	Keseluruhan	117	.90

n=440

Jadual 5 menunjukkan indeks kebolehpercayaan, „*reability*” atau ketekalan dalaman item kajian yang telah diuji melalui program SPSS Versi 17.0 dengan menggunakan kaedah „*Cronbach’s Alpha*”. Dapatan analisis menunjukkan item Bahagian B item semangat patriotisme memperoleh nilai $\alpha=.85$, Bahagian C item faktor intrinsik memperoleh nilai $\alpha=.92$ dan Bahagian D item faktor ekstrinsik memperoleh nilai $\alpha=.88$ sesuai dan memenuhi kriteria kajian. Angkali kebolehpercayaan mencatatkan nilai 0.86 adalah mencukupi untuk penyelidik menerima pakai soal selidik bagi tujuan penyelidikan menurut McMillan, James & Schumacher (2006) dan Mohd Majid (2004). Keputusan ini menunjukkan item yang terdapat di Bahagian B, C dan D sesuai digunakan bagi tujuan kajian ini.

Dapatan analisis item yang dilakukan bagi meningkatkan indeks kebolehpercayaan item kajian menyebabkan item 1, 3, 6 dan 9 yang terdapat dalam aspek pengetahuan patriotisme, item 7 bagi aspek perlakuan patriotisme, item 3 bagi faktor ekstrinsik iaitu aspek ganjaran dan ibu bapa digugurkan kerana nilai „*Corrected Item-Total Correlation*” kurang daripada 0.30 dan nilai „*Cronbach If Item Deleted*” yang besar berbanding item-item yang lain (Pallant, 2001).

Menurut Chua Yan Piaw (2006) & Purbayu & Ashari (2005) (dalam Akhsanul In“Am, 2009), menyatakan kajian yang mempunyai indeks kebolehpercayaan yang tinggi iaitu julat pekali berada di antara 0.60 hingga 0.90 dan sesuai digunakan untuk kajian ini. Mengikut ahli penyelidikan pendidikan, item kajian yang mempunyai nilai $\alpha=.60$ dan ke atas dijadikan sebagai item pengukuran. Manakala, item yang mempunyai nilai $\alpha<.60$ adalah kurang sesuai dan perlu diubahsuai atau disingkirkan. Jadual 6 menunjukkan kebolehpercayaan instrumen berdasarkan setiap sub aspek kajian.

Jadual 6

Kebolehpercayaan Instrumen

Aspek	Sub Aspek	Bilangan Item	No. Item Gugur	Alpha	Alpha Aspek
Semangat	Pengetahuan	8	1,3,6 & 9	0.62	0.85
Patriotisme	Nilai/Perasaan	12	-	0.73	
	Perlakuan Patriotik	11	7	0.75	
Faktor	Minat	5	-	0.66	0.92
Intrinsik	Keseronokan	5	-	0.64	
Pemantapan	Keazaman	5	-	0.59	
Patriotisme & Pencapaian	Positif	5	-	0.62	
	Fokus	5	-	0.54	
Sukan	Usaha	5	-	0.55	
	Keyakinan	5	-	0.52	
	Berdaya saing	5	-	0.68	
Faktor	Ganjaran	4	3	0.65	0.88
Ekstrinsik	Sukan	5	-	0.62	
Pemantapan	Pendidikan	5	-	0.66	
Patriotisme & Pencapaian	Ibu bapa	4	3	0.47	
	Jurulatih	5	-	0.54	
Sukan	Rakan	5	-	0.62	
	Penonton	5	-	0.65	
	Media massa	5	-	0.57	

n=440

Kajian Rintis

Mengikut Cohen (2000), ujian rintis sangat penting, kerana ia membolehkan perubahan yang diperlukan atau semakan untuk instrumen. Kajian rintis atau „*pilot study*“ dilaksanakan sebelum kajian sebenar dilakukan untuk melihat kebolehsanaan atau kemunasabahan kajian utama yang bakal dilakukan (Chua Yan Piaw, 2006). Kajian rintis atau „*pre-test*“ melibatkan sebilangan responden yang kecil untuk menguji kesesuaian soalan dan aras kefahaman (Sabitha, 2006). Kajian rintis dilaksanakan bertujuan untuk mengetahui reaksi responden, maksud item dan jangka masa yang diambil untuk mengisi atau menjawab item soal selidik. Juga bagi mendapatkan kesahan dan meningkatkan kebolehpercayaan yang tinggi terhadap maklumat kajian. Selain itu,

bagi memastikan kesesuaian item kajian dengan situasi atlet, bahasa dan kandungan maklumat kajian.

Kajian rintis terhadap instrumen kajian iaitu set soal selidik melibatkan 30 atlet tingkatan satu telah dijalankan pada 15 Jun 2010. Responden kajian rintis dipilih daripada atlet yang berada di tingkatan 1 Olimpik. Responden kajian rintis ini tidak digunakan sebagai responden kajian yang sebenar. Di samping itu, sesi perbincangan dan sumbang saran turut diadakan dengan responden bagi mendapatkan pandangan berkaitan instrumen kajian. Kajian rintis ini perlu dilakukan sebelum item tersebut ditadbirkan kepada responden untuk memastikan dapatan kajian yang tepat, sahih dan lebih bermakna. Hasil kajian rintis mendapati item yang terdapat di dalam set soal selidik sesuai dan boleh digunakan kerana item tersebut mudah difahami, ringkas dan tidak mengelirukan atlet. Atlet berjaya menjawab 117 soalan yang dikemukakan dalam masa yang bersesuaian iaitu antara 15 hingga 20 minit sahaja.

Setelah berpuas hati dengan keputusan kajian rintis, set soal selidik ini ditadbirkan kepada responden yang sebenar untuk mendapatkan maklumat berkaitan semangat patriotisme, faktor intrinsik dan ekstrinsik pemantapan semangat patriotisme atlet dan pencapaian sukan. Kajian rintis juga dilaksanakan bagi memastikan setiap patah perkataan yang digunakan dalam set soal selidik mempunyai maksud yang jelas, mudah difahami dan mengandungi maklumat yang lengkap sebagai alat kajian (Hashim, 1989).

Prosedur Pengumpulan Data Kajian

Kajian ini bermula setelah mendapat surat kelulusan tajuk daripada Jawatankuasa Penyemak Penyelidikan, Fakulti Pendidikan Universiti Malaya, Kuala Lumpur (Lampiran 2). Jadual kerja peribadi dirangka bagi memudahkan proses pelaksanaan kajian dan sentiasa berkomunikasi dengan penyelia laporan projek bagi mendapatkan khidmat nasihat dan pandangan yang diperlukan. Berdasarkan bimbingan dan khidmat nasihat penyelia tesis, bab satu (pengenalan), bab dua (tinjauan literatur) dan bab tiga (metodologi) kajian berjaya ditulis. Kemudian, pengkaji membina instrumen kajian iaitu set soal selidik dan dihantar ke Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (EPRD), Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) bersama borang BPPDP 1 (Lampiran 3) bagi mendapatkan kelulusan melaksanakan kajian di dua buah Sekolah Sukan Malaysia.

Seterusnya, surat permohonan menjalankan kajian juga dirangka dan dihantar kepada Bahagian Sukan, Kementerian Pelajaran Malaysia (Lampiran 4). Surat kelulusan menjalankan kajian yang diperolehi daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan turut dilampirkan dan dihantar bersama surat permohonan tersebut (Lampiran 5). Setelah memperolehi surat kelulusan menjalankan kajian daripada Bahagian Sukan, Kementerian Pelajaran Malaysia (Lampiran 6) dan pengetua sekolah sukan, surat persetujuan atlet untuk menjadi responden kajian disediakan (Lampiran 7).

Pentadbiran soal selidik diadakan mengikut kesesuaian masa atlet agar tidak mengganggu kelas akademik dan program latihan atau pertandingan sukan. Pengkaji mengumpulkan responden di Dewan Komanwel dan memberikan taklimat ringkas berkaitan tujuan dan cara-cara menjawab soal selidik tersebut serta meminta responden menjawab semua soalan dengan jujur dan ikhlas. Responden kajian juga diberi jaminan keselamatan dan kerahsiaan maklumat dan hanya digunakan untuk tujuan kajian ini sahaja. Kajian ini mula dijalankan sepenuhnya pada 15 hingga 30 September 2010.

Pentadbiran soal selidik ini dijalankan secara berperingkat-peringkat di kedua-dua buah sekolah dan berjaya ditadbirkan kepada atlet dengan sokongan dan bantuan jurulatih bola sepak, Penolong Kanan Akademik dan penyelaras sukan. Set soal selidik ini berjaya ditadbirkan kepada n=440 responden tingkatan 1, 2 dan 4.

Set soal selidik yang dipulangkan oleh responden disemak bagi memastikan atlet menjawab semua item yang disediakan. Pada akhir sesi, pengkaji mengucapkan terima kasih dan memberikan pensil 2B sebagai tanda penghargaan kepada atlet kerana bekerjasama menjayakan kajian ini. Seterusnya, perlabelan dan pengumpulan terhadap n=440 set soal selidik dilakukan, kemudian dimasukkan ke dalam fail agar pengurusan data kajian berjalan secara sistematik dan lancar, tiada kecaciran berlaku serta memudahkan langkah-langkah seterusnya iaitu proses memasukkan maklumat ke dalam perisian SPSS Versi 17.0 untuk dianalisis.

Selain itu, temubual semi berstruktur dijalankan oleh pengkaji dengan dua jurulatih dan dua guru yang dipilih secara rawak dan bertugas di dua buah sekolah sukan. Temubual ini dijalankan dalam masa 20-40 minit bagi mendapatkan sebanyak mungkin maklumat berkaitan semangat patriotisme dan sesi temubual dibuat selepas waktu persekolahan iaitu antara jam 3.00 hingga 3.45 petang di Café sekolah dan bilik guru. Protokol temubual disediakan sebagai panduan temubual (Lampiran 8). Seterusnya, contoh transkrip temubual disediakan bagi memudahkan analisis data (Lampiran 9 dan 10). Mengikut Gay, Mills & Airasian, (2009), temubual semi berstruktur merupakan kombinasi iaitu temubual berstruktur dan tidak berstruktur. Temubual semi berstruktur membolehkan penemubual membuat perbandingan pendapat, menyoal soalan yang sama dan perbualan boleh berdasarkan pelbagai soalan bergantung kepada sesuatu situasi (Boeije, 2010; Lichtman, 2006; Wisker, 2008). Lagi pula, bagi sampel kualitatif, ianya boleh melibatkan bilangan individu yang sedikit

berbanding kajian kuantitatif kerana sifat kajian ini ialah untuk mendapatkan data kajian secara mendalam (Gay et. al, (2009).

Prosedur Analisis Data Kajian

Maklumat kajian yang diperolehi telah dimasukkan ke dalam program komputer, diproses dan dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS Versi 17.0. Maklumat kajian yang telah lengkap diisi kemudiannya dianalisis dengan menggunakan kaedah statistik deskriptif dan statistik inferensi. Kaedah statistik deskriptif melibatkan pengukuran peratusan (%) dan frekuensi (n=440) supaya perbentangan dapatan kajian lebih mudah difahami oleh semua pembaca. Statistik deskriptif melibatkan pengukuran min, peratusan dan frekuensi digunakan untuk membentangkan dapatan demografi, semangat patriotisme dan faktor intrinsik dan ekstrinsik pemantapan semangat patriotisme atlet dan pencapaian sukan.

Seterusnya, bagi mendapatkan data berkaitan semangat patriotisme juga, temubual semi berstruktur dijalankan. Jenis temubual semi berstruktur adalah kaedah temubual dalam kajian kualitatif (Merriam, 2001). Temubual semi berstruktur bersifat fleksibel dan keadaan ini membolehkan responden menghuraikan apa yang difikirkannya kepada penyelidik (Merriam, 1998). Manakala, Cresswell (2008), kaedah temubual dalam kajian kualitatif memberikan kefahaman mendalam dan menyeluruh berkaitan sesuatu fenomena. Menurut Othman Lebar (2006), temubual semi berstruktur mampu menghasilkan data yang banyak dan kaya. Temubual yang telah direkod, dicatat dan disalin semula sebaik sahaja temubual selesai dijalankan.

Manakala, kaedah statistik inferensi iaitu Korelasi, Ujian-t, *Multivariate Analisis of Variance* (MANOVA) dan Ujian „*Post Hoc Scheffe*”; Ujian Linear Regresi Berganda atau „*Multiple Regression*”; jenis „*stepwise*” dan nilai Beta yang digunakan pada tahap kesignifikanan $p < 0.05$ untuk mengukur dan melihat hubungan, perbezaan dan sumbangan yang signifikan antara angkubah tidak bersandar dengan bersandar. Kaedah „*stepwise*” ini akan memilih penyumbang utama, diikuti oleh penyumbang kedua dan seterusnya. Angkubah ini akan ditambah satu demi satu sehingga tiada lagi angkubah yang memberi sumbangan kepada persamaan ramalan (Hamidah, Ibrahim, Melati & Siti Salina, 2011).

Seterusnya, Korelasi, Ujian-t, Ujian MANOVA dan Ujian „*Post Hoc Scheffe*”; digunakan untuk melihat perhubungan dan perbezaan yang signifikan antara angkubah tidak bersandar iaitu faktor intrinsik dan ekstrinsik dengan angkubah bersandar iaitu semangat patriotisme. Manakala, Ujian Linear Regresi dan nilai Beta pula digunakan untuk melihat sumbangan faktor intrinsik dan ekstrinsik terhadap pemantapan semangat patriotisme dan pencapaian sukan atlet. Proses penganalisan data kajian ini melibatkan dua jenis statistik iaitu deskriptif dan statistik inferensi sesuai dengan objektif dan persoalan kajian. Jadual 7 memaparkan persoalan dan hipotesis kajian serta kaedah analisis yang digunakan.

Jadual 7

Persoalan, Hipotesis dan Kaedah Analisis

Bil.	Persoalan dan Hipotesis Kajian	Kaedah Analisis
1	Apakah semangat patriotisme aspek pengetahuan, nilai dan perlakuan patriotik atlet?	Peratusan Frekuensi Jadual Temubual
2	Apakah faktor intrinsik-ekstrinsik pemantapan patriotisme dan pencapaian sukan.	Peratusan Frekuensi Jadual
3	Ho1: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara semangat patriotisme dengan umur, pencapaian dan pengalaman sukan.	Korelasi Jadual
4	Ho2: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara faktor intrinsik-ekstrinsik dengan pencapaian sukan.	Korelasi Jadual
5	Ho3: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara faktor intrinsik-ekstrinsik dengan pemantapan patriotisme.	Korelasi Jadual
6	Ho4: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara semangat patriotisme, faktor intrinsik-ekstrinsik dengan demografi.	Ujian-t MANOVA Jadual
7	Apakah sumbangan faktor intrinsik-ekstrinsik terhadap pemantapan patriotisme dan pencapaian sukan.	Regresi Jadual

n=440

Rumusan

Bab metodologi kajian ini mengupas mengenai reka bentuk kajian kuantitatif, menggunakan kaedah tinjauan melalui pentadbiran instrumen soal selidik. Pengupasan terhadap populasi dan responden kajian yang terdiri daripada golongan atlet tingkatan 1, 2 dan 4. Manakala, lokasi atau tempat kajian dijalankan iaitu melibatkan dua buah sekolah sukan yang terdapat di Malaysia. Instrumen kajian iaitu soal selidik yang digunakan terdiri daripada empat Bahagian A, B, C dan D. Selain itu, temubual semi berstruktur, iaitu salah satu teknik kajian kualitatif digunakan bagi mengukuhkan data yang diperolehi secara soal selidik. Seterusnya, kesahan dan kebolehpercayaan instrumen, kajian rintis, proses pengumpulan dan prosedur penganalisan data kajian dilakukan. Seterusnya, proses penganalisan dan perbentangan dapatan data kajian akan dibentangkan menerusi bab empat iaitu dapatan kajian.

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

Pendahuluan

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis semangat patriotisme dari aspek pengetahuan, nilai dan perlakuan, faktor intrinsik dan ekstrinsik pementapan semangat patriotisme dan pencapaian sukan, mengetahui hubungan semangat patriotisme dengan umur, rekod atau pencapaian sukan dan pengalaman sukan, hubungan antara semangat patriotisme dengan faktor intrinsik dan ekstrinsik, juga mengenal pasti hubungan faktor intrinsik dan ekstrinsik pementapan semangat patriotisme dengan semangat patriotisme.


Tujuan kajian seterusnya ialah melihat perbezaan berdasarkan umur, jantina, sukan, acara, rekod atau penyertaan tertinggi, medal atau pencapaian terbaik dan pengalaman bersukan dengan semangat patriotisme, faktor intrinsik dan ekstrinsik pementapan semangat patriotisme dan pencapaian sukan. Selain itu, mengenal pasti sumbangan yang signifikan antara faktor intrinsik dan ekstrinsik terhadap pementapan semangat patriotisme dan pencapaian sukan. Maklumat kajian yang diperolehi dimasukkan ke dalam program komputer, diproses dan dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS Versi 17.0.

Kaedah statistik deskriptif berdasarkan pengukuran peratusan (%) dan frekuensi ($n=440$) digunakan untuk memaparkan dapatan semangat patriotisme dan faktor intrinsik dan ekstrinsik pementapan semangat patriotisme dan pencapaian sukan. Kaedah statistik inferensi pula melibatkan penggunaan Ujian Korelasi Pearson r dan Spearman, Ujian-t, Ujian MANOVA dan Ujian „*Post Hoc Scheffe*“ bagi memaparkan analisis hubungan dan perbezaan berdasarkan umur, jantina, sukan, acara, rekod atau penyertaan, pencapaian atau medal dan pengalaman sukan dengan semangat patriotisme, faktor intrinsik dan ekstrinsik pementapan semangat patriotisme dan pencapaian sukan. Seterusnya, Ujian Linear Regresi atau „*Multiple Regressions*“ dan

nilai Beta iaitu pada tahap kesignifikanan $p < 0.05$ digunakan untuk memaparkan analisis sumbangan antara faktor intrinsik dan ekstrinsik terhadap pemantapan semangat patriotisme dan pencapaian sukan.

Perbentangan Demografi


Perbentangan demografi atlet dibuat berdasarkan peratusan (%) dan frekuensi atau bilangan ($n=440$) bagi membentangkan umur, jantina, bangsa, sukan, acara sukan, rekod atau penyertaan sukan, medal atau pencapaian sukan dan pengalaman atau penglibatan dalam sukan.



Rajah 2 Bilangan Responden Mengikut Umur, Jantina dan Bangsa


Paparan Rajah 2 (graf bar) menunjukkan atlet kajian ini berumur 13 tahun (28.0%, $n=123$), berumur 14 tahun (33.0%, $n=145$) dan berumur 16 tahun (39.1%, $n=172$). Atlet lelaki (58.9%, $n=259$) dan perempuan (41.1%, $n=181$). Atlet ini berbangsa Melayu (79.1%, $n=348$), Cina (14.5%, $n=64$), India (3.4%, $n=15$) dan lain-lain kaum (3.0%, $n=13$). Jumlah keseluruhan responden kajian ini ialah 440 orang. Berdasarkan keputusan analisis kajian, didapati bahawa atlet berbangsa Melayu lebih ramai terlibat dalam sukan berbanding bangsa Cina, India dan lain-lain kaum. Keadaan ini disebabkan oleh bangsa Melayu merupakan kaum majoriti di Malaysia diikuti oleh

kaum Cina dan India. Selain itu, kemudahan sukan, ganjaran dan aktiviti sukan itu berjaya menarik minat atlet untuk bersukan.




Rajah 3 Bilangan Responden Mengikut Jenis Sukan

Paparan analisis Rajah 3 (carta pai) menunjukkan atlet terlibat dengan sukan hoki (20.7%, n=91), olahraga (14.3%, n=63), bola sepak (9.3%, n=41), lain-lain sukan (8.9%, n=39), badminton (8.2%, n=36), sepak takraw (6.8%, n=30), ragbi (6.4%, n=28), bowling (4.1%, n=18), bola jaring (3.9%, n=17), judo (3.2%, n=14), basikal (3.2%, n=14), gimnastik (3.0%, n=13), dan memanah (3.0%, n=13), lawan pedang (2.7%, n=12) dan skuasy (2.5%, n=11). Berdasarkan keputusan analisis kajian, bilangan atlet bagi sukan hoki dan bola sepak melebihi sukan-sukan yang lain kerana ia adalah sukan berpasukan, manakala sukan olahraga pula menyediakan pelbagai acara sukan yang berjaya menarik minat ramai atlet untuk menyertainya.



Rajah 4 Bilangan Responden Mengikuti Acara Sukan


Paparan analisis Rajah 4 (graf bar), menunjukkan atlet ini terlibat dalam acara sukan individu (46.8%, n=206) dan acara berpasukan (53.2%, n=234). Lebih ramai atlet mengikuti acara sukan berpasukan kerana tertarik dan seronok dapat bermain bersama-sama rakan dalam satu pasukan berbanding bermain secara individu.



Rajah 5 Penyertaan Sukan


Paparan analisis Rajah 5 (carta pai) menunjukkan atlet mencatat rekod atau penyertaan di peringkat MSSM (51.8%, n=228), SUKMA (17.3%, n=76), lain-lain penyertaan (13.2%, n=58), *Asean School Games* (ASG) (11.4%, n=50), Sukan Asia (4.8%, n=21), Sukan SEA (1.1%, n=5) dan Sukan Komanwel (0.5%, n=2). Walau bagaimana pun, tiada rekod atau penyertaan di peringkat Sukan Olimpik. Berdasarkan penyertaan sukan, majoriti atlet menyertai pertandingan di peringkat MSSM dan

SUKMA. Ini menggambarkan pencapaian sukan negara masih berada di tahap yang rendah, di peringkat Sukan Komanwel hanya (0.5%, n=2) dan masih gagal mengutip sebarang pingat dalam Sukan Olimpik. Ini menunjukkan usaha melahirkan jaguh sukan bertaraf dunia perlu dipertingkatkan sehingga ke akar umbi.



Rajah 6 Pencapaian Sukan

Paparan analisis Rajah 6 (carta pai) bagi medal atau pencapaian terbaik atlet iaitu berjaya meraih pingat Emas (25.0%, n=110), Perak (12.3%, n=54), Gangsa (14.3%, n=63) dan sekadar penyertaan (48.4%, n=213). Berdasarkan pungutan medal, majoriti atlet gagal mengutip sebarang pingat dan hanya sekadar penyertaan sukan sahaja. Ini menggambarkan kualiti sukan masih jauh tersasar dari matlamat utama iaitu meraih pingat Emas sebanyak mungkin. Oleh itu, program latihan yang dilaksanakan perlu berkesan dengan mengadakan lebih banyak latihan dan pendedahan di luar negara bagi menghasilkan juara sukan yang berkualiti dan bertaraf dunia.



Rajah 7 Pengalaman Sukan

Manakala, analisis Rajah 7 (carta pai) bagi pengalaman atau penglibatan atlet menunjukkan mereka ini berpengalaman satu hingga dua tahun (11.8%, n=52), tiga hingga empat tahun (25.9%, n=114), lima hingga enam tahun (34.1%, n=150), tujuh hingga lapan tahun (20.2%, n=89) dan berpengalaman lebih lapan tahun (8.0%, n=35). Majoriti atlet berpengalaman dalam bidang sukan iaitu lima hingga enam tahun (34.1%, n=150). Berdasarkan paparan pengalaman, atlet ini sudah terlibat dengan sukan di awal usia iaitu ketika berada di bangku sekolah rendah lagi. Namun, pengalaman sahaja belum mencukupi jika atlet masih gagal menguasai kemahiran sukan, kekuatan fizikal dan mental bagi bergelar juara dalam bidang yang diceburi.

Semangat Patriotisme

Perbentangan dapatan analisis semangat patriotisme dibuat berdasarkan min, bilangan (n=440) dan peratusan (%). Laporan kedudukan peratusan persetujuan setiap item dipermudahkan daripada lima Skala Likert menjadi skala berkadar tiga tahap pengukuran iaitu skala (1) „*Amat Tidak Setuju*” dan skala (2) „*Tidak Setuju*” dikategorikan sebagai „*Tidak Setuju*”; skala (3) kekal sebagai „*Kurang Pasti*” dan skala (4) „*Setuju*” dan (5) „*Amat Setuju*” dikategorikan sebagai „*Setuju*”. Skala ini dipermudahkan daripada lima ke tiga skala supaya pemerhatian, perbandingan dan perbincangan dapatan analisis menjadi lebih jelas dan mudah difahami.

Paparan Jadual 8 menunjukkan keputusan analisis nilai min dan sisihan piawai bagi setiap aspek dalam semangat patriotisme atlet. Semangat patriotisme ini terdiri daripada aspek pengetahuan, nilai atau perasaan dan perlakuan atau amalan patriotik. Aspek nilai atau perasaan patriotisme menunjukkan paling tinggi dengan nilai min 4.26. Diikuti dengan aspek pengetahuan patriotisme iaitu nilai min 4.16 dan paling rendah adalah aspek perlakuan patriotik dengan nilai min 4.12.

Jadual 8

Aspek Semangat Patriotisme

Aspek Semangat Patriotik	Min	Sisihan Piawai	Bilangan (n)
Pengetahuan Patriotisme	4.16	0.49	440
Nilai/Perasaan Patriotisme	4.26	0.46	
Perlakuan Patriotik	4.12	0.57	

n=440

Jadual 9 menunjukkan keputusan analisis aspek pengetahuan patriotisme. Majoriti atlet mengetahui negara Malaysia telah menyambut kemerdekaan ke-50 tahun pada 2007 (87.3%, n=384), Bahasa Malaysia adalah bahasa kebangsaan atau bahasa rasmi bagi negara Malaysia (87.3%, n=384), Rukun Negara dibentuk selepas tercetusnya peristiwa 13 Mei 1969 (66.6%, n=293), bendera Jalur Gemilang direka oleh Encik Mohamad Hamzah pada tahun 1949 (57.8%, n=254), bulan sabit pada bendera melambangkan Islam adalah agama rasmi negara Malaysia (73.8%, n=325), dua ekor harimau pada Jata Negara melambangkan keberanian dan kegagahan rakyat (92.1%, n=405), Lagu Negaraku digubah oleh Encik Saiful Bahari pada tahun 1957 (61.4%, n=270) dan lirik Lagu Negaraku berjaya membangkitkan semangat cinta akan negara dalam kalangan atlet (89.8%, n=395).

Aspek Pengetahuan Patriotisme

Jadual 9

Aspek Pengetahuan Patriotisme

Bil.	Pengetahuan	Setuju Bil (%)	Kurang Pasti Bil (%)	Tidak Setuju Bil (%)
1	Malaysia menyambut kemerdekaan ke-50 pada 2007	384 (87.3)	22 (5.0)	34 (7.7)
2	Bahasa Malaysia adalah bahasa kebangsaan Malaysia	384 (87.3)	52 (11.8)	4 (0.9)
3	Rukun Negara dibentuk selepas peristiwa 13 Mei 1969	293 (66.6)	110 (25.0)	37 (8.5)
4	Bendera Malaysia direka oleh Encik Mohamad Hamzah pada 1949	254 (57.8)	138 (31.4)	48 (10.9)
5	Bulan sabit pada bendera melambangkan Islam agama rasmi	325 (73.8)	63 (14.3)	52 (11.8)
6	Harimau pada Jata Negara melambangkan keberanian dan kegagahan	405 (92.1)	21 (4.8)	14 (3.2)
7	Lagu Negaraku digubah oleh Encik Saiful Bahari pada 1957	270 (61.4)	148 (33.6)	22 (5.0)
8	Lirik Lagu Negaraku berjaya membangkitkan semangat cinta akan negara	395 (89.8)	30 (6.8)	15 (3.9)

n=440

Jadual 10 menunjukkan keputusan analisis aspek nilai atau perasaan patriotisme. Majoriti atlet menghayati nilai atau perasaan patriotisme iaitu bersyukur dilahirkan sebagai rakyat Malaysia (93.0%, n=409), cintakan negara sepenuh jiwa dan raga (93.0%, n=409), sentiasa menjaga dan mementingkan imej Malaysia ketika bersukan (83.9%, n=369), menunjukkan taat setia kepada raja dan negara (93.6%, n=412), lebih rela menjadi warganegara Malaysia berbanding negara lain (75.4%, n=332), rela dan sanggup mengorbankan masa dan tenaga demi memajukan sukan negara (68.7%, n=302), bangga mewakili Malaysia dalam pertandingan sukan (88.2%, n=388), sentiasa menghargai jasa dan sumbangan pejuang negara (85.9%, n=378) dan selalu menghormati bendera dan lagu kebangsaan (90.4%, n=398).

Aspek Nilai Patriotisme

Jadual 10

Aspek Nilai Patriotisme

Bil.	Nilai/Perasaan	Setuju Bil (%)	Kurang Pasti Bil (%)	Tidak Setuju Bil (%)
1	Bersyukur dilahirkan sebagai rakyat Malaysia	409 (93.0)	31 (7.0)	0 (0%)
2	Cintakan negara sepenuh jiwa dan raga	409 (93.0)	25 (5.7)	6 (1.4)
3	Selesa bergaul dengan rakan atlet sebangsa sahaja	128 (29.1)	150 (34.1)	162 (36.8)
4	Sentiasa mementingkan imej Malaysia ketika bersukan	369 (83.9)	65 (14.8)	6 (1.3)
5	Sentiasa taat setia kepada raja dan negara	412 (93.6)	12 (2.7)	16 (3.7)
6	Tidak sanggup berkorban nyawa untuk negara	130 (29.6)	112 (25.5)	198 (45.0)
7	Lebih rela menjadi warganegara Malaysia berbanding negara lain	332 (75.4)	74 (16.8)	34 (7.8)
8	Rela mengorbankan masa dan tenaga demi sukan	302 (68.7)	98 (22.3)	40 (9.1)
9	Meletakkan kepentingan diri melebihi kepentingan negara	169 (38.4)	164 (37.3)	107 (24.3)
10	Bangga mewakili Malaysia dalam pertandingan sukan	388 (88.2)	35 (8.0)	17 (3.8)
11	Sentiasa menghargai jasa dan sumbangan pejuang negara	378 (85.9)	54 (12.3)	8 (1.8)
12	Menghormati bendera dan lagu kebangsaan	398 (90.4)	35 (8.0)	7 (1.6)

n=440

Jadual 11 menunjukkan keputusan analisis perlakuan patriotik. Majoriti atlet mengamalkan perlakuan patriotik iaitu selalu mengibarkan bendera Malaysia dengan megah (86.8%, n=382), berasa marah melihat bendera dibuang atau dibakar (87.3%, n=384), sentiasa berdiri tegak ketika menyanyi Lagu Negaraku (91.8%, n=404), menyanyi Lagu Negaraku dengan kuat dan bersemangat (90.7%, n=399), menghargai jersi sukan sebagai identiti sukan negara (81.3%, n=358), mahir membaca dan menulis

dalam Bahasa Malaysia (86.6%, n=381) dan sering bertutur dalam Bahasa Malaysia tanpa mengira kaum (74.8%, n=329).

Manakala, peratusan „*Bersetuju*“ bagi item berbentuk negatif lebih rendah berbanding peratusan „*Tidak Bersetuju*“ iaitu bendera Jalur Gemilang tidak bermakna (18.4%, n=81) berbanding (67.0%, n=295), tidak mengingati lirik Lagu Negaraku (21.6%, n=95) berbanding (70.7%, n=311), malu apabila memakai jersi sukan pasukan Malaysia (20.4%, n=90) berbanding (67.5%, n=297) dan lebih bangga berbahasa Inggeris daripada berbahasa Malaysia (31.3%, n=138) berbanding (35.9%, n=158).

Aspek Perlakuan Patriotik

Jadual 11

Aspek Perlakuan Patriotik

Bil.	Perlakuan	Setuju Bil (%)	Kurang Pasti Bil (%)	Tidak Setuju Bil (%)
1	Mengibarkan bendera dengan megah	382 (86.8)	54 (12.3)	4 (0.9)
2	Berasa marah melihat bendera dibuang atau dibakar	384 (87.3)	35 (8.0)	21 (4.7)
3	Bendera Jalur Gemilang tidak bermakna	81 (18.4)	64 (14.5)	295 (67.0)
4	Berdiri tegak ketika menyanyikan Lagu Negaraku	404 (91.8)	16 (3.6)	20 (4.6)
5	Menyanyikan Lagu Negaraku dengan kuat dan bersemangat	399 (90.7)	29 (6.6)	12 (2.7)
6	Tidak mengingati lirik Lagu Negaraku	95 (21.6)	34 (7.7)	311 (70.7)
7	Menghargai jersi kebangsaan sebagai identiti Negara	358 (81.3)	54 (12.3)	28 (6.3)
8	Malu memakai jersi pasukan Malaysia	90 (20.4)	53 (12.0)	297 (67.5)
9	Mahir membaca dan menulis Bahasa Malaysia	381 (86.6)	48 (10.9)	11 (2.5)
10	Bertutur dalam Bahasa Malaysia tanpa mengira kaum	329 (74.8)	76 (17.3)	35 (8.0)
11	Bangga berbahasa Inggeris berbanding Bahasa Malaysia	138 (31.3)	144 (32.7)	158 (35.9)

n=440

Faktor Intrinsik-Ekstrinsik Patriotisme dan Sukan

Perbentangan dapatan analisis dibuat berdasarkan min, sisihan piawai, peratusan (%) dan bilangan (n=440) untuk menganalisis faktor intrinsik dan ekstrinsik pemantapan semangat patriotisme dan pencapaian sukan atlet. Laporan kedudukan peratusan persetujuan setiap item faktor intrinsik dan ekstrinsik pemantapan semangat patriotisme dan pencapaian sukan juga dipermudahkan daripada lima Skala Likert menjadi skala berkadar tiga tahap pengukuran seperti mana perbentangan aspek-aspek semangat patriotisme sebelum ini.

Paparan analisis Jadual 12 dan Jadual 13 menunjukkan nilai min keseluruhan faktor intrinsik dan ekstrinsik pemantapan semangat patriotisme dan pencapaian sukan atlet. Keseluruhan faktor intrinsik pemantapan semangat patriotisme paling tinggi dengan nilai min 4.35 berbanding faktor intrinsik pencapaian sukan nilai min 4.03. Manakala, keseluruhan faktor ekstrinsik pemantapan semangat patriotisme paling tinggi dengan nilai min 4.16 berbanding faktor ekstrinsik pencapaian sukan nilai min 3.89.

Jadual 12

Faktor Intrinsik Pemantapan Patriotisme dan Pencapaian Sukan

Faktor Intrinsik	Pemantapan Semangat Patriotisme		Pemantapan Pencapaian Sukan	
	Min	Sisihan Piawai	Min	Sisihan Piawai
Minat	4.30	0.76	4.13	0.66
Keseronokan	4.20	0.76	4.12	0.70
Keazaman	4.34	0.74	3.97	0.65
Positif	4.49	0.65	4.09	0.67
Fokus	4.35	0.70	3.85	0.63
Usaha	4.30	0.71	4.04	0.63
Keyakinan	4.45	0.63	3.97	0.63
Berdaya saing	4.36	0.66	4.09	0.66
Keseluruhan Faktor Intrinsik	4.35	0.51	4.03	0.45

n=440

Paparan analisis Jadual 12 menunjukkan nilai min bagi setiap faktor intrinsik pemantapan semangat patriotisme dan pencapaian sukan atlet. Faktor intrinsik pemantapan semangat patriotisme iaitu positif menunjukkan paling tinggi dengan nilai min 4.49, keyakinan nilai min 4.45, berdaya saing nilai min 4.36, fokus nilai min 4.35, keazaman nilai min 4.34, minat dan usaha nilai min 4.30 serta keseronokan paling rendah dengan nilai min 4.20. Manakala, faktor intrinsik pencapaian sukan iaitu minat menunjukkan paling tinggi dengan nilai min 4.13, keseronokan nilai min 4.12, positif dan berdaya saing nilai min 4.09, usaha nilai min 4.04, keazaman dan keyakinan nilai min 3.97 dan fokus paling rendah dengan nilai min 3.85.

Jadual 13

Faktor Ekstrinsik Pemantapan Patriotisme dan Pencapaian Sukan

Faktor Ekstrinsik	Pemantapan Semangat Patriotisme		Pemantapan Pencapaian Sukan	
	Min	Sisihan Piawai	Min	Sisihan Piawai
Ganjaran	3.88	0.77	3.71	0.51
Sukan	4.37	0.59	4.02	0.67
Pendidikan	4.28	0.66	4.01	0.72
Ibu bapa	4.03	0.87	3.65	0.61
Jurulatih	4.18	0.77	4.04	0.56
Rakan	4.20	0.74	4.06	0.61
Penonton	4.28	0.75	4.00	0.68
Media massa	4.05	0.84	3.65	0.54
Keseluruhan Faktor Ekstrinsik	4.16	0.45	3.89	0.41

n=440

Paparan analisis Jadual 13 menunjukkan nilai min bagi setiap faktor ekstrinsik pemantapan semangat patriotisme dan pencapaian sukan atlet. Faktor ekstrinsik pemantapan semangat patriotisme iaitu sukan menunjukkan paling tinggi dengan nilai

min 4.37, pendidikan dan penonton nilai min 4.28, rakan nilai min 4.20, jurulatih nilai min 4.18, media massa nilai min 4.05, ibu bapa nilai min 4.03 dan ganjaran paling rendah dengan nilai min 3.88. Manakala, faktor ekstrinsik pencapaian sukan iaitu rakan atlet menunjukkan paling tinggi dengan nilai min 4.06, jurulatih nilai min 4.04, sukan nilai min 4.02, pendidikan nilai min 4.01, penonton nilai min 4.00, ganjaran nilai min 3.71, ibu bapa dan media massa paling rendah dengan nilai min 3.65.

Faktor Intrinsik Patriotisme dan Sukan

Perbentangan analisis item ini dibuat berdasarkan peratusan (%) dan bilangan (n=440). Paparan analisis Jadual 13 hingga Jadual 20 meliputi analisis berdasarkan item bagi lapan aspek faktor intrinsik pemantapan semangat patriotisme dan pencapaian sukan atlet. Faktor intrinsik pemantapan semangat patriotisme dan pencapaian sukan meliputi aspek iaitu minat, keseronokan, keazaman, positif, fokus, usaha, keyakinan dan berdaya saing.

Jadual 14

Faktor Intrinsik: Minat

Bil.	Minat	Setuju Bil (%)	Kurang Pasti Bil (%)	Tidak Setuju Bil (%)
1	Amat berminat terhadap aktiviti sukan	414 (94.1)	22 (5.0)	4 (0.9)
2	Gemar menjalani latihan bagi meningkatkan stamina	388 (88.2)	44 (10.0)	8 (1.8)
3	Berasa bosan menjalani latihan sukan setiap hari	111 (25.3)	111 (25.2)	218 (49.5)
4	Selalu mengutamakan maruah dan imej negara	378 (85.9)	47 (10.7)	15 (3.4)
5	Menyedari kepentingan semangat patriotisme	367 (83.4)	55 (12.5)	18 (4.1)

n=440

Paparan analisis Jadual 14 berdasarkan item bagi aspek minat menunjukkan majoriti atlet amat berminat terhadap aktiviti sukan (94.1%, n=414), gemar menjalani latihan bagi meningkatkan stamina (88.2%, n=388), selalu mengutamakan maruah dan imej negara ketika bersukan (85.9%, n=378) dan menyedari kepentingan semangat patriotisme (83.4%, n=367). Manakala, peratusan „*Bersetuju*” bagi item berbentuk negatif lebih rendah berbanding peratusan „*Tidak Bersetuju*” iaitu berasa bosan menjalani latihan sukan setiap hari (25.3%, n=111) berbanding (49.5%, n=218), menunjukkan atlet tidak berasa bosan walaupun menjalani latihan sukan pada setiap hari.

Jadual 15

Faktor Intrinsik: Keseronokan

Bil.	Keseronokan	Setuju Bil (%)	Kurang Pasti Bil (%)	Tidak Setuju Bil (%)
1	Seronok menjalani aktiviti sukan pada setiap hari	361 (82.1)	67 (15.2)	12 (2.7)
2	Gembira bermain bersama-sama rakan atlet yang lain	402 (91.4)	37 (8.4)	1 (0.2)
3	Terpaksa menjalani latihan kerana takutkan jurulatih	76 (17.3)	111 (25.2)	253 (57.5)
4	Bangga melibatkan diri dengan aktiviti patriotisme	363 (82.7)	52 (11.6)	25 (5.7)
5	Menyambut bulan patriotisme dengan bermakna	378 (85.9)	48 (10.9)	14 (3.2)

n=440

Paparan analisis Jadual 15 berdasarkan item bagi aspek keseronokan menunjukkan majoriti atlet seronok menjalani aktiviti sukan pada setiap hari (82.1%, n=361), gembira bermain bersama-sama rakan atlet yang lain (91.4%, n=402), bangga melibatkan diri dengan aktiviti patriotisme (82.7%, n=363) dan menyambut bulan patriotisme dengan bermakna (85.9%, n=378). Manakala, peratusan „*Bersetuju*” bagi

item berbentuk negatif lebih rendah berbanding peratusan „*Tidak Bersetuju*“ iaitu terpaksa menjalani latihan kerana takutkan jurulatih (17.3%, n=76) berbanding (57.5%, n=253), menunjukkan atlet menjalani latihan bukan kerana takutkan jurulatih.

Jadual 16

Faktor Intrinsik: Keazaman

Bil.	Keazaman	Setuju Bil (%)	Kurang Pasti Bil (%)	Tidak Setuju Bil (%)
1	Yakin dilahirkan sebagai juara sukan	342 (77.7)	70 (15.9)	28 (6.4)
2	Berazam untuk menang jika ketinggalan mata	378 (85.9)	54 (12.3)	8 (1.8)
3	Bersukan sekadar suka-suka sahaja	76 (17.3)	143 (32.5)	221 (50.2)
4	Berazam meningkatkan semangat patriotik dalam diri	350 (79.6)	71 (16.1)	19 (4.30)
5	Berazam mengutip pingat emas untuk negara	393 (89.3)	30 (6.8)	17 (3.9)

n=440

Paparan analisis Jadual 16 berdasarkan item bagi aspek keazaman menunjukkan majoriti atlet yakin dilahirkan sebagai juara sukan (77.7%, n=342), semakin berazam untuk menang jika ketinggalan mata (85.9%, n=378), berazam meningkatkan semangat patriotik dalam diri (79.6%, n=350) dan berazam mengutip pingat emas untuk negara (89.3%, n=393). Manakala, peratusan „*Bersetuju*“ bagi item berbentuk negatif lebih rendah berbanding peratusan „*Tidak Bersetuju*“ iaitu bersukan sekadar suka-suka sahaja (17.3%, n=76) berbanding (50.2%, n=221).

Jadual 17

Faktor Intrinsik: Positif

Bil.	Positif	Setuju Bil (%)	Kurang Pasti Bil (%)	Tidak Setuju Bil (%)
1	Tidak mudah menyerah kalah	414 (94.1)	15 (3.4)	11 (2.5)
2	Bermain cemerlang walaupun mendapat saingan hebat	413 (93.8)	20 (4.5)	7 (1.6)
3	Berasa gentar dengan saiz badan pihak lawan yang lebih besar	155 (35.3)	121 (27.5)	164 (37.2)
4	Sentiasa memberikan persembahan terbaik demi negara	390 (88.7)	38 (8.6)	12 (2.7)
5	Berusaha memburu pingat kemenangan untuk negara	396 (90.0)	36 (8.2)	8 (1.8)

n=440

Paparan analisis Jadual 17 berdasarkan item bagi aspek positif menunjukkan majoriti atlet tidak mudah menyerah kalah (94.1%, n=414), bermain cemerlang walaupun mendapat saingan hebat (93.8%, n=413), sentiasa memberikan persembahan terbaik demi negara (88.7%, n=390) dan berusaha memburu pingat kemenangan untuk negara (90.0%, n=396). Manakala, peratusan „*Bersetuju*” bagi item berbentuk negatif lebih rendah berbanding peratusan „*Tidak Bersetuju*” iaitu berasa gentar dengan saiz badan pihak lawan yang lebih besar (35.3%, n=155) berbanding (37.2%, n=164), menunjukkan atlet tidak berasa gentar walaupun berhadapan dengan saiz badan pihak lawan yang lebih besar.

Jadual 18

Faktor Intrinsik: Fokus

Bil.	Fokus	Setuju Bil (%)	Kurang Pasti Bil (%)	Tidak Setuju Bil (%)
1	Memusatkan tumpuan semasa untuk menang	378 (85.9)	55 (12.5)	7 (1.6)
2	Sentiasa fokus walaupun telah melakukan kesilapan	353 (80.2)	70 (15.9)	17 (3.9)
3	Hilang tumpuan apabila menghadapi masalah peribadi	155 (35.3)	113 (25.7)	172 (39.0)
4	Menumpukan perhatian ketika bertanding demi negara	395 (89.7)	27 (6.1)	18 (4.1)
5	Menetapkan fokus untuk mengharumkan nama negara	388 (88.1)	43 (9.8)	9 (2.0)

n=440

Paparan analisis Jadual 18 berdasarkan item bagi aspek fokus menunjukkan majoriti atlet memusatkan tumpuan semasa bertanding untuk menang (85.9%, n=378), sentiasa fokus walaupun telah melakukan kesilapan (80.2%, n=353), majoriti atlet menumpukan perhatian ketika bertanding demi negara (89.7%, n=395) dan menetapkan fokus untuk mengharumkan nama negara (88.1%, n=388). Manakala, peratusan „*Bersetuju*” bagi item berbentuk negatif lebih rendah berbanding peratusan „*Tidak Bersetuju*” iaitu hilang tumpuan apabila menghadapi masalah peribadi (35.3%, n=155) berbanding (39.0%, n=172), menunjukkan atlet tidak hilang tumpuan walaupun sedang menghadapi masalah peribadi.

Jadual 19

Faktor Intrinsik: Usaha

Bil.	Usaha	Setuju Bil (%)	Kurang Pasti Bil (%)	Tidak Setuju Bil (%)
1	Terus berusaha memantapkan corak permainan	398 (90.5)	36 (8.2)	6 (1.4)
2	Menghadapi cabaran bersukan dengan tabah	392 (89.1)	36 (8.2)	12 (2.5)
3	Berasa jemu menjalani latihan sukan pada setiap hari	132 (30.0)	136 (30.9)	172 (39.1)
4	Memberikan komitmen tinggi demi sukan negara	390 (88.6)	43 (9.8)	7 (1.6)
5	Gigih berusaha menjaringkan gol buat negara	372 (84.6)	30 (6.8)	38 (8.6)

n=440

Paparan analisis Jadual 19 berdasarkan item bagi aspek usaha menunjukkan majoriti atlet akan terus berusaha untuk memantapkan corak permainan (90.5%, n=398), menghadapi cabaran bersukan dengan tabah (89.1%, n=392), memberikan komitmen tinggi demi sukan negara (88.6%, n=390) dan akan gigih berusaha menjaringkan gol buat negara tercinta (84.6%, n=372). Manakala, peratusan „*Bersetuju*“ bagi item berbentuk negatif lebih rendah berbanding peratusan „*Tidak Bersetuju*“ iaitu berasa jemu menjalani latihan sukan pada setiap hari (30.0%. n=132) berbanding (39.1%, n=172), menunjukkan atlet tidak berasa jemu menjalani latihan sukan pada setiap hari.

Jadual 20

Faktor Intrinsik: Keyakinan

Bil.	Keyakinan	Setuju Bil (%)	Kurang Pasti Bil (%)	Tidak Setuju Bil (%)
1	Berusaha meningkatkan keyakinan diri untuk berjaya	416 (94.5)	18 (4.1)	6 (1.4)
2	Yakin lebih baik berbanding atlet lain dalam pasukan	354 (78.1)	73 (16.6)	13 (5.2)
3	Hilang keyakinan jika pihak lawan menguasai permainan	122 (27.7)	158 (35.9)	160 (36.4)
4	Bakal mengharumkan nama negara dalam sukan	406 (92.2)	26 (5.9)	8 (1.8)
5	Akan terus berbakti kepada negara dalam sukan	403 (91.6)	32 (7.3)	5 (1.1)

n=440

Paparan analisis Jadual 20 berdasarkan item bagi aspek keyakinan menunjukkan majoriti atlet terus berusaha meningkatkan keyakinan diri untuk berjaya (94.5%, n=416), yakin lebih baik berbanding atlet lain dalam pasukan (78.1%, n=354), bakal mengharumkan nama negara dalam sukan (92.2%, n=406) dan akan terus berbakti kepada negara dalam sukan (91.6%, n=403). Manakala, peratusan „*Bersetuju*” bagi item berbentuk negatif lebih rendah berbanding peratusan „*Tidak Bersetuju*” iaitu hilang keyakinan diri jika lawan menguasai permainan (27.7%, n=122) berbanding (36.4%, n=160), menunjukkan atlet tetap yakin pada kebolehan diri sendiri walaupun pihak lawan sedang menguasai permainan.

Jadual 21

Faktor Intrinsik: Berdaya Saing

Bil.	Berdaya Saing	Setuju Bil (%)	Kurang Pasti Bil (%)	Tidak Setuju Bil (%)
1	Mempunyai daya saing yang tinggi ketika bertanding	417 (94.8)	19 (4.3)	4 (0.9)
2	Akan berjuang sekuat tenaga menentang pihak lawan	408 (92.70)	27 (6.1)	5 (1.1)
3	Mudah berputus asa apabila menghadapi rintangan	121 (27.5)	96 (21.8)	223 (50.6)
4	Berusaha membuktikan diri sebagai atlet harapan negara	391 (88.9)	36 (8.2)	13 (3.0)
5	Pasti memberikan saingan sengit demi Malaysia	387 (87.9)	41 (9.3)	12 (2.7)

n=440

Paparan analisis Jadual 21 berdasarkan item bagi aspek berdaya saing menunjukkan majoriti atlet mempunyai daya saing yang tinggi ketika bertanding (94.8%, n=417) dan akan berjuang sekuat tenaga menentang pihak lawan (92.7%, n=408), berusaha membuktikan diri sebagai atlet harapan negara (88.9%, n=391) dan pasti memberikan saingan sengit demi Malaysia (87.9%, n=387). Manakala, peratusan „*Bersetuju*” bagi item berbentuk negatif lebih rendah berbanding peratusan „*Tidak Bersetuju*” iaitu mudah berputus asa apabila menghadapi rintangan (27.5%) berbanding (50.6%, n=223) menunjukkan atlet tidak mudah berputus asa apabila menghadapi rintangan.

Faktor Ekstrinsik Patriotisme dan Sukan

Perbentangan analisis item ini dibuat berdasarkan peratusan (%) dan bilangan (n=440). Paparan analisis Jadual 20 hingga Jadual 27 meliputi analisis berdasarkan item bagi lapan aspek faktor ekstrinsik pemantapan semangat patriotisme dan pencapaian sukan atlet. Faktor ekstrinsik pemantapan semangat patriotisme dan pencapaian sukan meliputi aspek ganjaran, sukan, pendidikan, ibu bapa, jurulatih, rakan atlet, penonton atau peminat sukan dan media massa.

Jadual 22

Faktor Ekstrinsik: Ganjaran

Bil.	Ganjaran	Setuju Bil (%)	Kurang Pasti Bil (%)	Tidak Setuju Bil (%)
1	Kepuasan diri adalah ganjaran utama saya bersukan	362 (82.2)	66 (15.0)	12 (2.8)
2	Penghargaan akan mengekalkan tingkah laku positif	368 (83.6)	63 (14.3)	9 (2.1)
3	Pengiktirafan wajar diberikan kepada atlet patriotik	365 (83.0)	63 (14.3)	12 (2.8)
4	Ganjaran penting untuk meningkatkan semangat patriotik	255 (58.0)	132 (30.0)	53 (12.0)

n=440

Paparan analisis Jadual 22 berdasarkan item bagi aspek ganjaran menunjukkan majoriti atlet bersetuju kepuasan diri adalah ganjaran utama bersukan (82.2%, n=362), penghargaan yang diterima akan mengekalkan tingkah laku positif (83.6%, n=368), pengiktirafan wajar diberikan kepada atlet patriotik (83.0%, n=365) dan ganjaran penting untuk menaikkan semangat patriotik (58.0%, n=255).

Jadual 23

Faktor Ekstrinsik: Sukan

Bil.	Sukan	Setuju Bil (%)	Kurang Pasti Bil (%)	Tidak Setuju Bil (%)
1	Menjamin masa depan yang cerah	371 (84.3)	55 (12.5)	14 (3.2)
2	Mampu meningkatkan disiplin diri	407 (92.5)	22 (5.0)	11 (2.5)
3	Mewujudkan perasaan benci terhadap pihak lawan	106 (24.1)	159 (36.1)	175 (39.8)
4	Menyedarkan atlet tanggungjawab terhadap negara	408 (92.8)	22 (5.0)	10 (2.3)
5	Membentuk semangat patriotik terhadap bangsa dan negara	388 (88.2)	49 (11.1)	3 (0.7)

n=440

Paparan analisis Jadual 23 berdasarkan item bagi aspek sukan menunjukkan majoriti atlet bersetuju sukan menjamin masa depan yang cerah (84.3%, n=371), mampu meningkatkan disiplin diri (92.5%, n=407), menyedarkan atlet tanggungjawab terhadap negara (92.8%, n=408) dan menjadikan atlet patriotik terhadap bangsa dan negara (88.2%, n=388). Manakala, peratusan „*Bersetuju*” bagi item berbentuk negatif lebih rendah berbanding peratusan „*Tidak Bersetuju*” iaitu sukan mewujudkan perasaan benci terhadap pihak lawan (24.1%, n=106) berbanding (39.8%, n=175), menunjukkan sukan tidak mewujudkan perasaan benci terhadap pihak lawan.

Jadual 24

Faktor Ekstrinsik: Pendidikan

Bil.	Pendidikan	Setuju Bil (%)	Kurang Pasti Bil (%)	Tidak Setuju Bil (%)
1	Melengkapkan diri dengan ilmu dan kemahiran	390 (88.6)	42 (9.5)	8 (1.8)
2	Mudah memahami teknik dan kemahiran sukan	387 (88.0)	39 (8.9)	14 (3.2)
3	Tidak penting bagi atlet yang hebat bersukan	103 (23.4)	135 (30.7)	202 (45.9)
4	Melahirkan warganegara yang patriotik	387 (88.0)	47 (10.7)	6 (1.3)
5	Menyedarkan atlet tanggungjawab pada sukan	378 (85.9)	54 (12.3)	8 (1.8)

n=440

Paparan analisis Jadual 24 berdasarkan item bagi aspek pendidikan menunjukkan majoriti atlet bersetuju pendidikan berjaya melengkapkan diri dengan ilmu dan kemahiran (88.6%, n=390), memudahkan atlet memahami teknik dan kemahiran sukan (88.0%, n=387), melahirkan warganegara yang patriotik (88.0%, n=387) dan menyedarkan atlet tanggungjawab pada sukan negara (85.9%, n=378). Manakala, peratusan „*Bersetuju*“ bagi item berbentuk negatif lebih rendah berbanding peratusan „*Tidak Bersetuju*“ iaitu ilmu pengetahuan tidak penting bagi atlet yang hebat bersukan (23.4%, n=103) berbanding (45.9%, n=202), menunjukkan ilmu pengetahuan penting bagi atlet walaupun mereka hebat bersukan.

Jadual 25

Faktor Ekstrinsik: Ibu Bapa

Bil.	Ibu Bapa	Setuju Bil (%)	Kurang Pasti Bil (%)	Tidak Setuju Bil (%)
1	Menasihati saya agar tabah menghadapi kekalahan	401 (91.2)	34 (7.7)	5 (1.1)
2	Mengambil berat perkembangan prestasi sukan	370 (84.1)	43 (9.8)	27 (6.2)
3	Membentuk semangat patriotik dalam diri	369 (83.8)	46 (10.5)	25 (5.7)
4	Menyambut hari kemerdekaan bersama keluarga setiap tahun	298 (67.7)	90 (20.5)	52 (11.8)

n=440

Paparan analisis Jadual 25 berdasarkan item bagi aspek ibu bapa menunjukkan majoriti atlet bersetuju ibu bapa menasihati atlet agar tabah menghadapi kekalahan (91.2%, n=401), sentiasa mengambil berat perkembangan prestasi sukan anak-anak (84.1%, n=370), membentuk semangat patriotik dalam diri atlet (83.8%, n=369) dan menyambut hari kemerdekaan bersama keluarga pada setiap tahun (67.7%, n=298).

Jadual 26

Faktor Ekstrinsik: Jurulatih

Bil.	Jurulatih	Setuju Bil (%)	Kurang Pasti Bil (%)	Tidak Setuju Bil (%)
1	Membantu meningkatkan kemahiran dan teknik bersukan	423 (96.2)	12 (2.7)	5 (1.1)
2	Menyediakan program latihan yang efektif dan berkesan	421 (95.7)	13 (3.0)	6 (1.3)
3	Memberikan arahan yang sukar difahami dan diikuti	161 (36.6)	158 (35.9)	121 (27.5)
4	Menunjukkan tingkah laku patriotik ketika di padang	365 (82.9)	59 (13.4)	16 (3.6)
5	Menekankan pemupukan patriotisme semasa latihan sukan	364 (82.8)	57 (13.0)	19 (4.3)

n=440

Paparan analisis Jadual 26 berdasarkan item bagi aspek jurulatih menunjukkan majoriti atlet bersetuju jurulatih membantu meningkatkan kemahiran dan teknik bersukan (96.2%, n=423), menyediakan program latihan yang efektif dan berkesan (95.7%, n=421), selalu menunjukkan tingkah laku yang patriotik ketika di padang (82.9%, n=365) dan menekankan pemupukan patriotisme semasa latihan sukan (82.8%, n=364). Manakala, peratusan „*Bersetuju*” bagi item berbentuk negatif lebih tinggi berbanding peratusan „*Tidak Bersetuju*” iaitu sering memberikan arahan yang sukar difahami dan diikuti (36.6%, n=161) berbanding (27.5%, n=121), menunjukkan jurulatih sering memberikan arahan yang sukar difahami dan diikuti oleh atlet.

Jadual 27

Faktor Ekstrinsik: Rakan Atlet

Bil.	Rakan Atlet	Setuju Bil (%)	Kurang Pasti Bil (%)	Tidak Setuju Bil (%)
1	Memberi semangat ketika hampir berputus asa	414 (94.1)	23 (5.2)	3 (0.7)
2	Mendorong menjalani latihan dengan bersungguh-sungguh	410 (93.2)	25 (5.7)	5 (1.1)
3	Gagal memberikan sokongan mental mahupun fizikal	134 (30.5)	137 (31.1)	169 (38.4)
4	Mendorong atlet menjadi lebih patriotik	370 (84.1)	50 (11.4)	20 (4.5)
5	Mengingatkan agar sentiasa menjaga imej bangsa dan negara	368 (83.6)	52 (11.8)	20 (4.5)

n=440

Paparan analisis Jadual 27 berdasarkan item bagi aspek rakan atlet menunjukkan majoriti atlet bersetuju rakan selalu memberi semangat ketika hampir berputus asa (94.1%, n=414), mendorong atlet menjalani latihan dengan bersungguh-sungguh (93.2%, n=410), mendorong atlet menjadi lebih patriotik terhadap negara (84.1%, n=370) dan mengingatkan atlet agar sentiasa menjaga imej bangsa dan negara (83.6%,

n=368). Manakala, peratusan „*Bersetuju*” bagi item berbentuk negatif lebih rendah berbanding peratusan „*Tidak Bersetuju*” iaitu rakan atlet gagal memberikan sokongan mental mahupun fizikal (30.5%, n=134) berbanding (38.4%, n=169), menunjukkan rakan atlet memberikan sokongan secara mental mahupun fizikal.

Jadual 28

Faktor Ekstrinsik: Penyokong Sukan

Bil.	Penonton/Peminat	Setuju Bil (%)	Kurang Pasti Bil (%)	Tidak Setuju Bil (%)
1	Kehadiran penonton berjaya menaikkan semangat	392 (89.1)	31 (7.0)	17 (3.8)
2	Memberikan sokongan padu ketika bertanding	406 (92.3)	18 (4.1)	16 (3.7)
3	Sorakan penonton mengganggu tumpuan semasa bertanding	129 (29.3)	136 (30.9)	175 (39.7)
4	Mempamerkan semangat patriotik pada sukan dan negara	370 (84.1)	44 (10.0)	26 (5.9)
5	Menghormati lagu dan bendera semasa menonton perlawanan	381 (86.6)	53 (12.0)	6 (1.4)

n=440

Paparan analisis Jadual 28 berdasarkan item bagi aspek penonton menunjukkan majoriti atlet bersetuju kehadiran penonton berjaya menaikkan semangat (89.1%, n=392), memberikan sokongan padu agar menang ketika bertanding (92.3%, n=406), mempamerkan semangat patriotik pada sukan dan negara (84.1%, n=370) dan menghormati lagu dan bendera semasa menonton perlawanan (86.6%, n=381). Manakala, peratusan „*Bersetuju*” bagi item berbentuk negatif lebih rendah berbanding peratusan „*Tidak Bersetuju*” iaitu penonton mengganggu tumpuan apabila bersorak (29.3%, n=129) berbanding (39.7%, n=175), menunjukkan kehadiran penonton dan sorakan tidak mengganggu tumpuan atlet.

Jadual 29

Faktor Ekstrinsik: Media Massa

Bil.	Media Massa	Setuju Bil (%)	Kurang Pasti Bil (%)	Tidak Setuju Bil (%)
1	Menjadikan atlet ikon sukan remaja yang terkenal	336 (76.4)	79 (18.0)	25 (5.7)
2	Menyediakan maklumat yang berguna berkaitan sukan	394 (89.5)	39 (8.9)	7 (1.6)
3	Mempromosikan pertandingan sukan berprestij sahaja	203 (46.1)	169 (38.4)	68 (15.5)
4	Berjaya meningkatkan semangat patriotisme dalam diri	357 (81.1)	60 (13.6)	23 (5.2)
5	Selalu memainkan lagu patriotik melalui radio dan televisyen	325 (73.9)	67 (15.2)	48 (10.9)

n=440

Paparan analisis Jadual 29 berdasarkan item bagi aspek media massa menunjukkan majoriti atlet bersetuju media massa membantu atlet menjadi ikon sukan remaja yang terkenal (76.4%, n=336), menyediakan maklumat yang berguna berkaitan sukan (89.5%, n=394) berjaya meningkatkan semangat patriotisme dalam diri (81.1%, n=357) dan selalu memainkan lagu patriotik melalui radio dan televisyen (73.9%, n=325). Manakala, peratusan „*Bersetuju*” bagi item berbentuk negatif lebih tinggi berbanding peratusan „*Tidak Bersetuju*” iaitu mempromosikan pertandingan sukan berprestij sahaja (46.1%, n=203) berbanding (15.5%, n=68), menunjukkan media massa mempromosikan pertandingan sukan berprestij sahaja.

Hubungan Patriotisme dan Faktor Intrinsik-Ekstrinsik Dengan Demografi

Perbentangan dapatan analisis kajian dibuat berdasarkan ujian Korelasi Spearman dan Korelasi Pearson r sama ada terdapat hubungan yang signifikan pada level $p < 0.05$ antara semangat patriotisme dengan umur, pencapaian dan pengalaman sukan. Statistik ini juga digunakan untuk menganalisis hubungan yang signifikan antara semangat patriotisme dengan faktor intrinsik dan ekstrinsik pencapaian sukan. Seterusnya digunakan untuk menganalisis faktor intrinsik dan ekstrinsik pementapan semangat patriotisme dengan aspek pengetahuan, nilai atau perasaan dan perlakuan patriotik. Jadual juga digunakan bagi memudahkan pemahaman terhadap dapatan kajian ini. Jadual 30 menunjukkan skala kekuatan Korelasi berdasarkan Guilford (1956):

Jadual 30

Skala Kekuatan Korelasi

Bil	Nilai Korelasi r	Pengertian Deskriptif
1	$r < .20$	Sedikit, hampir diabaikan hubungan
2	$.20 < r < .40$	Kolerasi rendah
3	$.40 < r < .70$	Kolerasi sederhana
4	$.70 < r < .90$	Kolerasi tinggi
5	$.90 < r < 1.00$	Kolerasi sangat tinggi

n=440

Hubungan Patriotisme Dengan Umur, Pencapaian dan Pengalaman Sukan

Paparan analisis berikut menunjukkan sama ada terdapat hubungan yang signifikan antara demografi atlet iaitu umur, pencapaian sukan dan pengalaman sukan dengan aspek pengetahuan, nilai atau perasaan dan perlakuan patriotik. Korelasi Pearson digunakan untuk melihat hubungan berdasarkan umur dan pencapaian sukan. Manakala Korelasi Spearman digunakan bagi melihat hubungan berdasarkan pengalaman sukan.

Jadual 31

Hubungan Patriotisme Dengan Umur dan Pencapaian Sukan

		Semangat Patriotisme		
Bil.	Demografi	Pengetahuan	Perasaan	Perlakuan
1	Umur	0.061	0.313**	0.269**
2	Pencapaian Sukan	-0.003	0.012	0.049

** Korelasi signifikan pada aras 0.01 (2 hujung)

* Korelasi signifikan pada aras 0.05 (1 hujung)

Paparan analisis Jadual 31 menunjukkan sama ada terdapat hubungan yang signifikan antara demografi atlet iaitu umur dan pencapaian sukan dengan aspek pengetahuan, nilai atau perasaan dan perlakuan patriotik. Keputusan analisis Korelasi Pearson menunjukkan umur atlet mempunyai hubungan rendah yang signifikan dengan nilai atau perasaan patriotisme, ($r=0.313$, $p<0.01$). Oleh kerana, nilai ini lebih kecil dari nilai signifikan, maka hipotesis nol ditolak. Oleh yang demikian, terdapat hubungan rendah yang signifikan antara umur dengan nilai patriotisme. Seterusnya, terdapat hubungan rendah yang signifikan dengan perlakuan patriotik, ($r=0.269$, $p<0.01$). Oleh kerana, nilai ini lebih kecil dari nilai signifikan, maka hipotesis nol ditolak. Oleh yang demikian, terdapat hubungan rendah yang signifikan antara umur dengan perlakuan patriotik. Selain itu, keputusan menunjukkan tiada hubungan umur dengan pengetahuan patriotisme atlet. Ini bermakna umur mempengaruhi nilai atau perasaan patriotisme dan perlakuan patriotik atlet. Pun begitu, umur didapati tidak mempengaruhi pengetahuan patriotisme atlet.

Keputusan analisis Korelasi Pearson juga menunjukkan pencapaian sukan atlet menggambarkan hubungan negatif dan tidak signifikan dengan pengetahuan patriotisme serta tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan aspek nilai atau perasaan patriotisme dan perlakuan patriotik. Ini bermakna medal atau pencapaian sukan atlet

tidak mempengaruhi semua aspek semangat patriotisme iaitu pengetahuan, nilai atau perasaan dan perlakuan patriotik atlet.

Jadual 32

Hubungan Patriotisme Dengan Pengalaman Sukan

Bil.	Demografi	Semangat Patriotisme		
		Pengetahuan	Perasaan	Perlakuan
1	Pengalaman Sukan	0.007	0.115*	0.130**

** Korelasi signifikan pada aras 0.01 (2 hujung)

* Korelasi signifikan pada aras 0.05 (1 hujung)

Paparan analisis Jadual 32 menunjukkan sama ada terdapat hubungan yang signifikan antara demografi atlet iaitu pengalaman sukan dengan aspek pengetahuan, nilai atau perasaan dan perlakuan patriotik. Keputusan analisis Korelasi Spearman menunjukkan pengalaman sukan atlet pula mempunyai hubungan rendah yang signifikan dengan nilai atau perasaan patriotisme, ($r=0.115$, $p<0.05$). Oleh kerana, nilai ini lebih kecil dari nilai signifikan, maka hipotesis nol ditolak. Oleh yang demikian, terdapat hubungan rendah yang signifikan antara pengalaman dengan nilai patriotisme. Seterusnya, pengalaman sukan juga mempunyai hubungan rendah yang signifikan dengan perlakuan patriotik, ($r=0.130$, $p<0.01$). Oleh kerana, nilai ini lebih kecil dari nilai signifikan, maka hipotesis nol ditolak. Oleh yang demikian, terdapat hubungan rendah yang signifikan antara pengalaman sukan dengan perlakuan patriotik. Selain itu, keputusan analisis menunjukkan pengalaman sukan tidak terdapat hubungan yang signifikan dengan pengetahuan patriotisme. Ini bermakna pengalaman sukan mempengaruhi nilai atau perasaan dan perlakuan patriotik atlet. Pun begitu, pengalaman sukan didapati tidak mempengaruhi pengetahuan patriotisme atlet.

Hubungan Patriotisme Dengan Faktor Intrinsik Pencapaian Sukan

Jadual 33

Hubungan Semangat Patriotisme Dengan Faktor Intrinsik Pencapaian Sukan

		Semangat Patriotisme		
Bil.	Intrinsik	Pengetahuan	Nilai/Perasaan	Perlakuan
1	Minat	0.215**	0.366**	0.417**
2	Keseronokan	0.128**	0.347**	0.449**
3	Keazaman	0.215**	0.332**	0.398**
4	Positif	0.265**	0.485**	0.504**
5	Fokus	0.232**	0.301**	0.418**
6	Usaha	0.368**	0.418**	0.473**
7	Keyakinan	0.188**	0.322**	0.365**
8	Berdaya Saing	0.102*	0.389**	0.362**
Keseluruhan Faktor Intrinsik Pencapaian Sukan		0.308**	0.536**	0.613**

** Korelasi signifikan pada aras 0.01 (2 hujung)

* Korelasi signifikan pada aras 0.05 (1 hujung)

Paparan analisis Jadual 33 menunjukkan sama ada terdapat hubungan yang signifikan antara faktor intrinsik pencapaian sukan iaitu minat, keseronokan, keazaman, positif, fokus, usaha, keyakinan dan berdaya saing dengan semangat patriotisme iaitu aspek pengetahuan, nilai atau perasaan dan perlakuan patriotik. Keputusan analisis menunjukkan minat atlet mempunyai hubungan rendah yang signifikan dengan pengetahuan patriotisme, ($r=0.215$, $p<0.01$). Oleh kerana, nilai ini lebih kecil dari nilai signifikan, maka hipotesis nol ditolak. Oleh yang demikian, terdapat hubungan rendah yang signifikan antara minat dengan pengetahuan patriotisme. Seterusnya, terdapat hubungan rendah yang signifikan juga dengan nilai atau perasaan patriotisme, ($r=0.366$, $p<0.01$). Oleh kerana, nilai ini lebih kecil dari nilai signifikan, maka hipotesis nol ditolak. Oleh yang demikian, terdapat hubungan rendah yang signifikan antara minat dengan nilai patriotisme. Selain itu, keputusan analisis menunjukkan minat mempunyai hubungan rendah yang signifikan dengan perlakuan patriotik, ($r=0.417$, $p<0.01$). Oleh

kerana, nilai ini lebih kecil dari nilai signifikan, maka hipotesis nol ditolak. Oleh yang demikian, terdapat hubungan rendah yang signifikan antara minat dengan perlakuan patriotik.

Keputusan analisis menunjukkan keseronokan atlet mempunyai hubungan rendah yang signifikan dengan pengetahuan patriotisme, ($r=0.128$, $p<0.01$). Oleh kerana, nilai ini lebih kecil dari nilai signifikan, maka hipotesis nol ditolak. Oleh yang demikian, terdapat hubungan rendah yang signifikan antara keseronokan dengan pengetahuan patriotisme. Seterusnya, terdapat hubungan rendah yang signifikan juga dengan nilai atau perasaan patriotisme, ($r=0.347$, $p<0.01$). Oleh kerana, nilai ini lebih kecil dari nilai signifikan, maka hipotesis nol ditolak. Oleh yang demikian, terdapat hubungan rendah yang signifikan antara keseronokan dengan nilai patriotisme. Selain itu, keputusan analisis menunjukkan terdapat hubungan rendah yang signifikan dengan perlakuan patriotik, ($r=0.449$, $p<0.01$). Oleh kerana, nilai ini lebih kecil dari nilai signifikan, maka hipotesis nol ditolak. Oleh yang demikian, terdapat hubungan rendah yang signifikan antara keseronokan dengan perlakuan patriotik.

Keputusan analisis menunjukkan keazaman atlet mempunyai hubungan rendah yang signifikan dengan pengetahuan patriotisme, ($r=0.215$, $p<0.01$). Oleh kerana, nilai ini lebih kecil dari nilai signifikan, maka hipotesis nol ditolak. Oleh yang demikian, terdapat hubungan rendah yang signifikan antara keazaman dengan pengetahuan patriotisme. Seterusnya, terdapat hubungan rendah yang signifikan juga dengan nilai atau perasaan patriotisme, ($r=0.332$, $p<0.01$) dan dengan perlakuan patriotik, ($r=0.398$, $p<0.01$). Oleh kerana, nilai ini lebih kecil dari nilai signifikan, maka hipotesis nol ditolak. Oleh yang demikian, terdapat hubungan rendah yang signifikan antara keazaman dengan nilai dan perlakuan patriotik.

Keputusan analisis menunjukkan sikap positif atlet mempunyai hubungan rendah yang signifikan dengan pengetahuan patriotisme, ($r=0.265$, $p<0.01$). Oleh kerana, nilai ini lebih kecil dari nilai signifikan, maka hipotesis nol ditolak. Oleh yang demikian, terdapat hubungan rendah yang signifikan antara sikap positif dengan pengetahuan patriotisme. Selain itu, terdapat hubungan sederhana yang signifikan juga dengan nilai atau perasaan patriotisme, ($r=0.485$, $p<0.01$) dan dengan perlakuan patriotik, ($r=0.504$, $p<0.01$). Oleh kerana, nilai ini lebih kecil dari nilai signifikan, maka hipotesis nol ditolak. Oleh yang demikian, terdapat hubungan sederhana yang signifikan antara sikap positif dengan nilai dan perlakuan patriotik.

Keputusan analisis menunjukkan fokus atlet mempunyai hubungan rendah yang signifikan dengan pengetahuan patriotisme, ($r=0.232$, $p<0.01$). Oleh kerana, nilai ini lebih kecil dari nilai signifikan, maka hipotesis nol ditolak. Oleh yang demikian, terdapat hubungan rendah yang signifikan antara fokus dengan pengetahuan patriotisme. Seterusnya, terdapat hubungan rendah yang signifikan juga dengan nilai atau perasaan patriotisme, ($r=0.301$, $p<0.01$) dan dengan perlakuan patriotik, ($r=0.418$, $p<0.01$). Oleh kerana, nilai ini lebih kecil dari nilai signifikan, maka hipotesis nol ditolak. Oleh yang demikian, terdapat hubungan rendah yang signifikan antara fokus dengan nilai dan perlakuan patriotik.

Keputusan analisis menunjukkan usaha atlet mempunyai hubungan rendah yang signifikan dengan pengetahuan patriotisme, ($r=0.368$, $p<0.01$) dengan nilai atau perasaan patriotisme, ($r=0.418$, $p<0.01$) dan dengan perlakuan patriotik, ($r=0.473$, $p<0.01$). Oleh kerana, nilai ini lebih kecil dari nilai signifikan, maka hipotesis nol ditolak. Oleh yang demikian, terdapat hubungan rendah yang signifikan antara usaha dengan pengetahuan, nilai dan perlakuan patriotik.

Keputusan analisis menunjukkan keyakinan atlet mempunyai hubungan rendah yang signifikan dengan pengetahuan, ($r=0.188$, $p<0.01$). Terdapat hubungan rendah yang signifikan juga dengan nilai, ($r=0.322$, $p<0.01$) dan dengan perlakuan, ($r=0.365$, $p<0.01$). Oleh kerana, nilai ini lebih kecil dari nilai signifikan, maka hipotesis nol ditolak. Oleh yang demikian, terdapat hubungan rendah yang signifikan antara keyakinan dengan pengetahuan, nilai dan perlakuan patriotik.

Seterusnya, keputusan analisis menunjukkan sikap berdaya saing atlet mempunyai hubungan rendah yang signifikan dengan pengetahuan patriotisme, ($r=0.102$, $p<0.05$). Terdapat hubungan rendah yang signifikan juga dengan nilai atau perasaan, ($r=0.389$, $p<0.01$) dan dengan perlakuan patriotik, ($r=0.362$, $p<0.01$). Oleh kerana, nilai ini lebih kecil dari nilai signifikan, maka hipotesis nol ditolak. Oleh yang demikian, terdapat hubungan rendah yang signifikan antara berdaya saing dengan pengetahuan, nilai dan perlakuan patriotik.

Kesimpulannya, keputusan analisis menunjukkan keseluruhan faktor intrinsik mempunyai hubungan rendah yang signifikan dengan pengetahuan patriotisme, ($r=0.308$, $p<0.01$). Oleh kerana, nilai ini lebih kecil dari nilai signifikan, maka hipotesis nol ditolak. Oleh yang demikian, terdapat hubungan rendah yang signifikan antara keseluruhan faktor intrinsik dengan pengetahuan patriotisme. Seterusnya, mempunyai hubungan sederhana dengan nilai atau perasaan patriotisme, ($r=0.536$, $p<0.01$) dan dengan perlakuan patriotik, ($r=0.613$, $p<0.01$). Oleh kerana, nilai ini lebih kecil dari nilai signifikan, maka hipotesis nol ditolak. Oleh yang demikian, terdapat hubungan sederhana yang signifikan antara keseluruhan faktor intrinsik dengan nilai dan perlakuan patriotik. Ini bermakna keseluruhan faktor intrinsik iaitu minat, keseronokan, keazaman, positif, fokus, usaha, keyakinan dan berdaya saing mempengaruhi secara rendah aspek pengetahuan dan mempengaruhi secara sederhana aspek nilai atau perasaan dan perlakuan patriotik atlet.

Hubungan Patriotisme Dengan Faktor Ekstrinsik Pencapaian Sukan

Jadual 34

Hubungan Patriotisme Dengan Faktor Ekstrinsik Pencapaian Sukan

Semangat Patriotisme				
Bil.	Ekstrinsik	Pengetahuan	Nilai/Perasaan	Perlakuan
1	Ganjaran	0.203**	0.291**	0.326**
2	Sukan	0.199**	0.446**	0.398**
3	Pendidikan	0.248**	0.432**	0.434**
4	Ibu Bapa	0.217**	0.327**	0.426**
5	Jurulatih	0.181**	0.360**	0.444**
6	Rakan Atlet	0.164**	0.296**	0.365**
7	Penonton	0.120*	0.408**	0.403**
8	Media Massa	-0.018	0.252**	0.211**
Keseluruhan Faktor Ekstrinsik Pencapaian Sukan		0.250**	0.534**	0.568**

** Korelasi signifikan pada aras 0.01 (2 hujung)

* Korelasi signifikan pada aras 0.05 (1 hujung)

Paparan analisis Jadual 34 menunjukkan sama ada terdapat hubungan yang signifikan antara faktor ekstrinsik pencapaian sukan iaitu ganjaran, sukan, pendidikan, ibu bapa, jurulatih, rakan atlet, penonton dan media massa dengan semangat patriotisme iaitu aspek pengetahuan, nilai atau perasaan dan perlakuan patriotik. Keputusan analisis menunjukkan ganjaran mempunyai hubungan positif pada tahap rendah yang signifikan dengan pengetahuan patriotisme, ($r=0.203$, $p<0.01$), dengan nilai atau perasaan patriotisme, ($r=0.291$, $p<0.01$) dan perlakuan patriotik, ($r=0.326$, $p<0.01$). Oleh kerana, nilai ini lebih kecil dari nilai signifikan, maka hipotesis nol ditolak. Oleh yang demikian, terdapat hubungan rendah yang signifikan antara ganjaran dengan pengetahuan, nilai dan perlakuan patriotik.

Keputusan analisis menunjukkan sukan mempunyai hubungan positif yang signifikan tetapi rendah dengan pengetahuan patriotisme, ($r=0.199$, $p<0.01$) dan perlakuan patriotik, ($r=0.398$, $p<0.01$). Oleh kerana, nilai ini lebih kecil dari nilai signifikan, maka hipotesis nol ditolak. Oleh yang demikian, terdapat hubungan rendah yang signifikan antara sukan dengan pengetahuan dan perlakuan patriotik. Seterusnya, mempunyai hubungan positif yang signifikan pada tahap sederhana dengan nilai atau perasaan patriotisme, ($r=0.446$, $p<0.01$) Oleh kerana, nilai ini lebih kecil dari nilai signifikan, maka hipotesis nol ditolak. Oleh yang demikian, terdapat hubungan sederhana yang signifikan antara sukan dengan nilai patriotisme.

Keputusan analisis menunjukkan pendidikan mempunyai hubungan signifikan yang rendah dengan pengetahuan patriotisme, ($r=0.248$, $p<0.01$). Oleh kerana, nilai ini lebih kecil dari nilai signifikan, maka hipotesis nol ditolak. Oleh yang demikian, terdapat hubungan rendah yang signifikan antara pendidikan dengan pengetahuan patriotisme. Seterusnya, mempunyai hubungan signifikan yang sederhana dengan nilai atau perasaan patriotisme, ($r=0.432$, $p<0.01$) dan dengan perlakuan patriotik, ($r=0.434$, $p<0.01$). Oleh kerana, nilai ini lebih kecil dari nilai signifikan, maka hipotesis nol ditolak. Oleh yang demikian, terdapat hubungan sederhana yang signifikan antara pendidikan dengan nilai dan perlakuan patriotik.

Keputusan analisis menunjukkan ibu bapa mempunyai hubungan positif yang signifikan tetapi rendah dengan pengetahuan patriotisme, ($r=0.217$, $p<0.01$) dan nilai atau perasaan patriotisme ($r=0.327$, $p<0.01$). Oleh kerana, nilai ini lebih kecil dari nilai signifikan, maka hipotesis nol ditolak. Oleh yang demikian, terdapat hubungan rendah yang signifikan antara ibu bapa dengan pengetahuan dan nilai patriotisme. Seterusnya, hubungan positif yang signifikan pada tahap sederhana dengan perlakuan patriotik, ($r=0.426$, $p<0.01$). Oleh kerana, nilai ini lebih kecil dari nilai signifikan, maka hipotesis

nol ditolak. Oleh yang demikian, terdapat hubungan sederhana yang signifikan antara ibu bapa dengan perlakuan patriotik.

Keputusan analisis menunjukkan jurulatih mempunyai hubungan positif yang signifikan tetapi rendah dengan pengetahuan patriotisme ($r=0.181$, $p<0.01$) dan dengan nilai atau perasaan patriotisme, ($r=0.360$, $p<0.01$). Oleh kerana, nilai ini lebih kecil dari nilai signifikan, maka hipotesis nol ditolak. Oleh yang demikian, terdapat hubungan rendah yang signifikan antara jurulatih dengan pengetahuan dan nilai patriotisme. Seterusnya, hubungan positif yang signifikan pada tahap sederhana dan dengan perlakuan patriotik, ($r=0.444$, $p<0.01$). Oleh kerana, nilai ini lebih kecil dari nilai signifikan, maka hipotesis nol ditolak. Oleh yang demikian, terdapat hubungan sederhana yang signifikan antara jurulatih dengan perlakuan patriotik.

Keputusan analisis menunjukkan rakan atlet mempunyai hubungan positif yang signifikan tetapi rendah dengan pengetahuan patriotisme, ($r=0.164$, $p<0.01$), nilai atau perasaan patriotisme, ($r=0.296$, $p<0.01$) dan dengan perlakuan patriotik, ($r=0.365$, $p<0.01$). Oleh kerana, nilai ini lebih kecil dari nilai signifikan, maka hipotesis nol ditolak. Oleh yang demikian, terdapat hubungan rendah yang signifikan antara rakan atlet dengan pengetahuan, nilai dan perlakuan patriotik.

Keputusan analisis menunjukkan peminat sukan mempunyai hubungan positif yang signifikan tetapi rendah dengan pengetahuan patriotisme, ($r=0.120$, $p<0.05$). Oleh kerana, nilai ini lebih kecil dari nilai signifikan, maka hipotesis nol ditolak. Oleh yang demikian, terdapat hubungan rendah yang signifikan antara peminat dengan pengetahuan patriotisme. Seterusnya, mempunyai hubungan positif yang signifikan pada tahap sederhana dengan nilai atau perasaan patriotisme, ($r=0.408$, $p<0.01$) dan dengan perlakuan patriotik, ($r=0.403$, $p<0.01$). Oleh kerana, nilai ini lebih kecil dari nilai signifikan, maka hipotesis nol ditolak. Oleh yang demikian, terdapat hubungan sederhana yang signifikan antara peminat dengan nilai dan perlakuan patriotik.

Seterusnya, keputusan analisis menunjukkan media massa tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan pengetahuan patriotisme, ($r=-0.018$, $p>0.05$). Oleh kerana, nilai ini lebih besar dari nilai signifikan, maka hipotesis nol diterima. Oleh yang demikian, tidak terdapat hubungan yang signifikan antara media massa dengan pengetahuan patriotisme. Pun begitu, media massa mempunyai hubungan positif yang signifikan tetapi rendah dengan nilai atau perasaan patriotisme, ($r=0.252$, $p<0.01$) dan dengan perlakuan patriotik, ($r=0.211$, $p<0.01$). Oleh kerana, nilai ini lebih kecil dari nilai signifikan, maka hipotesis nol ditolak. Oleh yang demikian, terdapat hubungan rendah yang signifikan antara media massa dengan nilai dan perlakuan patriotik.

Kesimpulannya, keputusan analisis menunjukkan keseluruhan faktor ekstrinsik mempunyai hubungan positif yang signifikan tetapi rendah dengan pengetahuan patriotisme, ($r=0.250$, $p<0.01$). Oleh kerana, nilai ini lebih kecil dari nilai signifikan, maka hipotesis nol ditolak. Oleh yang demikian, terdapat hubungan rendah yang signifikan antara keseluruhan faktor ekstrinsik dengan pengetahuan patriotisme. Seterusnya, hubungan positif yang signifikan pada tahap sederhana dengan nilai atau perasaan patriotisme, ($r=0.534$, $p<0.01$) dan perlakuan patriotik, ($r=0.568$, $p<0.01$). Oleh kerana, nilai ini lebih kecil dari nilai signifikan, maka hipotesis nol ditolak. Oleh yang demikian, terdapat hubungan sederhana yang signifikan antara keseluruhan faktor ekstrinsik dengan nilai dan perlakuan patriotik. Ini bermakna keseluruhan faktor ekstrinsik pencapaian sukan iaitu ganjaran, sukan, pendidikan, ibu bapa, jurulatih, rakan atlet, penonton atau peminat dan media massa mempengaruhi secara rendah aspek pengetahuan patriotisme, serta mempengaruhi secara sederhana aspek nilai atau perasaan dan perlakuan patriotik atlet.

Hubungan Faktor Intrinsik Dengan Pengetahuan, Nilai dan Perlakuan.

Jadual 35

Hubungan Faktor Intrinsik Dengan Pengetahuan, Nilai dan Perlakuan

		Semangat Patriotisme		
Bil.	Intrinsik	Pengetahuan	Nilai/Perasaan	Perlakuan
1	Minat	0.189**	0.485**	0.493**
2	Keseronokan	0.147**	0.316**	0.369**
3	Keazaman	0.352**	0.379**	0.527**
4	Positif	0.315**	0.486**	0.397**
5	Fokus	0.254**	0.314**	0.421**
6	Usaha	0.295**	0.439**	0.496**
7	Keyakinan	0.274**	0.411**	0.295**
8	Berdaya Saing	0.273**	0.499**	0.314**
Keseluruhan Faktor Intrinsik Pemantapan Patriotisme		0.360**	0.573**	0.577**

** Korelasi signifikan pada aras 0.01 (2 hujung)

* Korelasi signifikan pada aras 0.05 (1 hujung)

Paparan analisis Jadual 35 menunjukkan sama ada terdapat hubungan yang signifikan antara faktor intrinsik pemantapan semangat patriotisme iaitu minat, keseronokan, keazaman, positif, fokus, usaha, keyakinan dan berdaya saing dengan semangat patriotisme iaitu aspek pengetahuan, nilai atau perasaan dan perlakuan patriotik. Keputusan analisis menunjukkan faktor intrinsik iaitu minat mempunyai hubungan rendah yang signifikan dengan pengetahuan patriotisme, ($r=0.189$, $p<0.01$). Oleh kerana, nilai ini lebih kecil dari nilai signifikan, maka hipotesis nol ditolak. Oleh yang demikian, terdapat hubungan rendah yang signifikan antara minat dengan pengetahuan patriotisme. Seterusnya, terdapat hubungan sederhana yang signifikan juga dengan nilai atau perasaan patriotisme, ($r=0.485$, $p<0.01$) dan dengan perlakuan patriotik, ($r=0.493$, $p<0.01$). Oleh kerana, nilai ini lebih kecil dari nilai signifikan, maka hipotesis nol ditolak. Oleh yang demikian, terdapat hubungan sederhana yang signifikan antara minat dengan nilai dan perlakuan patriotik.

Keputusan analisis menunjukkan keseronokan mempunyai hubungan rendah yang signifikan dengan pengetahuan patriotisme, ($r=0.147$, $p<0.01$), nilai atau perasaan patriotisme, ($r=0.316$, $p<0.01$) dan dengan perlakuan patriotik, ($r=0.369$, $p<0.01$). Oleh kerana, nilai ini lebih kecil dari nilai signifikan, maka hipotesis nol ditolak. Oleh yang demikian, terdapat hubungan rendah yang signifikan antara keseronokan dengan pengetahuan, nilai dan perlakuan patriotik.

Keputusan analisis menunjukkan keazaman mempunyai hubungan rendah yang signifikan dengan pengetahuan patriotisme, ($r=0.352$, $p<0.01$) dan dengan nilai atau perasaan patriotisme, ($r=0.379$, $p<0.01$). Oleh kerana, nilai ini lebih kecil dari nilai signifikan, maka hipotesis nol ditolak. Oleh yang demikian, terdapat hubungan rendah yang signifikan antara keazaman dengan pengetahuan dan nilai patriotisme. Seterusnya mempunyai hubungan sederhana dengan perlakuan patriotik, ($r=0.527$, $p<0.01$). Oleh kerana, nilai ini lebih kecil dari nilai signifikan, maka hipotesis nol ditolak. Oleh yang demikian, terdapat hubungan sederhana yang signifikan antara keazaman dengan perlakuan patriotik.

Keputusan analisis menunjukkan positif mempunyai hubungan rendah yang signifikan dengan pengetahuan patriotisme, ($r=0.315$, $p<0.01$) dan perlakuan patriotik, ($r=0.397$, $p<0.01$). Oleh kerana, nilai ini lebih kecil dari nilai signifikan, maka hipotesis nol ditolak. Oleh yang demikian, terdapat hubungan rendah yang signifikan antara positif dengan pengetahuan dan perlakuan patriotik. Seterusnya hubungan sederhana yang signifikan dengan nilai atau perasaan patriotisme, ($r=0.486$, $p<0.01$). Oleh kerana, nilai ini lebih kecil dari nilai signifikan, maka hipotesis nol ditolak. Oleh yang demikian, terdapat hubungan sederhana yang signifikan antara sikap positif dengan nilai patriotisme.

Keputusan analisis menunjukkan fokus mempunyai hubungan rendah yang signifikan dengan pengetahuan patriotisme, ($r=0.254$, $p<0.01$) dan dengan nilai atau perasaan patriotisme, ($r=0.314$, $p<0.01$). Oleh kerana, nilai ini lebih kecil dari nilai signifikan, maka hipotesis nol ditolak. Oleh yang demikian, terdapat hubungan rendah yang signifikan antara fokus dengan pengetahuan dan nilai patriotisme. Seterusnya, terdapat hubungan sederhana yang signifikan dengan perlakuan patriotik, ($r=0.421$, $p<0.01$). Oleh kerana, nilai ini lebih kecil dari nilai signifikan, maka hipotesis nol ditolak. Oleh yang demikian, terdapat hubungan sederhana yang signifikan antara fokus dengan perlakuan patriotik.

Keputusan analisis menunjukkan usaha mempunyai hubungan rendah yang signifikan dengan pengetahuan patriotisme, iaitu ($r=0.295$, $p<0.01$). Oleh kerana, nilai ini lebih kecil dari nilai signifikan, maka hipotesis nol ditolak. Oleh yang demikian, terdapat hubungan rendah yang signifikan antara usaha dengan pengetahuan patriotisme. Seterusnya, terdapat hubungan sederhana yang signifikan dengan nilai atau perasaan patriotisme, ($r=0.439$, $p<0.01$) dan dengan perlakuan patriotik, ($r=0.496$, $p<0.01$). Oleh kerana, nilai ini lebih kecil dari nilai signifikan, maka hipotesis nol ditolak. Oleh yang demikian, terdapat hubungan sederhana yang signifikan antara usaha dengan nilai dan perlakuan patriotik.

Keputusan analisis menunjukkan keyakinan mempunyai hubungan rendah yang signifikan dengan pengetahuan patriotisme, ($r=0.274$, $p<0.01$) dan dengan perlakuan patriotik, ($r=0.295$, $p<0.01$). Oleh kerana, nilai ini lebih kecil dari nilai signifikan, maka hipotesis nol ditolak. Oleh yang demikian, terdapat hubungan rendah yang signifikan antara keyakinan dengan pengetahuan dan perlakuan patriotik. Seterusnya, terdapat hubungan sederhana yang signifikan juga dengan nilai atau perasaan patriotisme, ($r=0.411$, $p<0.01$). Oleh kerana, nilai ini lebih kecil dari nilai signifikan, maka hipotesis

nol ditolak. Oleh yang demikian, terdapat hubungan sederhana yang signifikan antara keyakinan dengan nilai patriotisme.

Seterusnya, keputusan analisis menunjukkan berdaya saing mempunyai hubungan rendah yang signifikan dengan pengetahuan patriotisme, ($r=0.273$, $p<0.01$) dan dengan perlakuan patriotik, ($r=0.314$, $p<0.01$). Oleh kerana, nilai ini lebih kecil dari nilai signifikan, maka hipotesis nol ditolak. Oleh yang demikian, terdapat hubungan rendah yang signifikan antara berdaya saing dengan pengetahuan dan perlakuan patriotik. Seterusnya, terdapat hubungan sederhana yang signifikan juga dengan nilai atau perasaan patriotisme, ($r=0.499$, $p<0.01$). Oleh kerana, nilai ini lebih kecil dari nilai signifikan, maka hipotesis nol ditolak. Oleh yang demikian, terdapat hubungan sederhana yang signifikan antara berdaya saing dengan nilai patriotisme.

Kesimpulannya, keputusan analisis menunjukkan keseluruhan faktor intrinsik pemantapan semangat patriotisme mempunyai hubungan rendah yang signifikan dengan pengetahuan patriotisme, ($r=0.360$, $p<0.01$). Oleh kerana, nilai ini lebih kecil dari nilai signifikan, maka hipotesis nol ditolak. Oleh yang demikian, terdapat hubungan rendah yang signifikan antara keseluruhan faktor intrinsik dengan pengetahuan patriotisme. Seterusnya, hubungan sederhana yang signifikan dengan nilai atau perasaan patriotisme, ($r=0.573$, $p<0.01$) dan dengan perlakuan patriotik, ($r=0.577$, $p<0.01$). Oleh kerana, nilai ini lebih kecil dari nilai signifikan, maka hipotesis nol ditolak. Oleh yang demikian, terdapat hubungan sederhana yang signifikan antara keseluruhan faktor intrinsik dengan nilai dan perlakuan patriotik. Ini bermakna keseluruhan faktor intrinsik pemantapan semangat patriotisme iaitu minat, keseronokan, keazaman, positif, fokus, usaha, keyakinan dan berdaya saing mempengaruhi secara sederhana aspek patriotisme iaitu pengetahuan, nilai atau perasaan dan perlakuan patriotik atlet.

Hubungan Faktor Ekstrinsik Dengan Pengetahuan, Nilai dan Perlakuan

Jadual 36

Hubungan Faktor Ekstrinsik Dengan Pegetahuan, Nilai dan Perlakuan

Semangat Patriotisme				
Bil.	Ekstrinsik	Pengetahuan	Nilai/Perasaan	Perlakuan
1	Ganjaran	0.112*	0.186**	0.162**
2	Sukan	0.242**	0.387**	0.240**
3	Pendidikan	0.245**	0.368**	0.383**
4	Ibu Bapa	0.022	0.196**	0.197**
5	Jurulatih	0.081	0.336**	0.241**
6	Rakan Atlet	0.142**	0.288**	0.213**
7	Penonton	0.242**	0.520**	0.399**
8	Media Massa	0.143**	0.270**	0.171**
Keseluruhan Faktor Ekstrinsik Pemantapan Patriotisme		0.246**	0.523**	0.411**

** Korelasi signifikan pada aras 0.01 (2 hujung)

* Korelasi signifikan pada aras 0.05 (1 hujung)

Paparan analisis Jadual 36 menunjukkan sama ada terdapat hubungan yang signifikan antara faktor ekstrinsik pemantapan semangat patriotisme iaitu ganjaran, sukan, pendidikan, ibu bapa, jurulatih, rakan atlet, penonton dan media massa dengan semangat patriotisme iaitu aspek pengetahuan, nilai atau perasaan dan perlakuan patriotik. Keputusan analisis menunjukkan ganjaran mempunyai hubungan positif yang rendah tetapi signifikan dengan pengetahuan patriotisme, ($r=0.112$, $p<0.05$), dengan nilai atau perasaan patriotisme, ($r=0.186$, $p<0.01$) dan perlakuan patriotik, ($r=0.162$, $p<0.01$). Oleh kerana, nilai ini lebih kecil dari nilai signifikan, maka hipotesis nol ditolak. Oleh yang demikian, terdapat hubungan rendah yang signifikan antara ganjaran dengan pengetahuan, nilai dan perlakuan patriotik.

Keputusan analisis menunjukkan sukan mempunyai hubungan positif yang signifikan yang rendah dengan pengetahuan patriotisme, ($r=0.242$, $p<0.01$), dengan nilai atau perasaan patriotisme, ($r=0.387$, $p<0.01$) dan dengan perlakuan patriotik, ($r=0.240$,

$p < 0.01$). Oleh kerana, nilai ini lebih kecil dari nilai signifikan, maka hipotesis nol ditolak. Oleh yang demikian, terdapat hubungan rendah yang signifikan antara sukan dengan pengetahuan, nilai dan perlakuan patriotik.

Keputusan analisis menunjukkan pendidikan mempunyai hubungan positif yang signifikan dan rendah dengan pengetahuan patriotisme, ($r = 0.245$, $p < 0.01$), dengan nilai atau perasaan patriotisme, $r = 0.368$, $p < 0.01$ dan dengan perlakuan patriotik, ($r = 0.383$, $p < 0.01$). Oleh kerana, nilai ini lebih kecil dari nilai signifikan, maka hipotesis nol ditolak. Oleh yang demikian, terdapat hubungan rendah yang signifikan antara pendidikan dengan pengetahuan, nilai dan perlakuan patriotik.

Keputusan analisis menunjukkan ibu bapa tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan pengetahuan patriotisme, ($r = 0.022$, $p > 0.05$). Oleh kerana, nilai ini lebih besar dari nilai signifikan, maka hipotesis nol diterima. Oleh yang demikian, tidak terdapat hubungan yang signifikan antara pengalaman dengan nilai patriotisme. Namun begitu, ibu bapa mempunyai hubungan positif yang signifikan tetapi rendah dengan nilai atau perasaan patriotisme, ($r = 0.368$, $p < 0.01$) dan dengan perlakuan patriotik, ($r = 0.383$, $p < 0.01$). Oleh kerana, nilai ini lebih kecil dari nilai signifikan, maka hipotesis nol ditolak. Oleh yang demikian, terdapat hubungan rendah yang signifikan antara ibu bapa dengan nilai dan perlakuan patriotik.

Keputusan analisis menunjukkan jurulatih tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan pengetahuan patriotisme, ($r = 0.081$, $p > 0.05$). Oleh kerana, nilai ini lebih besar dari nilai signifikan, maka hipotesis nol diterima. Oleh yang demikian, tidak terdapat hubungan yang signifikan antara jurulatih dengan pengetahuan patriotisme. Namun begitu, jurulatih mempunyai hubungan positif yang signifikan tetapi rendah dengan nilai atau perasaan patriotisme, ($r = 0.336$, $p < 0.01$) serta dengan perlakuan patriotik, ($r = 0.241$, $p < 0.01$). Oleh kerana, nilai ini lebih kecil dari nilai signifikan, maka

hipotesis nol ditolak. Oleh yang demikian, terdapat hubungan rendah yang signifikan antara jurulatih dengan nilai dan perlakuan patriotik.

Keputusan analisis menunjukkan rakan atlet mempunyai hubungan signifikan yang rendah dengan pengetahuan patriotisme, ($r=0.142$, $p<0.01$), nilai atau perasaan patriotisme, ($r=0.288$, $p<0.01$) dan perlakuan patriotik, ($r=0.213$, $p<0.01$). Oleh kerana, nilai ini lebih kecil dari nilai signifikan, maka hipotesis nol ditolak. Oleh yang demikian, terdapat hubungan rendah yang signifikan antara rakan atlet dengan pengetahuan, nilai dan perlakuan patriotik.

Keputusan analisis menunjukkan peminat sukan mempunyai hubungan positif dan signifikan yang rendah dengan pengetahuan patriotisme, ($r=0.242$, $p<0.01$) dan perlakuan patriotik, ($r=0.399$, $p<0.01$). Oleh kerana, nilai ini lebih kecil dari nilai signifikan, maka hipotesis nol ditolak. Oleh yang demikian, terdapat hubungan rendah yang signifikan antara peminat dengan pengetahuan dan perlakuan patriotik. Seterusnya, mempunyai hubungan positif yang signifikan tetapi tahap sederhana dengan nilai atau perasaan patriotisme, ($r=0.520$, $p<0.01$). Oleh kerana, nilai ini lebih kecil dari nilai signifikan, maka hipotesis nol ditolak. Oleh yang demikian, terdapat hubungan sederhana yang signifikan antara peminat dengan nilai patriotisme.

Seterusnya, keputusan analisis menunjukkan media massa mempunyai hubungan positif yang signifikan tetapi rendah dengan pengetahuan patriotisme, ($r=0.143$, $p<0.01$), nilai atau perasaan patriotisme, ($r=0.270$, $p<0.01$) dan perlakuan patriotik, ($r=0.171$, $p<0.01$). Oleh kerana, nilai ini lebih kecil dari nilai signifikan, maka hipotesis nol ditolak. Oleh yang demikian, terdapat hubungan rendah yang signifikan antara media massa dengan pengetahuan, nilai dan perlakuan patriotik.

Kesimpulannya, keputusan analisis menunjukkan keseluruhan faktor ekstrinsik pemantapan semangat patriotisme mempunyai hubungan positif yang signifikan tetapi rendah dengan pengetahuan patriotisme, ($r=0.246$, $p<0.01$). Oleh kerana, nilai ini lebih

kecil dari nilai signifikan, maka hipotesis nol ditolak. Oleh yang demikian, terdapat hubungan rendah yang signifikan antara keseluruhan faktor ekstrinsik dengan pengetahuan patriotisme. Seterusnya, mempunyai hubungan positif yang signifikan pada tahap sederhana dengan nilai atau perasaan patriotisme, ($r=0.523$, $p<0.01$) dan dengan perlakuan patriotik, ($r=0.411$, $p<0.01$). Oleh kerana, nilai ini lebih kecil dari nilai signifikan, maka hipotesis nol ditolak. Oleh yang demikian, terdapat hubungan sederhana yang signifikan antara keseluruhan faktor ekstrinsik dengan nilai dan perlakuan patriotik. Ini bermakna keseluruhan faktor ekstrinsik pemantapan patriotisme iaitu ganjaran, sukan, pendidikan, ibu bapa, jurulatih, rakan atlet, penonton atau peminat dan media massa mempengaruhi secara rendah aspek patriotisme iaitu pengetahuan, serta mempengaruhi secara sederhana aspek nilai atau perasaan dan perlakuan patriotik atlet.

Analisis Perbezaan Patriotisme dan Faktor Intrinsik-Ekstrinsik Berdasarkan Demografi

Perbentangan dapatan analisis dibuat berdasarkan Ujian-t, *Multivariate Analysis of Variance* (MANOVA) dan Ujian „*Post Hoc Scheffe*” untuk menganalisis perbezaan yang signifikan antara semangat patriotisme, faktor intrinsik dan ekstrinsik pemantapan semangat patriotisme dan pencapaian sukan dengan demografi atlet. Laporan Ujian-t dibuat berdasarkan nilai t, Darjah Kebebasan atau „*Degree of Freedom*” (DK) dan tahap signifikan bagi melihat perbezaan yang melibatkan dua pembolehubah. Manakala, MANOVA dibuat berdasarkan nilai f dan tahap signifikan dan Ujian „*Post Hoc Scheffe*” dibuat berdasarkan nilai min dan tahap signifikan bagi melihat perbezaan yang melibatkan tiga atau lebih angkubah.

Analisis Perbezaan Patriotisme dan Faktor Intrinsik-Ekstrinsik Berdasarkan Jantina

Analisis Ujian-t Jadual 37 menunjukkan aspek pengetahuan patriotisme dengan nilai ($t=0.554$), $dk=438$, $p>0.05$. Aspek nilai atau perasaan patriotisme dengan nilai ($t=0.083$), $dk=438$, $p>0.05$, Aspek perlakuan patriotik dengan nilai ($t=1.443$), $dk=438$, $p>0.05$. Aspek faktor intrinsik (pencapaian sukan) dengan nilai ($t=1.854$), $dk=438$, $p>0.05$. Faktor ekstrinsik (pencapaian sukan) dengan nilai ($t=0.262$), $dk=438$, $p>0.05$. Faktor intrinsik (semangat patriotik) dengan nilai ($t=1.882$), $dk=438$, $p>0.05$ dan faktor ekstrinsik (semangat patriotik) dengan nilai ($t=0.281$), $dk=438$, $p>0.05$.

Berdasarkan keputusan analisis ini, menunjukkan pengetahuan patriotisme, nilai atau perasaan patriotisme, perlakuan patriotik, faktor intrinsik (pencapaian sukan), faktor ekstrinsik (pencapaian sukan), faktor intrinsik (semangat patriotik) dan faktor ekstrinsik (semangat patriotik) tidak berbeza dengan signifikan pada aras 0.05 berdasarkan jantina lelaki dan perempuan. Oleh kerana, nilai ini lebih besar dari nilai signifikan, maka hipotesis nol diteima. Keadaan ini disebabkan oleh matlamat perjuangan yang sama iaitu memartabatkan nama sukan negara dan memiliki semangat kesukanan yang tinggi.

Jadual 37

Ujian-t Perbezaan Berdasarkan Jantina

Angkubah	Jan	N	Min	Sisihan Piawai	Nilai-t	dk	Tahap Sig. (2 hala)
Pengetahuan Patriotisme	L	259	4.167	0.495	0.554	438	0.580
	P	181	4.140	0.503			
Nilai/Perasaan Patriotisme	L	259	4.265	0.462	0.083	438	0.934
	P	181	4.261	0.477			
Perlakuan Patriotik	L	259	4.156	0.583	1.443	438	0.150
	P	181	4.076	0.547			
Faktor Intrinsik (pencapaian sukan)	L	259	4.069	0.467	1.854	438	0.064
	P	181	3.987	0.432			
Faktor Ekstrinsik (pencapaian sukan)	L	259	3.901	0.409	0.262	438	0.793
	P	181	3.890	0.418			
Faktor Intrinsik (semangat patriotisme)	L	259	4.390	0.497	1.882	438	0.061
	P	181	4.297	0.528			
Faktor Ekstrinsik (semangat patriotisme)	L	259	4.169	0.489	0.281	438	0.770
	P	181	4.157	0.390			

n=440

Analisis Perbezaan Patriotisme dan Faktor Intrinsik-Ekstrinsik Berdasarkan Acara Sukan

Analisis Ujian-t dalam Jadual 38 menunjukkan faktor intrinsik (semangat patriotik) sahaja yang berbeza dengan signifikan, iaitu dengan nilai ($t=-1.996$), $dk=438$, $p<0.05$ berdasarkan acara sukan atlet. Analisis menunjukkan acara berpasukan lebih tinggi nilai min berbanding acara individu. Oleh kerana, nilai ini lebih kecil dari nilai

signifikan, maka hipotesis nol ditolak. Perbezaan ini disebabkan oleh semangat sepasukan yang lebih menonjol dalam kalangan atlet sukan berpasukan berbanding acara sukan individu.

Manakala, aspek-aspek lain tidak berbeza, oleh kerana nilai ini lebih besar dari nilai signifikan, maka hipotesis nol diteima. Aspek pengetahuan patriotisme dengan nilai ($t=-0.743$), $dk=438$, $p>0.05$. Aspek nilai atau perasaan patriotisme dengan nilai ($t=-1.062$), $dk=438$, $p>0.05$, Aspek perlakuan patriotik dengan nilai ($t=-0.779$), $dk=438$, $p>0.05$. Faktor intrinsik (pencapaian sukan) dengan nilai ($t=-1.603$), $dk=438$, $p>0.05$. Faktor ekstrinsik (pencapaian sukan) dengan nilai ($t=-1.916$), $dk=438$, $p>0.05$, dan faktor ekstrinsik (semangat patriotik) dengan nilai ($t=-0.923$), $dk=438$, $p>0.05$.

Jadual 38

Ujian-t Perbezaan Berdasarkan Acara Sukan

Angkubah	Acara Sukan	N	Min	Sisihan Piawai	Nilai-t	dk	Tahap Sig. (2 hala)
Pengetahuan Patriotisme	Individu	206	4.137	0.472	-0.743	438	0.458
	Pasukan	234	4.172	0.521			
Nilai/Perasaan Patriotisme	Individu	206	4.238	0.496	-1.062	438	0.289
	Pasukan	234	4.286	0.442			
Perlakuan Patriotik	Individu	206	4.100	0.566	-0.779	438	0.437
	Pasukan	234	4.143	0.573			
Faktor Intrinsik (pencapaian sukan)	Individu	206	3.998	0.458	-1.603	438	0.110
	Pasukan	234	4.068	0.450			
Faktor Ekstrinsik (pencapaian sukan)	Individu	206	3.857	0.423	-1.916	438	0.056
	Pasukan	234	3.932	0.400			
Faktor Intrinsik (semangat patriotik)	Individu	206	4.300	0.520	-1.996	438	0.046
	Pasukan	234	4.398	0.500			
Faktor Ekstrinsik (semangat patriotik)	Individu	206	4.143	0.423	-0.923	438	0.357
	Pasukan	234	4.183	0.473			

n=440

**Analisis Perbezaan Patriotisme dan Faktor Intrinsik-Ekstrinsik
Berdasarkan Umur**

Jadual 39

Ujian MANOVA Perbezaan Berdasarkan Umur

Angkubah	Variasi	JKD (Type III)	DK	MKD	F	Sig.
Pengetahuan Patriotisme	Antara kumpulan	1.936	2	0.968	3.948	0.020
	Dalam kumpulan	107.158	437	0.245		
	Jumlah	109.094	439			
Nilai/Perasaan Patriotisme	Antara kumpulan	9.475	2	4.737	23.851	0.000
	Dalam kumpulan	86.798	437	0.199		
	Jumlah	96.273	439			
Perlakuan Patriotik	Antara kumpulan	10.441	2	5.220	17.253	0.000
	Dalam kumpulan	132.225	437	0.303		
	Jumlah	142.665	439			
Faktor Intrinsik (pencapaian sukan)	Antara kumpulan	12.692	2	6.346	35.447	0.000
	Dalam kumpulan	78.237	437	0.179		
	Jumlah	90.929	439			
Faktor Ekstrinsik (pencapaian sukan)	Antara kumpulan	5.861	2	2.930	18.570	0.000
	Dalam kumpulan	68.958	437	0.158		
	Jumlah	74.819	439			
Faktor Intrinsik (semangat patriotisme)	Antara kumpulan	13.908	2	6.954	30.058	0.000
	Dalam kumpulan	101.105	437	0.231		
	Jumlah	115.014	439			
Faktor Ekstrinsik (semangat patriotisme)	Antara kumpulan	5.057	2	2.529	13.121	0.000
	Dalam kumpulan	84.219	437	0.193		
	Jumlah	89.276	439			

n=440

Jadual 39 menunjukkan Ujian MANOVA di mana, semua aspek berbeza secara signifikan berdasarkan umur atlet. Analisis menunjukkan aspek pengetahuan patriotisme signifikan dengan nilai ($F=3.948$), $p<0.05$, aspek nilai atau perasaan patriotisme signifikan dengan nilai ($F=23.851$), $p<0.05$, aspek perlakuan patriotik signifikan dengan nilai ($F=17.253$), $p<0.05$, faktor intrinsik (pencapaian sukan) signifikan dengan nilai ($F=35.447$), $p<0.05$, faktor ekstrinsik (pencapaian sukan), signifikan dengan nilai ($F=18.570$), $p<0.05$, faktor intrinsik (semangat patriotik) signifikan dengan nilai ($F=30.058$), $p<0.05$ dan faktor ekstrinsik (semangat patriotik), signifikan dengan nilai ($F=13.121$), $p<0.05$. Bagi melihat perbezaan mengikut umur atlet secara jelas, Ujian „*Post Hoc Scheffe*” dijalankan sebagaimana Jadual 40.

Berdasarkan keputusan analisis ini, aspek pengetahuan patriotisme, nilai atau perasaan patriotisme, perlakuan patriotik, faktor intrinsik (pencapaian sukan), faktor ekstrinsik (pencapaian sukan), faktor intrinsik (semangat patriotik) dan faktor ekstrinsik (semangat patriotik) berbeza mengikut umur 13 tahun, 14 tahun dan 16 tahun. Oleh kerana, nilai ini lebih kecil dari nilai signifikan, maka hipotesis nol ditolak. Keadaan ini disebabkan oleh usia mempengaruhi kematangan sikap, perlakuan dan pemikiran seseorang atlet. Usia dan kematangan atlet berkait rapat dengan asuhan keluarga, pengaruh rakan sebaya, persekitaran dan pendidikan.

Jadual 40*Post Hoc Scheffe*

Aspek	(I) Umur	(J) Umur	Perbezaan Min (I-J)	Ralat Piawai	Sig.
Pengetahuan Patriotisme	16	14	0.1565*	0.558	0.020
Perasaan Patriotisme	16	13	0.3633*	0.526	0.000
	14	13	0.2026*	0.546	0.001
Perlakuan Patriotik	16	13	0.3742*	0.064	0.000
		14	0.2199*	0.062	0.002
Faktor Intrinsik (pencapaian sukan)	16	13	0.3986*	0.049	0.000
		14	0.2817*	0.047	0.000
Faktor Ekstrinsik (pencapaian sukan)	16	13	0.2856*	0.046	0.000
		14	0.1289*	0.044	0.017
	14	13	0.1568*	0.486	0.006
Faktor Intrinsik (semangat patriotisme)	16	13	0.3749*	0.056	0.000
		14	0.3547*	0.054	0.000
Faktor Ekstrinsik (semangat patriotisme)	16	13	0.2358*	0.051	0.000
		14	0.2033*	0.049	0.017

* Perbezaan signifikan pada aras 0.05 (1-hujung).

Jadual 40 melalui Ujian „*Post Hoc Scheffe*” menjelaskan bahawa bagi pengetahuan patriotisme, umur 16 tahun berbeza paling ketara dengan umur 14 tahun (0.1565, $p < 0.05$). Bagi nilai atau perasaan patriotisme, umur 16 tahun berbeza paling ketara dengan umur 13 tahun (0.3633, $p < 0.05$) dan diikuti dengan umur 14 tahun dengan umur 13 tahun (0.2026, $p < 0.05$). Bagi perlakuan patriotik, umur 16 tahun berbeza paling ketara dengan umur 13 tahun (0.3742, $p < 0.05$) dan diikuti dengan umur 16 tahun dengan umur 14 tahun (0.2199, $p < 0.05$).

Bagi faktor intrinsik (pencapaian sukan), umur 16 tahun berbeza paling ketara dengan umur 13 tahun (0.3986, $p < 0.05$) dan diikuti umur 16 tahun dengan umur 14 tahun (0.2817, $p < 0.05$). Bagi faktor ekstrinsik (pencapaian sukan), umur 16 tahun

berbeza paling ketara dengan umur 13 tahun (0.2856, $p < 0.05$) dan diikuti umur 16 tahun dengan umur 14 tahun (0.1289, $p < 0.05$). Manakala, umur 14 tahun berbeza paling ketara dengan umur 13 tahun (0.1568, $p < 0.05$). Bagi faktor intrinsik (semangat patriotik), umur 16 tahun berbeza paling ketara dengan umur 13 tahun (0.3749, $p < 0.05$) dan diikuti umur 16 tahun dengan umur 14 tahun (0.3547, $p < 0.05$). Bagi faktor ekstrinsik (semangat patriotik), umur 16 tahun berbeza paling ketara dengan umur 13 tahun (0.2358, $p < 0.05$) dan diikuti umur 16 tahun dengan umur 14 tahun (0.2033, $p < 0.05$).

Perbezaan Patriotisme dan Faktor Intrinsik-Ekstrinsik Berdasarkan Jenis Sukan

Hanya empat jenis sukan yang dianalisis, iaitu bola sepak, badminton, olahraga, hoki dan sepak takraw kerana mempunyai sampel yang mencukupi, iaitu 30 orang setiap jenis sukan. Jadual 41 menunjukkan Ujian MANOVA di mana, tiga angkubah berbeza secara signifikan berdasarkan jenis sukan atlet. Aspek nilai atau perasaan patriotisme signifikan dengan nilai ($F=3.006$), $p < 0.05$, aspek perlakuan patriotik signifikan dengan nilai ($F=4.691$), $p < 0.05$, faktor intrinsik (pencapaian sukan) signifikan dengan nilai ($F=3.747$), $p < 0.05$. Aspek-aspek lain tidak berbeza secara signifikan, di mana aspek pengetahuan patriotisme dengan nilai ($F=1.949$), $p > 0.05$. Faktor ekstrinsik (pencapaian sukan) dengan nilai ($F=1.877$), $p > 0.05$. Faktor intrinsik (semangat patriotisme) dengan nilai ($F=2.353$), $p > 0.05$, dan faktor ekstrinsik (semangat patriotik) dengan nilai ($F=1.305$), $p > 0.05$. Bagi melihat perbezaan mengikut jenis sukan secara jelas, Ujian „*Post Hoc Scheffe*” dijalankan sebagaimana Jadual 42.

Berdasarkan keputusan analisis ini, aspek nilai atau perasaan patriotisme, perlakuan patriotik dan faktor intrinsik (pencapaian sukan) berbeza mengikut sukan bola sepak, badminton, olahraga, hoki dan sepak takraw. Oleh kerana, nilai ini lebih kecil

dari nilai signifikan, maka hipotesis nol ditolak. Manakala, aspek-aspek yang lain tidak berbeza secara signifikan. Oleh kerana, nilai ini lebih besar dari nilai signifikan, maka hipotesis nol diterima. Keadaan ini disebabkan oleh atlet dari sukan yang berlainan diberikan pendedahan dan aktiviti yang berlainan bagi mencapai matlamat yang diharapkan oleh organisasi sukannya. Sudah pasti atlet yang dihasilkan memiliki perasaan, perlakuan dan faktor intrinsik yang berbeza mengikut jenis sukan.

Jadual 41

Ujian MANOVA Perbezaan Berdasarkan Jenis Sukan

Angkubah	Variasi	JKD (Type III)	DK	MKD	F	Sig.
Pengetahuan Patriotisme	Antara kumpulan	1.880	4	0.470	1.949	0.103
	Dalam kumpulan	61.755	256	0.241		
	Jumlah	63.635	260			
Nilai/Perasaan Patriotisme	Antara kumpulan	2.550	4	0.638	3.006	0.019
	Dalam kumpulan	54.291	256	0.212		
	Jumlah	56.841	260			
Perlakuan Patriotik	Antara kumpulan	6.315	4	1.579	4.691	0.001
	Dalam kumpulan	86.156	256	0.337		
	Jumlah	92.471	260			
Faktor Intrinsik (pencapaian)	Antara kumpulan	3.173	4	0.793	3.747	0.006
	Dalam kumpulan	54.194	256	0.212		
	Jumlah	57.367	260			
Faktor Ekstrinsik (pencapaian)	Antara kumpulan	1.285	4	0.321	1.877	0.115
	Dalam kumpulan	43.808	256	0.171		
	Jumlah	45.093	260			
Faktor Intrinsik (semangat patriotisme)	Antara kumpulan	2.385	4	0.596	2.353	0.055
	Dalam kumpulan	64.888	256	0.253		
	Jumlah	67.273	260			
Faktor Ekstrinsik (semangat patriotisme)	Antara kumpulan	1.116	4	0.279	1.305	0.269
	Dalam kumpulan	54.742	256	0.214		
	Jumlah	55.858	260			

n=440

Jadual 42*Post Hoc Scheffe*

Aspek	(I) Jenis Sukan	(J) Jenis Sukan	Perbezaan Min (I-J)	Ralat Piawai	Sig.
Nilai Patriotisme	Bola sepak	Hoki	0.2718*	0.866	0.046
Perlakuan Patriotik	Bola sepak	Badminton	0.5145*	0.132	0.005
		SepakTakraw	0.4733*	0.139	0.023
Faktor Intrinsik (pencapaian sukan)	Bola sepak	Badminton	0.3613*	0.105	0.021
	Bola sepak	Hoki	0.2918	0.086	0.024

* Perbezaan signifikan pada aras 0.05 (1-hujung).

Jadual 42 melalui Ujian „*Post Hoc Scheffe*” menjelaskan bahawa perbezaan ketara bagi semua aspek hanya antara bola sepak dan jenis sukan yang lain. Bagi nilai atau perasaan patriotisme, perbezaan ketara hanya antara bola sepak dan hoki dengan nilai (0.2718, $p < 0.05$). Perlakuan patriotik berbeza dengan ketara antara bola sepak dengan badminton dengan nilai (0.5145, $p < 0.05$) dan kurang ketara dengan sepak takraw dengan nilai (0.4733, $p < 0.05$). Faktor intrinsik (pencapaian sukan) perbezaan ketara antara bola sepak dan badminton dengan nilai (0.3613, $p < 0.05$) dan kurang ketara dengan hoki dengan nilai (0.2918, $p < 0.05$).

**Perbezaan Patriotisme dan Faktor Intrinsik-Ekstrinsik Berdasarkan
Penyertaan Sukan**

Jadual 43

Ujian MANOVA Perbezaan Berdasarkan Penyertaan Sukan

Angkubah	Variasi	JKD (Type III)	DK	MKD	F	Sig.
Pengetahuan Patriotisme	Antara kumpulan	0.517	6	0.086	0.343	0.914
	Dalam kumpulan	108.577	433	0.251		
	Jumlah	109.094	439			
Nilai/Perasaan Patriotisme	Antara kumpulan	2.418	6	0.403	1.859	0.086
	Dalam kumpulan	93.854	433	0.217		
	Jumlah	96.273	439			
Perlakuan Patriotik	Antara kumpulan	2.541	6	0.423	1.309	0.252
	Dalam kumpulan	140.125	433	0.324		
	Jumlah	142.665	439			
Faktor Intrinsik (pencapaian sukan)	Antara kumpulan	5.918	6	0.986	5.024	0.000
	Dalam kumpulan	85.011	433	0.196		
	Jumlah	90.929	439			
Faktor Ekstrinsik (pencapaian sukan)	Antara kumpulan	2.773	6	0.462	2.778	0.012
	Dalam kumpulan	72.045	433	0.166		
	Jumlah	74.819	439			
Faktor Intrinsik (semangat patriotisme)	Antara kumpulan	4.934	6	0.822	3.235	0.004
	Dalam kumpulan	110.080	433	0.254		
	Jumlah	115.014	439			
Faktor Ekstrinsik (semangat patriotisme)	Antara kumpulan	1.149	6	0.191	0.941	0.466
	Dalam kumpulan	88.127	433	0.204		
	Jumlah	89.276	439			

n=440

Jadual 43 menunjukkan Ujian MANOVA di mana, dua aspek berbeza secara signifikan berdasarkan penyertaan tertinggi atlet. Aspek faktor intrinsik (pencapaian sukan) signifikan dengan nilai ($F=5.024$), $p<0.05$ dan faktor intrinsik (semangat patriotik) signifikan dengan nilai ($F=3.235$), $p<0.05$. Aspek-aspek lain tidak berbeza secara signifikan, di mana aspek pengetahuan patriotisme dengan nilai ($F=0.343$),

$p > 0.05$. Aspek nilai atau perasaan patriotisme dengan nilai ($F=1.859$), $p > 0.05$. Aspek perlakuan patriotik dengan nilai ($F=1.309$), $p > 0.05$. Faktor ekstrinsik (pencapaian sukan) dengan nilai ($F=2.778$), $p > 0.05$, dan faktor ekstrinsik (semangat patriotik) dengan nilai ($F=0.941$), $p > 0.05$. Bagi melihat perbezaan mengikut penyertaan tertinggi atlet secara jelas, Ujian „*Post Hoc Scheffe*” dijalankan sebagaimana Jadual 44.

Berdasarkan keputusan analisis ini, faktor intrinsik (pencapaian sukan) dan faktor intrinsik (semangat patriotisme) berbeza mengikut rekod atau penyertaan tertinggi sukan. Oleh kerana, nilai ini lebih kecil dari nilai signifikan, maka hipotesis nol ditolak. Manakala aspek-aspek lain tidak berbeza secara signifikan. Oleh kerana, nilai ini lebih besar dari nilai signifikan, maka hipotesis nol diterima. Keadaan ini menunjukkan kekuatan dari dalam diri atlet memainkan peranan penting terhadap pencapaian sukan dan pemantapan semangat patriotisme. Semangat juang yang ada dalam diri atlet ini, bersifat tinggi atau rendah bergantung kepada peringkat pertandingan yang disertai.

Jadual 44

Post Hoc Scheffe

Aspek	(I) Penyertaan	(J) Penyertaan	Perbezaan Min (I-J)	Ralat Piawai	Sig.
Faktor Intrinsik (pencapaian sukan)	Asia	Lain-lain	0.5076*	0.112	0.003
		MSSM	0.3693*	0.101	0.040
Faktor Intrinsik (patriotisme)	Asia	Lain-lain	0.4827*	0.128	0.030

* Perbezaan signifikan pada aras 0.05 (1-hujung).

Jadual 44 melalui Ujian „*Post Hoc Scheffe*”, menjelaskan perbezaan ketara adalah antara penyertaan di peringkat Asia dan penyertaan di peringkat lain-lain dan MSSM sahaja. Bagi faktor intrinsik (pencapaian sukan), perbezaan paling ketara antara penyertaan di peringkat Asia dan penyertaan peringkat lain-lain dengan nilai (0.5076, $p < 0.05$) dan kedua ketara antara penyertaan peringkat Asia dan peringkat MSSM dengan nilai (0.3693, $p < 0.05$). Bagi faktor intrinsik (semangat patriotik) perbezaan ketara hanya antara penyertaan di peringkat Asia dan penyertaan peringkat lain-lain dengan nilai (0.4827, $p < 0.05$).

Perbezaan Patriotisme dan Faktor Intrinsik-Ekstrinsik Berdasarkan Pencapaian Sukan

Jadual 45 menunjukkan Ujian MANOVA di mana, semua angkubah tidak berbeza secara signifikan berdasarkan pencapaian atlet. Pengetahuan patriotisme tidak signifikan dengan nilai ($F=1.071$), $p > 0.05$, aspek nilai atau perasaan patriotisme signifikan dengan nilai ($F=0.670$), $p > 0.05$, aspek perlakuan patriotik signifikan dengan nilai ($F=0.822$), $p > 0.05$. Faktor intrinsik (pencapaian sukan) signifikan dengan nilai ($F=1.138$), $p > 0.05$, faktor ekstrinsik (pencapaian sukan), signifikan dengan nilai ($F=1.411$), $p > 0.05$, faktor intrinsik (semangat patriotisme) signifikan dengan nilai ($F=0.422$), $p > 0.05$ dan faktor ekstrinsik (semangat patriotisme), signifikan dengan nilai ($F=0.164$), $p > 0.05$.

Berdasarkan keputusan analisis ini, aspek pengetahuan patriotisme, nilai atau perasaan patriotisme, perlakuan patriotik, faktor intrinsik (pencapaian sukan), faktor ekstrinsik (pencapaian sukan), faktor intrinsik (semangat patriotisme) dan faktor ekstrinsik (semangat patriotisme) tidak berbeza mengikut medal atau pencapaian terbaik sukan. Oleh kerana, nilai ini lebih besar dari nilai signifikan, maka hipotesis nol diterima. Keadaan ini menunjukkan pingat emas, perak atau gangsa tidak membuktikan

semangat patriotisme dan faktor intrinsik dan ekstrinsik atlet dalam pertandingan sukan. Berkemungkinan atlet ini telah berusaha meraih pingat, namun nasib dan masa tidak menyebelahi walau pun mereka telah bermain atas nama bangsa dan negara.

Jadual 45

Ujian MANOVA Perbezaan Berdasarkan Pencapaian Sukan

Angkubah	Variasi	JKD	DK	MKD	F	Sig.
Pengetahuan Patriotisme	Antara kumpulan	0.798	3	0.266	1.071	0.361
	Dalam kumpulan	108.295	436	0.248		
	Jumlah	109.094	439			
Nilai/Perasaan Patriotisme	Antara kumpulan	0.442	3	0.147	0.670	0.571
	Dalam kumpulan	95.831	436	0.220		
	Jumlah	96.273	439			
Perlakuan Patriotik	Antara kumpulan	0.803	3	0.268	0.822	0.482
	Dalam kumpulan	141.863	436	0.325		
	Jumlah	142.665	439			
Faktor Intrinsik (pencapaian sukan)	Antara kumpulan	0.707	3	0.236	1.138	0.333
	Dalam kumpulan	90.223	436	0.207		
	Jumlah	90.929	439			
Faktor Ekstrinsik (pencapaian sukan)	Antara kumpulan	0.719	3	0.240	1.411	0.239
	Dalam kumpulan	74.100	436	0.170		
	Jumlah	74.819	439			
Faktor Intrinsik (semangat patriotisme)	Antara kumpulan	0.333	3	0.111	0.422	0.738
	Dalam kumpulan	114.681	436	0.263		
	Jumlah	115.014	439			
Faktor Ekstrinsik (semangat patriotisme)	Antara kumpulan	0.100	3	0.033	0.164	0.921
	Dalam kumpulan	89.175	436	0.205		
	Jumlah	89.276	439			

n=440

Perbezaan Patriotisme dan Faktor Intrinsik-Ekstrinsik Berdasarkan Pengalaman Sukan

Jadual 46 menunjukkan Ujian MANOVA di mana, empat angkubah berbeza secara signifikan berdasarkan pengalaman dalam sukan atlet. Aspek nilai atau perasaan patriotisme signifikan dengan nilai ($F=2.637$), $p<0.05$, aspek perlakuan patriotik signifikan dengan nilai ($F=3.133$), $p<0.05$, faktor intrinsik (pencapaian sukan) signifikan dengan nilai ($F=5.393$), $p<0.05$ dan faktor ekstrinsik (pencapaian sukan), signifikan dengan nilai ($F=4.056$), $p<0.05$. Aspek-aspek lain tidak berbeza secara signifikan, di mana aspek pengetahuan patriotisme dengan nilai ($F=1.980$), $p>0.05$. Faktor intrinsik (semangat patriotik) dengan nilai ($F=2.651$), $p>0.05$, dan faktor ekstrinsik (semangat patriotik) dengan nilai ($F=1.371$), $p>0.05$. Bagi melihat perbezaan mengikut pengalaman dalam sukan atlet secara jelas, Ujian „*Post Hoc Scheffe*” dijalankan sebagaimana Jadual 47.

Berdasarkan keputusan analisis ini, aspek nilai atau perasaan patriotisme, perlakuan patriotik, faktor intrinsik (pencapaian sukan) dan faktor ekstrinsik (pencapaian sukan) berbeza mengikut pengalaman sukan. Oleh kerana, nilai ini lebih kecil dari nilai signifikan, maka hipotesis nol ditolak. Manakala aspek-aspek lain tidak berbeza secara signifikan. Oleh kerana, nilai ini lebih besar dari nilai signifikan, maka hipotesis nol diterima. Keadaan ini menunjukkan pengalaman sukan membentuk emosi dan tingkah laku patriotik atlet. Lagi banyak pengalaman bersukan, lagi banyak pula pengalaman patriotisme yang diperolehi dan lebih berkeyakinan terhadap pencapaian sukan. Hal ini berlaku kerana aktiviti sukan amat sinonim sebagai alat menunjukkan semangat patriotik terhadap negara.

Jadual 46

Ujian MANOVA Perbezaan Berdasarkan Pengalaman Sukan

Angkubah	Variasi	JKD (Type III)	DK	MKD	F	Sig.
Pengetahuan Patriotisme	Antara kumpulan	1.951	4	0.488	1.980	0.097
	Dalam kumpulan	107.143	435	0.246		
	Jumlah	109.094	439			
Nilai/Perasaan Patriotisme	Antara kumpulan	2.279	4	0.570	2.637	0.034
	Dalam kumpulan	93.993	435	0.216		
	Jumlah	96.273	439			
Perlakuan Patriotik	Antara kumpulan	3.995	4	0.999	3.133	0.015
	Dalam kumpulan	138.670	435	0.319		
	Jumlah	142.665	439			
Faktor Intrinsik (pencapaian sukan)	Antara kumpulan	4.296	4	1.074	5.393	0.000
	Dalam kumpulan	86.633	435	0.199		
	Jumlah	90.929	439			
Faktor Ekstrinsik (pencapaian sukan)	Antara kumpulan	2.690	4	0.673	4.056	0.003
	Dalam kumpulan	72.128	435	0.166		
	Jumlah	74.819	439			
Faktor Intrinsik (semangat patriotisme)	Antara kumpulan	2.737	4	0.684	2.651	0.033
	Dalam kumpulan	112.277	435	0.258		
	Jumlah	115.014	439			
Faktor Ekstrinsik (semangat patriotisme)	Antara kumpulan	1.112	4	0.278	1.371	0.243
	Dalam kumpulan	88.164	435	0.203		
	Jumlah	89.276	439			

n=440

Jadual 47*Post Hoc Scheffe*

Aspek	(I) Pengalaman	(J) Pengalaman	Perbezaan Min (I-J)	Ralat Piawai	Sig.
Perasaan Patriotisme	7-8 tahun	3-4 tahun	0.2086*	0.065	0.041
Perlakuan Patriotik	7-8 tahun	3-4 tahun	0.2628*	0.079	0.030
Faktor Intrinsik (pencapaian sukan)	7-8 tahun	3-4 tahun	0.2464*	0.063	0.005
Faktor Ekstrinsik (pencapaian sukan)	7-8 tahun	1-2 tahun	0.2334*	0.710	0.030
		3-4 tahun	0.1990*	0.057	0.019

* Perbezaan signifikan pada aras 0.05 (1-hujung)

Jadual 47 melalui Ujian *Post Hoc Scheffe*, menjelaskan perbezaan ketara bagi semua aspek hanya antara atlet berpengalaman 7-8 tahun dan 3-4 tahun, kecuali aspek faktor ekstrinsik (pencapaian sukan), terdapat perbezaan juga antara 7-8 tahun dan 1-2 tahun. Bagi nilai atau perasaan patriotisme dengan nilai (0.2086, $p < 0.05$). Perlakuan patriotik berbeza dengan nilai (0.2628, $p < 0.05$). Faktor intrinsik (pencapaian sukan) dengan nilai (0.2464, $p < 0.05$). Faktor ekstrinsik (pencapaian sukan) berbeza dengan ketara antara pengalaman 7-8 tahun dan 1-2 tahun dengan nilai (0.2334, $p < 0.05$) dan kedua ketara adalah antara 7-8 tahun dan 3-4 tahun dengan nilai (0.1990, $p < 0.05$).

Sumbangan Faktor Intrinsik-Ekstrinsik Terhadap Patriotisme dan Sukan

Perbentangan dapatan analisis dibuat berdasarkan analisis Regresi Berganda, iaitu jenis „*Stepwise*“ untuk menganalisis sumbangan yang signifikan faktor intrinsik dan ekstrinsik terhadap pementapan semangat patriotisme dan pencapaian sukan. Laporan analisis Ujian Linear Regresi dibuat berdasarkan nilai R (*Multiple Correlation Coefficient*) dan R Squared (R^2) yang menggambarkan „*Coefficient of Determination*.“ Manakala, nilai Beta, nilai t dan tahap signifikan digunakan bagi menganalisis sumbangan antara angkubah.

Sumbangan Faktor Intrinsik Terhadap Pencapaian Sukan

Jadual 48

Rumusan Model (*Model Summary*)

Model	R	R^2	Adjusted R^2	Std. Error of the Estimate	R^2 Change
1	0.133	0.018	0.016	1.252	0.018

a Peramal: (Constant), Keyakinan

b Angkubah bersandar: Pencapaian

Jadual 48 menunjukkan rumusan model yang diperoleh daripada analisis ujian linear regresi. Dengan merujuk kepada Model 1, nilai R (*Multiple Correlation Coefficient*) yang diperoleh ialah 0.133. Ini menunjukkan kekuatan hubungan antara keyakinan ke atas pencapaian sukan atlet. Bagaimana pun, nilai yang harus diberi perhatian ialah R Squared (R^2) yang menggambarkan „*Coefficient of Determination*.“ Dalam model 1 ini nilai R^2 yang diperolehi ialah 0.018 (atau 1.8%) dan ini merupakan nilai peratus varians yang dikongsi bersama antara angkubah pencapaian sukan dan keyakinan.

Jadual 49

Nilai Beta

Model		Unstandardized Coefficients		Standardized Coefficients	t	Sig.
		B	Std. Error	Beta		
1	(Constant)	1.085	0.379		2.82	0.004
	Keyakinan	0.265	0.094	0.133	2.86	0.005

a. Angkubah bersandar: Pencapaian

Jadual 49 menunjukkan nilai Beta yang diperolehi ialah 0.133 ($p=0.004$, $t=2.862$). Nilai Beta ini menggambarkan kekuatan keyakinan dalam mempengaruhi pencapaian sukan atlet. Nilai 0.133 menggambarkan perubahan satu „*Standard Deviation*“ bagi nilai peratus keyakinan yang akan menyebabkan perubahan sebanyak 0.133 bagi nilai pencapaian sukan. Nilai ini adalah kecil untuk mempengaruhi nilai pencapaian sukan, yang boleh dipertimbangkan.

Nilai yang diperolehi bagi kecerunan garis regresi ialah 0.133 dan nilai bagi „*Intercept*“ ialah 1.085. Nilai kecerunan menggambarkan kecerunan garis regresi. Nilai 0.133 menggambarkan bahawa garisan tersebut adalah berbentuk diagonal, namun kecerunannya adalah rendah. Nilai „*Intercept*“ pula menggambarkan di mana garisan regresi akan memotong paksi y. Justeru, persamaan regresi yang diperolehi adalah:

$$\text{Angkubah Peramal} = 0.133 \times \text{Nilai Pencapaian Sukan} + 1.085$$

Ini bermakna jika atlet yang dikaji mempunyai pencapaian di aras 90%, maka keyakinan (dalam %) diramalkan berjumlah 13.05. Jika atlet mendapat nilai pencapaian pada tahap minima (diambil pada tahap 40%), maka nilai % keyakinan ialah 64.05.

Sumbangan Faktor Intrinsik Terhadap Pengetahuan Patriotisme

Jadual 50

Rumusan Model (<i>Model Summary</i>)					
Model	R	R ²	Adjusted R ²	Std. Error of the Estimate	R ² Change
1	0.368	0.135	0.134	0.46403	0.135

a Peramal: (Constant), PSUSAHA

b Angkubah bersandar: Pemantapan Semangat Patriotisme (Pengetahuan)

Jadual 50 menunjukkan rumusan model yang diperoleh daripada analisis ujian linear regresi. Dengan merujuk kepada Model 1, nilai R (*Multiple Correlation Coefficient*) yang diperoleh ialah 0.368. Ini menunjukkan kekuatan hubungan antara usaha ke atas pemantapan semangat patriotisme (pengetahuan) atlet. Bagaimana pun, nilai yang harus diberi perhatian ialah R Squared (R²) yang menggambarkan „*Coefficient of Determination*.“ Dalam model 1 ini nilai R² yang diperolehi ialah 0.135 (atau 13.5%) dan ini merupakan nilai peratus varians yang dikongsi bersama antara angkubah pemantapan semangat patriotisme (pengetahuan) dan usaha.

Jadual 51

Nilai Beta						
Model		Unstandardized Coefficients		Standardized Coefficients	t	Sig.
		B	Std. Error	Beta		
1	(Constant)	2.983	0.143		20.807	0.000
	Usaha	0.290	0.035	0.368	8.285	0.000

a Angkubah bersandar: Pemantapan Semangat Patriotisme (Pengetahuan)

Jadual 51 menunjukkan nilai Beta yang diperolehi ialah 0.368 ($p=0.000$, $t=20.807$). Nilai Beta ini menggambarkan kekuatan usaha dalam mempengaruhi pemantapan semangat patriotik (pengetahuan) atlet. Nilai 0.368 menggambarkan perubahan satu „*Standard Deviation*” bagi nilai peratus usaha yang akan menyebabkan perubahan sebanyak 0.368 bagi nilai pemantapan semangat patriotik (pengetahuan). Nilai ini adalah sederhana untuk mempengaruhi nilai pemantapan semangat patriotik (pengetahuan), dan boleh dipertimbangkan.

Nilai yang diperolehi bagi kecerunan garis regresi ialah 0.368 dan nilai bagi „*Intercept*” ialah 2.983. Nilai kecerunan menggambarkan kecerunan garis regresi. Nilai 0.368 menggambarkan bahawa garisan tersebut adalah berbentuk diagonal, namun kecerunannya adalah rendah. Nilai „*Intercept*” pula menggambarkan di mana garisan regresi akan memotong paksi y. Justeru, persamaan regresi yang diperolehi adalah:

$$\text{Angkubah Peramal} = 0.368 \times \text{Nilai Pemantapan Patriotik (Pengetahuan)} + 2.983$$

Ini bermakna jika atlet yang dikaji mempunyai semangat patriotik di aras 90%, maka usaha (dalam %) diramalkan berjumlah 36.10. Jika atlet mendapat nilai semangat patriotik pada tahap minima (diambil pada tahap 40%), maka nilai % usaha ialah 17.70.

Sumbangan Faktor Intrinsik Terhadap Perasaan Patriotisme

Jadual 52

Rumusan Model (*Model Summary*)

Model	R	R ²	Adjusted R ²	Std. Error of the Estimate	R ² Change
1	0.485	0.235	0.233	0.41008	0.235
2	0.524	0.275	0.272	0.39968	0.040
3	0.551	0.304	0.299	0.39211	0.029
4	0.568	0.322	0.316	0.38725	0.019

a Peramal: (Constant), PSPOSITIF

b Peramal: (Constant), PSPOSITIF, PSSAING

c Peramal: (Constant), PSPOSITIF, PSSAING, PSMINAT

d Peramal: (Constant), PSPOSITIF, PSSAING, PSMINAT, PSAZAM

e Angkubah bersandar: Pemantapan Semangat Patriotisme (Nilai/Perasaan)

Jadual 52 menunjukkan rumusan model yang diperoleh daripada analisis ujian linear regresi. Dengan merujuk kepada Model 4, nilai R (*Multiple Correlation Coefficient*) yang diperoleh ialah 0.568. Ini menunjukkan kekuatan hubungan antara positif, berdaya saing, minat dan keazaman ke atas pemantapan semangat patriotisme (nilai atau perasaan) atlet. Bagaimana pun, nilai yang harus diberi perhatian ialah R Squared (R²) yang menggambarkan „*Coefficient of Determination*.“ Dalam model 4 ini nilai R² yang diperolehi ialah 0.322 (atau 32.2%) dan ini merupakan nilai peratus varians yang dikongsi bersama antara angkubah pemantapan semangat patriotisme (nilai atau perasaan) dan faktor intrinsik positif, berdaya saing, minat dan keazaman.

Jadual 53

Nilai Beta

Model		Unstandardized Coefficients		Standardized Coefficients	t	Sig.
		B	Std. Error	Beta		
1	Constant)	2.893	0.120		24.136	0.000
	PSPOSITIF	0.335	0.029	0.485	11.597	0.000
2	Constant)	2.519	0.139		18.073	0.000
	PSPOSITIF	0.269	0.031	0.389	8.621	0.000
	PSSAING	0.157	0.032	0.222	4.907	0.000
3	(Constant)	2.228	0.153		14.555	0.000
	PSPOSITIF	0.229	0.032	0.331	7.155	0.000
	PSSAING	0.137	0.032	0.193	4.307	0.000
	PSMINAT	0.130	0.031	0.185	4.247	0.000
4	(Constant)	2.018	0.163		12.402	0.000
	PSPOSITIF	0.211	0.032	0.305	6.584	0.000
	PSSAING	0.113	0.032	0.160	3.527	0.000
	PSMINAT	0.121	0.030	0.172	3.978	0.000
	PSAZAM	0.105	0.030	0.148	3.467	0.001

a Angkubah bersandar: Pemantapan Semangat Patriotisme (Nilai/Perasaan Patriotisme)

Jadual 53 menunjukkan nilai Beta yang diperolehi ialah 0.305 ($p=0.000$, $t=12.402$). Nilai Beta ini menggambarkan kekuatan faktor intrinsik positif, berdaya saing, minat dan keazaman dalam mempengaruhi pemantapan semangat patriotisme (nilai atau perasaan). Nilai 0.305 menggambarkan perubahan satu „*Standard Deviation*” bagi nilai peratus positif, berdaya saing, minat dan keazaman yang akan menyebabkan perubahan sebanyak 0.305 bagi nilai pemantapan semangat patriotisme (nilai atau perasaan). Nilai ini adalah sederhana untuk mempengaruhi nilai pemantapan semangat patriotisme (nilai atau perasaan), dan boleh dipertimbangkan.

Nilai yang diperolehi bagi kecerunan garis regresi ialah 0.305 dan nilai bagi „*Intercept*” ialah 2.018. Nilai kecerunan menggambarkan kecerunan garis regresi. Nilai 0.305 menggambarkan bahawa garisan tersebut adalah berbentuk diagonal, namun

kecerunannya adalah rendah. Nilai „*Intercept*“ pula menggambarkan di mana garisan regresi akan memotong paksi y. Justeru, persamaan regresi yang diperolehi adalah:

$$\text{Angkubah Peramal} = 0.305 \times \text{Nilai Pemantapan Patriotisme (Nilai)} + 2.018$$

Ini bermakna jika atlet yang dikaji mempunyai semangat patriotisme (nilai atau perasaan) di aras 90%, maka faktor intrinsik positif, berdaya saing, minat dan keazaman (dalam %) diramalkan berjumlah 29.47. Jika atlet mendapat nilai semangat patriotisme (nilai atau perasaan) pada tahap minima (diambil pada tahap 40%), maka nilai % positif, berdaya saing, minat dan keazaman ialah 14.22.

Sumbangan Faktor Intrinsik Terhadap Perlakuan Patriotik

Jadual 54

Rumusan Model (*Model Summary*)

Model	R	R ²	Adjusted R ²	Std. Error of the Estimate	R ² Change
1	0.504	0.254	0.252	0.49299	0.254
2	0.568	0.322	0.319	0.47036	0.068
3	0.600	0.360	0.355	0.45772	0.037
4	0.614	0.377	0.372	0.45189	0.018
5	0.621	0.386	0.379	0.44922	0.009

a Peramal: (Constant), PSPOSITIF

b Peramal: (Constant), PSPOSITIF, PSSERONOK

c Peramal: (Constant), PSPOSITIF, PSSERONOK, PSAZAM

d Peramal: (Constant), PSPOSITIF, PSSERONOK, PSAZAM, PSMINAT

e Peramal: (Constant), PSPOSITIF, PSSERONOK, PSAZAM, PSMINAT, PSFOKUS

f Angkubah bersandar: Pemantapan Semangat Patriotisme (Perlakuan Patriotik)

Jadual 54 menunjukkan rumusan model yang diperolehi daripada analisis ujian linear regresi. Dengan merujuk kepada Model 5, nilai R (*Multiple Correlation Coefficient*) yang diperolehi ialah 0.621. Ini menunjukkan kekuatan hubungan antara positif, keseronokan, keazaman, minat dan fokus ke atas pemantapan semangat patriotisme (perlakuan) atlet. Bagaimana pun, nilai yang harus diberi perhatian ialah R Squared (R²) yang menggambarkan „*Coefficient of Determination*.“ Dalam model 5 ini

nilai R2 yang diperolehi ialah 0.386 (atau 38.6%) dan ini merupakan nilai peratus varians yang dikongsi bersama antara angkuabah pemantapan semangat patriotisme (perlakuan) dan positif, keseronokan, keazaman, minat dan fokus.

Jadual 55

Nilai Beta

Model		Unstandardized Coefficients		Standardized Coefficients	t	Sig.
		B	Std. Error	Beta		
1	(Constant)	2.388	0.144		16.574	0.000
	PSPOSITIF	0.424	0.035	0.504	12.207	0.000
2	(Constant)	1.846	0.160		11.550	0.000
	PSPOSITIF	0.322	0.037	0.383	8.819	0.000
	PSSERONOK	0.233	0.035	0.288	6.646	0.000
3	(Constant)	1.455	0.174		8.371	0.000
	PSPOSITIF	0.288	0.036	0.343	7.971	0.000
	PSSERONOK	0.185	0.035	0.230	5.249	0.000
	PSAZAM	0.182	0.036	0.211	5.046	0.000
4	(Constant)	1.241	0.182		6.816	0.000
	PSPOSITIF	0.266	0.036	0.316	7.325	0.000
	PSSERONOK	0.114	0.040	0.141	2.809	0.005
	PSAZAM	0.185	0.036	0.214	5.186	0.000
	PSMINAT	0.143	0.041	0.167	3.510	0.000
5	(Constant)	1.135	0.186		6.102	0.000
	PSPOSITIF	0.232	0.039	0.275	6.003	0.000
	PSSERONOK	0.009	0.041	0.124	2.463	0.014
	PSAZAM	0.165	0.036	0.191	4.554	0.000
	PSMINAT	0.140	0.041	0.163	3.443	0.001
	PSFOKUS	0.102	0.041	0.114	2.491	0.013

a Angkuabah bersandar: Pemantapan Semangat Patriotisme (Perlakuan Patriotik)

Jadual 55 menunjukkan nilai Beta yang diperolehi ialah 0.275 ($p=0.000$, $t=6.102$). Nilai Beta ini menggambarkan kekuatan positif, keseronokan, keazaman, minat dan fokus dalam mempengaruhi pemantapan semangat patriotisme (perlakuan). Nilai 0.275 menggambarkan perubahan satu „*Standard Deviation*” bagi nilai peratus positif, keseronokan, keazaman, minat dan fokus yang akan menyebabkan perubahan sebanyak 0.275 bagi nilai pemantapan semangat patriotisme (perlakuan). Nilai ini agak kecil untuk mempengaruhi nilai pemantapan semangat patriotisme (perlakuan), yang boleh dipertimbangkan.

Nilai yang diperolehi bagi kecerunan garis regresi ialah 0.275 dan nilai bagi „*Intercept*” ialah 1.135. Nilai kecerunan menggambarkan kecerunan garis regresi. Nilai 0.275 menggambarkan bahawa garisan tersebut adalah berbentuk diagonal, namun kecerunannya adalah rendah. Nilai „*Intercept*” pula menggambarkan di mana garisan regresi akan memotong paksi y. Justeru, persamaan regresi yang diperolehi adalah:

$$\text{Angkubah Peramal} = 0.275 \times \text{Nilai Pemantapan Patriotisme (Perlakuan)} + 1.135$$

Ini bermakna jika atlet yang dikaji mempunyai pemantapan semangat patriotisme (perlakuan), di aras 90%, maka positif, keseronokan, keazaman, minat dan fokus (dalam %) diramalkan berjumlah 25.89. Jika atlet mendapat nilai pemantapan semangat patriotisme (perlakuan), pada tahap minima (diambil pada tahap 40%), maka nilai % positif, keseronokan, keazaman, minat dan fokus ialah 12.14.

Sumbangan Faktor Ekstrinsik Terhadap Pengetahuan Patriotisme

Jadual 56

Rumusan Model (*Model Summary*)

Model	R	R ²	Adjusted R ²	Std. Error of the Estimate	R ² Change
1	0.248	0.062	0.060	0.48344	0.062
2	0.283	0.080	0.076	0.47916	0.019
3	0.309	0.095	0.089	0.47577	0.015

a Peramal: (Constant), PSDIDIK

b Peramal: (Constant), PSDIDIK, PSGANJARAN

c Peramal: (Constant), PSDIDIK, PSGANJARAN, PSMEDIA

d Angkubah bersandar: Pemantapan Semangat Patriotisme (Pengetahuan Patriotisme)

Jadual 56 menunjukkan rumusan model yang diperoleh daripada analisis ujian linear regresi. Dengan merujuk kepada Model 3, nilai R (*Multiple Correlation Coefficient*) yang diperoleh ialah 0.309. Ini menunjukkan kekuatan hubungan antara pendidikan, ganjaran dan media massa ke atas pemantapan semangat patriotisme (pengetahuan) atlet. Bagaimana pun, nilai yang harus diberi perhatian ialah R Squared (R²) yang menggambarkan „*Coefficient of Determination*.“ Dalam model 3 ini nilai R² yang diperolehi ialah 0.095 (atau 9.5%) dan ini merupakan nilai peratus varians yang dikongsi bersama antara angkubah pemantapan semangat patriotisme (pengetahuan) dan faktor ekstrinsik pendidikan, ganjaran dan media massa.

Jadual 57

		Nilai Beta				
Model		Unstandardized Coefficients		Standardized Coefficients	t	Sig.
		B	Std. Error	Beta		
1	(Constant)	3.468	0.130		26.606	0.000
	PSDIDIK	0.172	0.032	0.248	5.364	0.000
2	(Constant)	3.074	0.185		16.615	0.000
	PSDIDIK	0.143	0.033	0.207	4.318	0.000
	PSGANJARAN	0.137	0.046	0.143	2.977	0.003
3	(Constant)	3.334	0.208		16.060	0.000
	PSDIDIK	0.165	0.034	0.239	4.870	0.000
	PSGANJARAN	0.160	0.046	0.166	3.437	0.001
	PSMEDIA	-0.118	0.044	-0.131	-2.691	0.007

a Angkubah bersandar: Pemantapan Semangat Patriotisme (Pengetahuan)

Jadual 57 menunjukkan nilai Beta yang diperolehi ialah 0.239 ($p=0.000$, $t=16.060$). Nilai Beta ini menggambarkan kekuatan pendidikan, ganjaran dan media massa dalam mempengaruhi pemantapan semangat patriotik (pengetahuan) atlet. Nilai 0.239 menggambarkan perubahan satu „*Standard Deviation*” bagi nilai peratus pendidikan, ganjaran dan media massa yang akan menyebabkan perubahan sebanyak 0.239 bagi nilai pemantapan semangat patriotik (pengetahuan). Nilai ini adalah kecil untuk mempengaruhi nilai pemantapan semangat patriotik (pengetahuan), yang boleh dipertimbangkan.

Nilai yang diperolehi bagi kecerunan garis regresi ialah 0.239 dan nilai bagi „*Intercept*” ialah 3.334. Nilai kecerunan menggambarkan kecerunan garis regresi. Nilai 0.239 menggambarkan bahawa garisan tersebut adalah berbentuk diagonal, namun kecerunannya adalah rendah. Nilai „*Intercept*” pula menggambarkan di mana garisan regresi akan memotong paksi y. Justeru, persamaan regresi yang diperolehi adalah:

$$\text{Angkubah Peramal} = 0.239 \times \text{Nilai Pemantapan Patriotisme (Pengetahuan)} + 3.334$$

Ini bermakna jika atlet yang dikaji mempunyai semangat patriotik di aras 90%, maka pendidikan, ganjaran dan media massa (dalam %) diramalkan berjumlah 24.84. Jika atlet mendapat nilai semangat patriotik pada tahap minima (diambil pada tahap 40%), maka nilai % pendidikan, ganjaran dan media massa ialah 12.89.

Sumbangan Faktor Ekstrinsik Terhadap Perasaan Patriotisme

Jadual 58

Rumusan Model (*Model Summary*)

Model	R	R ²	Adjusted R ²	Std. Error of the Estimate	R ² Change
1	0.446	0.199	0.197	0.41969	0.199
2	0.507	0.258	0.254	0.40444	0.059
3	0.532	0.284	0.279	0.39775	0.026
4	0.547	0.300	0.293	0.39368	0.016

a Peramal: (Constant), PSSUKAN

b Peramal: (Constant), PSSUKAN, PSTONTON

c Peramal: (Constant), PSSUKAN, PSTONTON, PSDIDIK

d Peramal: (Constant), PSSUKAN, PSTONTON, PSDIDIK, PSLATIH

e Angkubah bersandar: Pemantapan Semangat Patriotisme (Nilai/Perasaan Patriotisme)

Jadual 58 menunjukkan rumusan model yang diperoleh daripada analisis ujian linear regresi. Dengan merujuk kepada Model 4, nilai R (*Multiple Correlation Coefficient*) yang diperoleh ialah 0.547. Ini menunjukkan kekuatan hubungan antara sukan, penonton, pendidikan dan jurulatih ke atas pemantapan semangat patriotisme (nilai atau perasaan). Bagaimana pun, nilai yang harus diberi perhatian ialah R Squared (R²) yang menggambarkan „*Coefficient of Determination*.“ Dalam model 4 ini nilai R² yang diperolehi ialah 0.300 (atau 30%) dan ini merupakan nilai peratus varians yang dikongsi bersama antara angkubah pemantapan semangat patriotisme (nilai atau perasaan) dan faktor ekstrinsik sukan, penonton, pendidikan dan jurulatih.

Jadual 59

Nilai Beta

Model		Unstandardized Coefficients		Standardized Coefficients	t	Sig.
		B	Std. Error	Beta		
1	(Constant)	3.012	0.122		24.737	0.000
	PSSUKAN	0.311	0.030	0.446	10.419	0.000
2	(Constant)	2.598	0.137		18.979	0.000
	PSSUKAN	0.232	0.032	0.332	7.306	0.000
	PSTONTON	0.183	0.031	0.268	5.887	0.000
3	(Constant)	2.465	0.139		17.776	0.000
	PSSUKAN	0.159	0.036	0.228	4.389	0.000
	PSTONTON	0.156	0.031	0.229	4.996	0.000
	PSDIDIK	0.133	0.033	0.205	3.978	0.000
4	(Constant)	2.207	0.160		13.838	0.000
	PSSUKAN	0.148	0.036	0.212	4.104	0.000
	PSTONTON	0.129	0.032	0.189	4.021	0.000
	PSDIDIK	0.114	0.034	0.176	3.396	0.001
	PSLATIH	0.120	0.038	0.145	3.172	0.002

e Angkubah bersandar: Pemantapan Semangat Patriotisme (Nilai/Perasaan Patriotisme)

Jadual 59 menunjukkan nilai Beta yang diperolehi ialah 0.212 ($p=0.000$, $t=13.838$). Nilai Beta ini menggambarkan kekuatan faktor ekstrinsik sukan, penonton, pendidikan dan jurulatih dalam mempengaruhi pemantapan semangat patriotisme (nilai atau perasaan) atlet. Nilai 0.212 menggambarkan perubahan satu „*Standard Deviation*” bagi nilai peratus sukan, penonton, pendidikan dan jurulatih yang akan menyebabkan perubahan sebanyak 0.212 bagi nilai pemantapan semangat patriotisme (nilai atau perasaan). Nilai ini adalah kecil untuk mempengaruhi nilai pemantapan semangat patriotisme (nilai atau perasaan), yang boleh dipertimbangkan.

Nilai yang diperoleh bagi kecerunan garis regresi ialah 0.212 dan nilai bagi „*Intercept*“ ialah 2.207. Nilai kecerunan menggambarkan kecerunan garis regresi. Nilai 0.212 menggambarkan bahawa garisan tersebut adalah berbentuk diagonal, namun kecerunannya adalah rendah. Nilai „*Intercept*“ pula menggambarkan di mana garisan regresi akan memotong paksi y. Justeru, persamaan regresi yang diperolehi adalah:

$$\text{Angkubah Peramal} = 0.212 \times \text{Nilai Pemantapan Patriotisme (Nilai/Perasaan)} + 2.207$$

Ini bermakna jika atlet yang dikaji mempunyai semangat patriotisme (nilai atau perasaan) di aras 90%, maka faktor intrinsik sukan, penonton, pendidikan dan jurulatih (dalam %) diramalkan berjumlah 20.39. Jika atlet mendapat nilai semangat patriotisme (nilai atau perasaan) pada tahap minima (diambil pada tahap 40%), maka nilai % sukan, penonton, pendidikan dan jurulatih ialah 10.69.

Sumbangan Faktor Ekstrinsik Terhadap Perlakuan Patriotik

Jadual 60

Rumusan Model (*Model Summary*)

Model	R	R ²	Adjusted R ²	Std. Error of the Estimate	R ² Change
1	0.444	0.197	0.196	0.51132	0.197
2	0.537	0.288	0.285	0.48204	0.091
3	0.566	0.320	0.315	0.47172	0.032
4	0.585	0.342	0.336	0.46455	0.022
5	0.594	0.353	0.346	0.46107	0.011

a Peramal: (Constant), PSLATIH

b Peramal: (Constant), PSLATIH, PSIBUBAPA

c Peramal: (Constant), PSLATIH, PSIBUBAPA, PSDIDIK

d Peramal: (Constant), PSLATIH, PSIBUBAPA, PSDIDIK, PSGANJARAN

e Peramal: (Constant), PSLATIH, PSIBUBAPA, PSDIDIK, PSGANJARAN, PSTONTON

f Angkubah bersandar: Pemantapan Semangat Patriotisme (Perlakuan Patriotik)

Jadual 60 menunjukkan rumusan model yang diperoleh daripada analisis Ujian Linear Regresi. Dengan merujuk kepada Model 5, nilai R (*Multiple Correlation Coefficient*) yang diperoleh ialah 0.594. Ini menunjukkan kekuatan hubungan antara jurulatih, ibu bapa, pendidikan, ganjaran dan penonton ke atas pemantapan semangat patriotisme (perlakuan) atlet. Bagaimana pun, nilai yang harus diberi perhatian ialah R Squared (R^2) yang menggambarkan „*Coefficient of Determination*.“ Dalam model 5 ini nilai R^2 yang diperolehi ialah 0.353 (atau 35.3%) dan ini merupakan nilai peratus varians yang dikongsi bersama antara angkuh pemantapan semangat patriotisme (perlakuan) dan faktor ekstrinsik iaitu jurulatih, ibu bapa, pendidikan, ganjaran dan penonton.

Jadual 61

		Nilai Beta				
Model		Unstandardized Coefficients		Standardized Coefficients	t	Sig.
		B	Std. Error	Beta		
1	(Constant)	2.302	0.177		12.993	0.000
	PSJURULATIH	0.450	0.043	0.444	10.377	0.000
2	(Constant)	1.626	0.190		8.560	0.000
	PSJURULATIH	0.349	0.043	0.345	8.111	0.000
	PSIBUBAPA	0.297	0.040	0.318	7.471	0.000
3	(Constant)	1.466	0.189		7.745	0.000
	PSJURULATIH	0.296	0.044	0.292	6.752	0.000
	PSIBUBAPA	0.216	0.043	0.232	5.066	0.000
	PSPENDIDIK	0.167	0.037	0.211	4.508	0.000
4	(Constant)	1.061	0.214		4.948	0.000
	PSJURULATIH	0.275	0.043	0.271	6.323	0.000
	PSIBUBAPA	0.200	0.042	0.214	4.728	0.000
	PSPENDIDIK	0.144	0.037	0.182	3.889	0.000
	PSGANJARAN	0.173	0.045	0.158	3.817	0.000
5	(Constant)	0.995	0.214		4.647	0.000
	PSJURULATIH	0.244	0.045	0.241	5.475	0.000
	PSIBUBAPA	0.180	0.043	0.192	4.212	0.000
	PSPENDIDIK	0.125	0.037	0.159	3.359	0.001
	PSGANJARAN	0.151	0.046	0.138	3.315	0.001
	PSPENONTON	0.105	0.038	0.126	2.756	0.006

f Angkubah bersandar: Pemantapan Semangat Patriotisme (Perlakuan Patriotik)

Jadual 61 menunjukkan nilai Beta yang diperolehi ialah 0.241 ($p=0.000$, $t=4.647$). Nilai Beta ini menggambarkan kekuatan jurulatih, ibu bapa, pendidikan, ganjaran dan penonton dalam mempengaruhi pemantapan semangat patriotisme (perlakuan) atlet. Nilai 0.241 menggambarkan perubahan satu „*Standard Deviation*” bagi nilai peratus jurulatih, ibu bapa, pendidikan, ganjaran dan penonton yang akan menyebabkan perubahan sebanyak 0.241 bagi nilai pemantapan semangat patriotisme (perlakuan). Nilai ini agak kecil untuk mempengaruhi nilai pemantapan semangat patriotisme (perlakuan), yang boleh dipertimbangkan.

Nilai yang diperoleh bagi kecerunan garis regresi ialah 0.241 dan nilai bagi „*Intercept*“ ialah 0.995. Nilai kecerunan menggambarkan kecerunan garis regresi. Nilai 0.241 menggambarkan bahawa garisan tersebut adalah berbentuk diagonal, namun kecerunannya adalah rendah. Nilai „*Intercept*“ pula menggambarkan di mana garisan regresi akan memotong paksi y. Justeru, persamaan regresi yang diperolehi adalah:

$$\text{Angkubah Peramal} = 0.241 \times \text{Nilai Pemantapan Patriotisme (Perlakuan)} + 0.995$$

Ini bermakna jika atlet yang dikaji mempunyai pemantapan semangat patriotisme (perlakuan), di aras 90%, maka jurulatih, ibu bapa, pendidikan, ganjaran dan penonton (dalam %) diramalkan berjumlah 22.69. Jika atlet mendapat nilai pemantapan semangat patriotisme (Perlakuan), pada tahap minima (diambil pada tahap 40%), maka nilai peratus (%) jurulatih, ibu bapa, pendidikan, ganjaran dan penonton ialah 10.64.

Rumusan

Bab analisis data kajian ini telah membentangkan dapatan analisis demografi dan semangat patriotisme meliputi aspek pengetahuan, nilai atau perasaan dan perlakuan patriotik atlet. Perbentangan analisis juga meliputi faktor intrinsik dan ekstrinsik pemantapan semangat patriotisme dan pencapaian sukan. Seterusnya perbentangan meliputi perhubungan dan perbezaan antara semangat patriotisme, faktor intrinsik dan ekstrinsik pemantapan semangat patriotisme dan pencapaian sukan dengan demografi. Seterusnya, perbentangan analisis sumbangan faktor intrinsik dan ekstrinsik terhadap pemantapan semangat patriotisme dan pencapaian sukan atlet. Dapatan kajian secara kuantitatif ini diperkukuhkan lagi menerusi data temubual yang turut dimasukkan ke dalam bab lima iaitu perbincangan, rumusan dan cadangan kajian lanjutan.

BAB 5

PERBINCANGAN, CADANGAN DAN RUMUSAN

Pendahuluan

Kajian ini bertujuan mengkaji semangat patriotisme dalam kalangan atlet tingkatan 1, 2 dan 4 di dua buah Sekolah Sukan Malaysia. Seterusnya meneliti faktor intrinsik dan ekstrinsik pemantapan semangat patriotisme dan pencapaian sukan. Aspek utama yang menjadi fokus kajian ini adalah semangat patriotisme meliputi aspek pengetahuan, nilai atau perasaan dan perlakuan patriotik. Kajian ini bertujuan menilai pengetahuan atlet mengenai sejarah dan lambang-lambang negara, penghayatan nilai atau perasaan patriotik seperti bangga, cinta dan taat setia kepada negara.

Seterusnya, meninjau perlakuan patriotik atlet ketika bersukan dan dalam kehidupan seharian. Penekanan aspek kognitif atau pengetahuan, afektif atau perasaan dan psikomotor atau perlakuan menjadi fokus utama dalam usaha melahirkan atlet bertaraf dunia, memiliki semangat patriotisme yang tinggi terhadap negara dan berupaya menyumbang secara berterusan dalam bidang sukan. Juga berusaha menyedarkan golongan ini agar menjaga imej dan mengharumkan nama negara sehingga ke peringkat antarabangsa. Hal ini dilakukan dengan penuh kesedaran dan tanggungjawab sebagai warganegara dan bukan bersukan semata-mata untuk mendapatkan ganjaran wang dan pangkat.

Kajian kuantitatif ini turut menggunakan teknik kualitatif iaitu temubual semi berstruktur bagi mendapatkan data yang lebih mendalam. Kaedah kuantitatif secara tinjauan ini menggunakan satu set soal selidik. Set soal selidik ini mengandungi empat bahagian iaitu demografi, semangat patriotisme meliputi tiga aspek iaitu pengetahuan, nilai atau perasaan dan perlakuan patriotik, faktor intrinsik dan ekstrinsik pemantapan semangat patriotisme dan pencapaian sukan. Manakala, data kajian pula dikumpul secara berperingkat-peringkat mengikut kesesuaian masa atlet yang sentiasa sibuk

dengan rutin latihan dan pertandingan sukan. Seramai 440 orang atlet yang terdiri daripada pelbagai jenis sukan, bangsa dan budaya serta sedang belajar di dua buah sekolah sukan di Malaysia telah dipilih secara rawak bagi menjawab soal selidik.

Kajian ini bermula pada September 2010 setelah mendapat kebenaran menjalankan kajian daripada pihak berkaitan termasuklah pihak sekolah sukan dan atlet. Proses pengumpulan data mengambil masa selama sebulan, kemudiannya data ini dimasukkan ke dalam perisian SPSS Versi 17.0 untuk mendapat taburan peratusan, min dan tahap signifikan. Kaedah analisis yang digunakan melibatkan statistik deskriptif dan inferensi seperti peratusan, Ujian Korelasi dan Spearman, Ujian-t, MANOVA dan Regresi Berganda. Analisis dapatan kajian telah pun dilakukan dalam bab empat. Manakala, bab ini pula, perbincangan, cadangan dan rumusan terhadap dapatan kajian dilakukan supaya memberi gambaran yang lebih mendalam, menyeluruh dan bermakna.

Berdasarkan dapatan kajian secara kuantitatif, maka bab rumusan dan perbincangan ini meliputi beberapa aspek yang dikenalpasti berkaitan semangat patriotisme. Antaranya ialah semangat patriotisme pemangkin kecemerlangan sukan, iaitu patriotisme pasif-kognitif, pasif-afektif dan patriotisme aktif-perlakuan, memperkasakan semangat patriotisme dan maruah sukan iaitu pemantapan mental dan emosi, pengukuhan dan tindakan bersepadu. Selain itu, perbincangan turut merangkumi hubungan intrinsik-ekstrinsik dengan pengetahuan, nilai dan perlakuan patriotik, perbezaan berdasarkan demografi dan sumbangan faktor intrinsik dan ekstrinsik. Seterusnya, implikasi kajian meliputi atlet dan generasi muda, para ibu bapa, guru dan jurulatih, pihak sekolah serta cadangan dan tindakan iaitu pembentukan karakter atlet patriotik, pendidikan patriotisme dan sukan bersepadu dan cadangan kajian lanjutan. Rumusan dan perbincangan semangat patriotisme, hubungan, perbezaan dan sumbangan dibentangkan mengikut susunan persoalan dan hipotesis kajian bagi memudahkan pemahaman.

Semangat Patriotisme Pemangkin Kecemerlangan Sukan

Semangat patriotisme merupakan pemangkin kedaulatan negara dan kecemerlangan sukan. Keputusan kajian berkaitan aspek-aspek semangat patriotisme sama ada pengetahuan, nilai dan perasaan menunjukkan keputusan min yang tinggi. Keputusan ini memberi gambaran bahawa atlet memiliki semangat patriotisme yang tinggi terhadap sukan dan negara. Golongan ini menghayati nilai-nilai kenegaraan, memiliki pengetahuan patriotisme dan perlakuan patriotik yang membanggakan terutamanya dalam bidang sukan. Keadaan ini menunjukkan keberkesanan sukan sebagai alat memupuk patriotisme dan semangat ini penting memandangkan atlet sebagai duta kecil yang sentiasa membawa nama negara ketika bertanding di luar negara.

Zizan menegaskan hal ini, “Semangat patriotisme adalah penting, bagi atlet yang mewakili negara, ia perlu dititikberatkan atau ditekankan dalam diri atlet, supaya mereka tahu, apabila mereka bertanding di luar negara, mereka bukan sahaja membawa nama diri tetapi juga nama negara.” (Z-INT1-200515-18). Seterusnya Yara, “Patriotisme adalah semangat juang yang mampu melonjakkan nama negara dalam pertandingan sukan, mereka akan bermain sekuat tenaga bagi mendapatkan pingat untuk negara.” (Y-INT4-280515-10). Manakala Iyad menegaskan, “Patriotik...patriotisme merupakan senjata dalaman yang boleh menggerunkan pihak lawan. Kalaulah atlet bermain dan bersukan atas nama negara sebagai motif utama, sukan pasti lebih melonjak.” (I-INT3-240515-22). Selain itu, patriotisme telah lama menjadi faktor utama bagi atlet sukan antarabangsa dan tidak hanya bersaing untuk kepuasan diri sendiri tetapi untuk kebanggaan negara (Valavanis, 2012).

Penonjolan semangat patriotisme dalam kalangan atlet boleh dijadikan sebagai asas generasi muda yang bukan sahaja aktif dan sihat tetapi memiliki semangat patriotik terhadap sukan dan negara. Keadaan ini berbeza dengan dapatan kajian (Wolf and others, 1998) dan Wolf (2007), telah mengkaji skor purata murid gred kelapan dalam pelbagai jenis sekolah di New York pada indeks patriotik. Kajian melaporkan bahawa murid di sekolah-sekolah swasta, skornya agak rendah terhadap patriotisme. Saiz kesan negatif sekolah swasta terhadap patriotisme adalah satu perempat sisihan piawai dan adalah signifikan secara statistik di luar tahap keyakinan 99%. Perbezaan dapatan kajian ini menunjukkan golongan atlet murid di Malaysia lebih patriotik kerana perbezaan budaya, gaya hidup dan menyedari tanggungjawab terhadap negara.

Golongan atlet memiliki semangat patriotisme yang membanggakan dalam diri sebagai generasi muda dan warganegara Malaysia. Majoriti atlet bukan sahaja memiliki pengetahuan berkaitan sejarah dan lambang-lambang negara tetapi juga mempunyai nilai-nilai dan menunjukkan perlakuan patriotik terhadap sukan dan negara. Menurut Margaret (2002), patriotisme adalah emosi cinta diarahkan terhadap kecerdasan kritis. Seorang patriot sejati selalunya akan menuntut standard tertinggi negara dan hanya menerima yang terbaik dari rakyatnya. Selain itu, Nathanson (1993), mengaitkan patriotisme dengan perasaan istimewa terhadap negara, jati diri, keprihatinan, sedia berkorban dan menjulang nama baik negara.

Hal ini turut mendapat perhatian Sivani, "...apabila atlet bertanding di luar negara, nampak semangat patriotisme, kesungguhan untuk negara, menang tanpa mengira ganjaran yang bakal diterima kelak." (S-INT2-220515-10). Yara juga mempersetujuinya, "Setiap kali atlet menang, lagu kebangsaan dinyanyikan dan bendera kebangsaan dinaikkan, di mana-mana negara, mereka berdiri tegak dan nyanyikan lagu dengan kuat, kita pun rasa bangga apabila melihatnya." (Y-INT4-280515-15). Seterusnya Iyad menyatakan, "Budak-budak ni...kalau menjalani latihan sukan


memanglah nampak kesungguhannya berbanding belajar di kelas. Mereka kenal dan menghormati bendera negara. Memang sudah dibiasakan begitu, semasa bersukan mereka sudah didedahkan dengan hal-hal berkaitan nama negara, jaga imej negara.” (I-INT3-240515-12).

Golongan atlet ini walaupun masih berada di bangku sekolah tetapi aktif bersukan bagi menaikkan nama negara sehingga ke peringkat antarabangsa. Jasa dan sumbangan yang ditonjolkan ini menggambarkan patriotisme alaf moden ini dipraktikkan oleh generasi atlet melalui penglibatan diri dalam sukan. Penghayatan semangat patriotisme yang tinggi menjadikan golongan ini amat berharga kepada pengukuhan negara bangsa Malaysia yang berdaulat terutama dalam pembangunan sukan negara. Semangat ini bukan sahaja pemangkin kecemerlangan sukan, tetapi juga asas perpaduan kaum, terutama bagi negara Malaysia yang berbilang bangsa. Menurut Ibnu Khaldum, kehancuran sesuatu negara kerana pudarnya semangat patriotisme dalam kalangan bangsanya (Shaik Mohd Saifuddeen & Roslili, 2001).

Zizan menegaskan hal ini, “Semangat patriotisme amat penting bagi setiap atlet tak kira di peringkat apa pun, tapi ianya lebih ketara bagi atlet berprestasi tinggi, jika atlet tersebut mewakili kebangsaan atau negara, dia mesti menunjukkan semangat jitu, semangat patriotisme yang tinggi dalam menaikkan nama negara di persada antarabangsa. „So,“ semangat ini sangat penting, dan atlet perlu faham dan perlu jelas apa itu semangat patriotisme.” (Z-INT1-200515-8). Seterusnya Sivani mengulas, “Kita lihat zaman 70an dan 80 an, sukan gemilang, cuba tengok balik pada „*tam*” waktu itu, terdiri daripada tiga bangsa, ada Cina, Melayu dan India. Sekarang dalam sukan berpasukan tak ramai bangsa lain. Dulu memang Satu Malaysia, semangat kenegaraan kuat, sekarang bola sepak semua Melayu, badminton semua Cina. Nampak tak..mungkin kena wujudkan berapa orang Cina, Melayu dan India. Bila tiga bangsa

bersatu, itulah semangat patriotisme, kena belajar hidup bersama dalam negara dan dalam satu pasukan.” (S-INT2-220515-60).

Semangat patriotisme dalam kalangan atlet ini meliputi aspek pengetahuan atau kognitif, perasaan atau efektif dan perlakuan atau psikomotor. Ketiga-tiga aspek ini perlu dimantapkan bagi melahirkan atlet yang patriotik dan seimbang dalam pelbagai aspek iaitu jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial. Menurut Bar-Tal & Staub (1997), patriotisme mengandungi elemen efektif dan kognitif seperti toleransi, komitmen, bangga dan berkeinginan melakukan yang terbaik untuk negara. Selain itu, menurut Lay & Torney-Purta (2004), patriotisme menjurus kepada penghargaan terhadap lambang atau simbol kebangsaan, nilai dan kepercayaan serta mempertahankan kedaulatan negara. Rajah 8 menunjukkan kategori semangat patriotisme bagi melahirkan atlet bertaraf dunia yang patriotik dan seimbang serta mampu melonjakkan semangat juang bagi memartabatkan sukan negara.



Rajah 8 Kategori Semangat Patriotisme

Patriotisme Pasif-Kognitif

Semangat patriotisme aspek pengetahuan boleh dikategorikan sebagai patriotisme pasif-kognitif, atlet ini memiliki pengetahuan yang baik terhadap sejarah dan lambang-lambang kebanggaan negara. Keadaan ini menunjukkan keberkesanan usaha semua pihak, sekaligus menonjolkan peranan sukan dan pendidikan sebagai alat memupuk patriotisme dalam kalangan generasi muda. Di sekolah umpamanya, pelbagai program diadakan sempena kemerdekaan negara seperti Bulan Patriotisme saban tahun. Penglibatan atlet dalam aktiviti sebegini amat digalakkan, selain menyanyikan Lagu Negaraku, menaikkan bendera Jalur Gemilang dan membaca ikrar Rukun Negara setiap minggu semasa perhimpunan rasmi sekolah. Sepanjang bulan patriotisme atlet mengambil bahagian dalam lakonan dan mendeklamasikan sajak bertemakan kemerdekaan. Seterusnya, sambutan ambang kemerdekaan dan tayangan video bagi mengimbas kembali zaman penjajahan serta menambahkan pengetahuan atlet berkaitan sejarah negara. Menurut Cooper (2011), kegagalan memahami perbezaan budaya membawa ke arah perkauman. Seterusnya, bagi membina negara bangsa, perkara utama yang ditekankan ialah „*oneness*” atau bersatu sebagai satu bangsa (Brown, 2007; Morais, 2010).

Menurut Zizan, “Langkah yang pertama, saya rasa la..kita kena memahamkan setiap atlet, apa itu patriotisme itu sendiri, kadang sebut patriotisme tetapi tidak faham apa-apa pun, segala apa yang berkaitan faktor sejarah, nama negara, baru boleh amal dan praktikkan hal ini. Jika mereka tidak faham konsep patriotisme, bagaimana mereka boleh praktikkan dalam kehidupan.” (Z-INT1-200515-50). Seterusnya Sivani menjelaskan, “...Semasa bulan patriotisme, satu contoh yang bagus, atlet dapat imbas balik zaman penjajahan supaya tak lupa asal usul, dan apa yang perlu dibuat untuk mengekalkan kemerdekaan itu.” (S-INT2-220515-32). Selain itu, Yara menyokong pernyataan ini, “Penglibatan atlet secara aktif dalam program berkaitan patriotisme

seperti Bulan Patriotisme dan pelbagai aktiviti boleh memantapkan pengetahuan dan penghayatan nilai-nilai kenegaraan seperti semangat cinta akan negara dan bertanggungjawab. Mereka juga dapat mengimbas zaman penjajahan, mengenal asal usul bangsa dan berusaha mengekalkan kedaulatan negara.” (Y-INT4-280515-35).

Selain itu, melalui program sukan yang diceburi, pihak terbabit seperti Majlis Sukan Negara (MSN) turut mengadakan pelbagai program bagi memantapkan semangat patriotisme atlet seperti Kem Bina Semangat dan Kem Gemilang. Hal ini ditegaskan oleh jurulatih kebangsaan iaitu Zizan, “Memang ada..Kem Bina Semangat, Kem Gemilang untuk terapkan nilai patriotisme dalam diri atlet.” (Z-INT1-200515-52). Seterusnya, Iyad memberi komen berikut, “Program memang ada, namun yang paling penting mereka dapat meraih pingat emas untuk negara. Bukan senang menerapkan pengetahuan kenegaraan, atlet perlu diingatkan selalu, mereka lebih mementingkan latihan sukan.” (I-INT3-240515-48). Pun begitu, program sebegini mampu membentuk disiplin dan daya tahan diri yang tinggi ketika menghadapi cabaran sukan. Menurut Noddings (2010), guru yang bagus sentiasa memerhatikan sikap dan tingkah laku murid.

Namun begitu, cabaran global menuntut anak-anak bangsa membuat persediaan rapi bukan sahaja aspek fizikal dan emosi tetapi juga pemantapan ilmu pengetahuan. Ia merupakan senjata utama yang mampu membawa masyarakat mengubah taraf hidup yang sedia ada dalam jangka masa panjang. Hanya masyarakat berbudaya cemerlang dengan kemantapan ilmu pengetahuan bersedia menghadapi cabaran mendatang dengan baik. Oleh itu, pemahaman yang jelas berkaitan makna dan lambang negara perlu bagi menjamin kedaulatan negara. Menurut Yara, “Ilmu penting, ilmu kenegaraan, sejarah...kita belajar dari sejarah, bagaimana membina dan mengukuhkan negara bangsa. Tanpa ilmu, kita sebenarnya dijajah kejahilan dan kebodohan.” (Y-INT4-280515-53). Seterusnya, Iyad menyatakan, “Pengetahuan hal-hal negara perlu bagi


membentuk atlet yang berpengetahuan meluas dan boleh berfikir buruk baik sesuatu tindakan. Mereka perlu memahami dan menghayati sejarah negara, barulah mereka lebih menghargai apa yang ada.” (I-INT3-240515-57). Hal ini selaras dengan peribahasa, „*Tuhantidak akan mengubah nasib sesuatu bangsa, selagi bangsa itu tidak berusaha mengubahnya.*” (Astaman, 2006).

Penguasaan ilmu pengetahuan terutama berkaitan sejarah dan lambang-lambang negara amat penting bagi melahirkan atlet bertaraf dunia, patriotik, kreatif, inovatif, berdaya maju dan cekap minda selain memiliki kekuatan fizikal dan kemahiran sukan. Majoriti atlet memiliki pengetahuan patriotisme berkaitan sejarah kemerdekaan, kedudukan Bahasa Malaysia dan lambang-lambang negara iaitu bendera, Rukun Negara, Jata Negara dan lagu kebangsaan. Golongan atlet perlu menguasai fakta berkaitan sejarah negara bagi mengenali asal usul bangsa dan mengambil pengajaran daripada zaman penjajahan British. Kemerdekaan negara yang dikecapi hasil perjuangan pejuang-pejuang, maka perlu dihargai dan dipertahankan agar Negara kekal berdaulat. Warga muda yang memiliki semangat patriotisme yang kuat rela menabur bakti di tanah air sendiri selepas menjadi masyarakat yang berpengetahuan dan berperibadi mulia.

Golongan atlet juga mengetahui kedudukan Bahasa Malaysia sebagai bahasa rasmi negara dan merupakan bahasa pengantar di sekolah-sekolah. Amalan bertutur dalam Bahasa Malaysia masih dipraktikkan oleh atlet walaupun sering terdedah kepada penggunaan Bahasa Inggeris ketika bersukan di luar negara. Namun begitu, penggunaan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar di sekolah perlu ditekankan secara serius. Ini kerana amalan bertutur dalam bahasa ibunda masing-masing masih lagi dipraktikkan secara meluas ketika berada di kelas. Hal ini ditegaskan oleh Sivani, “...bila Cina dan India, bila bercakap, janganlah cakap bahasa cina, bahasa tamil, cakaplah Bahasa Melayu, „*majority*” cina cakap bahasa cina, i cikgu i mengajar kat kelas, budak cina

bercakap bahasa cina, i tak marah ke, cina dgn cina, kat kelas pun tak boleh disatukan, macamana pula dengan perpaduan negara.” (S-INT2-220515-70). Yara menyokong hal ini, “Bila dalam kelas, mereka bercakap bahasa masing-masing terutama bila berada dalam kumpulan sama kaum, saya selalu tegur, guna Bahasa Melayu. Entahlah..walau ditegur ulang kali, cakap juga.” (Y-INT4-280515-65). Selain itu, Bahasa Malaysia sebagai asas identiti bangsa dalam mencorakkan pemikiran anak bangsa yang patriotik serta bersatu, beretika, bermoral dan berdaya maju dalam semua bidang (Abd. Rahim, 2004).

Kekuatan minda atau kognitif mempunyai keistimewaan yang tersendiri terutama bagi seseorang individu menghadapi rintangan dan cabaran ketika bersukan. Seseorang atlet yang dilengkapi dengan kekuatan mental dan fizikal mampu bersaing lebih baik dan berdaya maju berbanding atlet yang tiada kemahiran ilmu. Kekuatan fizikal akan lebih berkesan bila disertai oleh kemahiran kognitif dan pengetahuan yang tinggi berkaitan bidang yang diceburi. Strategi kognitif itu digunakan oleh pelumba basikal Olimpik terdahulu untuk mengatasi rintangan seperti kepanasan, kesejukan, hujan, salji, angin, keletihan dan penghidratan. Ia juga dapat diaplikasikan untuk daya ketahanan atlet yang ingin meningkatkan prestasi (Kress & Statler, 2007). Kekuatan kognitif ini amat penting terutama ketika menghadapi kekangan cuaca dan gangguan emosi yang dicetuskan oleh pihak lawan. Rajah 9 menunjukkan aspek patriotisme pasif-kognitif.



Rajah 9 Aspek Patriotisme Pasif-Kognitif

Patriotisme Pasif-Afektif

Semangat patriotisme aspek nilai atau perasaan dikategorikan sebagai patriotisme pasif-afektif, atlet ini menghayati nilai-nilai patriotik terhadap negara dan lambang-lambang kebangsaan. Ini menunjukkan penerapan nilai-nilai patriotisme secara bersepadu melalui sukan dan akademik berjaya melahirkan atlet yang menghayati nilai-nilai patriotisme dalam kehidupan seharian. Patriotisme adalah semangat subjektif dan menyeluruh serta dikaitkan dengan perlakuan dan nilai-nilai positif. Sivani menyatakan, “Semangat patriotisme merangkumi tingkah laku positif, hormat-menghormati, disiplin, akhlak, sifat yang jujur. Semuanya berkaitan dengan patriotisme.” (S-INT2-220515-20). Seterusnya Yara, “Nilai patriotik pada negara, benci dan menjauhi gejala sosial, sukakan ilmu pengetahuan, sayang pada negara dan sentiasa menjaga nama negara terutama ketika berlatih di luar negara.” (Y-INT4-280515-19). Manakala, Nathanson (1993), mengaitkan patriotisme dengan perasaan istimewa terhadap negara, jati diri, keprihatinan, sedia berkorban dan menjulang nama baik negara. Selain itu, Abdullah (2006) dalam Norliah & Mahadi (2006), ketika melancarkan Kempen Budi Bahasa dan Nilai-Nilai Murni menegaskan program meningkatkan nilai murni dan budi pekerti merupakan agenda penting negara.

Penghayatan dan pengamalan nilai-nilai sejagat terutama nilai patriotisme mampu melahirkan sebuah negara yang aman damai dan maju. Majoriti atlet memiliki dan menghayati nilai-nilai atau perasaan patriotisme yang mendalam terhadap raja, lambang-lambang kebangsaan, bangsa, negara dan sukan. Golongan ini bukan sahaja bersyukur dilahirkan sebagai rakyat Malaysia yang makmur dan merdeka tetapi juga memiliki perasaan cinta akan negara, taat setia kepada raja dan menghormati lambang-lambang kebangsaan. Para atlet sanggup mengorbankan masa dan tenaga mengabdikan diri untuk berbakti kepada negara dalam bidang sukan dan akademik. Malah golongan atlet berasa bangga dapat mewakili Malaysia dalam kejohanan sukan sama ada di dalam mahu pun di luar negara. Hal ini diakui oleh Zizan, “Pada pendapat saya, apabila atlet menyarung jersi negara, rasa bangga dan menunjukkan prestasi terbaik pada negara.” (Z-INT1-200515-58). Manakala Iyad, “Bangga pada negara sendiri dan menghormati lambang-lambang negara, lagu, jersi dan sebagainya. Nilai-nilai kenegaraan memastikan atlet menjaga tingkah laku dan imej negara.” (I-INT3-240515-55). Seterusnya, Sivani menegaskan, “Semua sukan mesti ada semangat patriotisme, ada atlet pernah bagitau, bila mendengar Lagu Negaraku ketika berada di tanah air orang lain, memang semangat kita, kita rasa bangga terhadap negara, kadang-kadang bila dah keluar negara barulah nak cinta negara kita, bila duduk dalam negara tidak faham-faham.” (S-INT2-220515-24). Manakala, Fraenkel (1977), nilai-nilai sukar dilihat secara langsung tetapi boleh dilihat melalui tingkah laku yang ditunjukkan dan perkataan yang dituturkan. Perlakuan dan pertuturan dapat membayangkan nilai-nilai murni dalam diri seseorang.

Selain itu, golongan atlet juga amat menghargai jasa dan pengorbanan pejuang negara. Kukuhnya semangat patriotik dalam kalangan warganegara akan menghasilkan rakyat yang prihatin atau peka terhadap maruah dan kedaulatan negara. Bagi menuju ke arah ini, penghayatan terhadap nilai-nilai patriotisme perlu dititikberatkan agar rakyat

dapat merasai negara ini sebahagian daripada diri sendiri. Lagi pula atlet ini merupakan ikon sukan yang menjadi kebanggaan rakyat Malaysia. Menurut Zizan, "Atlet boleh menjadi model kepada rakyat Malaysia terutama golongan remaja, di mana inilah nilai-nilai yang patut ada dalam setiap warganegara." (Z-INT1-200515-28). Iyad amat bersetuju dengan pernyataan ini, "Saya amat bersetuju atlet sebagai role model bagi remaja terutamanya, mereka perlu mempamerkan nilai-nilai positif dan kenegaraan. Bukan mudah membimbing remaja, jadi perlu contoh yang baik." (I-INT3-240515-30). Dalam erti kata lain nilai patriotisme dapat diterjemahkan dalam kehidupan harian pelbagai lapisan rakyat dan mendorong rakyat untuk setia kepada negara (Ku Hasnita & Mohd Haizam, 2011).


Menurut Khoo Kay Kim (2002) & Gordon (2000), menganggap patriotisme adalah kesetiaan dan kecintaan terhadap bangsa dan negara. Dapatan kajian ini hampir sama dengan kajian oleh Margaret (2002), tiga persoalan yang diajukan mengenai orientasi dasar terhadap negara kepada murid yang berusia 14 dan 15 tahun. Sebagai respons, 85% bersetuju dengan kenyataan, „*Amat mencintai Amerika Syarikat*’ dan *'Bendera negara adalah penting.*”Keadaan ini menggambarkan seseorang warganegara terutama atlet perlu mencintai negara tempat tumpah darah sendiri. Manakala, lambang-lambang negara seperti bendera dan lagu perlu dihormati dan disanjung tinggi kerana ia melambangkan identiti bangsa dan negara.

Majoriti atlet ini menjaga imej Malaysia ketika bersukan, taat setia kepada raja dan negara, sanggup berkorban masa, tenaga hatta menyerahkan nyawa kepada negara tercinta. Golongan ini bukan sahaja rela dan berbangga menjadi rakyat Malaysia, tetapi berbangga mewakili Malaysia dalam pertandingan sukan. Keadaan ini menggambarkan perkembangan emosi patriotisme yang mendalam terhadap sukan dan negara Malaysia. Menurut, Nathanson (1993), patriotik bermakna mempunyai kasih sayang khas untuk

negara seseorang, berkaitan dengan satu pengenalan peribadi, satu kebimbangan yang khas untuk kesejahteraan dan kesediaan berkorban serta menggalakkan kebaikan.

Namun begitu, dalam keadaan tertentu atlet meletakkan kepentingan diri melebihi negara. Keadaan ini disebabkan oleh faktor usia yang belum matang dan bersifat materialistik apabila melibatkan soal wang ringgit. Kekeliruan atlet ini mungkin disebabkan oleh usia yang masih muda dan ganjaran wang yang diterima setiap kali memenangi pertandingan sukan. Bagi atlet Olahraga, di peringkat Sukma, menerima bayaran RM3000.00 bagi pingat Emas, RM2000.00 bagi pingat Perak dan RM1000.00 bagi pingat Gangsa. Menurut Sivani, "...anugerah untuk sukan kecil, tak payahlah sambut dengan gah sangat, untuk peringkat MSSM, ganjaran duit tak perlu, piala sahaja. Sekarang semua dapat, dari negeri dapat, dari negara dapat, itu jadi tamak, kena pilih anugerah yang utama, „*benchmark*“; untuk ke anugerah antarabangsa." (S-INT2-220515-62). Seterusnya Yara, "Tak tahu la..bila sukan je, anugerah itu ini, liputan media, kerajaan pun pernah tawarkan satu juta untuk pingat emas Olimpik. Kena wujudkan satu budaya, bersukan kerana negara bukan kerana ganjaran dan pangkat." (Y-INT4-280515-61). Dapatan kajian ini berbeza dengan saranan Satre (dalam Hall, 2002) & Ross (2002), amalan altruisme menuntut seseorang individu meletakkan kepentingan masyarakat dan negara melebihi kepentingan diri sendiri.

Tuntasnya, golongan atlet ini menggambarkan masyarakat majmuk Malaysia yang sentiasa selesa bergaul antara satu sama lain walaupun berbeza kepercayaan dan adat resam, hidup berbaik-bai serta menghayati nilai-nilai kenegaraan. Keharmonian masyarakat majmuk terhasil kerana sukan itu sendiri boleh melibatkan semua kaum dan memupuk kecintaan terhadap tanah air. Menurut Bar-Tal & Staub (1997), mengaitkan patriotisme dengan ikatan ketaatan dan tanggungjawab serta pertautan erat dengan kecintaan terhadap negara, kebanggaan, ketaatan, kesetiaan, komitmen, prihatin, jati diri dan sedia berkhidmat. Rajah 10 menunjukkan aspek patriotisme pasif-afektif.



Rajah 10 Aspek Patriotisme Pasif-Afektif

Patriotisme Aktif-Perlakuan


Semangat patriotisme aktif-perlakuan melibatkan amalan gaya hidup yang sihat seperti menjaga nama baik negara, hidup berbaik-baik antara kaum, menghormati lambang-lambang kebanggaan negara, sedia berbakti kepada negara dan sebagainya. Golongan atlet ini terlibat secara langsung dengan pengibaran bendera dan nyanyian lagu kebangsaan setiap kali acara sukan diadakan. Memang tidak dapat dinafikan lagi, sukan adalah medium terbaik dalam menonjolkan khidmat bakti dan tingkah laku patriotik anak-anak Malaysia yang merdeka. Seterusnya, atlet juga turut dibentuk dengan amalan patriotik ketika berada di sekolah. Menurut Sivani, "...kini setiap pagi, sebelum atlet masuk ke kelas, Lagu Negaraku dimainkan, atlet akan berhenti dan beri hormat.. „*one good way*“; Lagu Negaraku dan lagu sekolah, dulu sekali sahaja, hari rabu, kini hari isnin hingga jumaat.” (S-INT2-220515-30). Manakala Zizan menyatakan, “Atlet perlu faham konsep patriotisme, melalui program diharapkan mereka faham dengan patriotisme itu sendiri. Iya..sebab apa yang kita nak ialah mereka bermain untuk negara, sukan ibarat kita keluar berperang, kalau berjaya memenangi perlawanan bermaksud berjaya memenangi negara tersebut, jika kalah bermaksud kita telah dijajah.” (Z-INT1-200515-60).

Selain itu, bendera Jalur Gemilang membawa makna bagi golongan atlet, mengingati lirik Lagu Negaraku, berbangga menyarung jersi sukan pasukan Malaysia dan fasih bertutur dalam Bahasa Malaysia. Keputusan analisis ini menunjukkan kualiti perlakuan atlet sebagai warganegara kesan penglibatan aktif dalam sukan, selain berdisiplin dan bertanggungjawab terhadap bangsa dan negara. Menurut Iyad, “Atlet menghormati bendera dan berdiri tegak ketika menyanyikan lagu negaraku. Mereka sudah dibiasakan begitu, namun perlu ditingkatkan lagi.” (I-INT3-240515-33). Seterusnya Yara menyuarakan pendapat, “Di sekolah, tingkah laku patriotik kurang menonjol, nyanyi lagu masih lagi tanpa semangat, sekadar nyanyi, itu pun dengan bantuan lagu yang dimainkan. Kalau tidak, nyanyi pun perlahan dan kurang seragam, belum habis nyanyi dah gerakkan badan dulu.” (Y-INT4-280515-34). Manakala, Zizan menyokong keadaan ini, “...nyanyi dengan baik tetapi dari segi semangat saya tidak pasti...setiap atlet kena faham konsep, kena difahamkan supaya semua fikir berkaitan patriotisme, boleh dijadikan sesuatu yang serius dan dititikberatkan.”

Seterusnya, golongan atlet menganggap bendera Malaysia bermakna dalam kehidupan dan bukannya sekadar kain berwarna-warni. Atlet mengibarkan bendera dengan megah dan berasa marah apabila melihat bendera negara dibuang ke tanah. Ini menunjukkan maruah bendera sebagai lambang dan identiti negara amat dijunjung tinggi oleh atlet ketika bersukan. Namun begitu, menurut Zizan, “Saya rasa tak semua kenal, bendera semua tahu, Jata Negara..mungkin terlepas pandang, mungkin bulan sabit pada bendera mereka tahu. Pada pendapat saya, apabila mereka menyarung jersi negara, rasa bangga dan menunjukkan prestasi terbaik pada negara.” (Z-INT1-200515-56). Manakala Iyad, “Jata Negara kurang didedahkan dalam kehidupan seharian, bendera hari-hari boleh nampak. Jersi kena pakai, kalau dah pakai tu, bangga agaknya.” (I-INT3-240515-55). Selain itu, Margaret (2002), pada tahun 1942, Lembaga Pendidikan Negeri West Virginia mengarahkan guru dan murid untuk menyertai upacara tabik bagi

menghormati negara yang diwakili oleh bendera. Keengganan untuk menghormati bendera itu dianggap pembangkangan yang mengakibatkan penggantungan murid dan ibu bapa boleh didenda sehingga \$50 atau dipenjarakan sehingga 30 hari.

Golongan atlet menyanyikan Lagu Negaraku dengan kuat dan bersemangat, berdiri dengan tegak dan mengingati lirik lagu ini. Atlet juga menghargai jersi sukan yang melambangkan identiti negara dan menyarung jersi ini tanpa rasa malu. Selain itu, atlet bangga bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dan menyedari kepentingan Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua negara dan sering terdedah dengan bahasa ini ketika menjalani aktiviti sukan di luar negara. Dapatan kajian ini bertentangan dengan kajian Haminah (1998) yang mendapati murid sekolah menengah kurang mengetahui lambang-lambang negara, pemimpin dan kurang perpaduan. Dengan kata lain, semangat patriotik dapat difahami sebagai kesetiaan dan menurut Galston (1991), ia melibatkan keupayaan untuk memahami, menerima dan untuk bertindak atas prinsip-prinsip teras masyarakat. Rajah 11 menunjukkan aspek patriotisme aktif-perlakuan.



Rajah 11 Aspek Patriotisme Aktif-Perlakuan

Memperkasakan Semangat Patriotisme dan Maruah Sukan

Dapatan analisis nilai min keseluruhan bagi faktor intrinsik pemantapan semangat patriotisme lebih tinggi 4.35 berbanding dengan nilai min keseluruhan faktor intrinsik pencapaian sukan 4.03. Faktor intrinsik pemantapan semangat patriotisme yang paling utama ialah positif, keyakinan, berdaya saing, fokus, keazaman, minat, usaha dan keseronokan. Manakala, faktor intrinsik pencapaian sukan yang paling utama ialah minat, keseronokan, positif, berdaya saing, usaha, keazaman, keyakinan dan fokus. Faktor intrinsik ini amat penting kerana ia melibatkan faktor dalaman dan bergantung kepada sikap atlet itu sendiri. Selain itu, semangat patriotisme itu sendiri boleh dikategorikan sebagai faktor intrinsik yang mendorong atlet meraih pingat buat negara. Maka, semangat ini perlu disemai dan dipupuk agar ia berkembang mekar dalam jiwa atlet.

Manakala, dapatan analisis nilai min keseluruhan faktor ekstrinsik pemantapan semangat patriotisme lebih tinggi 4.16 berbanding dengan nilai min keseluruhan faktor ekstrinsik pencapaian sukan 3.89. Faktor ekstrinsik pemantapan semangat patriotisme yang paling utama ialah sukan, pendidikan, peminat atau penonton, rakan, jurulatih, media massa, ibu bapa dan ganjaran. Manakala faktor ekstrinsik pencapaian sukan yang paling utama ialah rakan, jurulatih, sukan, pendidikan, peminat atau penonton, ganjaran, ibu bapa dan media massa. Ini bermakna, semangat patriotisme juga memerlukan sokongan luaran atau ekstrinsik sebagai motivasi ke arah pengekalan tingkah laku patriotik seperti mana ia mendorong atlet meraih kejayaan dalam pertandingan sukan.

Pemantapan Mental dan Emosi

Majoriti atlet memilih sifat positif sebagai faktor utama bagi pemantapan patriotisme dan faktor ketiga bagi pencapaian sukan. Majoriti atlet tidak mudah menyerah kalah, bermain sedaya upaya walaupun mendapat saingan yang hebat dan

tidak gentar dengan saiz badan pihak lawan. Golongan atlet juga yakin mampu memburu pingat buat negara dan memberikan persembahan terbaik. Sikap positif inilah yang akan mendorong atlet mengekalkan corak permainan terbaik sebelum wisel penamat dibunyikan dan menerima kekalahan dengan sikap terbuka. Tanpa sikap positif, atlet pasti akan bergaduh dan mencemarkan maruah sukan negara. Selain itu, kejayaan sukan juga bergantung kepada sikap positif, ketahanan mental, bermatlamat dan berdisiplin tinggi (Malek & Mohd Sofian, 2004). Menurut Mohamad Sultan (2010), kegiatan kokurikulum menekankan pelbagai unsur patriotisme ke arah pembinaan negara bangsa dan ini penting dalam melahirkan warga muda yang seimbang dari segi intelektual, bersikap positif, bertanggungjawab dan patriotik.

Atlet memilih keyakinan diri sebagai faktor kedua bagi pemantapan patriotisme dan faktor kelima bagi pencapaian sukan. Majoriti atlet mempunyai keyakinan untuk berjaya, lebih baik berbanding atlet yang lain dan tidak mudah hilang keyakinan diri. Golongan ini juga yakin untuk terus berbakti dan mengharumkan nama negara dalam bidang sukan. Keyakinan inilah yang akan mendorong atlet bermain dengan tenang dan menonjolkan semangat kesukanan yang tinggi. Tanpa keyakinan diri, atlet pasti akan teragak-agak semasa pertandingan dan menjejaskan imej atlet Malaysia. Semua atlet professional dianugerahkan kelebihan fizikal secara semulajadi, cara atlet elit menangani masalah psikologi iaitu keyakinan diri, keresahan, konsentrasi dan motivasi yang menjadikannya sebagai jaguh sukan (Halonen & Santrock, 1996). Menurut, Abdul Rahim (2004), patriotisme mencetuskan kekuatan, keyakinan, keazaman, cita-cita dan usaha rakyat untuk mengemblem tenaga bagi membangunkan negara setanding dengan negara maju dunia

Atlet memilih berdaya saing sebagai faktor ketiga bagi pemantapan patriotisme dan pencapaian sukan. Majoriti atlet berdaya saing, berjuang sekuat tenaga dan tidak mudah berputus asa untuk meraih kemenangan sukan. Atlet juga mahu membuktikan

kebolehan diri dan memberi saingan sengit kepada pihak lawan. Sikap berdaya saing yang tinggi akan meletakkan atlet Malaysia setaraf dengan atlet negara lain dan menjadi warganegara yang berkualiti. Jika individualisme, daya saing, dan kejayaan itu adalah nilai-nilai yang penting dalam masyarakat, maka perubahan yang mengarah pada peningkatan prestasi individu dan mencatat kemenangan dalam sukan kompetitif (Coakley, 2004). Sikap ini juga akan menjadi benteng dan bakal menggentarkan pihak lawan apabila berhadapan dengan pasukan Malaysia selain berusaha meletakkan diri sebaris dengan atlet harapan negara yang lain. Menurut Nussbaum (1986), rakyat perlu menjadi warga dunia yang patriotik agar mampu bersaing secara sihat dan menyumbang di peringkat antarabangsa.

Selain itu, kejayaan dan pencapaian sukan mempengaruhi desakan untuk bersaing sesama sendiri yang kemudiannya menentukan arah sendiri, membuatkan atlet remaja lebih bebas untuk membuat keputusan sendiri, lebih bersedia menghadapi cabaran dan tuntutan persekitaran serta lebih mempunyai keupayaan daya tindak. Individu yang telah berjaya memperoleh pencapaian identiti mempunyai kekuatan yang fleksibel, memiliki „*sense of humour*“, harga diri yang tinggi, berdikari, mempunyai matlamat yang realistik, dapat berfungsi dengan baik di bawah keadaan tegang, bebas dan bersikap terbuka kepada idea-idea yang baru (Jas Laile Suzana, 2000). Atlet yang bermutu secara fizikal dan berkualiti peribadi merupakan modal insan yang amat berharga buat negara Malaysia.

Seterusnya, atlet memilih fokus sebagai faktor keempat bagi pemantapan patriotisme dan faktor keenam bagi pencapaian sukan. Majoriti atlet berusaha memusatkan tumpuan dan sentiasa fokus walaupun telah melakukan kesilapan dan sedang menghadapi masalah peribadi. Atlet juga menumpukan perhatian dan fokus semasa pertandingan untuk mengharumkan nama negara. Fokus inilah yang akan memusatkan perhatian atlet agar tidak terganggu dengan sorakan penonton atau peminat

sukan serta tidak mudah terpengaruh dengan anasir jahat yang mahu menjatuhkan sukan negara. Atlet yang kehilangan fokus mudah ditewaskan oleh pihak lawan dan jika mereka tidak fokuskan kemenangan buat negara, maka atlet sebegini mudah terpengaruh dengan ganjaran wang oleh pihak tidak bertanggungjawab.

Atlet memilih keazaman sebagai faktor kelima bagi pemantapan patriotisme dan pencapaian sukan. Majoriti atlet berazam untuk menang, percaya mereka dilahirkan sebagai juara dan serius bersukan. Golongan atlet juga berazam mengutip pingat emas buat negara dan berusaha meningkatkan semangat juang dalam diri. Keazaman inilah yang akan mendorong atlet berjuang habis-habisan dan menjadi warganegara yang lebih baik. Tanpa keazaman yang tinggi, atlet tidak akan sanggup menghadapi rutin latihan yang memenatkan apatah lagi mengorbankan masa, tenaga dan nyawa untuk negara. Sesungguhnya bukan mudah mencapai kejayaan, ia memerlukan pengorbanan dan keazaman yang tinggi. Keazaman, kekuatan mental dan fizikal amat diperlukan bagi menghadapi halangan yang boleh memudarkan minat terhadap sukan (Bilton, Bonnet, Jones, Sheard, Stanworth & Webster, 1987).

Atlet memilih minat sebagai faktor keenam bagi pemantapan patriotisme dan faktor utama bagi pencapaian sukan. Majoriti atlet amat berminat terhadap aktiviti sukan yang diceburi, menjalani latihan untuk meningkatkan stamina dan tidak bosan menjalani latihan sukan pada setiap hari. Golongan atlet juga lebih mengutamakan maruah negara dan menyedari kepentingan amalan semangat ini dalam kehidupan atlet. Minat inilah yang akan mendorong atlet bersukan dengan bersungguh-sungguh dan mencari maklumat untuk mendalami dan memahami semangat patriotisme dari pelbagai aspek. Tanpa minat, atlet akan bersukan secara sambil lewa bahkan boleh menjejaskan imej negara jika bermain tanpa semangat patriotisme. Minat yang mendalam akan mendorong seseorang berusaha bersungguh-sungguh bagi mengatasi kelemahan diri

demi meningkatkan prestasi dan mencapai matlamat dalam bidang yang diceburi (Nur Farah & Mohd Sofian, 2002).

Atlet meletakkan usaha juga sebagai faktor keenam bagi pemantapan patriotisme dan faktor keempat bagi pencapaian sukan. Majoriti atlet berusaha keras, tabah dan tidak jemu menjalani latihan bagi memantapkan permainan. Atlet juga memberikan komitmen yang tinggi dan gigih berusaha menjaringkan gol buat negara. Usaha yang berterusan pasti akan melahirkan atlet yang cemerlang dan patriotik terhadap sukan dan negara. Hal ini turut dipersetujui oleh Sivani, “Ya, saya setuju, contoh di Thailand, Badminton „*player*”, perempuan, juara wanita Thailand, budak miskin, kerajaan Thai tak de bagi perhatian ke apa tetapi cemerlang, semuanya atas usaha sendiri, maknya tukang sapu tau, „*u check*” dalam internet ada, dia „*famous*”; kerajaan Thai tak „*support*”, emak dia tukang sapu gelanggang, anak dia tengok dan turut main.” (S-INT2-220515-58).

Tanpa usaha gigih, kejayaan sukan pasti sukar diraih dan gagal meletakkan nama negara setaraf dengan gergasi sukan dunia. Sivani menegaskan, “Bersungguh-sungguh maksudnya macam ni, atlet kita tak ponteng, tiada masalah disiplin, segala masa „*training*” dia pergi, kalau boleh lebih dari masa yang ditetapkan, bila jurulatih tiada pun dia boleh menjalani latihan, tanpa perlu orang mengawas, dari dalaman diri sendiri dia buat, itu maksud saya.” (S-INT2-220515-22). Keazaman yang kukuh, cita-cita tinggi, matlamat yang jelas, perancangan yang baik dan usaha bersungguh-sungguh patut diikuti oleh semua atlet (Jeffrey & Mohd Sofian, 2002). Menurut Haminah (2007), patriotisme difahami sebagai keyakinan yang mendalam terhadap negara dari segi pembangunan dan kemajuan, selain berusaha dan berbakti kepada negara dalam pelbagai bidang termasuklah bidang sukan. Manakala, semangat cinta akan negara difahami sebagai sanggup berjuang untuk negara, menjaga imej negara, menjadi warganegara yang baik dan bertanggungjawab.

Akhir sekali atlet memilih keseronokan sebagai faktor ketujuh bagi pemantapan patriotisme dan faktor kedua bagi pencapaian sukan. Majoriti atlet gembira dan seronok dapat bermain dan menjalani latihan bersama-sama dengan rakan atlet dan bukannya turun ke padang kerana takutkan jurulatih. Golongan ini juga menyambut dan melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti patriotisme di peringkat sekolah. Keseronokan inilah yang akan mendorong atlet menjalani latihan sukan dan mengambil bahagian dalam aktiviti patriotisme dengan lebih berkesan. Tanpa perasaan seronok, atlet tidak akan berasa cepat bosan dan sekadar menyambut bulan patriotisme tanpa aktiviti atau pengisian yang berfaedah. Motivasi keseronokan merupakan sumber aspirasi kejayaan di mana atlet yang mempunyai motivasi tinggi akan lebih berjaya berbanding atlet yang tidak memiliki motivasi keseronokan ini (Jefrey & Mohd Sofian, 2002). Tuntasnya, apabila seseorang melakukan sesuatu dengan perasaan seronok, ia dapat mengurangkan keletihan dan kebosanan terhadap aktiviti atau pekerjaan tersebut. Jadual 62 menunjukkan keutamaan faktor intrinsik bagi pemantapan semangat patriotisme dan pencapaian sukan.

Jadual 62

Keutamaan Faktor Intrinsik Pemantapan Patriotisme dan Pencapaian Sukan

Keutamaan	Pemantapan Patriotisme	Pencapaian Sukan
1	Positif	Minat
2	Keyakinan	Keseronokan
3	Berdaya Saing	Positif & Berdaya Saing
4	Fokus	Usaha
5	Keazaman	Keazaman & Keyakinan
6	Minat & Usaha	Fokus
7	Keseronokan	-

n=440

Pengukuhan dan Tindakan Bersepadu

Atlet memilih sukan sebagai faktor utama bagi pemantapan patriotisme dan faktor ketiga bagi pencapaian sukan. Majoriti atlet yakin aktiviti sukan dapat meningkatkan disiplin, menjamin masa depan dan mewujudkan persahabatan yang erat. Aktiviti sukan juga membentuk tanggungjawab dan semangat patriotik dalam diri atlet. Bersukan merupakan gaya hidup sihat, alat perpaduan masyarakat majmuk serta menonjolkan semangat patriotik terhadap bangsa dan negara. Menurut Atwood (2010), sukan menyediakan rujukan kepada murid untuk memupuk pertumbuhan minda, dan otak sebagai metafora otot telah membantu atlet untuk memikirkan semula kecerdasan sebagai suatu sifat mudah dibentuk berbanding sesuatu yang tetap. Keberkesanan intervensi, bagaimana pun, boleh dipertingkatkan jika analogi yang mengandungi kaitan kelas ke padang sukan lebih ditekankan oleh para pendidik.

Selain itu, sukan menimbulkan semangat patriotik dan perpaduan tanpa mengirakau, agama dan budaya serta membawa nama Malaysia ke persada antarabangsa. Kecemerlangan Malaysia dalam sukan bola sepak di era tahun 1970 an telah dibuktikan oleh para pemain seperti Mokhtar Dahari, Soh Cin Aun dan Santok Singh (Jabatan Perdana Menteri, 2010). Selain itu, kerajaan Korea juga mendapati sukan cara paling berkesan membangkitkan semangat patriotisme generasi muda. Apabila ada perlawanan bola sepak skuad kebangsaan Korea, generasi muda Korea dengan bangga mengibarkan bendera Korea, mengecat muka, malah menyanyikan lagu kebangsaan Korea dengan penuh semangat. Dalam konteks Malaysia, sukan bukan sahaja membangkitkan semangat patriotisme generasi muda, malah meruntuhkan tembok pemisah antara kaum dan menjadikan rakyat Malaysia bersatu di bawah satu bendera (Mohd. Shukri, 2012).

Manakala, sukan pertandingan pula mampu memberikan pulangan yang lumayan kepada atlet yang berprestasi tinggi. Kejayaan dalam sukan memberi jaminan dan peningkatan ekonomi dan sosial seseorang atlet. Menurut Julismah (2006), sukan dikaitkan dengan aktiviti fizikal yang memerlukan kemahiran motor, kecergasan fizikal, mental dan emosi. Sukan berperanan dalam membudayakan masyarakat yang sihat, bersemangat kesukanan dan positif. Selain itu, Zainuddin & Mohd Sofian (2002), kegiatan bersukan merangkumi faktor motivasi, latihan, kepuasan, hubungan personel dan pencapaian prestasi yang boleh membentuk imej sendiri dan pemikiran yang positif. Dengan ini, sukan boleh mengambil peranan utama dalam mempromosikan perubahan-perubahan dan seterusnya memperkuat sistem nilai-nilai sosial yang dominan (Woods, 2007). Selain itu, pembentukan tingkah laku, nilai dan perwatakan positif terbentuk oleh amalan bekerjasama, toleransi, berdisiplin, hormat-menghormati dan mematuhi peraturan yang diterapkan menerusi aktiviti sukan (Tengku Fadilah et. al., 2005).

Atlet memilih pendidikan sebagai faktor kedua bagi pemantapan patriotisme dan faktor keempat bagi pencapaian sukan. Majoriti atlet bersetuju pendidikan menambahkan ilmu pengetahuan, kemahiran, kefahaman dan penting bagi semua atlet. Pendidikan juga berjaya melahirkan atlet yang patriotik dan bertanggungjawab terhadap negara. Proses pendidikan yang diterima akan menjadikan atlet lebih bijak dan matang menangani masalah peribadi, keluarga, sukan dan pelajaran. Pihak bertanggungjawab sepatutnya menyeimbangkan kemahiran fizikal dan mental agar masa depan golongan ini lebih terjamin. Menurut Noresah (2005), pendidikan merupakan asas pembentukan individu yang dinamik dan berdaya saing. Selain itu, semangat patriotisme bukanlah wujud secara semula jadi dalam diri individu, ianya perlu disemai, dipupuk dan diajar. Maka, pendidikan merupakan mekanisme yang efisien untuk mengukuhkan semangat patriotisme dalam kalangan rakyat sesebuah negara (Berns, 1997).

Seterusnya, menurut Lickona (1993), sekolah dan institusi pendidikan berperanan menerapkan nilai-nilai murni dalam diri apabila keluarga gagal melakukannya. Sekolah memainkan peranan penting untuk membangkitkan individu mempunyai keperibadian yang tinggi, minda yang cerdas, berdisiplin, bernilai moral, bekerja keras dan mengembangkan empati. Selain itu, LeDoux & Mashall (2010), salah satu peranan pendidikan awam wajib di Amerika Syarikat telah mendorong kebanggaan dalam kalangan warganegara di masa depan. Artikel ini menunjukkan bahawa ekspresi patriotisme dan patriotik, pada amnya berunsur agama dan dengan mendorong atau menyokong patriotisme adalah sama dengan mewujudkan unsur keagamaan di dalam kelas.

Mengikut Spisak (2009), nilai teras kosmopolitanisme adalah bahawa semua manusia mempunyai nilai-nilai yang sama. Ditambah dengan pendidikan, ia menyumbang untuk membentuk masyarakat global. Pendidikan merupakan komponen utama dalam mempromosikan transformasi dan evolusi individu dan budaya. Manakala, Siti Hafshah Hanim & Anuar (2011), bagi menerapkan nilai patriotisme, pendidikan merupakan medium utama dalam memupuk kefahaman dan penghayatan perpaduan dan kesetiaan rakyat. Dapatan kajian Lay & Torny-Purta (2004), pendidikan semangat patriotik perlu disemai dalam kalangan pelajar sekolah di Rusia dan Britain. Ini bermakna institusi pendidikan formal seperti sekolah memainkan peranan penting memupuk nilai-nilai murni dalam diri atlet. Selain itu, Yildirim & Tay (2009), nilai-nilai pendidikan yang diterima oleh anak-anak ketika masih kecil membantu mereka memperoleh kesedaran menjadi warganegara yang baik di masa akan datang.

Selain itu, atlet meletakkan penonton atau peminat sukan sebagai faktor kedua bagi pemantapan patriotisme dan faktor kelima bagi pencapaian sukan. Majoriti atlet bersetuju kehadiran penonton menaikkan semangat, sokongan dan tidak menjejaskan tumpuan dalam pertandingan. Penonton juga mempamerkan semangat patriotik dan

menghormati Lagu Negaraku dan bendera Jalur Gemilang. Kebiasaannya, pada setiap acara sukan, ia mengundang kehadiran penyokong dan peminat dari kedua-dua pasukan yang bertanding. Mereka membawa sepanduk, bendera, memakai pakaian sama warna dengan pasukan pilihan dan bersorak setiap kali aksi mendebarkan dipamerkan atlet terutama ketika pungutan mata atau jaringan gol. Sorakkan penyokong semakin kedengaran, „*Amerika Syarikat, Amerika Syarikat,*” bergema semasa pertandingan hoki Sukan Olimpik 1980 di mana Amerika Syarikat berjaya menewaskan Rusia. Sorakan ini seolah-olah menyatakan hasrat untuk Amerika mengalahkan, malah memalukan musuhnya (Nussbaum, 2001).

Seterusnya, atlet memilih rakan atlet sebagai faktor ketiga bagi pemantapan patriotisme dan faktor utama pencapaian sukan. Majoriti atlet menyatakan rakan atlet memberi dorongan, semangat dan sokongan secara mental dan fizikal. Rakan atlet juga mendorong semangat patriotik dan sering mengingatkan supaya menjaga imej negara ketika bersukan. Rakan merupakan orang yang paling rapat dan amat dipercayai dalam kehidupan seseorang atlet di sekolah dan di padang. Pemilihan rakan yang patriotik akan mempengaruhi tingkah laku patriotik dan sebaliknya jika tersalah memilih rakan. Menurut Anuar, Mohamad Nizam, Malinjah, Mohd Sofian & Marjohan (2008), ibu bapa patut menggalakkan anak-anak menyertai kokurikulum dan sukan agar mereka berpeluang bergaul dengan murid lain, menambahkan pengetahuan dan mengisi masa lapang dengan berfaedah. Wentzel (1998), kajian menunjukkan perkembangan kemahiran sosial, moral kompeten dan kemahiran intelektual apabila kanak-kanak berlaku apabila menerima sokongan rakan sebaya di sekolah.

Selain itu, rakan sebaya juga membantu perkembangan sosial dalam kalangan pelajar. Perkembangan sosial yang sihat amat perlu dalam menghadapi arus pemodenan yang membawa pelbagai pengaruh negatif. Menurut Burns & Bracey (2001) dan Smith (1986), pengaruh rakan sebaya menyumbang kepada faktor pencapaian murid lelaki di

sekolah. Manakala, Atwood (2010), murid lain bersetuju dengan pemerhatian yang dibuat oleh Hana mengenai iklim motivasi sekolah dan sukan. Seorang pemain bola sepak lelaki, mengakui, "*Anda perlu mengambil berat tentang rakan-rakan anda, jika tidak, kumpulan anda adalah tidak baik. Namun, di dalam kelas, tiada siapa mengambil berat terhadap sesiapa pun.*" Keadaan ini menggambarkan penglibatan dalam sukan berpasukan boleh mengeratkan hubungan berbanding aktiviti akademik di kelas.

Atlet memilih jurulatih sebagai faktor keempat bagi pemantapan patriotisme dan faktor kedua bagi pencapaian sukan. Majoriti atlet bersetuju peranan jurulatih dalam membantu meningkatkan kemahiran, menyediakan program sukan yang efektif tetapi arahan jurulatih sukar difahami atlet. Jurulatih mempamerkan tingkah laku patriotik dan memupuk semangat patriotisme. Jurulatih adalah orang penting dalam kejayaan seseorang atlet, walaupun atlet itu bertaraf dunia, tetap memerlukan bimbingan jurulatih. Justeru itu, jurulatih memainkan peranan yang lebih penting merangkumi pelbagai aspek selain melatih atlet iaitu sebagai pemimpin kepada atlet di bawah tanggungjawabnya (Asnirul, Mohd Sheyzal, Wan Faizal Iskandar, Noor Asmah, Nik Suzana & Tajul Arifin, 2011). Menurut Abdul Jalil (2007), jurulatih berkualiti jelas dengan peranan dan tanggungjawab bagi memindahkan kemahiran pada murid. Seterusnya, Chang (2004), majoriti guru percaya mereka perlu menjadi role model agar murid mempelajari nilai-nilai yang baik. Selain itu, Lumpkin (2007), menegaskan jika guru mempercayai akan kebolehan murid, mereka akan menunjukkan daya usaha yang lebih tinggi.

Menurut, Lay & Torney-Purta (2004), sekolah, guru dan jurulatih memainkan peranan penting memupuk nilai-nilai sejagat, patriotisme dan nilai kebanggaan terhadap negara. Perbincangan dengan orang dewasa seperti jurulatih mampu memupuk semangat patriotisme dalam kalangan atlet. Manakala, Atwood (2010), murid yang tidak kerap bermain atau menonton sukan tetap berkata, "*Jurulatih adalah seperti*

rakan-rakan, bapa dan abang. Jurulatih sepatutnya membantu anda menjadi lebih baik.” Dengan ini, jurulatih sukan di Malaysia perlu lebih peka dengan keperluan dan perasaan atlet yang berada di bawah jagaannya. Para jurulatih sukan perlu berusaha meningkatkan hubungan dan menganggap atlet sebagai manusia dan bukannya mesin atau alat untuk meraih pingat kemenangan.

Seterusnya, atlet memilih media massa sebagai faktor kelima bagi pementapan patriotisme dan juga faktor ketujuh bagi pencapaian sukan. Majoriti atlet peranan media massa menyampaikan maklumat sukan, menjadikan atlet terkenal tetapi hanya mempromosikan pertandingan berprestij sahaja. Media massa juga meningkatkan semangat patriotisme dengan memainkan lagu-lagu patriotik melalui media elektronik. Kebiasaannya, dalam pertandingan sukan, media massa membuat liputan meluas ke seluruh negara dan boleh mengangkat martabat atlet ke tahap sosial yang lebih tinggi dengan laporan dan paparan melalui media cetak dan media elektronik. Dorongan dan kerjasama secara berterusan daripada semua pihak perlu agar nilai-nilai murni dan pembentukan karakter yang patriotik serta semangat kesukanan berkekalan dalam diri atlet (Zamri & Mohd Sofian, 2001).

Budaya sukan di Amerika Syarikat adalah tinggi kerana mementingkan amalan gaya hidup yang aktif dan sihat. Amerika Syarikat pernah menganjurkan Sukan Olimpik sebanyak empat kali dalam abad ke-20, pastinya negara ini mempunyai kemudahan infrastruktur dan kepakaran sains teknologi yang tinggi. Manakala, media elektronik iaitu saluran televisyen seperti ESPN dan Foxsport hanya menyiarkan acara sukan serta membawa aksi sukan ke rumah penduduk di Amerika Syarikat dan ke seluruh dunia (Jeffrey & Mohd Sofian, 2002). Manakala, Mona (2004), teknologi baru telah merevolusikan sistem penghantaran dalam pendidikan dan memainkan peranan penting untuk diaplikasikan dalam pembelajaran dan sukan.

Atlet memilih ibu bapa sebagai faktor keenam bagi pemantapan patriotisme dan faktor ketujuh bagi pencapaian sukan. Majoriti atlet mengakui ibu bapa memberi nasihat dan mengambil berat peningkatan prestasi sukan. Ibu bapa juga memupuk semangat patriotisme dan menyambut hari kemerdekaan bersama anak-anak. Ibu bapa memainkan peranan penting di rumah dalam membentuk anak-anak menjadi atlet yang berjaya dan patriotik. Menurut Barnes & Olson (1985) dalam Abd. Aziz (2007), ibu bapa yang berupaya berkomunikasi secara baik dengan anak-anak akan membentuk sikap, persepsi, tingkah laku yang positif dan lebih fleksibel dalam menyelesaikan sesuatu masalah. Tanggungjawab yang dilaksanakan oleh ibu bapa ini bertepatan dengan sabda Nabi Muhammad s.a.w yang bermaksud, „*Ajarkanlah anak-anakmu menunggang kuda, berenang dan juga memanah.*” Hal ini bagi memastikan anak-anak memiliki pelbagai kemahiran dalam kehidupan (Norliah & Mahadi, 2006).

Selain itu, Yildirim & Tay (2009), Ibu bapa memberikan keutamaan kepada nilai-nilai seperti, kejujuran, patriotisme, keutuhan keluarga, tanggungjawab dan bekerja keras. Patriotisme adalah nilai yang paling ditekankan dalam kalangan murid yang harus diajarkan oleh guru di sekolah. Keadaan geografi juga menyebabkan ibu bapa mempertimbangkan patriotisme sebagai nilai utama yang harus diajar kepada kanak-kanak. Seterusnya, Gove & Cruthfield (1994) dalam Hamidah, Ibrahim, Melati & Siti Salina (2011), faktor utama yang menyumbang tingkah laku devian dalam kalangan remaja ialah tingkah laku devian ibu bapa. Remaja tidak menunjukkan tingkah laku yang baik kerana tidak ada „*rolemodel*” yang dapat dicontohi serta ketiadaan bimbingan dan kawalan ibu bapa.

Akhir sekali, atlet memilih ganjaran sebagai faktor ketujuh bagi pemantapan patriotisme dan faktor keenam bagi pencapaian sukan. Majoriti atlet bersetuju kepuasan diri dan ganjaran akan mengekalkan tingkah laku positif. Pengiktirafan dan ganjaran wajar diberikan kepada atlet patriotik untuk meningkatkan lagi semangat ini. Ganjaran

yang diterima akan menjadi pembakar semangat untuk meningkatkan prestasi dalam sukan dan menjadi contoh atau ikutan atlet patriotik kepada generasi muda yang lain. Sepatutnya ganjaran secara intrinsik, ektrinsik dan semangat patriotisme itu sendiri dijadikan pemangkin pencapaian sukan. Insentif untuk penglibatan dalam sukan seperti peningkatan taraf sosial, kemenangan, kemasyhuran, kesihatan, persaingan, wang, pingat atau piala, memperolehi kemahiran dan keseronokan (Gervis,2005).

Berdasarkan kajian ini, penilaian patriotisme atlet ini tergolong dalam kelompok „*value-based patriotism*” yakni kesetiaan dan kecintaan terhadap negara adalah disebabkan oleh faktor-faktor tertentu yang boleh memberikan keuntungan. Manakala, „*egocentric patriotism*” iaitu individu-individu yang akan melakukan apa sahaja untuk negaranya tanpa mengharap dan menagih sebarang ganjaran (Ku Hasnita & Mohd Haizam, 2011). Menurut Abdullah & Ainon (2009), murid akan merasakan diri dihargai lebih-lebih lagi jika ganjaran yang diterima berupa pujian atau hadiah. Ganjaran seperti makan minum, cenderamata, peralatan, ganjaran halwa mata dan telinga, pemberian bonus dan insurans, ganjaran lisan, bukan lisan dan ganjaran simbolik seperti wang, pangkat, trofi dan plak. Jadual 63 menunjukkan keutamaan faktor ekstrinsik bagi pemantapan semangat patriotisme dan pencapaian sukan.

Jadual 63

Keutamaan Faktor Ekstrinsik Pemantapan Patriotisme dan Pencapaian Sukan

Keutamaan	Pemantapan Patriotisme	Pencapaian Sukan
1	Sukan	Rakan Atlet
2	Pendidikan & Peminat	Jurulatih
3	Rakan Atlet	Sukan
4	Jurulatih	Pendidikan
5	Media Massa	Peminat
6	Ibu Bapa	Ganjaran
7	Ganjaran	Ibu Bapa & Media Massa

n=440

Hubungan Faktor Intrinsik-Ekstrinsik Patriotisme dan Sukan Dengan Pengetahuan, Nilai dan Perlakuan

Keputusan analisis Jadual 64 menunjukkan faktor intrinsik pencapaian sukan iaitu minat, keseronokan, keazaman, positif, fokus, keyakinan dan berdaya saing mempengaruhi secara lemah aspek pengetahuan patriotisme. Hanya faktor usaha mempengaruhi secara sederhana aspek pengetahuan patriotisme. Seterusnya, keseluruhan faktor intrinsik ini mempengaruhi secara sederhana aspek nilai atau perasaan dan perlakuan patriotik.

Bagi faktor ekstrinsik pencapaian sukan iaitu ganjaran, sukan, pendidikan, ibu bapa, jurulatih, rakan atlet dan penonton atau peminat mempengaruhi secara lemah aspek pengetahuan patriotisme. Hanya media massa yang tidak mempengaruhi aspek pengetahuan patriotisme atlet. Seterusnya, faktor ekstrinsik iaitu ganjaran, rakan atlet dan media massa mempengaruhi secara lemah aspek nilai atau perasaan patriotisme. Manakala, faktor ekstrinsik yang lain mempengaruhi secara sederhana aspek nilai atau perasaan patriotisme. Selain itu, faktor ekstrinsik ganjaran dan media massa mempengaruhi secara lemah aspek perlakuan patriotik. Manakala, faktor ekstrinsik yang lain mempengaruhi secara sederhana aspek perlakuan patriotik ini.

Jadual 64

Hubungan Faktor Intrinsik-Ekstrinsik Sukan dengan Pengetahuan, Nilai dan Perlakuan

Intrinsik:	Pengetahuan	Nilai/Perasaan	Perlakuan
Minat	Lemah	Sederhana	Sederhana
Keseronokan	Lemah	Sederhana	Sederhana
Keazaman	Lemah	Sederhana	Sederhana
Positif	Lemah	Sederhana	Sederhana
Fokus	Lemah	Sederhana	Sederhana
Usaha	Sederhana	Sederhana	Sederhana
Keyakinan	Lemah	Sederhana	Sederhana
Berdaya Saing	Lemah	Sederhana	Sederhana
Ekstrinsik:			
Ganjaran	Lemah	Lemah	Lemah
Sukan	Lemah	Sederhana	Sederhana
Pendidikan	Lemah	Sederhana	Sederhana
Ibu bapa	Lemah	Sederhana	Sederhana
Jurulatih	Lemah	Sederhana	Sederhana
Rakan Atlet	Lemah	Lemah	Sederhana
Peminat	Lemah	Sederhana	Sederhana
Media Massa	Tiada hubungan	Lemah	Lemah

n=440

Keputusan analisis Jadual 65 menunjukkan faktor intrinsik pemantapan semangat patriotisme iaitu minat, keseronokan, keazaman, positif, fokus, usaha, keyakinan dan berdaya saing mempengaruhi secara lemah aspek pengetahuan patriotisme. Manakala faktor keazaman dan positif mempengaruhi secara sederhana aspek pengetahuan patriotisme ini. Seterusnya, keseluruhan faktor intrinsik mempengaruhi secara sederhana aspek nilai atau perasaan dan perlakuan patriotik. Hanya faktor intrinsik iaitu keyakinan mempengaruhi secara lemah aspek perlakuan patriotik atlet.

Bagi faktor ekstrinsik pemantapan patriotisme iaitu ganjaran, sukan, pendidikan, rakan atlet, penonton atau peminat dan media massa mempengaruhi secara lemah aspek pengetahuan patriotisme. Manakala ibu bapa dan jurulatih tidak mempengaruhi aspek

pengetahuan patriotisme. Seterusnya, faktor ekstrinsik mempengaruhi secara lemah aspek nilai atau perasaan dan perlakuan patriotik. Pun begitu penonton atau peminat mempengaruhi secara sederhana aspek nilai atau perasaan patriotisme atlet.

Jadual 65

Hubungan Faktor Intrinsik-Ekstrinsik Patriotisme dengan Pengetahuan, Nilai dan
Perlakuan

Intrinsik:	Pengetahuan	Nilai/Perasaan	Perlakuan
Minat	Lemah	Sederhana	Sederhana
Keseronokan	Lemah	Sederhana	Sederhana
Keazaman	Sederhana	Sederhana	Sederhana
Positif	Sederhana	Sederhana	Sederhana
Fokus	Lemah	Sederhana	Sederhana
Usaha	Lemah	Sederhana	Sederhana
Keyakinan	Lemah	Sederhana	Lemah
Berdaya Saing	Lemah	Sederhana	Sederhana
Ekstrinsik:			
Ganjaran	Lemah	Lemah	Lemah
Sukan	Lemah	Lemah	Lemah
Pendidikan	Lemah	Lemah	Lemah
Ibu bapa	Tiada hubungan	Lemah	Lemah
Jurulatih	Tiada hubungan	Lemah	Lemah
Rakan Atlet	Lemah	Lemah	Lemah
Peminat	Lemah	Sederhana	Lemah
Media Massa	Lemah	Lemah	Lemah

n=440

Faktor daya saing menyebabkan individu cenderung menjalinkan kerjasama kerana menyedari tanpa kerjasama mereka tidak mampu bersaing dengan hebat (Wong, Low & Yongjie, 2001). Menurut Fehr & Schmidt (1999) dalam Lambak & Jamilah (2006), menegaskan bahawa tekanan persaingan menjalin kerjasama antara individu agar terus bersaing secara sihat. Hal ini berbeza dengan penegasan oleh Ku Hasnita & Mohd Haizam (2011) iaitu peranan pihak institusi pendidikan dan pengamal media

massa amat signifikan kerana kedua-dua pihak ini mempunyai keupayaan untuk mencerna minda dan mendorong jiwa rakyat agar cintakan negara ke tahap yang membanggakan. Menurut Zizan, “ Saya lebih nampak semangat patriotisme lebih terserlah pada atlet dahulu berbanding dengan sekarang, sebab atlet dahulu bertanding tanpa ganjaran sehebat sekarang, namun mereka bermain atas dasar patriotisme dan tidak mengharapkan apa apa balasan, atlet sekarang mungkin faktor tawaran hadiah dan insentif yang lumayan, membuatkan mereka lebih nampak ganjaran lebih utama berbanding menjaga imej atau nama negara.” (Z-INT1-200515-42).

Seterusnya, pemupukan kecintaan terhadap budaya bangsa Malaysia perlu ditekankan dan juga memantapkan program pembangunan sukan. Sukan sebenarnya adalah medium paling mudah untuk menerapkan semangat perpaduan dan semangat cintakan tanah air khususnya bagi pasukan-pasukan yang menyertai pertandingan-pertandingan di peringkat antarabangsa. Biasanya, secara spontan peminat akan menyokong pasukan masing-masing dan inilah satu cara yang boleh digunakan untuk menerapkan semangat patriotisme dengan lebih berkesan (Alimuddin, 2011). Manakala, bagi atlet itu sendiri harus sedar peranan dan tanggungjawab terhadap negara. Menurut Zizan, “... atlet yang mewakili negara terutamanya, harus faham dan sedar akan tanggungjawab apabila memakai, menggalas atau mewakili negara kita. Apabila layak mewakili negara, secara tak langsung, merupakan duta dalam bidang sukan. Mereka harus sedar, sedang mewakili negara yang merdeka, adalah menjadi tanggungjawab untuk menaikkan nama baik negara di persada antarabangsa. Yang lainnya ialah, mereka perlu menanamkan semangat cinta akan negara.” (Z-INT1-200515-20-22).

Menurut Wold & Andessen (1992), (dalam Berger et al., 2002), kajian terhadap lebih kurang 40,000 kanak-kanak sekolah mendedahkan bahawa ibu bapa, rakan baik serta adik beradik yang melakukan senaman mendorong kanak-kanak ini bersenam hingga dewasa. Kanak-kanak yang menerima dorongan ibu bapa untuk giat dalam

aktiviti fizikal lebih aktif berbanding kanak-kanak yang tidak menerima sokongan ibu bapa. Selain itu, kecenderungan individu terhadap ganjaran menyebabkan mereka tidak mempedulikan orang lain, tamak, bangga dengan kejayaan peribadi, menjadikan orang lain sebagai mangsa dan memonopoli setiap peluang yang ada (Lambak, 2001). Seterusnya Dixon (2000), membentangkan kritikan terhadap bentuk patriotisme moden dalam sukan. Walaupun ia sering dikaitkan dengan sikap dan tindakan chauvinis, manifestasi patriotisme ini adalah ekstrinsik kepada sokongan untuk atlet dari negara tersebut. Aspek-aspek positif patriotisme dalam sukan iaitu penghargaan permainan yang baik serta membina hubungan antarabangsa, jauh melebihi yang negatif seperti perkauman, jingoisme dan keganasan. Oleh itu patriotisme adalah wajar dikaitkan dengan aktiviti sukan.

Perbezaan Berdasarkan Demografi

Analisis Ujian-t menunjukkan pengetahuan patriotisme, nilai atau perasaan patriotisme, perlakuan patriotik, faktor intrinsik (pencapaian sukan), faktor ekstrinsik (pencapaian sukan), faktor intrinsik (semangat patriotik) dan faktor ekstrinsik (semangat patriotik) tidak berbeza dengan signifikan pada aras 0.05 berdasarkan jantina iaitu lelaki dan perempuan.

Keputusan ini menunjukkan atlet lelaki mahu pun perempuan memiliki pengetahuan, nilai atau perasaan patriotisme dan menonjolkan perlakuan patriotik yang sama terhadap sukan dan negara. Atlet lelaki mahupun perempuan memerlukan motivasi secara intrinsik dan ekstrinsik bagi memantapkan semangat patriotisme dan pencapaian sukan kerana kedua-duanya bergiat aktif untuk menaikkan nama negara dalam bidang sukan. Oleh itu, Meningkatkan kapasiti negara untuk pengetahuan dan inovasi serta memupuk rakyat dengan '*Minda Kelas Pertama.*' Aset negara yang paling berharga adalah rakyatnya. Pembangunan modal insan, meningkatkan mentaliti dan

keupayaan intelek rakyat adalah salah satu cabaran terbesar di bawah RM-Ke9 (Abdullah, 2006).

Analisis Ujian-t menunjukkan faktor intrinsik (semangat patriotik) sahaja yang berbeza dengan signifikan pada aras 0.05 berdasarkan acara sukan atlet iaitu acara berpasukan atau individu. Analisis menunjukkan acara berpasukan lebih tinggi nilai min berbanding acara individu. Keputusan ini disebabkan oleh semangat patriotisme atlet acara berpasukan lebih menonjol berbanding acara individu. Atlet acara berpasukan bermain dengan semangat patriotik yang tinggi kerana mendapat sokongan padu daripada rakan sepasukan yang lain. Aspek-aspek lain tidak berbeza secara signifikan.

Manakala, analisis ujian MANOVA menunjukkan semua aspek berbeza secara signifikan berdasarkan umur atlet. Aspek pengetahuan patriotisme, nilai atau perasaan patriotisme, perlakuan patriotik, faktor intrinsik (pencapaian sukan), faktor ekstrinsik (pencapaian sukan), faktor intrinsik (semangat patriotik) dan faktor ekstrinsik (semangat patriotik) berbeza mengikut umur 13 tahun, 14 tahun dan 16 tahun. Oleh itu, Setiap individu perlu „komited“ kepada sikap keseriusan dan mengekalkan semangat yang tinggi, di samping merangsang kesanggupan, inisiatif dan penglibatan menyeluruh bagi melakukan yang terbaik untuk organisasi. Individu yang kuat rohani, mental dan fizikal, boleh berdikari dan sentiasa memupuk pemikiran positif (Roslan, 2006).

Keputusan ini disebabkan oleh umur mempengaruhi kematangan seseorang atlet untuk berfikir dan bertindak. Atlet yang bermur 13 tahun, 14 tahun dan 16 tahun memiliki pengetahuan patriotisme, nilai atau perasaan patriotisme dan perlakuan patriotik yang berbeza. Atlet di pelbagai peringkat usia memerlukan motivasi secara intrinsik dan ekstrinsik yang berbeza mengikut keperluan atau kehendak yang juga berbeza-beza bergantung kepada diri dan persekitaran sukan. Menurut Abdul Rahim (2004), unsur-unsur patriotisme perlu dipupuk dari peringkat awal kanak-kanak lagi.

Analisis ujian MANOVA juga menunjukkan tiga angkuubah berbeza secara signifikan berdasarkan jenis sukan atlet. Aspek nilai atau perasaan patriotisme, perlakuan patriotik dan faktor intrinsik (pencapaian sukan) berbeza mengikut jenis sukan iaitu bola sepak, badminton, olahraga, hoki dan sepak takraw. Keputusan ini disebabkan oleh atlet sukan tersebut mengalami pengalaman, persekitaran dan program latihan yang berbeza mengikut perancangan jurulatih dan organisasi sukan masing-masing. Atlet sukan bola sepak, badminton, olahraga, hoki dan sepak takraw menghayati nilai atau perasaan patriotisme, menonjolkan perlakuan patriotik dan memiliki faktor intrinsik yang berbeza-beza juga disebabkan oleh latar belakang keluarga yang tidak sama.

Seterusnya, analisis ujian MANOVA menunjukkan dua aspek berbeza secara signifikan berdasarkan penyertaan tertinggi atlet. Faktor intrinsik (pencapaian sukan) dan faktor intrinsik (semangat patriotisme) berbeza mengikut rekod atau penyertaan tertinggi sukan. Keputusan ini disebabkan oleh faktor intrinsik yang mendorong atlet bersukan sehingga ke peringkat tertinggi dan semangat patriotik itu sendiri adalah sumber dalaman yang mendorong pencapaian terbaik dalam sukan. Atlet memiliki faktor intrinsik pencapaian sukan dan pemantapan semangat patriotisme yang berbeza disebabkan oleh pemikiran, perasaan, nilai dan mempunyai matlamat tersendiri yang ingin dicapai dalam sukan masing-masing.

Analisis ujian MANOVA menunjukkan semua angkuubah tidak berbeza secara signifikan berdasarkan pencapaian sukan atlet. Aspek pengetahuan patriotisme, nilai atau perasaan patriotisme, perlakuan patriotik, faktor intrinsik (pencapaian sukan), faktor ekstrinsik (pencapaian sukan), faktor intrinsik (semangat patriotisme) dan faktor ekstrinsik (semangat patriotisme) tidak berbeza mengikut pingat atau pencapaian terbaik sukan. Manakala menurut Ku Hasnita & Mohd Haizam (2011), penghayatan nilai-nilai patriotisme oleh seseorang amat relevan untuk menyumbang ke arah kemajuan negara.

Begitu juga dengan kejayaan dalam bidang-bidang lain seperti sukan dan sains teknologi yang boleh mengharumkan dan melonjakkan nama negara di mata dunia.

Keputusan ini disebabkan oleh pencapaian sukan iaitu meraih pingat emas, perak atau gangsa bukan sahaja bergantung kepada semangat patriotisme dan faktor intrinsik atau ekstrinsik semata-mata. Ia juga bergantung kepada pengadil, persekitaran pertandingan dan nasib seseorang atlet. Walaupun mereka sudah melengkapkan diri dengan kemahiran fizikal dan mental, namun jika nasib tidak menyebelahi maka kemenangan pasti bukan milik mereka. Menurut Clark, Walton, Flower & Oakley (2008), pencapaian seseorang boleh diperbaiki melalui pembinaan kekuatan diri dan fizikal, matlamat dan perancangan kerjaya yang jelas. Pun begitu, apabila diajukan hal kemerosotan sukan dan patriotisme, Zizan memberi reaksi, “Saya bersetuju dengan pernyataan ini, sebab apa, kalau atlet tersebut tidak mempunyai semangat patriotisme yang tinggi atau mendalam dalam diri masing-masing. Apabila bertanding di peringkat antarabangsa, tiada satu keiginan yang cukup tinggi untuk menaikkan nama negara, mungkin mereka melihat dari sudut hadiah dan kepentingan diri sendiri sahaja. Apabila hadiah tidak menarik maka dia tidak bersungguh-sungguh meletakkan „*ranking*” yang baik dalam satu-satu kejohanan.” (Z-INT1-200515-12).

Selain itu, analisis ujian MANOVA menunjukkan empat angkubah berbeza secara signifikan berdasarkan pengalaman dalam sukan atlet. Aspek nilai atau perasaan patriotisme, perlakuan patriotik, faktor intrinsik (pencapaian sukan) dan faktor ekstrinsik (pencapaian sukan) berbeza mengikut pengalaman sukan. Selain itu, Setiap individu perlu berpegang kepada prinsip bahawa setiap sen yang dibelanja perlu diambil kira, serta menyedari bahawa menyumbang lebih baik daripada menerima. Individu seperti ini akan sentiasa memberi tumpuan kepada matlamat dan berjuang secara berterusan untuk mencapainya (Roslan, 2006).

Keputusan ini disebabkan oleh pengalaman sukan berupaya membentuk nilai atau perasaan patriotisme, perlakuan patriotik, faktor intrinsik dan ekstrinsik pencapaian sukan. Pengalaman sukan bukan sahaja menyebabkan atlet mengalami pertumbuhan fizikal yang cepat tetapi juga membentuk minda yang lebih matang dan terbuka. Atlet ini diberi pula telah diberikan pendedahan sehingga ke peringkat antarabangsa dalam usaha meningkatkan prestasi sukan. Pengalaman yang ditimba membantu perkembangan perasaan dan perlakuan patriotik serta mempengaruhi faktor intrinsik dan ekstrinsik pencapaian sukan.

Sumbangan Faktor Intrinsik-Ekstrinsik

Nilai Beta 0.133 menggambarkan nilai peratus keyakinan yang akan menyebabkan perubahan sebanyak 0.133 bagi nilai pencapaian sukan atlet. Nilai ini adalah kecil untuk mempengaruhi nilai pencapaian sukan atlet, yang boleh dipertimbangkan. Pun begitu, keyakinan diri adalah penting agar atlet mampu bersaing di peringkat global dan bermain dengan cemerlang bagi mencapai kejayaan dalam pertandingan sukan.

Seterusnya, nilai Beta 0.368 menggambarkan nilai peratus usaha yang akan menyebabkan perubahan sebanyak 0.368 bagi nilai pemantapan semangat patriotisme dari aspek pengetahuan atlet. Nilai ini adalah sederhana untuk mempengaruhi nilai pemantapan semangat patriotisme dari aspek pengetahuan atlet, dan boleh dipertimbangkan. Malah kejayaan sukar dicapai dan memerlukan daya usaha yang berterusan, apatah lagi bagi membentuk atlet yang berilmu, patriotik dan cemerlang dalam bidang sukan.

Seterusnya, Nilai Beta 0.305 menggambarkan nilai peratus positif, berdaya saing, minat dan keazaman yang akan menyebabkan perubahan sebanyak 0.305 bagi nilai pemantapan semangat patriotisme dari aspek nilai atau perasaan. Nilai ini adalah

sederhana untuk mempengaruhi nilai pemantapan semangat patriotisme dari aspek perasaan, dan boleh dipertimbangkan. Maka atlet yang bersikap positif, berdaya saing, berminat dan memiliki keazaman yang tinggi mampu menghadapi cabaran patriotisme dan sukan serta membentuk personaliti yang unggul. Malah Perdana Menteri Malaysia sering menggunakan slogan '*Personaliti Dijulang Tinggi*' yang melibatkan penerapan dan konsentrasi minda, semangat, kerja keras serta amalan baik (Roslan, 2006).

Seterusnya, nilai Beta 0.275 menggambarkan nilai peratus positif, keseronokan, keazaman, minat dan fokus yang akan menyebabkan perubahan sebanyak 0.275 bagi nilai pemantapan semangat patriotisme dari aspek perlakuan atlet. Nilai ini agak kecil untuk mempengaruhi nilai pemantapan semangat patriotisme dari aspek perlakuan, yang boleh dipertimbangkan. Sikap positif, seronok, berazam, berminat dan fokus adalah penting bagi rakyat Malaysia untuk terus mengekalkan nilai-nilai yang baik. Ia adalah jelas bahawa sekiranya nilai-nilai ini diabaikan, ia akan terhakis oleh proses pembangunan dan globalisasi dengan lebih cepat daripada apa yang dibayangkan (Tengku Rethwan, 2006).

Seterusnya, nilai Beta 0.239 menggambarkan nilai peratus pendidikan, ganjaran dan media massa yang akan menyebabkan perubahan sebanyak 0.239 bagi nilai pemantapan semangat patriotisme dari aspek pengetahuan atlet. Nilai ini adalah kecil untuk mempengaruhi nilai pemantapan semangat patriotik dari aspek pengetahuan, yang boleh dipertimbangkan. Pendidikan adalah penting bagi semua bangsa terutama atlet, manakala ganjaran dan peranan media massa boleh meningkatkan semangat patriotisme atlet. Kesepaduan antara pendidikan, ganjaran dan media massa akan melahirkan atlet yang berilmu pengetahuan dan mampu berfikir buruk baik sesuatu tindakan sebelum melakukannya. Oleh itu, sekolah adalah tempat di mana benih perpaduan dan integrasi nasional dipupuk. Maka aktiviti kurikulum dan kokurikulum perlu dikaji semula bagi

memastikan kecekapan asas yang kukuh dan selaras dengan tuntutan sumber manusia semasa negara (Abdullah, 2006).

Seterusnya, nilai Beta 0.212 menggambarkan nilai peratus sukan, penonton, pendidikan dan jurulatih yang akan menyebabkan perubahan sebanyak 0.212 bagi nilai pemantapan semangat patriotisme dari aspek nilai atau perasaan atlet. Nilai ini adalah kecil untuk mempengaruhi nilai pemantapan semangat patriotisme dari aspek nilai atau perasaan, yang boleh dipertimbangkan. Menurut Hellrung (2009), para atlet mengakui bahawa sokongan positif daripada jurulatih sangat penting untuk keseronokan, dan penglibatan berterusan dalam aktiviti sukan. Ini bermakna sukan, penonton, pendidikan dan jurulatih memainkan peranan penting dalam memantapkan nilai atau perasaan patriotisme atlet. Malaysia juga akan terus menggalakkan dasar sukan untuk semua dan sukan prestasi tinggi. Sektor swasta turut digalakkan untuk menyediakan kemudahan sukan dan rekreasi serta menaja program sukan dan rekreasi (Abdullah, 2006).

Apabila diajukan soalan berkaitan aktiviti sukan yang dikatakan berkait rapat dengan nilai dan semangat patriotisme. Zizan memberikan reaksi, “Pada saya, saya bersetuju, memang aktiviti sukan boleh menanam semangat patriotisme yang tinggi dalam diri berbanding dengan non atlet, sebab atlet telah dilatih sebegitu rupa dan diterap dengan nilai patriotisme dalam diri mereka.” (Z-INT1-200515-26). Manakala Iyad member ulasan berikut, “Semangat patriotisme boleh dilihat melalui sukan pertandingan, bila melibatkan lawan terutama dari pasukan yang digelar musuh tradisi. Iya, semangat ini dipupuk semasa bersukan agar atlet mempunyai semangat juang yang tinggi.” (I-INT3-240515-24). Pihak guru, jurulatih dan penyokong sukan perlu berganding bahu menjadikan sukan sebagai medan pertempuran semangat patriotik terhadap negara. Selain itu, sukan memainkan peranan penting dalam memperkukuh keharmonian dan perpaduan negara, memupuk semangat patriotisme dan membangunkan masyarakat yang berdisiplin dan berdaya saing.

Seterusnya, nilai Beta 0.241 menggambarkan nilai peratus jurulatih, ibu bapa, pendidikan, ganjaran dan penonton yang akan menyebabkan perubahan sebanyak 0.241 bagi nilai pemantapan semangat patriotisme dari aspek perlakuan. Nilai ini agak kecil untuk mempengaruhi nilai pemantapan semangat patriotisme (perlakuan), yang boleh dipertimbangkan. Menurut, Hellrung (2009), para atlet menyatakan sokongan positif daripada ibu bapa sangat penting untuk keseronokan, dan penglibatan berterusan dalam aktiviti sukan. Maka para jurulatih, ibu bapa, pendidikan, ganjaran dan penonton membawa pengaruh yang besar terhadap perlakuan patriotik atlet. Mereka patut menunjukkan perlakuan patriotik agar ia menjadi contoh atau model kepada atlet. Selain itu, adalah perlu untuk mengukuhkan unit keluarga, meningkatkan penyertaan dan peranan masyarakat ke arah memupuk masyarakat yang lebih toleran dan penyayang (Tengku Rethwan, 2006).

Implikasi Kajian

Pemupukan dan pemantapan semangat patriotisme menerusi program akademik dan sukan perlu diberi perhatian serius oleh semua pihak iaitu guru, jurulatih, pihak sekolah, agensi sukan dan kerajaan termasuk atlet sendiri. Ini kerana, pemupukan patriotisme dikaitkan dengan usaha melahirkan generasi muda yang berhemah tinggi, bangga terhadap negara, berjati diri dan bersedia menyumbang kepada bangsa dan negara (Barker, 2002). Justeru itu, pemahaman dan pemantapan unsur-unsur patriotisme perlu seiring dengan perkembangan mental dan fizikal (Erikson, 1963). Pemantapan patriotisme membentuk atlet yang bertanggungjawab dan berdisiplin, seterusnya mendorong pencapaian sukan negara. Implikasi kajian ini melibatkan golongan atlet, guru-jurulatih, sekolah sukan dan pihak kerajaan.

Golongan Atlet dan Generasi Muda

Kefahaman terhadap semangat patriotisme dan kepentingannya terutama bagi warga muda bakal membentuk sebuah negara yang cemerlang dan kekal berdaulat menuju sebuah negara maju serta makmur menjelang wawasan 2020. Ini kerana mengikut Lay & Torny-Purta (2004), murid yang cinta dan bangga terhadap negara kurang melakukan kegiatan negatif, lebih bertanggungjawab dan mematuhi peraturan. Warganegara yang patriotik menjamin keamanan dan kesejahteraan negara yang bermasyarakat majmuk. Atlet perlu menyedari iaitu semakin banyak unsur-unsur patriotisme difahami maka pemantapan patriotisme akan bertambah seiring dengan perkembangan mental atau kognitif seseorang (Erikson, 1963).

Atlet yang telah meraih kejayaan sepatutnya menjadi model dan pembimbing bagi rakan atlet yang lebih muda. Bimbingan rakan sebaya lebih berkesan dan bermakna berbanding pengajaran guru dan ibu bapa. Atlet perlu dibimbing untuk menganalisis dan menilai fakta sejarah secara rasional untuk memahami mesej di sebaliknya sesuatu peristiwa. Dengan cara ini atlet dapat mengambil pengajaran untuk membina kekuatan semangat cinta akan negara (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2000). Golongan atlet ini perlu menyedari kepentingan ilmu pengetahuan dan mampu menggunakan ilmu tersebut bagi meraih kejayaan dalam hidup. Golongan ini juga patut mencontohi atlet barat yang bukan sahaja cemerlang dalam sukan tetapi juga memiliki ilmu pengetahuan yang tinggi.

Generasi muda terutama atlet membuat keputusan dan tindakan yang bijak sesuai dengan nilai dan budaya setempat. Dengan ini nilai dan identiti sebagai rakyat Malaysia dapat dipertahankan, semangat patriotik dapat dimantapkan dan mempunyai ketahanan fizikal dan mental yang kuat bagi menghadapi cabaran menjelang negara maju pada abad ke-21 (Haminah, 2007). Pemupukan semangat patriotisme mampu membentuk pemikiran yang matang dan tindakan berhemah apabila melibatkan maruah

dan imej bangsa dan negara. Golongan atlet yang berkualiti tinggi mampu menjadi idola remaja dan menjadi pelapis pemimpin negara yang berwibawa pada masa hadapan.

Para Ibu Bapa, Pendidik dan Jurulatih

Semua pihak perlu berganding bahu dalam usaha melahirkan modal insan iaitu golongan atlet yang berpengetahuan dan patriotik. Para guru dan jurulatih perlu memainkan peranan penting dengan memahami dan menjadi model yang berilmu dan patriotik. Pengajaran di bilik darjah dan di padang perlu disepadukan agar mampu melahirkan atlet yang mahir fizikal dan kuat mentalnya. Presiden Jiang menekankan pengajaran patriotisme, sosialisasi, menghormati kerajaan, bermoral tinggi, berilmu pengetahuan dan berdisiplin bagi mengembalikan semula kegemilangan China (Baogang He & Tingje Guo, 2000). Setiap guru dan jurulatih perlu menunjukkan kualiti dan kewibawaan bagi mencapai matlamat pemantapan semangat patriotisme (Abdul Rahim, 2001).

Guru merupakan agen penting yang mampu mengubah paradigma kenegaraan dan melahirkan warganegara yang baik, bersatu padu dan patriotik (Aminuddin, 1957). Manakala perbincangan dengan orang yang lebih dewasa seperti guru dan jurulatih mampu memupuk patriotisme dalam kalangan atlet (Lay & Torney-Purta, 2004). Maka semua pendidik terutama guru Sejarah, Pendidikan Sivik dan Pendidikan Moral serta jurulatih perlu berusaha menggalakkan atlet terlibat secara aktif ketika berada di kelas dan di padang sukan. Pengajaran dan pembelajaran perlu lebih berkesan dan program latihan yang diadakan perlu seimbang, bukan hanya menekankan aspek perkembangan fizikal semata-mata. Aktiviti yang dilaksanakan perlu relevan dengan perkembangan semasa tanpa meminggirkan unsur-unsur patriotisme yang seharusnya mekar di jiwa anak-anak bangsa.

Guru atau pendidik membawa pengaruh yang besar terhadap motivasi dan tingkah laku yang ditunjukkan di kelas menjadi ikutan murid berbanding ibu bapa (Wentzel, 2002 & Zhang, 2007). Manakala, Yen-Hsin Chen (2009), menegaskan guru yang menjadi „*role model*” yang baik akan membentuk identiti positif dalam kalangan murid. Selain itu, Lickona (1993) guru perlu menjadi model yang prihatin atau „*aring*” bagi memotivasikan sikap altruistik dalam kalangan murid. Pandangan para pengkaji tersebut menunjukkan pentingnya peranan guru dalam membina anak-anak bangsa melalui proses pengajaran dan pemodelan tingkah laku. Manakala, Murray & Pianta (2007), menekankan interaksi antara guru dan murid boleh memotivasikan murid untuk belajar dan meningkatkan fungsi sosial-emosi.

Para pendidik, jurulatih dan ibu bapa perlu memberi perhatian terhadap pemupukan semangat patriotisme ketika atlet berada di rumah, padang mahu pun di kelas akademik. Pemupukan dan pemantapan patriotisme generasi atlet ke arah pembinaan negara bangsa yang bertanggungjawab dan menjunjung tinggi Perlembagaan negara. Hal ini selaras dengan pembentukan konsep 1Malaysia yang maju dan patriotik menjelang Wawasan 2020. Proses ini perlu berterusan dan meliputi pelbagai aspek kehidupan termasuklah ketika belajar dan bersukan. Kegiatan kurikulum, kokurikulum dan sukan perlu seimbang bagi melahirkan atlet yang seimbang dari aspek rohaniah, emosi, intelektual dan patriotik. Menurut, Khalim & Aminudin (2008), tingkah laku positif terbentuk melalui pengalaman positif dan begitulah sebaliknya. Oleh itu, guru dan jurulatih perlu mencipta pengalaman positif dalam usaha membentuk tingkah laku yang baik dan patriotik.

Pihak Sekolah, Persatuan Sukan dan Kerajaan

Menurut Lickona (1997), sekolah juga merupakan tempat terbaik untuk membina masyarakat muda yang berilmu, berperibadi mulia atau „*virtue*“ dan bermoral. Sekolah adalah institusi memupuk dan menyemai semangat cinta anak-anak bangsa terhadap negara. Oleh itu, institusi kekeluargaan dan pendidikan perlu berganding bahu dalam usaha melahirkan atlet yang berjiwa patriotik. Institusi pendidikan dan sukan pula perlu menyediakan program dan aktiviti yang berpaksikan patriotisme sepanjang tahun. Lickona (1997) & Nodding (1997), matlamat pendidikan umumnya dan Pendidikan Karakter dan Moral khususnya ialah membentuk perwatakan yang positif melalui penentuan matlamat hidup yang jelas dan realistik. Manakala pendidikan Sejarah, Pendidikan Moral serta Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan bertujuan melahirkan warganegara yang patriotik dan seimbang jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial.

Pihak kerajaan Malaysia pula patut memperkemaskan dasar pendidikan dan sukan agar ia berkesan dalam melahirkan warganegara yang berkualiti tinggi. Program pertukaran atlet perlu diadakan dengan negara luar yang berjaya menonjolkan semangat patriotisme yang tinggi seperti Thailand dan Indonesia. Menurut Sivani, “Malaysia masih ketinggalan berbanding Thailand dan Indonesia. Indonesia tidak mempunyai perbelanjaan yang banyak, tetapi atlet Indonesia boleh berjuang di mana-mana, penyokongnya juga menang bersorak, dengan slogan Indonesia, dan dari situ kita boleh melihat sokongan padu peminat pasukan lain.” (S-INT2-220515-14). Manakala Yara, “Kalah dan menang adat pertandingan, pasukan yang menang kita jadikan contoh, perlu tingkatkan kemahiran sukan dan semangat agar corak permainan lebih mantap.” (Y-INT4-280515-12). Tuntasnya, Pihak kerajaan perlu lebih peka kepentingan semangat patriotisme dengan memantau pelaksanaan program berkaitan secara lebih serius di pelbagai peringkat sehingga ke akar umbi.

Cadangan dan Tindakan

Patriotisme merupakan pemangkin bagi membina negara bangsa yang berdaulat dan disanjung tinggi. Semangat ini perlu dimantapkan seiring dengan pembangunan dan kesejahteraan negara. Patriotisme tidak boleh dibiarkan pudar ditelan arus pemodenan negara, malah ianya perlu dibangkitkan sebagai inspirasi terhadap pengekaln sejarah negara. Matkin (2008), mengulas pandangan Miller mengenai enam prinsip universal dalam konsep realisme etika sebagai panduan yang baik untuk bertindak. Enam prinsip universal tersebut adalah berjimat-cermat, patriotisme, bertanggungjawab, belajar, kemanusiaan dan menghormati orang lain.

Pembentukan Karakter Atlet Patriotik

Kanak-kanak yang dipupuk dengan unsur-unsur patriotisme sejak dari awal akan menjadi warganegara yang bertanggungjawab (Murray, 1993). Penglibatan atlet dalam sukan seawal usia sembilan tahun perlu dimanfaatkan sebaik mungkin bagi pemupukan semangat patriotisme. Pihak Kementerian Pelajaran Malaysia (2000) juga menjelaskan bahawa pemupukan patriotisme perlu dilakukan secara berterusan berasaskan pelbagai peringkat umur. Oleh itu, usaha pemantapan patriotisme wajar diberi perhatian oleh semua golongan masyarakat tanpa mengira agama dan bangsa. Pembentukan karakter atlet patriotik dan semangat kesukanan yang tinggi boleh dihasilkan melalui penggabungan pendekatan pembelajaran sosial, moral, psikologi dan fizikal seperti aktiviti sukan (Zamri & Mohd Sofian, 2001).

Penekanan terhadap semangat patriotisme menjurus kepada kepentingan politik, ekonomi dan sosial negara. Manakala, penerapan unsur patriotisme yang lain seperti motivasi, sikap, kewarganegaraan, sosialisasi dan tindakan ke arah pembinaan negara tidak harus dipinggirkan kerana ianya saling berkaitan dalam membina warganegara yang patriotik dan bertanggungjawab (Mohamad Sultan, 2010). Manakala, Barker

(2002), pemupukan patriotisme dikaitkan dengan usaha membentuk generasi muda yang berhemah tinggi, berbangga terhadap bangsa dan negara, berjati diri dan mampu menyumbang kepada pembangunan negara. Seterusnya, Bar-Tal (1993), dari sudut psikologi tingkah laku, patriotisme menjadi asas pembentukan perasaan dan sikap tertentu terhadap negara.

Menjelang tahun 2020, asakan budaya dan nilai barat menjadi semakin ketara dalam mempengaruhi pemikiran golongan remaja di Malaysia. Kurangnya kesedaran dan amalan gaya hidup kebaratan dalam kalangan masyarakat semakin memudahkan identiti diri dan keluarga. Kemudahan perhubungan dan komunikasi tanpa sempadan juga membentuk generasi baru yang berpengetahuan tetapi kosong jiwa dan semangat patriotik. Bagi menghadapi cabaran ini, semangat patriotisme menjadi senjata paling berkesan dalam menangkis penjajahan minda dan jiwa. Menurut Mohamad (2000), Malaysia mampu mengekang asakan nilai barat dan kelunturan jati diri dengan gagasan semangat patriotisme dan nasionalisme.

Pendidikan Patriotisme dan Sukan Bersepadu

Pemantapan patriotisme menerusi program sukan boleh membawa impak yang besar terhadap industri sukan negara. Ia akan memberi nyawa dan semangat baru yang mendorong warga atlet bersukan demi mengharumkan nama negara di persada dunia. Sukan merupakan medium terbaik dalam menonjolkan semangat patriotisme terhadap bangsa dan negara. Atlet yang dilengkapi dengan semangat patriotisme mampu bersaing dengan lebih baik dan cemerlang dalam menyumbang bakti terhadap negara. Zizan menegaskan, "Secara ekstrinsik pula, kita perlu ujudkan banyak program berkaitan patriotisme seperti Kem Bina Semangat dan program berkaitan untuk tingkatkan semangat patriotisme atlet." (Z-INT1-200515-64). Manakala Iyad berpendapat, "Faktor luaran yang penting ialah hasil yang diperolehi terutama dalam

bentuk wang ringgit dan kebendaan. Patriotisme bukan sesuatu yang mudah, perlukan pengorbanan tetapi sejauhmana kita sendiri sanggup berkorban untuk negara.” (I-INT3-240515-66). Menurut Abdul Rahim (2002) & Turner (2002), semangat patriotisme melambangkan kekuatan sesuatu bangsa dan kepujungan semangat ini menimbulkan kelemahan, kurang semangat juang dan tidak mampu bersaing.

Seterusnya, pencapaian sukan negara perlu dipertingkatkan dengan menghasilkan lebih ramai atlet yang berprestasi tinggi dan patriotik. Minat dan semangat patriotisme perlu disemai sejak kecil, dilengkapi dengan kemahiran fizikal dan mental agar mampu berdaya saing di peringkat antarabangsa. Menurut Z, “Minat pula perlu ada dalam sukan terutama bagi sukan bprestasi tinggi, jika tidak, takkan bertahan lama, melibatkan latihan yang hebat, jika minat tiada, seminggu dua atlet akan lari, perlu minat barulah mampu bertahan.” (Z-INT1-200515-32). Manakala Iyad turut bersetuju, “Apabila kita melakukan sesuatu dengan penuh minat, kita rasa suka dan mahukan yang terbaik. Tanpa minat, tak mungkin mampu bertahan sebagai atlet, bukan mudah untuk meraih kejayaan sukan, perlukan pelbagai kombinasi kemahiran fizikal dan mental.” (I-INT3-240515-30). Manakala Turner (2001), menjelaskan individu yang berminat akan mendapatkan bimbingan rakan, guru dan jurulatih yang lebih berpengalaman bagi mengatasi sesuatu perkara. Minat ini juga akan mendorong atlet menjadi warganegara yang patriotik dan mampu meraih pingat kemenangan sebagai tanda kebaktian terhadap negara. Manakala, usaha pemupukan patriotisme mampu melahirkan murid yang sayang dan cinta akan negara (Aminuddin, 1957).

Menurut, Nathanson (1993) & Cohen (1996), patriotisme boleh dijelaskan dalam pelbagai peringkat, bermula dari sederhana ke melampau, dari hal yang sepatutnya untuk tanah air sendiri kepada mengabaikan orang lain, dari komitmen dan keazaman untuk membantu negara memenuhi cita-cita kepada rasional untuk alasan kegagalan paling buruk. Ini bermakna semangat patriotisme menjadi pendorong atlet berjuang dan

berusaha mengharumkan nama negara tercinta dalam bidang sukan yang diceburi. Golongan ini berkeinginan meletakkan nama negara setanding pencapaian sukan negara lain. Selain itu, patriotisme merupakan perasaan sayang dan bangga akan negara, ingin menyokong dan mempertahankan keagungannya (La Machia, 2000).

Semangat patriotisme juga merupakan motivasi dalaman selain ganjaran wang dan pangkat yang mendorong pencapaian sukan. Pencapaian sukan itu sendiri mampu meningkatkan prestasi diri dan mengekalkan tingkah laku positif. Pencapaian dan kejayaan dalam sukan akan meningkatkan motivasi intrinsik bila mana atlet merasakan diri mereka telah mempamerkan prestasi terbaik berbanding dengan individu yang mempunyai persepsi kejayaan rendah (Lim & Mohd Sofian, 2002). Selain itu, dapatan kajian Intasuwan (1985) dalam Mohd Daud (1990), di Asia dan barat menunjukkan adanya hubungan positif di antara pencapaian dengan motivasi pencapaian bagi kanak-kanak lelaki. Menurut Zizan, "Faktor intrinsik perlu ada dalam jiwa setiap atlet, mereka perlu ada satu satu sifat ataupun keinginan untuk menaikkan atau menjaga nama baik negara. Apabila faktor ini ada dalam diri, mereka akan mempersembahkan yang terbaik pada negara." (Z-INT1-200515-62). Manakala, Maslow's (1954), mengaitkan patriotisme dengan teori motivasi iaitu sesuatu tindakan bagi memenuhi keperluan asas individu atau kumpulan seperti rasa cinta dan hormat terhadap bangsa dan negara.

Manakala, dapatan kajian kes ini pula menunjukkan bahawa identiti kebangsaan telah menjadi faktor motivasi utama untuk para sukarelawan dan merupakan sumbangan nilai tambah yang signifikan bagi kejayaan Sukan Olimpik. Pengukuran prestasi sedemikian secara analisis kualitatif disokong oleh kepuasan pelanggan (Karkatsoulis, Michalopoulos & Moustakatou, 2005). Berdasarkan Khoo Kay Kim (2002) & Gordon (2000), hal ini bertepatan dengan makna semangat patriotisme yang dianggap sebagai kesetiaan dan kecintaan terhadap bangsa dan negara serta berkeinginan mempertahankan maruah negara (Lay & Torney-Purta, 2004). Selain itu,

patriotisme diperlukan bagi menghadapi persaingan dan cabaran negara membangun (Callan, 1997) dan mengekang asakan budaya barat (Mohamad, 2000).

Cadangan Kajian Lanjutan

Kajian ini telah dijalankan di dua buah Sekolah Sukan Malaysia yang mana melibatkan golongan atlet yang menjalani latihan sukan secara intensif dan aktif dalam „*tournament*“ dan pertandingan sukan di dalam dan luar negara. Penglibatan atlet jauh berbeza dengan pelajar sekolah menengah yang berasaskan akademik. Maka, kajian lanjut boleh dijalankan di sekolah menengah yang bilangan pelajarnya lebih tertumpu kepada akademik berbanding sukan. Kajian boleh dibuat untuk melihat semangat patriotisme dalam kalangan murid yang tidak terlibat secara aktif dengan sukan.

Tujuan kajian ini untuk melihat semangat patriotisme dalam kalangan atlet tingkatan 1, 2 dan 4. Aspek patriotisme ini melibatkan pengetahuan patriotisme, nilai atau perasaan patriotisme dan perlakuan patriotik. Tiga aspek utama ini diadaptasikan dari model pembinaan model insan menyeluruh Pendidikan Karakter dan Moral yang disarankan oleh Lickona (1993). Kajian lanjut yang boleh dijalankan ialah dengan memberi tumpuan kepada peranan jurulatih dan guru sebagai role model iaitu dengan menekankan aspek patriotisme dan kesannya terhadap pemantapan semangat patriotisme golongan murid di sekolah harian.

Rumusan

Pembinaan negara bangsa Malaysia yang patriotik amat penting memandangkan negara ini terdiri daripada masyarakat majmuk. Warganegara atlet yang patriotik amat bergantung kepada perkongsian pengetahuan, nilai dan perasaan patriotisme bagi memperkukuhkan perpaduan berasaskan ideologi yang sama. Masyarakat majmuk dengan kepelbagaian bahasa, kebudayaan, agama dan adat resam perlu disatukan

dengan meningkatkan semangat patriotisme. Pemupukan semangat patriotisme membentuk generasi muda yang berhemah tinggi, bangga terhadap bangsa dan negara, memiliki jati diri dan berbakti kepada tanah air (Barker, 2002). Pembinaan negara bangsa yang patriotik juga merupakan agenda penting dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010.

Elemen patriotisme boleh dipupuk melalui aktiviti dalam kumpulan, ceramah, sukan, kelab dan persatuan yang disediakan oleh pihak sekolah dan kerajaan. Usaha memupuk semangat patriotisme dalam kalangan atlet memerlukan gabung jalin usaha pelbagai pihak iaitu kerajaan, sekolah, masyarakat dan individu itu sendiri. Pihak kerajaan berhasrat melahirkan atlet yang mempunyai kemahiran yang tinggi dan berpengetahuan selaras dengan visi dan misi sekolah iaitu melahirkan atlet bertaraf dunia. Dengan cara ini warganegara atlet yang dilahirkan diharap mampu menyumbang bakti dan menjulang nama negara di persada sukan dunia.

BIBLIOGRAFI

- A. Aziz Deraman. (1996). *Kamus Dewan (3rd Ed.)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Abd. Aziz Mahayudin. (2007). Tahap Komunikasi Murid Tingkatan Dua Dengan Bapa Dan Ibu: Satu Kajian Kes. Dalam: *Jurnal Penyelidikan Pendidikan*. Selangor: Institut Perguruan Islam.
- Abd. Rahim Abd. Rashid. (2000). *Model Dan Pendekatan Pengajaran Sejarah KBSM*. Selangor: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Abd. Rahim Abd. Rashid. (2001). Guru Sejarah Berkesan Dan Bermotivasi Tinggi Dalam Pengajaran Sejarah Dan Penerapan Patriotisme. *Persidangan Kebangsaan Pendidikan Sejarah Ke Arah Pembentukan Warganegara Patriotik. Bahagian Pembangunan Kurikulum Dan Persatuan Sejarah Malaysia*. Kuala Lumpur: 8-12 Oktober.
- Abd. Rahim Abd. Rashid. (2002). *Pengajaran Dan Pembelajaran Sains Sosial: Teori dan Amalan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Abd. Rahim Abd. Rashid. (2002). *Education And Nation Formation In Malaysia: A Structural Analysis*. Kuala Lumpur: Universiti Of Malaya Press.
- Abd. Rahim Abd. Rashid. (2004). *Patriotisme: Agenda Pembinaan Bangsa*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Abdul Ghafar Baba. (2006). *Penitanku: Sebuah Catatan Peribadi Allahyarham Tun Abdul Ghafar Baba*. Kuala Lumpur: Sure Focus Sdn. Bhd.
- Abdul Jalil Othman. (2007). Quality Teachers For Today And Tomorrow. *Issues In Education*, 30. Pg. 169-173
- Abdul Latiff Abu Bakar. (1996). *Konsep Patriotisme Dan Nasionalisme*, hlm. 1-7. Dalam: Abdul Latiff Abu Bakar (1996). *Melaka Dan Arus Gerakan Kebangsaan Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Abdul Rahman Md. Aroff. (2005). Character Building In A Changing Society. Selangor: University Putra Malaysia. Dalam: *Asia-Pacific Moral, Civic And Citizenship Education Conference 2005, New Vision New Realities*.
- Abdul Shukor Abdullah (1999). *Surat KP(BS)8575-196 Jld. IV(26)*. 2 Jun 1999. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Abdullah Ahmad Badawi. (2006). *The Ninth Malaysia Plan 2006-2010: Building A Civilization To Elevate The Nation's Dignity*. *Malaysian Social Trends*. May 2006, Volume 06. Malaysia: Institut Sosial Malaysia, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat
- Abdullah Hassan & Ainon Mohd. (2009). *Kemahiran Interpersonal Untuk Guru*. Kuala Lumpur: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.

- Abdullah Hassan & Ainon Mohd. (1994). *English-Malay Synonyms*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Abu Bakar Mohamad Diah. (2005). *Patriotisme: Peranan Masyarakat Malaysia*, hlm. 103-108. Dalam: Mohd Taib Hj. Dora & Rahman Hashim. (2005). *Liberalisasi Komuniti*. Melaka: Kolej Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahamad Rahim, Abdul Razaq Ahmad & Zunaida Zakaria. (2011). *Kurikulum Sejarah Ke Arah Pembentukan Bangsa Di Malaysia*, hlm. 231-240. Dalam: Hansiswany Kamarga, Abdul Razaq Ahmad & Wan Hasmah Wan Mamat. (2011). *International Seminar: Educational Comparative In Curriculum For Active Learning Between Indonesia And Malaysia*. Indonesia: Himpunan Pengembang Kurikulum Indonesia (HIPKIN).
- Ainon Mohd. (2003). *Panduan Menggunakan Teori Motivasi Di Tempat Kerja*. Pahang: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Alimuddin Mohd Dom. (2011). *Pengalaman Dan Perjuangan Proses Membina Negara Di Kalangan Remaja*. Kuala Lumpur: Biro Tatanegara, Jabatan Perdana Menteri.
- Amini Amir Abdullah. (2007). *Nilai, Kerja Kuat, Kenegaraan Dan Patriotisme*, hlm. 197-199. Dalam: Mohamad Hj. Alias, Mohd Safar Hashim, Sapora Sipon, Arshad Hamzah & Sharifah Bahyah Syed Ahmad. (2007). *Koleksi Rencana Merdeka*. Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian Tinggi.
- Aminuddin Baki. (1957). *The National School Of Malaya-Its Problem, Proposed Curriculum And Activities*. Malaya.
- Anderson, B. (2003). *Imagined Communities*. London & New York: Verso.
- Aniza. (2008). *Memupuk Semangat Patriotisme*. Dalam: <http://cikguaniza-isupendidikan.blogspot.com/2008/12/memupuk-semangat-patriotisme.html>.
- Anuar Ahmad. (2001). *Warganegara Patriotik, Masyarakat Sivil Dan Pendidikan Sejarah di Malaysia*. Persidangan Kebangsaan Pendidikan Sejarah ke Arah Pembentukan Warganegara Patriotik. Kuala Lumpur: BPK, KPM dan Persatuan Sejarah Malaysia.
- Anuar Din, Mohamad Nizam Hj. Nazarudin, Malinjah Mahsar, Mohd Sofian Omar Fauzee & Marjohan Jamal. (2008). *Pengurusan Kokurikulum Dan Hubungannya Dengan Penyertaan Pelajar Sekolah Menengah*. *Jurnal Pengurusan Dan Kepimpinan Pendidikan*, hlm. 53-75.
- Arad, U. & Alon, G. (2006). *Patriotism And Israel's National Security: Herzliya Patriotism Survey*. Israel: Institute for Policy And Strategy.
- Ashmore, R. A. (1997). *Inside An Urban Elementary School In The People's Republic Of China*. (Report No. UD031620). School of Education, The University Of Montana, Missoula. In: ERIC Document Reproduction Service No. ED406465.

- Asnirul Azrulhaini Ahmad, Mohd Sheyzal Azman, Wan Faizal Iskandar Wan Abdullah, Noor Asmah Abdul Aziz, Nik Suzana Nik Mat & Tajul Arifin Muhamad. (2011). *Gaya Kepimpinan Pilihan Jurulatih Dari Perspektif Jurulatih Dan Atlet*, hlm. 451-456. Dalam: Hansiswany Kamarga, Abdul Razaq Ahmad & Wan Hasmah Wan Mamat. (2011). *International Seminar: Educational Comparative In Curriculum For Active Learning Between Indonesia And Malaysia*. Indonesia: Himpunan Pengembang Kurikulum Indonesia (HIPKIN).
- Astaman Abd. Aziz. (2006). *Perspektif Memerangi Kemiskinan Bandar Dan Persediaan Pemantapan Ekonomi Dan Sosial Jangka Panjang Melalui Pendidikan*. Seminar Kebangsaan Masyarakat Bandar dan Isu-Isu Kebajikan Masyarakat. Kuala Lumpur: Institut Sosial Masyarakat, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat.
- Atwood, J. R. (2010). *Mindset, Motivation And Metaphor In School And Sport: Bifurcated Beliefs And Behavior In Two Different Achievement Domains*. University Of California, Berkeley. Paper Submission For The American Education Research Association 2010 Annual Meeting Denver, CO. In: ERIC ED509344.
- Awang Sariyan. (2001). *Pendidikan Bahasa Melayu Di Malaysia: Pemenuhan Suatu Idealisme*, hlm. 5. Kuala Lumpur: DBP & Persatuan Linguistik Malaysia.
- Azizi Yahaya, Yusof Boon, Jamaludin Ramli, Jaafar Sidek Latif, Fawziah Yahya & Amir Hamzah Abdul. (2004). *Psikologi Sosial*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Azmi Hassan. (2007). *Jati Diri Tiada Musim*. Utusan Malaysia. Isnin, 20 Ogos 2007.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2000). *Sukatan Pelajaran Sejarah KBSM Ting. 1-5*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2003). *Sukatan Pelajaran Pendidikan Moral KBSM Ting. 1-5*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2005b). *Sukatan Pelajaran Pendidikan Sivik Dan Kewarganegaraan KBSM*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Barker, B. (2002). Values And Practice: History 1971-2002. *Cambridge Journal Of Education, Vol. 32 (1), pg. 61-67*.
- Baker, C. & Jedwab, J. (2003). *Patriotism And Canadian Identity*. In: <http://www.acs-aec.ca/polls/pol40.pdf>.
- Balabanis, G., Diamantopoulos, A., Mueller, R.D., Melewar, T. C. (2001). The Impact Of Nationalism, Patriotism And Internationalism On Consumer Ethnocentric Tendencies. *Journal Of International Business Studies 32(1), 157-175*.
- Baogang He & Tingje Guo. (2000). *Nasionalism, National Identity And Democratization In China*. England: Ashgate Publishing Ltd.

- Bar-Tal, D. (1993). Patriotism as Fundamental Beliefs Of Group Members. *Politics And The Individual*, 3, pg. 45-62.
- Bar-Tal, D. & Staub, E. (1997). *Patriotism In The Lives Of Individuals And Nations*. Chicago: Nelson-Hall Publishers.
- Bar-Tal, D. (2000). *Shared Beliefs In A Society: Social Psychological Analysis*. Thousand Oaks, London, New Delhi: Sage Publications, Inc.
- Bass, M. (2004). *Civic Education Through National Service: Lessons From American History Center For Information And Research On Civic Learning And Engagement*. USA: Brandeis University. In: ERIC Document Reproduction Service No. ED484012.
- Beck, R. C. (2004). *Motivation: Theories And Principles (5th. Ed)*. New Jersey: Pearson Prentice Hall.
- Beedy, J. P. & Gough, R. W. (2000). *Guidelines For Effective Character Education Through Sports*. Washington: The Character Education Partnership.
- Behling, O. & Law, K. S. (2000). *Adventure Therapy With Adolescents*. In: L. Vender Creek (Ed.), *Innovations In Clinical Practice: A Sourcebook, Vol. 1*. Sarasota, FL: Professional Resource Press.
- Bennie Zie Fauzi. (2009). *Maruah Jalur Gemilang*, 17 Mei 2009. Dalam: http://www.bharian.com.my/Current_News/BH/Sunday/Bmdua/20080824104052/Article/.
- Ben-Porath, S. (2006). *Teaching Under Fire, Vol. 4, No. 2*. Penn GSE Perspectives on Urban Education Fall. In: ERIC Document Reproduction Service No. EJ852621.
- Berger, B. G., Pargman, D. & Weinberg, R. S. (2002). *Foundations Of Exercise Psychology*. USA: Fitness Information Technology, Inc.
- Berns, W. (1997). On Patriotism. *Public Interest, Spring, 1997, pg. 19*.
- Bigger, S. (2001). *Exploring Values In The Curriculum: Spiritual, Moral, Social And Cultural Education*. London: David Fulton Publishers.
- Bilton, T., Bonnet, K., Jones, P., Sheard, K., Stanworth, M. & Webster, A. (1987). *Introductory Sociology, pg. 562-569*. London: MacMillan Education Ltd.
- Birch, H. A. (1989). *Nationalism And National Integration*. London: Unwin Hyman Ltd.
- Boeije, H. (2010). *Analysis In Qualitative Research*. Thousand Oaks, CA: Sage.
- Bottery, M. (2003). The End Of Citizenship? The Nation State. Threats To Its Legitimacy And Citizenship Education In The Twenty-First Century. *Cambridge Journal of Education*, 33 (1), pg. 101-120.

- Bowman, K. (2010). *American Patriotism In 2010*. In: <http://www.forbes.com/2010/07/01/american-patriotism-polls-opinionscolumnists-karlynbowmanjuly-fourth.html>
- Brandom, A. (2001). *Citizenship: What Does It Mean To Be A Good Citizen*. In: D. Justin & M. Maquire (eds). *Becoming A Teacher*. Buckingham, Philadelphia: Open University Press.
- Branson, M. (2002). *Patriotism And Civic Literacy*. (Report No. SO034794). Washington: West Virginia Board of Education. In: ERIC Document Reproduction Service No. ED477598.
- Brown, G. K. (2007). Making Ethnic Citizens: The Politics And Practice Of Education In Malaysia. *International Journal Of Educational Development*, 27 (3), pg. 318-330.
- Brown, J. (2001). *Sport Talent: How To Identify And Develop Outstanding Athletes*. Champaign, IL: Human Kinetics.
- Brown, M. R. (2007). Educating All Students: Creating Culturally Responsive Teachers, Classroom And School. *Intervention In School And Clinic*, 43 (1), pg. 57-62.
- Burns, J. & Bracey, P. (2001). Boys' Underachievement: Issue, Challenges And Possible Ways Forward. *Westminster Studies In Education*, 24 (2), pg. 155-166.
- Callan, E. (1997). *Creating Citizen: Political Education In A Liberal Democracy*. Oxford: Oxford University Press.
- Calhoun, D. C. (1987). *Sport, Culture And Personality (2nd Ed.)*. Champaign, Illinois: Human Kinetics Publishers, Inc.
- Cashmore, E. (2005). *Sport Psychology: The Key Concepts*. London & New York: Routledge.
- Changach, J. K. (2011). *History Teaching In Kenyan Secondary School, For Peace, Reconciliation And National Integration*. US-China Education Review B 5, pg. 688-694. Kenya: David Publishing. ERIC ED5276774 (1).
- Chandler, T., Crorin, M. & Vamplew, W. (2007). *Sport And Physical Education: The Key Concepts (2nd Ed.)*. London & New York: Routledge.
- Chang, Lee Hoon. (2004). *Teachers As Agents of Values: Malaysian Perspective*. Paper Presented At The Association For Moral Education Conference, California.
- Chang, Lee Hoon. (2005). *Pendekatan Pendidikan Sivik Dan Kewarganegaraan Dalam Milenium Baru*. Kuala Lumpur: Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- Chien-Lung, Wang. (1998). *National Identity And The Moral Curriculum Development Regarding „Patriotism“ In Taiwan*. (Report No. SO031100). Taiwan Provincial Institute for Elementary School Teachers Inservice Ed (IEST) Taiwan R. O. C. In: ERIC Document Reproduction Service No. ED432529.

- Chin, Yee Mun. (2006). *Malaysia, Ilmu Dan Persepsi Integriti*. Selangor: Prentice Hall.
- Chu, J. & Cooper, D. P. (2003). The Flag And Freedom. *Social Education*. Vol. 67 i6. 327.
- Chua, Yan Piaw. (2006). *Kaedah Penyelidikan Buku I*. Kuala Lumpur: The McGraw-Hill, Companies.
- Choo, Yong Chek & Mohd Sofian Omar Fauzee. (2002). *Pendekatan Psikologi Dalam Menangani Masalah Atlet: Meningkatkan Prestasi Dan Cara Mencapainya*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.
- Clark, M. A., Flower, K., Walton, J. & Oakley, E. (2008). Tackling Male Underachievement: Enhancing A Strengths-Based Learning Environment For Middle School Boys. *Professional School Counseling*, 12 (2), pg. 127-132.
- Coakley, J. & Dunning, E. (2004). *Handbook Of Sport Studies*. London: Sage Publications.
- Coakley, J. (2003). *Sport In Society: Issues And Controversies* (8th Ed.). Colorado Springs: McGraw Hill.
- Coakley, J. (2004). *Sport in Society: Issues and Controversies* (8th Ed.). Colorado Springs: McGraw Hill.
- Cogan, J. J. & Derricott, R. (2000). *Citizenship For 21st Century: An International Perspective On Education* (5th Ed.). New York: Routledge.
- Cohen, J. (1996). *For Love of Country: Debating The Limits Of Patriotism*. Boston: Beacon Press.
- Cohen, J. (2000). *Research Methods In Education*. (5th Ed.). London: Routledge.
- Cooper, B. (2011). *Empathy In Education: Engagement, Values And Achievement*. New York, NY: Continuum.
- Cox, R. H. (2005). *Motivation*, pg. 6-30. In: Bull, S., J. (2005). *Sport Psychology: A Self-Help Guide*. Britain: The Crowood Press.
- Cox, R. H. (2002). *Sport Psychology: Concepts And Applications*. (5th Ed.). pg. 71-88. America: Mc Graw Hill.
- Crawford, K. (2003). *Re-visiting Hiroshima: The Role Of US And Japanese History Textbooks In The Construction Of National Memory*, pg. 108-117, Vol. 4, No. 1. Asia Pacific Education Review United Kingdom: Education Research Institute. In: ERIC Document Reproduction Service No. EJ776358.
- Creswell, J. W. (2005). *Educational Research: Planning, Conducting And Evaluating Quantitative And Qualitative Research* (2nd Ed.). Upper Saddle River, N. Jersey: Pearson.

- Creswell, J. W. (2008). *Research Design: Qualitative, Quantitative And Mixed Methods Approaches*. SAGE Publications, Incorporated.
- Cresswell, J. W. & Plano Clark Vicki L. (2007). *Designing And Conducting Mixed Method Research*. Thousand Oaks. C. A : Sage Publications.
- Deci, E. L. (1975). In: <http://www.pts.com.my/modules.php?name=News&file=print&sid=416>
- Deci, E. L. & Ryan, R. M. (1985). *Intrinsic Motivation And Self-Determination In Human Behavior*. New York: Plenum.
- Delanty, G. (2000). *Citizenship In A Global Age: Society, Culture And Politic*. Buckingham, Philadelphia: Open University Press.
- Demerath III, N. J. & Marwell, G. (1976). *Sociology: Perspective And Applications*. New York, Hagerstown, San Francisco, London: Harper & Row Publishers.
- Dingley, J. (2008). *Nationalism, Social Theory And Durkheim*. New York: Palgrave Macmillan.
- Dixon, N. (2000). *A Justification Of Moderate Patriotism In Sport*, pg. 74-86. In: Torbjorn Tannsjo & Claudia Tamburrini (2000). *Values In Sport*. USA And Kanada: E & FN Spon.
- Dolliver, M. (2002). Survey Of Americans Regarding Pride In Their Country. *Adweek Southwest*. V24 i138, pg. 26.
- Dorsch, J. L. (2000). Information Needs Of Rural Health Professionals: A Review Of Literature. *Bulletin Of Medical Library Association*, 88 (4), pg. 346-353.
- Douglas, S. A. (1989). *Sport In Malaysia*. In: A. Wagner, *Sport in Asia and Africa: A Comparative Handbook*. New York: Greenwood Press.
- Durkheim, E. (1984). *The Division Of Labour In Society*. London: Macmillan.
- Dzulkifli Ismail & Jamaliyah Ahmad. (2004). *Sains Sukan Tingkatan 4*. Selangor: H. I. Holdings Sdn. Bhd.
- Erikson, E. (1963). *Childhood And Society*. New York: Norton.
- Ee, Ah Meng. (1988). *Pendidikan Moral Untuk Bakal Guru*. Kuala Lumpur: Longman Malaysia Sdn. Bhd.
- Eksi, H. (2003). Character Education Programs An Approach For Acquiring Core Human Values. *Journal Of Values Education*, Vol. 1, pg. 79-96.
- Faiola, A. (2006). *Japan Sheds Shame Over Legacy*. Tokyo: The Seattle Times Company.

- Finn, C. E. (2007). *Teaching Patriotism – With Conviction*. In: J. Westheimer & H. Zinn (Eds.). *Pledging allegiance: The politics Of patriotism In America's Schools* (pp. 95-98). New York: Teachers College Press.
- Fraenkel, J. R. (1977). *How To Teach About Values: An Analytic Approach*. New Jersey: Prentice-Hall.
- Fraenkel, J. R. & Wallen, N. E. (2000). *How To Design And Evaluate Research In Education* (4th Ed.). Boston: McGraw Hill.
- Fraenkel, J. R. & Wallen N. E. (2006). *How To Design And Avaluate Research In Education* (6th Ed.). New York: MC Graw Hill.
- Gay, L. R., Mills, G. E. & Airasian, P. (2009). *Educational Research: Competencies For Analysis And Aplications*. (9th Ed.). Upper Saddle River, New Jersey: Pearson.
- Galston, W. (1991). *A Liberal Purposes: Goods, Virtues And Diversity In The Liberal State*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Gervis, M. (2005). *Children In Sport*, pg. 144-156. In: Bull, S. J. (2005). *Sport Psychology: A Self-Help Guide*. Britain: The Crowood Press.
- Gilbert, D. (2003). *Hamilton College Patriotism Poll: Eleven Key Findings*. Hamilton: Hamilton College
- Ginis, M. K. A., Lindwall, M. & Prapavessis, H. (2007). *Who Cares What Other People Think? Self-Presentation In Exercise And Sport*. In: Tenenbaum, G. & Eklund, R. C. (2007). *Handbook of Sport Psychology* (3rd Ed.). New Jersey: John Wiley & Sons, Inc.
- Goleman, D. (1995). *Emotional Intelligence*. London: Bloombury.
- Gomberg, P. (2000). *Patriotism In Sport And In War*, pg. 87-97. In: Torbjorn Tannsjo & Claudia Tamburrini (2000), *Values In Sport*. USA and Canada: E & FN Spon.
- Gordon, R. H. (2000). Modernity, Freedom And The State: Hegel's Concept Of Patriotism. *The Review Of Politic. Spring, 62*, pg. 295-325.
- Guilford, J. P. (1956). *Fundamental Statistics In Psychology And Education*. New York: McGraw-Hill.
- Hall, J. (2002). *Duelling Twins*. In: [http:// quicksitebuilder. cnet.com /satre/ TWINS/id13. html](http://quicksitebuilder.cnet.com/satre/TWINS/id13.html).
- Halonen J. S. & Santrock J. W. (1996). *Psychology: Contexts Of Behavior*. Chicago: Brown & Benchmark.
- Hamdan Mohd Ali. (2004). Pola Corak Bersukan Dan Masalah Pembangunan Sukan Di Sekolah: Kesan Dasar Pecah Perintah Penjajah British. Dalam: *Jurnal Pendidikan, Vol. 29, hlm. 3-18, Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia*.

- Hamidah Sulaiman, Ibrahim Mohamed Zin, Melati Sumari & Siti Salina. (2011). *Model Kecerdasan Emosi Dalam Kalangan Remaja Sekolah*, hlm. 241-256. Dalam: Hansiswany Kamarga, Abdul Razaq Ahmad & Wan Hasmah Wan Mamat. (2011). *International Seminar: Educational Comparative In Curriculum For Active Learning Between Indonesia And Malaysia*. Indonesia: Himpunan Pengembang Kurikulum Indonesia (HIPKIN).
- Haminah Hj. Suhaibo. (1998). Kefahaman Dan Amalan Unsur Patriotisme Melalui Mata Pelajaran Sejarah Di Sekolah Menengah Atas. *Jurnal Penyelidikan MPBL (2)*, hlm. 5-14a.
- Haminah Hj. Suhaibo. (2007). *Pemupukan Patriotisme Dalam Pendidikan Sejarah Tingkatan 1*. Kuala Lumpur: Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- Harris, J. & Humberstone, B. (2004). *Sport And International Relations: Sport, Gender And International Relations*. Great Britain: Frank Cass Publishers.
- Hellrung, A. (2009). *Athletic Girls: External Support, Internal Motivation And Advanced Participation In Sport*. United States: University of Washington. In: ProQuest Document ID: 1856072421.
- Herzberg, F. (1966). *Work and The Nature Of Man*. Cleveland: World-Publishing.
- Herzberg, F., Mausner, B. & Snyderman, B. (1959). *The Motivation To Work*. New Jersey: John Wiley & Sons, Inc.
- Hogg, M.A. & Vaughan, G.M. (2002). *Social Psychology (3rdEd.)* London: Prentice Hall.
- Holly, H. (2006). *Patriotism Survey Among U.S. Adults Age 18 And Older*. Washington: AARP Strategic Issues Research.
- Holt, R. (1991). Women, Men And Sport In France. *Journal of Sport History*, Vol. 18, No. 1, Spring, 1991. Scotland: Department of history, University of Stirling.
- Humber, W. (2005). *Baseball And Canadian Identity*, Vol. 8, No. 3. College Quarterly Summer. In: ERIC Document Reproduction Service No. EJ846791.
- Hunter, J. S. (2003). Flying the Flag: Identities, The Nation And Sport. *Identities-Global Studies In Culture And Power*, Vol. 10, Issue: 4, Pg. 409-425. England: Taylor & Francis Ltd.
- Hussin Abdullah & Mohd Sofian Omar Fauzee. (2001). *Psikologi Sukan: Cara-Cara Pengukuhan Yang Sesuai Dan Mampu Mempertingkatkan Motivasi Atlet*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Ishak Mad Shah. (2004). *Pengenalan Psikologi Industri Dan Organisasi*, Jld. II. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Ishak Othman & Mohd Sofian Omar Fauzee. (2002). *Psikologi Sukan: Motivasi*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

- Ismail Haji Mohd Rashid. (2007). *Cabaran Pembangunan Semasa Negara (Ed. 2)*. Selangor: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Ismail Sabri Yaakob. (2008). *Teks Ucapan Sempena Persidangan Majlis Perundangan Belia Negara (MPBN) Sidang III Penggal Ke-26 Tahun 2008*. Putrajaya: Kementerian Belia Dan Sukan.
- Jabatan Latihan Khidmat Negara. (2004). *Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Perpaduan dan Khidmat Negara: Ringkasan Program Latihan Khidmat Negara*. Kuala Lumpur: Jabatan Latihan Khidmat Negara.
- Jabatan Penerangan Malaysia. (2005). *Malaysia: Buku Rasmi Tahunan 2005*. Kuala Lumpur: Jabatan Penerangan Malaysia.
- Jabatan Perdana Menteri. (1999). *Rancangan Malaysia Ketujuh (RMKe-7) 1996-2000*. Putrajaya: Unit Perancang Ekonomi.
- Jabatan Perdana Menteri. (2003). *Rancangan Malaysia Kelapan (RMKe-8) 2001-2005*. Putrajaya: Unit Perancang Ekonomi.
- Jabatan Perdana Menteri. (2006). *Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) 2006-2010*. Putrajaya: Unit Perancang Ekonomi.
- Jabatan Perdana Menteri. (2009). *1Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan*. Putrajaya: Jabatan Perdana Menteri.
- Jabatan Perdana Menteri. (2009). *Biro Tatanegara*. Putrajaya: Jabatan Perdana Menteri.
- Jabatan Perdana Menteri. (2010). *Pelan Tindakan Meningkatkan Semangat Patriotik*. Kuala Lumpur: Biro Tatanegara.
- Jamil Ahmad. (2002). *Pemupukan Budaya Penyelidikan di Kalangan Guru di Sekolah: Satu Penilaian*. Disertasi kedoktoran yang tidak diterbitkan, UKM, Bangi: Pusat Sumber Fakulti Pendidikan.
- Jas Laile Suzana Jaafar. (2000). *Psikologi Kanak-kanak Dan Remaja*. Selangor: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Jeffrey, Low Fook Lee & Mohd Sofian Omar Fauzee. (2002). *Pendekatan Psikologi dalam Menangani Masalah Atlet: Masalah Sosial dan Kesepaduan*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.
- Jefrey Ngaiman & Mohd Sofian Omar Fauzee. (2002). *Pendekatan Psikologi Dalam Menangani Masalah Atlet: Menangani Permasalahan Motivasi Dan Personaliti*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.
- Johari Ibrahim. (2011). „Kepala“ Rasuah Juga Jangan Biar Terlepas: Hakis Kepercayaan Rakyat Kepada Bola Sepak Negara. Dalam: Berita Harian 28 Mei 2011.

- Johnes, M. (2004). *Sport And National Identity In Post-War Wales*, pg. 52-68. In: Smith, A. & Porter, D. (2004). *Sport and National Identity In The Post-War World*. New York: Routledge, Taylors & Francis Group.
- Johnson, G. R. (1997). *The Evolutionary Roots Of Patriotism*. In: Bar-Tal & Staub, E. (1997). *Patriotism In The Lives Of Individuals And Nations*. Chicago: Nelson-Hall Publishers.
- Julismah, J. (2006). *Peranan Guru Dalam Memacukan Pembangunan Sukan Di Malaysia*, hlm. 23-35. *Kertas Kerja Yang Telah Dibentangkan Di Konvensyen Sukan Antarabangsa Teluk Danga*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Jutel, A. (2002). Olympic Road Cycling And National Identity: Where Is Germany? *Journal Of Sport And Social Issues* 26, 2, pg. 195-208.
- Kamarudin Hj. Husin. & Siti Hajar Hj. Abd. Aziz. (1999). *Bahasa Kebangsaan (A) (untuk warganegara Malaysia)*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Kandiah, K. (2008). *Success Is Enough Reward For National Athletes*, 28 Disember 2008. In: <http://malysiantigers.info/mt/2008/12/28/success-is-enough-reward-for-national-athletes/>
- Karkatsoulis, P., Michalopoulos, N. & Moustakatou, V. (2005). The National Identity As A Motivational Factor For Better Performance In The Public Sector: The Case Of The Volunteers Of The Athens 2004 Olympic Games. *International Journal of Productivity and Performance Management*, 54 (7), pg. 579-594. Emerald Group Publishing Limited.
- Kementerian Belia Dan Sukan. (1988). *National Sport Policy Malaysia*. Kuala Lumpur: Ministry of Youth and Sport.
- Kementerian Belia Dan Sukan. (2008). *Gemilang: Mengharungi 50 Tahun Kecemerlangan Sukan*. Kuala Lumpur: E Publications Sdn. Bhd.
- Kementerian Belia dan Sukan. (2009). *Sejarah Awal Kementerian*. Dalam: <http://www.kbs.gov.my/>
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (1979). *Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran 1979*. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (1984). *Laporan Jawatankuasa Kabinet: Mengkaji Perlaksanaan Dasar Pelajaran Kebangsaan 1979*. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (1988). *Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 7/1988*. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2000). *Sukatan Pelajaran Sejarah Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah*. Kuala Lumpur: Bahagian Pembangunan Kurikulum.

- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2006). *Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010*. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2012). Sekolah Sukan Malaysia. Dalam (<http://www.moe.gov.my/v/sekolah-sukan-malaysia>)
- Ken, O. (2005). Political Education and Citizenship: Teaching For Civic Engagement. *Education Canada*, 45 (1), pg. 13-17.
- Kersting, Norbert. (2007). Sport And National Identity: A comparison Of The 2006 And 2010 FIFA World Cups (TM). *Politikon*, Vol. 34, Issue 3, pg. 277-293. England: Routledge.
- Khalim Zainal & Aminudin@Basir Ahmad. (2008). *Pengurusan Tingkah Laku Remaja Ke Arah Pemeraksanaan Pembangunan Modal Insan: Bersandarkan Teori Barat dan Pendekatan Islam*, hlm. 61-68. Prosiding Wacana Pendidikan Islam Peringkat Kebangsaan Siri Ke-6. Sarawak: Biro Perkhidmatan Pendidikan, Majlis Islam Sarawak.
- Khazin Mohd Tamrin. (2001). *Usaha Pemupukan Patriotisme Dalam Kursus-Kursus di Universiti*. Persidangan Kebangsaan Pendidikan Sejarah ke Arah Pembentukan Warganegara Patriotik. Kuala Lumpur: BPK, KPM dan Persatuan Sejarah Malaysia.
- Khoo, Kay Kim. (1989). *The Historical Development Of Sport In Malaysia*. In: H. Ueberhost (Ed.). *Geschichte der Leibesübungen*. Berlin: Bartels & Wernitz.
- Khoo, Kay Kim. (1996). *The Historical Developments Of Sport In Malaysia (Occasional paper)*. Kuala Lumpur: History Department University of Malaya.
- Khoo, Kay Kim. (2002). *Falsafah Sejarah: Ke Arah Mengembangkan Unsur Patriotisme Dan Kenegaraan*. Seminar Kebangsaan Falsafah Pendidikan Ke Arah Pemantapan Gagasan dan Wawasan Kenegaraan. Kuala Lumpur: Fakulti Pendidikan Universiti Malaya.
- Koehler, R. (1984). *Patriotism Or Nationalism As A Value Of Athletics*. In: ERIC Document Reproduction Service No. ED261028.
- Krejcie, R. V. & Morgan, D. W. (1970). Determining Sample Size For Research Activities. *Educational & Psychological Measurement*, 30 (3), pg. 607-610.
- Kress, J. L. & Statler, T. (2007). A Naturalistic Investigation Of Former Olympic Cyclists' Exertion Pain During Performance, pg. 428-450. *Journal Of Sport Behavior*, Vol. 30, No. 4, Disember 2007. Fullerton & Long Beach: California State University.
- Kristof, N. D. (1998). *North Korean Athletes More Friendly At Nagano Olympics*. In: <http://www.nytimes.com/specials/olympics/nagano/021198oly-northkoreans.html>

- Ku Hasnita Ku Samsu. (2007). *Patriotisme Di Kalangan Generasi Muda Malaysia: Kajian Kes Ke Atas Mahasiswa Bukan Melayu Di Institusi Pengajian Tinggi*. Kuala Lumpur: Fakulti Sastera Dan Sains Sosial, Universiti Malaya.
- Ku Hasnita Ku Samsu & Mohd Haizam Mohd Nor. (2011). Kepentingan Pendidikan Patriotisme Terhadap Warganegara Malaysia. *Jati, Vol.16, December 2011, hlm. 23-34*.
- Kurtines W. M.& Gewirtz J. L. (1995). *Moral Development: An Introduction*, pg. 32-33. Boston: Allyn And Bacon.
- Kymlicka, W. (1999). *Education For Citizenship*. In: Halstead And T. H. McLaughlin, (Eds.). *Education And Morality*. London: Routledge.
- La Machia, J. (2000). *So What Is Patriotism Anyway?* New York: Rosen Publishing Group.
- Lambak Tompong & Jamilah Othman. (2006). *Kerjasama Untuk Kesejahteraan Di Malaysia: Satu Analisis*. ISM Minda. Mac 2006, Vol. 06. Malaysia: Institut Sosial Malaysia, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.
- Lay, J. C. & Torney-Purta, J. (2004). *Patriotism And Political Among Russian And American Adolescents*. In: <http://www.wam.umd.edu/-iea/1993>.
- Leary, M. R.& Kowalski, R. M. (1990). *Impression Management: A Literature Review And Two-Component Model*. Psychological Buletin, 107: 34-47.
- Ledoux, M. W. & Mashall, T. (2010). *Can We teach Patriotism In School?* In: ERIC Document Reproduction Service No. EJ887225.
- Leedy, P. D. & Omrod, J. E. (2001). *Practical Research: Planning And Design*, Upper Saddle River, New Jersey: Prentice-Hall Inc.
- Lichtman, M. (2006). *Qualitative Research In Education: A User's Guide*. Thousand Oaks. CA: Sage.
- Lickona, T. (1980). *Preparing Teachers To Be Moral Educators: A Neglected Duty*. In: McBee, Mary Louise, (Ed.). *Rethinking College Responsibilities For Values: New Directions For Higher Education, Vol. VIII (3)*. London: Jossey-Bass Inc., Publishers.
- Lickona, T. (1991). *Educating For Character: How Our School Can Teach Respect And Responsibility*. New York: Bantam.
- Lickona, T. (1993). The Return Of Character Education. *Educational Leadership, 51 (3), pg. 6-11*.
- Lickona, T. (1996). Eleven Principles of Effective Character Education. *Journal Of Moral Education, Vol. 25, pg. 93*.

- Lickona, T. (1997). *Educating For Character: A Comprehensive Approach*. In: A. Molnar (Ed.). *The Construction Of Children's Character: Ninety Sixth Year Book Of The National Society For The Study of Education, part II*. Chicago: The University of Chicago Press.
- Lim, Chew Sim & Mohd Sofian Omar Fauzee. (2002). *Pendekatan Psikologi dalam Menangani Masalah Atlet: Menangani Masalah Motivasi Dan Kegelisahan*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.
- Locke, E. A., Shaw, K. N., Saari, L. M. & Latham, G. P. (1981). Goal Setting And Task Performance. *Psychology Buletin*, 90, pg: 125-152.
- Long, T., Pantaleon, N. & Bruant, G. (2008). Institutionalization Versus self-Regulation: A Contextual Analysis Of Responsibility Among Adolescent Sportsmen, pg. 513-538. *Journal of Moral Education*, Vol. 37, No.4, December 2008. France: University of Nice Sophia-Antipolis.
- Lumpkin, A. (2007). Caring Teachers: The Key To Student Learning. *Kappa Delta Pi Record*, 43 (4), pg. 158-160.
- Lumpkin, A., Stoll, S. K. & Beller, J. M. (2003). *Sport Ethics (3rd Ed.)*. New York: McGraw-Hill Higher Education.
- MacClancy, J. (1996). *Sport, Identity And Ethnicity*. Oxford: Berg.
- Maguire, J., Jarvie, G., Mansfield, L. & Bradley, J. (2002). *Sport Worlds: A Sociological Perspective*. United States: Human Kinetics.
- Mahadi Abu Hassan. (2005). *Semangat Patriotisme Generasi Muda Melalui Program Latihan Khidmat Negara (PLKN)*, hlm. 225-239. Dalam: Mohd Taib Hj. Dora & Rahman Hashim (2005), *Liberalisasi Komuniti*. Melaka: Kolej Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mahatdir Mohamed. (2005). *Cermin Perjuangan Bangsa Malaysia*, hlm. 6-20. Dalam: Ruhanie Hj. Ahmad. (2005), *Patriotisme Malaysia: Penangkis Neoimperialisme*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Malek Saad & Mohd Sofian Omar Fauzee. (2004). *Langkah-Langkah Meningkatkan Motivasi Atlet*, hlm. 58-73. Dalam: Mohd Sofian Omar Fauzee. (2004), *Psikologi Kejurulatihan: Membantu Membina Ketahanan Mental Atlet*. Selangor: Karisma Publications Sdn. Bhd.
- Margaret, B. (2002). *Patriotism and Civic Literacy*. In: ERIC Document Reproduction Service No. ED477598.
- Marseille, W. (2009). *Coming In First, Finishing Last: African American Male Perceptions Of Relationships With Coaches And Teachers And Their Impact On Academic And Athletic Performance*. United States: University of Pennsylvania. In: ProQuest Document ID: 1737193341.
- Matkin, G. (2008). *Ethical Realism: A Guide To Action?* In: ERIC Document Reproduction Service No. EJ903445.

- Maslow, A. H. (1954). *Motivation And Personality*. New York: Harper and Row.
- Matsor Ismail, Zakaria Abdullah, Mohd Fauzi Ali & Syarifah Afidah Syed Hamid. (2010). *Nota Cemerlang Sejarah Tingkatan 5: Berdasarkan Kurikulum Semakan Terkini*. Kuala Lumpur: Sitimas.
- McDaniel, S. R. (2002). An Exploration Of Audience Demographics, Personal Values, And Lifestyle: Influences On Viewing Network Coverage Of The 1996 Summer Olympic Games. *Journal of Sport Management, Vol. 16, Issue: 2, pg. 117-131. USA: Human Kinetics*.
- McMillan, James, H. & Schumacher, S. (2006). *Research In Education: Evidence-based Inquiry(6th Ed.)*. Boston: Allyn and Bacon.
- Merriam, S. B. (1998). *Qualitative Research and Case Study Applications in Educations (2nd Ed.)*. San Francisco: Jossey-Bass Publication.
- Merriam, S. B. (2001). *Andragogy and Self-Directed Learning: Pillars Of Adult Learning Theory*. San Francisco: Jossey-Bass Publication.
- Md. Nasir Ibrahim & Ibrahah Hassan. (2003). *Pendidikan Seni Untuk Maktab Dan Universiti*. Kuala Lumpur: Pts Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Mohamad Abu Bakar. (2000). *Globalisasi dan Negara Bangsa: Ketahanan Bangsa, Keselamatan Nasional Dan Kelangsungan Negara*. Seminar Kebangsaan Penghayatan Dan Pengukuhan Kemerdekaan Malaysia. Kuala Lumpur: 11-13 September.
- Mohamad Sultan Faujdar. (2010). *Patriotisme Dalam Buku Teks Sejarah Menengah Rendah*. Kuala Lumpur: Fakulti Pendidikan Universiti Malaya.
- Mohd Daud Hamzah. (1990). *Dorongan Dan Pembelajaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Majid Konting. (2000). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Majid Konting. (2004). *Research Methods In Education*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Majid Konting. (2005). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Salleh Aman. (2004). *Sukan Dalam Masyarakat Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mohd. Shukri Mohd. (2012). *Dewan Masyarakat: Kuasa Sukan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Zulkifli Mohd Ghazali. (2007). *Mendepani Cabaran ke Arah Universiti Bertaraf Dunia*. Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.

- Mok, Soon Sang. (1996). *Pendidikan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Mok, Soon Sang. (2002). *Ilmu Pendidikan untuk KPLI*. Petaling Jaya, Selangor: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Mok, Soon Sang. (2008). *Pengurusan Ko-kurikulum Dan Pendidikan Sukan*. Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Mona Masood. (2004). A Ten-Year Analysis: Trends In Traditional Educational Technology Literature. *Malaysian Online Journal Of Educational Technology*, 1 (2).
- Morais, D. (2010). Malaysia: The Writing Of Lives And The Constructing Of Nation. *Biography: An Interdisciplinary Quarterly*, 33 (1), pg. 84-109.
- Morgan, W. J. (2000). *Sport As A Moral Discourse Of Nations*, pg. 59-73. In: Torbjorn Tannsjo & Claudia Tamburrini (2000), *Values In Sport*. USA and Canada: E & FN Spon.
- Morse, A. & Shive, S. (2004). *Patriotism In Your Portfolio*. Michigan: University Of Michigan Business School, Department Of Finance.
- Mosher, R. L. (1980). *Moral Education: A First Generation Of Research And Development*. Amerika: Praeger Publishers CBS Educational And Professional Publishing.
- Mueller, Alan C. R. (2009). The Forty-Eight-Hour Rule: Emotional Engagement And The Student Athlete. *About Campus: Vol. 13, No. 6*, pg. 30-32. Jan-Feb 2009.
- Murray, C. & Pianta, R. C. (2007). The Importance Of Teacher-Students Relationship For Adolescent With High Incidence Disabilities. *Theory In The Practise*. 46 (2), pg. 105-112.
- Murray, T. R. (1993). *Teaching Patriotism As A Moral Matter-Indonesia And United States*: Santa Barbara, University of California.
- Musa Mohamad. (2002). *Perutusan Tahun Baru 2002*. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Nathanson, S. (1993). *Patriotism, Morality And Peace*. Lanham, MD: Rowman & Littlefield Publishers.
- Neuman, W. L. (2000). *Social Research Method: Qualitative And Quantitative Approaches (4th Ed.)*. Boston: Allyn and Bacon.
- Nodding, N. (1997). *Character Education And Community*. pg. 1-14. In: A. Molnar (Ed.). *The Construction Of Children's Character: Ninety Sixth Year Book Of The National Society For The Study of Education, part II*, pg. 1-14. Chicago: The University Of Chicago Press.

- Nodding, N. (2010). *Caring In Education. Infed. Retrieved From, http://www.infed.org/biblio/noddings_caring_in_education.htm.*
- Noresah Baharom. (2005). *Kamus Dewan (4th Ed.)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Norliah Kudus & Mahadi Abu Hassan. (2006). *Masalah Sosial: Isu Dan Cabaran Institusi Keluarga*. ISM Minda. Mac 06, Vol. 06. Malaysia: Institut Sosial Malaysia, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga DMasyarakat.
- Norzanah Md. Said. (2007). *Patriotisme Pemangkin Malaysiaku Gemilang, hlm. 83-84*. Dalam: Mohamad Hj. Alias, Mohd Safar Hashim, Sapora Sipon, Arshad Hamzah & Sharifah Bahyah Syed Ahmad. (2007). *Koleksi Rencana Merdeka*. Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian Tinggi.
- Nur Farah Gan Abdullah & Mohd Sofian Omar Fauzee. (2002). *Psikologi Sukan: Persefahaman Pasukan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Nurul Halawati Azhari. (2007). *Patriotism Via Sports*. In:<http://www.malaysiakini.com/rentakini/74267>.
- Nussbaum, M. (2011). *Teaching Patriotism: Love And Critical Freedom*. Conference On Understanding Education In The United States: Its Legal And Social Implications. Chicago: University Of Chicago Law School, June 17–18. In: SSRN-id1898313.
- Nussbaum, M. (2001). *Can Patriotism Be Compassionate*. Chicago: The Nation Magazine.
- Nussbaum, M. C. (1986). *The Fragility Of Goodness: Luck And Ethics In Greek Tragedy And Philosophy*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Oppenheim, A. N. (2000). *Questionnaire Design, Interviewing And Attitude Measurement*. New Ed. London: Continuum.
- Orlick, T. (1980). *In Pursuit Of Excellent*. London: Wardlock Limited.
- Othman Lebar. (2006). *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan Kepada Teori Dan Method*. Tanjung Malim: UPSI.
- Palant, J. (2001). *SPSS Survival Manual: A Step By Step Guide To Data Analysis Using SPSS for Windows*. Ver. 10. Illinois: Allen & Unwin.
- Pardee, R. L. (1990). *Motivations Theories Of Maslow, Herzberg, McGregor & McClelland: A Literature Review of Selected Theories Dealing With Job Satisfaction And Motivation* (Report No. G022314). U. S Department Of Education. In: ERIC Document Reproduction Service No. ED316767.

- Parker, C. S. (2003). *Shades of Patriotism: Group Identity, National Identity And Democracy*. Paper Prepared For The Annual Meeting Of The American Political Science Association In Pennsylvania. In: http://www.polsci.ucsb.edu/faculty/parker/workingpapers/shades_of_patriotism.pdf.
- Pearsall, J. (2002). *Oxford English Dictionary (10th Ed.)*. New York: Oxford University Press.
- Percy, Seneviratne. (2000). *History Of Football In Malaysia 1900-2000*. Selangor: Prosports Management Sdn. Bhd.
- Perry, J. A. & Perry, E. K. (2000). *Contemporary Society: An Introduction To Social Science (9th Ed.)*. Boston, London, Toronto, Sydney, Tokyo, Singapore: Allyn & Bacon.
- Perry, M. (2002). *The Civic Purposes Of Public Schools*. California: EdSources, Inc. In: ERIC Document Reproduction Service No. ED468130
- Phyrman. (2008). *Human Relations*. In: <http://kuliahkomunikasi.blogspot.com/2008/11/teori-motivasi-mcclelland-teori-dua.html>.
- Polley, M. (2004). *Sport And National Identity In Contemporary England*, pg. 10-12. In: Andrian Smith & Dilwyn Porter. (2004). *Sport And National Identity In The Post-War World*. USA And Canada: Taylor & Francis Inc.
- Purbayu B. S. & Ashari. (2005). *Analisis Statistik Dengan Microsoft Axel Dan SPSS*. Dalam: Akhsanul In"Am. (2009). *Pelaksanaan Polisi Pemerksaan Guru Sekolah Menengah Pertama Negeri Di Malang Indonesia*. Universiti Malaya: Fakulti Pendidikan.
- Raja Ruslan Raja Samah. (2005). *Patriotisme Belia Malaysia*, hlm. 120-129. Dalam: Hussain Mohamad. (2005). *Belia Dan Patriotisme Malaysia*. Melaka: Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia (IKSEP).
- Ramlah Adam. (2004). *Pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad*. Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme. Melaka.
- Ravitch, D. (2006). Should We Teach Patriotism. *Phi Delta Kappan*. 87(8), 579-581.
- Reykowski. (1997). *Patriotism And The Collective System Of Meanings*. In: Bar-Tal, D. & Staub, E. (1997). *Patriotism In The Lives Of Individuals And Nations*. Chicago: Nelson-Hall Publishers.
- Robert, C. G. (1992). *Motivation In Sport And Excercis*. Urbana: Human Kinetics.
- Robert G. Osterhoudt (1991). *The Philosophy Of Sport: An Overview*, pg. 302-305. USA: Stipes Publishing Company.
- Robert J. K. & Marian, B. W. (1993). *Instrument Development In The Affective Domain Values In Cooperate And School Setting*. Boston:Kuwere Academic Publishers

- Robinson, G. (2000). *Cross-Cultural Analysis Of The Achievement Goals Adopted In Sport By Singaporean And British Athletes*. Singapore: National University Of Singapore.
- Roshayati Hassan. (2004). *Pendidikan Sivik Dan Kewarganegaraan KBSM Tingkatan 1*. Kuala Lumpur: K. Publishing Sdn. Bhd.
- Rosiah Salim. (2006). *Peranan Guru Dalam Pelaksanaan Kurikulum Sejarah Bagi Memupuk Unsur Patriotisme Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Sejarah*. Kuala Lumpur: Fakulti Pendidikan Universiti Malaya.
- Rossilah Jamil. (2008). *Analisis Keperluan Latihan: Teori Dan Praktis*. Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Roslan Abd. Jelani. (2006). *The Towering Personality And Public Service. Malaysian Social Matters. May 2006, Volume 06*. Malaysia: Institut Sosial Malaysia, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat.
- Roslan Haji Salikon & Mohd Sofian Omar Fauzee. (2008). *Psikologi Kejayaan Dalam Sukan:Kepentingan Kemahiran Mental Dan Emosi Dalam Pencarian Bakat*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.
- Ross, K. L. (2002). *The Fallacies Of Egoism And Altruism And Fundamental Principle of Morality*. In: <http://www.friesian.com/moral.html>.
- Ruhanie Hj. Ahmad. (2005). *Patriotisme Malaysia Penangkis Neoimperialisme*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Ruhanie Hj. Ahmad. (2005). *Menilai Patriotisme Rakyat Malaysia Mutakhir*. Dalam: http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2005&dt=0829&pub=Utusan_Malaysia&sec=Rencana&pg=re_02.htm&arc=hive.
- Rutten, Esther A., Stams, Geert Jan J. M., Biesta, Gert J. J., Schuengel, Carlo., Dirks, Evelien, Hoeksma, Jan B. (2007). The Contribution Of Organized Youth Sport To Antisocial And Prosocial Behavior In Adolescent Athletes. *Journal of Youth and Adolescence*, v36 n3 pg. 255-264 Apr 2007. In: ERIC Document Reproduction Service No. EJ758248.
- Ryan, R. M. & Deci, E. L. (2000). Intrinsic And Extrinsic Motivations: Classic Definitions And New Directions. *Contemporary Educational Psychology Vol, 25*, pg. 54-67. New York: University of Rochester Academic Press.
- Ryan, R. M. & Stiller, J. (1991). *The Social Contexts Of Internalization: Parent And Teacher Influences On Autonomy, Motivation And Learning*. In: P. R. Pintrich & M. L. Maehr (Eds.). *Advances In Motivation And Achievement*, Vol. 7, pg. 115-149. Greenwich, CT: JAI Press.
- Sabitha, Marican. (2006). *Penyelidikan Sains Sosial: Pendekatan Pragmatik*. Selangor: Edusystem Sdn. Bhd.
- Sabitha, Marican. (2005). *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*. Selangor: Pearson Malaysia Sdn. Bhd.

- Sage, G. H. (1996), Patriotic Images And Capitalist Profit: Contradictions Of Professional Team Sports Licensed Merchandise. *Sociology Of Sport Journal*, Vol. 13, Issue: 1, pg. 1-11. USA: Human Kinetics.
- Saifuddin Abdullah. (2005). *Patriotisme Alaf Baru: Dari Semangat Kepada Khidmat*, hlm. 70-93. Dalam: Hussain Mohamad. (2005). *Belia Dan Patriotisme Malaysia*. Melaka: Institut Kajian Sejarah Dan Patriotisme Malaysia (IKSEP).
- Salkind, N. J. (1997). *Exploring Research (3rd Ed.)*. New Jersey: Prentice Hall.
- Schatz, R. T., Staub, E. & Lavine, H. (1999). On The Varieties Of National Attachments: Blind Versus Constructive Patriotism. *Political Psychology*, 20 (1), PG. 151-174.
- Schlenker, B. R. (1980). *Impression Management: The Self-Concept, Social Identity And Interpersonel Relations*. Monterey CA: Brooks/Cole.
- Schneider, R. C. (2009). *Ethics of Sport And Athletics: Theory, Issues And Application*. United States Of America: Lippincott Williams & Wilkins.
- Sekaran, U. (1992). *Research Methods For Business: A Skill-building Approach*. New York: John Wiley And Sons, Inc.
- Selina, Khoo. (2005). *Sport For All Malaysia: Policy And Practice*. Kuala Lumpur: University Malaya Press.
- Sekolah Sukan Bukit Jalil. (2013). Profail: Visi dan Misi. Dalam (<http://www.bjss.edu.my/>).
- Sekolah Sukan Tunku Mahkota Ismail. (2015). Info SSTMI: Sejarah. Dalam (<http://sstmi.edu.my/info-sstmi/sejarah/>)
- Shahabuddin Hashim & Rohizani Yaakub. (2003). *Learning Psychology And Personality*. Bentong: PTS Publications & Distributor Sdn.Bhd.
- Shahrizat Abdul Jalil. (1996). *Persidangan Parlimen Kesembilan, Penggal Kedua, Mesyuarat Ketiga*. Putrajaya: Kementerian Belia dan Sukan. Dalam: <http://search.msn.com/results.aspx?q=karektor+atlet&first=11&FORM=PERE>
- Shahrizat Abdul Jalil. (1998). *Persidangan Parlimen Ke-Sembilan, Penggal Keempat, Mesyuarat Ketiga*. Putrajaya: Kementerian Belia Dan Sukan. Dalam <http://www.parlimen.gov.my/hindex/pdf/DR-02-11-1998.pdf>.
- Shaik Mohd Saifuddeen Shaik Mohd Salleh & Wan Roslili Abd. Majid. (2001). *Belia Dan Masyarakat*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).
- Shamsul Amri Baharuddin. (2007). *Budaya Yang Tercabar*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sheilds, D. L. L. & Bredemeier, B. J. L. (1995). *Character Development And Physical Activity*. Champaign, IL: Human Kinetics.

- Siti Hafisah Hanim Mahadi & Anuar Ahmad. (2011). *Penerapan Nilai-nilai Patriotisme Dalam Mata Pelajaran Sejarah*, hlm. 101-107. Dalam: Hansiswany Kamarga, Abdul Razaq Ahmad & Wan Hasmah Wan Mamat. (2011). *International Seminar: Educational Comparative In Curriculum For Active Learning Between Indonesia And Malaysia*. Indonesia: Himpunan Pengembang Kurikulum Indonesia (HIPKIN).
- Siti Rohana Omar. (2005). *Transformasi Nilai Dan Budaya Masyarakat Malaysia: Satu Kajian Dari Aspek Patriotisme*, hlm. 261-268. Dalam: Mohd Taib Hj. Dora & Rahman Hashim. (2005). *Liberalisasi Komuniti*. Melaka: Kolej Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Smith, A. D. (1986). *The Ethics Origin Of Nation*. Oxford: Blackwell.
- Soanes, C., Waite, M. & Hawker, S. (2000). *The Oxford Dictionary, Thesaurus And Wordpower Guide*. New York: Oxford University Press.
- Spisak, S. (2009). *The Evolution Of A Cosmopolitan Identity: Transforming Culture*. In: ERIC Document Reproduction Service No. EJ879772.
- Staub, E. (1997). *Blind Versus Constructive Patriotism: Moving From Embeddness In The Group To Critical loyalty And Action*. In: *Patriotism In The Lives Of Individuals And Nations*. Chicago: Nelson-Hall Publishers.
- Suhaimi Ibrahim. (2005). *Patriotisme Dan Globalisasi*, hlm. 112-117. Dalam: Hussain Mohamad. (2005). *Belia Dan Patriotisme Malaysia*. Melaka: Institut Kajian Sejarah Dan Patriotisme Malaysia (IKSEP).
- Syed Arabi Idid. (2002). *Kaedah Penyelidikan Komunikasi Dan Sains Sosial*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Tajfel, H. (1981). *Human Groups And Social Categories*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Tajfel, H. & Turner, J. C. (1979). *An Integrative Theory Of Intergroup Conflict*. In: *Social Psychology Of Intergroup Relations*, pg. 33-47. Ed. W. G. Austin and Stephen Worchel. Monterey: Brooks/Cole.
- Tajfel, H. & Turner, J. C. (1986). *The Social Identity Theory Of Inter-Group Behavior*. In: S. Worchel & L. W. Austin (eds.). *Psychology Of Intergroup Relations*. Chigago: Nelson-Hall
- Tan, Yee Shuang. (2004). *Pengurusan Kemahiran Pengurusan Kokurikulum Oleh Guru-Guru Di Sekolah Menengah Kebangsaan: Satu Tinjauan Di Tiga Buah Sekolah Menengah Kebangsaan Di Daerah Kulai, Johor*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Tay, B. & Yildirim, K. (2009). *Parents' Views Regarding The Values Aimed To Be Taught In Social Studies Lessons*. Educational Sciences: Theory & Practice. 9 (3), pg. 1529-1542. Turkey: Eğitim Danışmanlığı ve Araştırmaları İletişim Hizmetleri Tic. Ltd. Şti. ERIC: EJ858931 (1).

- Taylor, H. (2002). *Pride In America. The Harris Poll.* 27 Jun. In: http://harrisinteractive.com/harris_poll/index.asp?PID=305.
- Tengku Fadilah Tengku Kamlden, Mohd Khairi Zawi & Borhannudin Abdullah. (2005). *Sains Sukan KBSM Tingkatan 5*. Selangor: H. I. Holdings Sdn. Bhd.
- Tengku Rethwan Tengku Mansor. (2006). *Fostering Family And Community Development: Giving Meaning To The Ninth Malaysia Plan. Malaysian Social Matters. May 2006, Volume 06*. Malaysia: Institut Sosial Malaysia, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat.
- Turner, B. S. (2001). The Erosion Of Citizenship. *British Journal Of Sociology*, 52 (2), pg. 189-209.
- Turner, B. S. (2002). *Cosmopolitan Virtue, Globalization And Patriotism: Theory, Culture And Society, Vol. 19, No. 1-2*. London: Sage Publications.
- Turner, J. C., Hogg, M. A., Oakes, P. J., Reicher, S. D. & Wetherell, M. S. (1987). *Rediscovering the Social Group: A Self-Categorization Theory*. Oxford: Basil Blackwell.
- Valavanis, P. (2012). *Players, Patriotism And Politics At The Ancient Olympic Games*. Athens: University of Athens.
- Vallerend, R. J. & Bissonnette, R. (1992). Intrinsic, Extrinsic And Amotivational Styles As Predictors Of Behavior: A Prospective Study. *Journal Of Personality. Vol. 60, pg. 599-620*.
- Vallerand, R. J., Briere, N. M., Blanchard, C. & Provencher, P. (1997). Development and Validation Of The Multidimensional Sportpersonship Orientation Scale. *Journal Of Sport And Exercise Psychology, Vol. 19, pg. 197-206*.
- Vallerend, R. J. (2007). *Intrinsic And Extrinsic Motivation In Sport And Physical Activity*. In: Tenenbaum, G. & Eklund, R. C. (2007), *Handbook Of Sport Psychology (3rd Ed.)*. New Jersey: John Wiley & Sons, Inc.
- Vasudevan, T. Arasoo (1991). *Psikologi Sosial Dalam Pendidikan Jasmani Dan Sukan*. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Villegas, B. M. (2009). *The Patriotism Of South Koreans*. In: <http://www.mb.com.ph/articles/228103/the-patriotism-south-koreans>
- Vincent, A. Pranabas & Mohd Sofian Omar Fauzee. (2002). *Pendekatan Psikologi Dalam Menangani Masalah Atlet: Meningkatkan Motivasi Atlet*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.
- Walling, M. D. & Duda, J. L. (1995). Goals And Their association With Beliefs About Success In And Perceptions Of The Purposes Of Physical Education. *Journal Of Teaching In Physical Education. Vol. 14, pg. 140-156*.
- Weinberg R. S. & Gould. (1999). *Foundation Of Sport And Exercise Psikology (2nd Ed.)* Urbana: Human Kinetics.

- Wentzel, K. R. (1998). Social Relationship And Motivations In Middle School: The Role Of Parents, Teachers And Peers. *Journal Of Educational Psychology*, 90 (2), pg. 202-209.
- Wiersma, W. (1991). *Research Methods In Education: An Introduction (5th Ed.)* USA: Allyn And Bacon.
- Winit, W., Gregory, G., Mascio, R. D. (2010). *For Love Of Country: Consolidating Ethnocentrism, Patriotism And Consumer Openness Measures In Thailand*. New South Wales: The University of New South Wales.
- Wisker, G. (2008). *The Post Graduate Research Handbook: Succeed With Your MA, MPhil, EdD And PhD*. Basingstoke, UK: Palgrave Macmillan.
- Wolf, Patrick, J. & Others. (1998). *Democratic Values In New York City Schools. Report Of The Workshop In Applied Policy Analysis, School Of International And Public Affairs*. Columbia University. Available by request of the lead author.pwolf@uark.edu.
- Wolf, P. J. (2007). *Civics Exam: Schools Of Choice Boost Civic Values. Complete Version Of Study Reported In Education Next* 7: 3. Summer. In: ERIC ED498124.
- Wong, K. F., Low, B. T. & Yongjie, Ren. (2001). A Workflow Model For Chinese Business Process. *International Journal Of Computer Processing Of Oriental Language*. Vol. 14 (3), pg. 233-258.
- Woods, R. B. (2007). *Social Issues In Sport*, pg. 19-25. United States: Human Kinetics.
- Yen-Hsin Chen. (2009). Virtue, Emotion And Moral Education. *Journal Of Moral Education*, 38, pg. 114-116.
- Yildirim, K. & Tay, B. (2009). *Parents' Views Regarding The Values Aimed To Be Taught In Social Studies Lessons*. In: ERIC Document Reproduction Service No. EJ858931.
- Zabidin Hj. Ismail. (1999). *Mokhtar Dahari Wira Bola Sepak Negara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zainuddin Mohamad & Mohd Sofian Omar Fauzee. (2002). *Psikologi Sukan: Penetapan Matlamat Atau „Goal Setting“*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Zainuddin Mohamad & Mohd Sofian Omar Fauzee. (2002). *Psikologi Sukan: Konsep Dalam Latihan Dan Pengajaran Sukan*, hlm. 18-28. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Zainuddin Zakaria & Goh, Ying Soon. (2006). *Memotivasi Pekerja: Mewujudkan Organisasi Yang Bermotivasi Tinggi Dan Berprestasi Tinggi*. Selangor: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.

- Zamri Othman & Mohd Sofian Omar Fauzee. (2001). *Pendekatan Yang Digunakan Dalam Pembentukan Karektor Dan Semangat Kesukanan*. hlm. 1-12. Dalam: Mohd Sofian Omar Fauzee. (2001). *Psikologi Sukan: Aplikasi Teori Dan Praktikal*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Zarina Begam Hj. Abdul Kadir. (2006). *Peranan Dan Pentadbiran Institut Kajian Sejarah Dan Patriotisme Malaysia 1994-2004*. Kuala Lumpur: Fakulti Sastera Dan Sains Sosial, Universiti Malaya.
- Zhang Hongjuan, J. (2007). Mothers And Teachers: Role In Pedagogy Of Caring. *Journal Of Moral Education*, 36 (4), pg. 515-526.
- Zhao, Y. (2010). Preparing Globally Competent Teachers: A New Imperative For Teacher Education. *Journal Of Moral Education*, 61 (5), pg. 422-431.
- Zulhilmi Paidi & Rohani Abdul Ghani. (2003). *Pendidikan Negara Bangsa*. Pahang: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Ziemilska, A. (2005). Effects Of Insentive Gymnastic Training On Growth And Maturation Of Children. *Biology Of Sport*, 2 (4).